

*Sejarah, Bahasa dan
Sastera dalam
Pembinaan
Negara-Bangsa*

Editor

KAMARUZAMAN YUSOF
KARIM HARUN
MUHAMED ANUAR OMAR DIN
ARJUNAN NARAYANAN
MOHD YUSOF HAJI ABDULLAH

Cetakan Pertama 1998

©Hak Cipta Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

Editor Siri

Samsudin A. Rahim

Rekaletak

Safai Sapari

Diterbitkan oleh

Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi Selangor

ISBN 983-9152-56-4

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dekan, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 bangi, Selangor.

Dicetak oleh

Pusat Teknologi Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi Selangor

M

1001075

7 AUG 2001
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Kata Pengantar	v-vi
1. Sejarah Sebagai Medium Sosialisasi Politik RUPAWAN AHMAD ZUBAIDAH HAMZAH	1-17
2. Pengaruh Tun Abdul Razak Dalam Perjalanan Dasar Luar Malaysia: Satu Kajian Terhadap Peranan Aktor Pelaku MOHD SAMSUDIN	19-39
3. Dari Penyata Barnes Ke Akta Pendidikan 1995: Menilai Semula Lakaran Sejarah Perkembangan Dasar Pendidikan Kebangsaan Malaysia OONG HAK CHING	41-53
4. Enakmen Tanah Rezab Melayu Dari Perspektif Sejarah NADZAN HARON	55-65
5. Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Dan Republik Filipina Terhadap Borneo Utara Dan Reaksi British, 1961-1963 NIK ANUAR NIK MAHMUD	67-92
6. Perjanjian Damai Filipina - MNLF: Antara Harapan dan Cabaran WAN RUSIK WAN YUSOFF	93-102
7. Bahasa Melayu: Menghadapi Cabaran Global Dan Teknologi Maklumat FARID M. ONN	103-108
8. Kecapahan Bahasa Melayu Dengan Bahasa Indonesia: Hambatan Dalam Mengantarabangsakannya AJID CHE KOB	109-121

- | | |
|--|----------------|
| <p>9. Sikap Bahasa Terhadap Bahasa Melayu
Di Kalangan Pegawai-Pegawai Kilang:
Satu Kajian Awal
SA'ADIAH MA'ALIP
MASLIDA YUSOF</p> | <p>123-135</p> |
| <p>10. Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Di SRK, SRJK(C)
Dan SRJK(T): Analisis Perbezaan
ZULKIFLEY HAMID
KARIM HARUN
SA'ADIAH MA'ALIP</p> | <p>137-150</p> |
| <p>11. Bahasa Iklan Dan Pengguna
HARISHON RADZI
SAIDATUL NORNIS MAHALI</p> | <p>151-161</p> |
| <p>12. Sumbangan Nahu Sejagat Dalam
Penguasaan Bahasa Kanak-kanak
MOHAMMAD FADZELI JAAFAR
NASRUN ALIAS</p> | <p>163-177</p> |
| <p>13. Unsur-Unsur Insaniah Dalam Sastera
SHAFIE ABU BAKAR</p> | <p>179-207</p> |
| <p>14. Manuskrip Syair Abdul Rahman:
Menyalurkan Sejarah Tempatan
Negeri Johor Ke Dalam Puisi
RAHMAT SARIPAN</p> | <p>209-227</p> |
| <p>15. Semiotik Melayu: Pewujudan, Pemahaman Dan
Pemanfaatannya Dalam Dunia Sastera
SAHLAN MOHD SAMAN</p> | <p>229-236</p> |
| <p>16. Transformasi Sosial, Peranan Pemerintah Dan
Pembentukan Kelas Menengah Di Malaysia
ABDUL RAHMAN EMBONG</p> | <p>237-264</p> |

Kata Pengantar

Artikel yang terhidang dalam buku ini dikumpulkan daripada satu wacana yang telah dilangsungkan dalam seminar "Peranan Ilmu Sains Kamasyarakatan dan Kemanusiaan Dalam Masyarakat Perindustrian" anjuran Fakulti Sains Kamasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Rencana-rencana dalam buku ini menumpukan kepada persoalan peranan disiplin sejarah, bahasa dan sastera dalam membina sebuah negara-bangsa seperti yang diidamkan oleh pemerintah dan warganya. Rupawan dan Zubaidah membicarakan bagaimana disiplin sejarah dapat dijadikan alat politik kebangsaan. Mohd Samsudin menghuraikan secara terperinci watak Tun Abdul Razak dalam menangani dasar luarnya ketika negara berhadapan dengan kegawatan hubungan antarabangsa dengan negara-negara tertentu, yang berjiran dan yang berjauhan, dengan harapan watak ini dapat dicontohi oleh jenerasi kemudian dalam usaha memperkukuhkan kedudukan negara pada pandangan mata dunia. Oong pula memberikan satu lakaran sejarah tentang perkembangan dasar pendidikan kebangsaan yang telah berfungsi sebagai asas kepada sistem pendidikan yang kita warisi sekarang dengan harapan evolusi seperti ini dapat menghasilkan sistem pendidikan yang dapat mengasuh warga muda menjadi individu yang lebih patriotik dan berguna. Nik Anuar dan Wan Rusik, masing-masing membicarakan satu daripada episod sejarah Filipina, menunjukkan kepentingan semangat kebangsaan dan bagaimana isu perkauman dan kelompok dan kedaerahan harus ditangani untuk membuahkkan satu masyarakat yang bersatu padu. Farid dan Ajid menyentuh tentang masalah yang sedang dihadapi oleh Bahasa Melayu, dari segi penggunaan dan keselarasannya, sebagai bahasa yang terpenting di negara ini yang padanya digantungkan harapan untuk mencapai perpaduan dikalangan rakyat yang berbilang kaum. Saadiah, Maslinda, Zulkifley, Karim dan Saidatul juga menumpukan kepada permasalahan Bahasa Melayu dengan premis bahawa sekiranya bahasa ini ingin dijadikan sebagai alat perpaduan dan ketahanan negara, ia mestilah ditanggap dengan sikap yang lebih positif oleh penggunaanya terutama golongan pentadbiran, harus digunakan dengan cara yang betul dihadapan khalayak, dipertingkatkan dalam sistem pendidikan negara, dan diajarkan dengan betul sejak zaman kanak-kanak lagi. Nik Hasan mengakhiri senarai rencana buku ini dengan membicarakan kepentingan warisan budaya, terutamanya tempat bersejarah dan artifek, sebagai tarikan penting untuk menjemput lebih ramai

pelancong datang dalam era perindustrian dan perbandaran ini. Rencana-rencana ini memberi gambaran yang jelas tentang peri pentingnya disiplin kemanusiaan dalam menganalisis permasalahan masyarakat, lebih-lebih lagi dalam peranannya untuk memupuk semangat patriotik, perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia dengan harapan sebuah negara-bangsa yang kuat akan akhirnya ternobat di sini.

Editor

Eropah (European centric) yang masih lagi menjadi perspektif dominan dalam arena pensejarahan negara. Berikutan dengan itu, sejak mencapai kemerdekaan sehingga tahun 1988, silibus sejarah negara telah mengalami pindaan beberapa kali. Pindaan dilakukan untuk membolehkan komponen sejarah masyarakat tempatan diketengahkan ke dalam silibus sejarah negara (Asiah, 1979 dan Khoo Kay Kim, 1992). Di samping itu, pindaan juga dilakukan untuk menyesuaikan silibus sejarah dengan keadaan masyarakat dan keperluan politik negara.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, soal integrasi nasional merupakan satu masalah yang paling kritikal dalam konteks pembangunan bangsa di negara kita. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran sejarah telah diberi tugas penting sebagai "alat pembinaan negara dan bangsa" dan matlamat pendidikan sejarah di sekolah diselaraskan dengan tujuan integrasi tersebut. Bagi pihak kerajaan, pendidikan sejarah adalah salah satu cara bagaimana kesedaran sejarah, sikap toleransi dan kepekaan terhadap masa hadapan negara dapat diwujudkan di kalangan rakyat, terutamanya terhadap generasi muda. (Asiah, 1979 dan Wan Mohd. Zahid, 1992, hal.27). Dalam hal ini Wan Mohd. Zahid menjelaskan:

...Tujuan pendidikan sejarah adalah untuk memupuk semangat setia negara, cintakan tanah air dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah... Melalui pengetahuan sejarah dan penghayatan sejarah tanah air, pelajar akan memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat kekitaan, negara dan masyarakat sebagai satu unit tunggal dalam rangka kesedaran kebangsaan dan memperkukuhkan perasaan cinta kepada tanah air. Pelajar yang mendalami dan menghayati sejarah tanah air diharap dapat mengenali masyarakat dan negara secara lebih dekat. Semangat dan pengalaman ini tidak syak lagi dapat mewujudkan perpaduan, semangat kekitaan dan rasa kepunyaan bersama (1992, hal.22-24)

Pindaan terakhir ke atas silibus sejarah berlaku apabila kerajaan memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. Melalui pindaan tersebut, kerajaan telah memperkukuhkan lagi komponen sejarah Malaysia di peringkat sekolah menengah rendah dan atas, dengan memberikan perhatian yang lebih banyak kepada sejarah sosio-ekonomi negara. Sebelumnya,

sejarah politik mengambil sebahagian besar tempat dalam silibus sejarah. Di samping itu, kerajaan juga telah memperkenalkan semula komponen sejarah dunia bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah atas. Selain dari meminda skop dan tema sejarah yang dimasukkan dalam silibus KBSM itu, perubahan juga turut ditekankan dari segi orientasi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah di kedua-dua peringkat persekolahan tersebut. Dari segi pedagoginya, silibus sejarah KBSM turut memberikan perhatian kepada nilai akademik yang dapat dipindahkan kepada para pelajar melalui mata pelajaran sejarah. Oleh sebab itu, sejak tahun 1988, mata pelajaran sejarah bukan semata-mata diorientasikan kearah pemupukan domain afektif, yang merangkumi aspek pertumbuhan sikap, nilai dan sentimen di kalangan para pelajar, tetapi juga turut memberikan tumpuan kepada pembinaan domain kognitif, yang menekankan kepada pemerolehan kemahiran berfikir dan penguasaan ke atas skil intelektual yang lain. KBSM menjelaskan bahawa matlamat pendidikan sejarah di peringkat sekolah menengah rendah adalah untuk "mewujudkan kesepaduan unsur pengetahuan, peningkatan daya intelek, pemupukan nilai-nilai dan kemahiran belajar" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989). Manakala di peringkat sekolah menengah atas pula KBSM menegaskan tujuan silibus baru mata pelajaran sejarah adalah,

...untuk meningkatkan keupayaan belajar dari segi menguasai pengetahuan, fakta-fakta sejarah, konsep-konsep dan kemahiran asas bagi disiplin sejarah (ibid)

Namun begitu, KBSM menjelaskan lagi bahawa, "nilai-nilai kerohanian dan kewarganegaraan akan terus diberikan penekanan dan diperkukuhkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran sejarah". Jadi, sungguhpun berlaku perubahan dari segi orientasinya, namun KBSM pada dasarnya masih lagi memberikan tumpuan besar kepada mata pelajaran sejarah sebagai landasan pendidikan kewarganegaraan yang penting. Misalnya, tujuan pendidikan sejarah di peringkat sekolah menengah rendah dijuruskan tujuan berikut:

untuk memupuk akhlak dan budi pekerti mulia, semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air, pelajar-pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam kerangka mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal, mewujudkan ingatan bersama

terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan memperkukuhkan perasaan cintakan tanah air (ibid).

Manakala bagi pendidikan diperingkat sekolah menengah atas pula, adalah bertujuan:

untuk memupuk dan memperkukuhkan identiti diri sebagai warga negara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara Malaysia dan sejarah peradaban manusia, para pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia dalam usaha mewujudkan perasaan bangga dan cinta akan tanah air, semangat kekitaan dan perpaduan dan persefahaman antarabangsa (ibid)

Berasaskan matlamat-matlamat yang dijelaskan itu, memperlihatkan bahawa mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah menengah di negara kita turut dijadikan landasan bagi menggerakkan proses sosialisasi politik sebagaimana yang berlaku di kebanyakan negara lain. Bagi mencapai tujuan proses sosialisasi tersebut, berbagai-bagai unsur yang menjadi asas kepada proses tersebut diserapkan ke dalam silibus sejarah di peringkat sekolah menengah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah atas.

SOSIALISASI POLITIK MELALUI SILIBUS MATA PELAJARAN SEJARAH MALAYSIA

Para pelajar di sekolah menengah rendah dan menengah atas diberi pendedahan yang luas kepada perkembangan sejarah negara. Di peringkat sekolah menengah rendah, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga, para pelajar di berikan pendedahan kepada tujuh tema utama. Tema tersebut ialah: (Abd. Rahim Abd Rasyid, 1989).

1. Keagungan Kesultanan Melaka menjadi kebanggaan kita bersama
2. Kerajaan Melayu selepas Melaka
3. Kemakmuran dan kekayaan kita menarik kuasa luar untuk menjajah kita
4. Tindak balas untuk menebus maruah bangsa dan negara
5. Perjuangan rakyat ke arah kemerdekaan tanah air

6. Pembentukan negara Malaysia
7. Pengisian Kemerdekaan

Manakala diperingkat sekolah menengah atas pula, para pelajar diberikan pendedahan kepada tema berikut:

1. Sistem pemerintahan dan pentadbiran kesultanan Melayu
2. Amalan budaya
3. Pertembungan budaya peribumi dengan budaya Barat
4. Perubahan ekonomi
5. Masyarakat majmuk
6. Pembinaan bangsa dan negara
7. Pembangunan dan kemajuan negara untuk kemakmuran bersama

Pada amnya, tema-tema tersebut di atas adalah meliputi skop perbincangan yang sama. Tema satu bermula dengan perbincangan tentang asal usul sistem pemerintahan kesultanan Melayu. Kemunculan Melaka adalah suatu kesinambungan kepada sistem pemerintahan kesultanan Melayu yang telah muncul lebih awal di alam Melayu. Namun begitu, di peringkat sekolah menengah atas, skop huraian tentang tema ini walaupun mencakupi aspek yang sama, tetapi dibuat dengan lebih mendalam. Perbincangan secara mendalam ditumpukan kepada aspek sistem dan struktur masyarakat dan politik Melayu. Manakala di peringkat sekolah menengah rendah, fokusnya lebih kepada pemerian tentang keagungan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam.

Seterusnya, melalui tema dua, para pelajar sekolah menengah rendah di bawa meneliti tentang kejatuhan Melaka dan bagaimana kemudiannya telah muncul negeri-negeri Melayu lain seperti Johor, Kedah, Selangor, Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis dan Terengganu yang mewarisi sistem kesultanan tersebut. Pelajar juga di bawa menjelajahi perkembangan sejarah di Sabah dan Sarawak. Huraian secara umum tentang bentuk pemerintahan, kegiatan ekonomi dan kegiatan sosio-budaya turut diberikan perhatian. Sementara di peringkat sekolah menengah atas pula, fokus perbincangan dalam silibus lebih bersifat sosiologikal tentang corak sosio-budaya masyarakat Melayu yang meliputi aspek-aspek seperti aktiviti ekonomi, sistem nilai masyarakat dan kegiatan masa lapang rakyat jelata. Di samping itu, tumpuan juga diberikan kepada pemerian tentang kehidupan golongan bangsawan dan pembesar yang meliputi tentang kegiatan mereka sebagai pemodal dan pedagang. Selain itu, fokus juga diberikan kepada peranan institusi istana sebagai pusat kegiatan intelektual zaman itu. Sistem protokol dan adat istana Melayu juga diberikan tumpuan dalam tema ini.

Manakala dalam tema tiga pula, para pelajar sekolah menengah rendah diberi pemahaman tentang kedatangan kuasa Barat dan sebab-sebab yang mendorong kuasa itu menjajah negeri-negeri Melayu. Di bawah tema ini skop perbincangan bertumpu kepada proses pertapakan kuasa Barat, penentangan tokoh tempatan terhadap kuasa penjajah dan bagaimana penjajahan menyebabkan berlakunya penguasaan asing ke atas kekayaan hasil bumi negara serta kesannya. Huraian yang lebih terperinci tentang perkara yang sama di kemukakan dalam silibus di peringkat sekolah menengah atas. Dalam tema ketiga, pertembungan budaya peribumi dengan Barat, selain dari kupasan lebih mendalam tentang proses dan sebab berlakunya penjajahan, turut juga dikemukakan dengan mendalam ialah huraian tentang kemerosotan kuasa politik dan ekonomi para pembesar Melayu. Namun fokus utamanya ialah tentang pembentukan sistem pentadbiran kolonial dan hubungannya dengan sistem pemerintahan kesultanan Melayu. Di samping itu, turut juga dibincangkan tentang kebangkitan dan penentangan pembesar Melayu terhadap kuasa kolonial itu.

Manakala dalam tema empat dalam silibus sekolah menengah rendah, tindak balas untuk menebus maruah bangsa dan negara, memberikan tumpuan kepada kemunculan nasionalisme di negara kita dengan memberikan perhatian kepada penubuhan badan atau kesatuan politik dan perjuangan tokoh-tokoh nasionalis negara. Di peringkat sekolah menengah atas, fokus tema empat ialah kepada perubahan ekonomi di negara ini semasa penjajahan. Dalam tema ini, tumpuannya ialah kepada perkembangan ekonomi perdagangan, kemasukan buruh asing, perbandaran, dan keadaan luar bandar. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada dampak perkembangan ekonomi itu keatas masyarakat peribumi.

Tema lima bagi silibus sekolah menengah rendah ialah tentang perjuangan rakyat ke arah kemerdekaan. Bermula dengan perbincangan tentang pendudukan Jepun, penentangan terhadap Malayan Union, kebangkitan Komunis dan perisytiharan darurat. Ini diikuti dengan perbincangan tentang bagaimana wujudnya kerjasama antara kaum dalam menuntut kemerdekaan. Manakala tema lima dalam silibus sekolah menengah atas pula ialah tentang kemunculan masyarakat majmuk. Fokusnya ialah tentang konsep dan faktor kemunculan masyarakat tersebut, di samping memberikan tumpuan kepada isu-isu utama yang menjadi masalah kepada masyarakat berkenaan. Antara isu yang diberi perhatian ialah persoalan tentang pendidikan, bahasa, ekonomi dan kebudayaan.

Pembentukan negara Malaysia menjadi tema keenam silibus di peringkat sekolah menengah rendah. Melalui tema ini, para pelajar

didedahkan kepada proses penubuhan Malaysia dan perkembangan yang berlaku di Sabah, Sarawak dan juga Singapura. Turut diberi perhatian ialah tentang cabaran terhadap penubuhan Malaysia. Manakala silibus di peringkat sekolah menengah atas pula, fokusnya ialah tentang proses pembinaan bangsa dan negara. Dalam tema ini, perbincangan bertumpu kepada huraian konseptual tentang bangsa, negara, perlembagaan dan prinsip keluhuran perlembagaan dan sistem kerajaan demokrasi berparlimen. Disamping itu perbincangan tema ini juga mencakupi tentang proses pilihanraya dan penglibatan rakyat dan parti-parti politik .

Pengisian kemerdekaan menjadi tema terakhir silibus sejarah sekolah menengah rendah. Melalui tema ini para pelajar diberi pendedahan tentang kedaulatan negara dan keperibadian bangsa. Dalam aspek ini skop perbincangannya bertumpu kepada huraian tentang insitutusi Yang Dipertuan Agung, parlimen, lambang-lambang negara, Rukun Negara dan perlembagaan. Di samping itu, turut juga diberikan perhatian ialah tentang sistem pemerintahan dan pentadbiran negara. Di samping itu, dalam tema ini pelajar juga diberikan penjelasan tentang peningkatan perpaduan dan kemakmuran bersama yang dicapai melalui pelaksanaan dasar-dasar ekonomi, kebudayaan dan pendidikan negara. Seterusnya, soal hubungan Malaysia dengan negara luar juga diberikan perhatian dalam tema ini. Manakala dalam silibus sekolah menengah atas pula, hal yang sama juga diberi perhatian. Di bawah tema pembangunan dan kemajuan negara untuk kemakmuran bersama, para pelajar diberikan penjelasan tentang bagaimana kekayaan negara perlu dikongsi bersama. Dasar-dasar ekonomi kerajaan melalui rancangan pembangunan lima tahun dan dasar pembangunan nasional menjadi pemangkin kepada matlamat tersebut. Di samping itu, soal pembangunan bangsa Malaysia juga turut diberikan perhatian. Dalam bahagian ini, para pelajar diberi kefahaman tentang peranan dan matlamat Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam merealisasikan cita-cita pembinaan bangsa Malaysia itu.

Melihat kepada tema dan skop perbincangan yang terkandung dalam kedua-dua silbus tersebut, didapati bahawa banyak sekali aspek sejarah yang mahu diketengahkan kepada para pelajar di kedua-dua peringkat persekolahan itu. Aspek tersebut sebahagian besarnya mencakupi unsur sosio-budaya dan politik yang sangat bernilai kepada proses sosialisasi politik. Aspek sejarah yang dikemukakan melalui tema dan skop perbincangan dalam dua peringkat persekolahan itu menjadi lebih penting lagi apabila ianya difungsionalisasikan oleh guru-guru melalui proses pengajaran dan

pembelajaran di bilik-bilik darjah. Melalui huraian sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan (1989), para guru dianjurkan supaya mengintegrasikan aspek nilai dan iktibar yang perlu diserlahkan kepada para pelajar semasa membincangkan aspek-aspek yang terkandung dalam setiap tema tersebut. Jadi, selain diberikan penjelasan tentang perkembangan sejarah yang berlaku, para pelajar juga diberikan kefahaman tentang kesignifikanan dan erti di sebalik setiap aspek sejarah yang diketengahkan itu.

Melalui tema satu dalam kedua-dua silibus berkenaan, para pelajar bukan sahaja diberikan penjelasan tentang evolusi perkembangan masyarakat dan politik di negara ini, tetapi juga pengertian disebalik perkembangan itu. Di sini, para pelajar diperkenalkan dengan unsur kesinambungan sejarah bangsa Melayu sebagai penduduk peribumi di negara ini. Di samping itu, para pelajar juga diberikan kefahaman bahawa bangsa Melayu juga adalah sebuah bangsa besar pembentuk tamadun yang maju di rantau ini. Kelangsungan hidup mereka itu adalah berasaskan kepada semangat saling bergantung, berharmoni, dan saling bertanggungjawab. Kehidupan sosial yang berlangsung sejak beberapa lama itu memancarkan banyak nilai-nilai murni seperti semangat kolektif, hormat menghormati, tolong-menolong, dan toleransi yang boleh menjadi asas kepada pembinaan sikap dan nilai positif bagi para pelajar. Kupasan tentang evolusi perkembangan tamadun Melayu itu juga adalah sebahagian dari unsur yang dianggap berupaya menerbitkan perasaan bangga di kalangan para pelajar.

Selain itu, perbincangan dalam tema kedua pula, kedua-dua silibus menekankan peri penting sikap berwaspada terhadap kuasa luar. Kekayaan hasil bumi negara kita sentiasa menjadi idaman kuasa-kuasa luar. Lantaran itu, melalui tema ini, para pelajar diingatkan tentang pentingnya semangat patriotisme dan keberanian untuk mempertahankan hak kita dari ancaman luar. Sebagai bangsa yang pernah muncul sebagai kuasa utama politik serantau, menjaga maruah bangsa menjadi satu tugas yang mulia. Oleh itu, para pelajar perlu ada sikap sedia berkorban bagi mempertahankan maruah bangsa. Namun begitu, melalui tema ini juga para pelajar diingatkan bahawa kehidupan kita sentiasa dilanda perubahan. Oleh itu, setiap bentuk perubahan yang mendatangkan kesan baik kepada negara perlu diterima secara terbuka. Di samping itu, mereka juga perlu sentiasa menjadi pelaku yang aktif dalam kegiatan ekonomi negara. Meskipun begitu, berdasarkan pengalaman pembangunan ekonomi di negara ini, mereka diberi ingatan bahawa hasil pembangunan dan kemajuan yang dicapai haruslah dinikmati dan dikongsi bersama.

Melalui tema-tema berikut, aspek nilai dan iktibar yang selari dengan keperluan proses sosialisasi politik ke atas para pelajar

diungkapkan melalui tema lima, enam dan tujuh. Melalui tema-tema tersebut, persoalan nilai budaya dan sikap politik sesuai dengan bentuk masyarakat kita yang pelbagai kaum ini diberikan tempat yang utama. Melalui tema pembentukan masyarakat majmuk, perjuangan rakyat ke arah kemerdekaan, pengisian kemerdekaan, pembinaan bangsa dan negara, pembangunan dan kemajuan negara untuk kemakmuran bersama, hampir sebahagian unsur yang diperlukan untuk mensosialisasikan pelajar dengan budaya politik negara dintegrasikan ke dalam silibus di kedua-dua peringkat persekolahan itu. Dengan mendedahkan para pelajar kepada tema-tema berkenaan, para pelajar dijelaskan bahawa sebagai sebuah negara berbilang kaum, kehidupan mereka haruslah berlandaskan kepada perasaan saling menghormati, toleransi, dan semangat perpaduan. Kepelbagaian cara hidup di kalangan kaum-kaum di negara ini memerlukan kepada pembinaan identiti kebangsaan sebagai asas membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu itu. Melalui perjuangan menuntut kemerdekaan dan kerjasama parti politik berbagai kaum membentuk pemerintahan di negara ini adalah dimungkinkan kerana wujudnya budaya politik yang berasaskan kepada semangat saling mempercayai dan saling menghormati di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Budaya politik tersebut menjadi prasyarat penting kepada penerusan amalan pemerintahan demokrasi berparlimen di negara ini.

Berasaskan tema-tema yang dicakupi silibus sejarah di kedua peringkat sekolah menengah itu, di samping penekanan guru kepada nilai dan iktibar di sebalik tajuk-tajuk perbincangan yang terangkum dalam tema-tema berkenaan, memperlihatkan bahawa melalui mata pelajaran sejarah berlaku penerapan berbagai-bagai unsur nilai dan sikap politik yang selaras bagi melahirkan warganegara yang bersifat nasionalistik dan patriotik serta berbangga terhadap negaranya. Di samping itu, melalui mata pelajaran sejarah juga, berlaku penerapan berbagai unsur nilai untuk membentuk tingkah laku politik yang sesuai dengan sifat dan keadaan masyarakat di negara kita. Ini berlaku melalui proses pembiasaan para pelajar dengan berbagai-bagai simbol dan lambang negara, prinsip pemerintahan demokrasi berparlimen, kedaulatan dan keluhuran perlembagaan, prinsip-prinsip Rukun Negara dan sebagainya. Melalui penghayatan ke atas berbagai-bagai unsur yang diketengahkan melalui silibus sejarah itu, diharapkan para pelajar bukan sahaja memiliki sikap, nilai dan tingkah laku politik sebagai mana yang dikehendaki oleh sistem politik negara, malahan juga menerusi penerapan nilai dan penghayatan pelajar ke atas pengetahuan sejarah yang mereka perolehi itu akan membantu menumbuhkan kesedaran sejarah dan membentuk keperibadian kebangsaan di kalangan mereka.

PENUTUP

Berasaskan kepada huraian yang telah dikemukakan di atas, memperlihatkan bahawa mata pelajaran sejarah merupakan suatu alat atau medium yang sangat berguna bagi menggerakkan proses sosialisasi politik di kalangan generasi muda di sesebuah negara. Di negara kita proses sosialisasi itu berlaku secara mendalam melalui silibus mata pelajaran sejarah yang diikuti oleh para pelajar di peringkat sekolah menengah. Namun begitu, berhubung dengan perkara ini, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, telah timbul pandangan yang agak kritis terhadap kecenderungan pihak berkuasa menggunakan mata pelajaran sejarah sebagai medium pendidikan yang bertujuan memenuhi keperluan kenegaraan semata-mata. Ini menyebabkan unsur akademik dalam mata pelajaran sejarah mengalami kemerosotan. Para guru yang tidak dapat menseimbangkan tuntutan akademik dengan fungsi didaktik yang terdapat dalam silibus sejarah itu boleh mengakibatkan mata pelajaran berkenaan bertukar menjadi alat propaganda dan indoktrinasi. Oleh yang demikian keupayaan guru dalam mewujudkan keseimbangan antara tuntutan akademik dengan keperluan memfungsionalisasikan fungsi didaktik sejarah sebagai medium sosialisasi sangat diperlukan.

RUJUKAN

- Abd. Ghapa Harun, 1991. Sejarah sebagai mata pelajaran Teras dalam KBS. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sehari Sempena Mesyuarat Agung Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak.
- _____. 1996. Kajian Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. Kertas cadangan penyelidikan untuk FSKK, UKM, Bangi.
- Abd. Ghapa Harun dan Rupawan Ahmad, 1989. Sejarah di Universiti: Kearah Pengajian Intergratif. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Jabatan Sejarah, FSKK, UKM.
- Almond, A.G. dan Powell, G.B. 1978. *Comparative Politic*. Boston: Little Brown and Company.
- Abd. Rahim Abd Rashid, 1989. *Strategi Pengajaran Sejarah KBSM*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ball, A.R. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden*. Terj. oleh S.Ahmad et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bilton, T. et. al. 1996. *Introductory Sociology*. London: Macmillan Press LTD.
- Brown Jr. Lee, 1981. *Rules and Conflict: an Introduction to Political Life and its Study*. New Jersey: Prentice Hall.
- Collingwood, R.G. 1961. *The Ideas of History*. London: Oxford University Press.
- Daniel, V.R. 1966. *Studying History: How and Why*. New Jersey: Prentice Hall.
- Davies, Ian. 1995. "Teaching and Learning about the Recent European Past: One Contribution to the Development of European Citizenship," dalam Teaching History.
- Dawson, E.R. et. al. 1977. *Political Socialization*. Canada: Little, Brown and Company, Inc.
- Freedman, E.A dan Freedman, E.P. 1975. *The Psychology of Political Control*. New York: St. Martin's Press.
- Khoo Kay Kim, 1996. Relevansi Pendidikan Sejarah dalam Gelombang Abad. ke 21. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Sejarah Kebangsaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- _____. 1992. Perkembangan dan Pendidikan Sejarah di Malaysia. Dalam *Sejarah dalam Pendidikan*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marger, N.M. 1981. *Elites and Masses: an Introduction to Political Sociology*. New York: D.Van Nostrand Company.
- Merkel, H.P. 1970. *Modern Comparative Politic*. San Francisco: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Rupawan Ahmad, 1990. "Sejarah, Masyarakat dan Pendidikan". *Jebat*. No. 18.
- Sartono Kartodirdjo, 1992. *Pendekatan Ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*, Jakarta: Pt. Gomeidia Pustaka Utama.
- Schwartz, J.A. 1975. *The Schools and Socialization*. New York: Harper and Row Publishers.
- Singh, Jasbir, S. et. al. 1985. *Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah-Sekolah Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

Siti Zuraina Abdul Majid, et.al. 1994. *Teks Sejarah Malaysia Tingkatan Lima*.
Ceras: Dayasitis Sdn. Bhd.
Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan. Kuala Lumpur: Percetakan United
Selangor.

Pengaruh Tun Abdul Razak Dalam Perjalanan Dasar Luar Malaysia: Satu Kajian Terhadap Peranan Aktor Pelaku

Mohd Samsudin
Jabatan Sejarah, UKM

PENGENALAN

Dalam negara yang mengamalkan sistem politik demokrasi, pengundi mempunyai kuasa untuk menukar kerajaan yang tidak disukai. Mengikut teori tradisional demokrasi, sesebuah kerajaan perlu menyusun beberapa dasar yang dianggap terbaik untuk negara (Dahl, 1989). Bagaimanapun dalam beberapa keadaan tertentu, mekanisme pilihanraya menyebabkan kerajaan terpaksa mengadakan dasar luar yang bertentangan dengan kepentingan kebangsaan. Keadaan ini wujud apabila sesuatu dasar yang digubal dengan matlamat memaksimumkan kebajikan negara. Untuk dipilih semula, sesebuah kerajaan demokrasi mungkin akan meletakkan risiko nyawa rakyat melalui pilihan dasar yang dibuat¹ (Alistair Smith, 1996).

Penerangan mengenai sumber dasar luar dan motivasi sikap antarabangsa sesebuah negara secara tradisinya disebut di dalam konsep kepentingan kebangsaan. Analisis oleh kumpulan *realist* seringkali menggunakan kepentingan kebangsaan sebagai konsep pusat/asas bagi mengorganisasi pemikiran mereka terhadap dasar luar. Kumpulan ini juga mengandaikan kepentingan kebangsaan merupakan satu-satunya asas rasional bagi tindakan politik terhadap dasar luar. Justeru itulah, Hans Morgenthau berani mengemukakan pendapatnya bahawa objektif dasar luar harus mengambil kira kepentingan kebangsaan². Kepentingan menurut Morgenthau didefinisikan sebagai kuasa yang membolehkan sesebuah negara mengambil satu keputusan:

*"one guiding star, one standard for thought, one rule for action: the national interest"*³

Walau bagaimanapun, pendapat Morgenthau ini terlalu sempit dan menimbulkan banyak keraguannya. Ini kerana kriteria kuasa yang diberikan adalah luas. Bagi kumpulan analisis, konsep kepentingan kebangsaan adalah terlalu *value-laden* dan mempunyai terlalu banyak konotasi emosional dan sukar diterangkan dalam

bentuk realiti.⁴ Secara lebih tepat, kepentingan kebangsaan dipengaruhi oleh nilai-nilai subjektif, orientasi ideologi dan cita-cita pembuat keputusan (dasar) yang bertanggungjawab terhadap dasar luar negara.⁵

Oleh itu, lebih tepat lagi, dasar luar dibentuk oleh tokoh khusus yang mengambil pendekatan pembuat keputusan terhadap dasar luar. Pendekatan ini telah diasaskan oleh beberapa tokoh seperti Snyder, Bruck dan Sapin yang memulakan premis iaitu:

*"state nation is the action taken by those acting in the name of state. Hence the state is the decision-makers."*⁶

Menerusi pendekatan pembuat keputusan, kumpulan ini menyatakan bahawa pembuat keputusan di dalam dasar luar pada kebiasaannya adalah merupakan seorang pemimpin kerajaan iaitu sama ada seorang Presiden, Perdana Menteri atau Menteri Luar. Mereka akan dibantu oleh sekumpulan pegawai yang merupakan ahli-ahli kabinet dan pegawai-pegawai kerajaan. Pembentukan sesebuah dasar luar perlu mengambil kira beberapa elemen penting yang berlaku dalam negeri dan juga yang berkembang di sekitar dunia. Oleh itu, pembentukan dasar luar bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh faktor kepentingan kebangsaan tetapi ada kalanya ia dipengaruhi oleh persekitaran politik antarabangsa.

Dalam satu model yang diberikan, dinyatakan para pengundi mengambil berat terhadap hasil ekonomi dan dasar luar negara. Manakala kerajaan pula mengambil berat terhadap dasar luar dan juga peluang mengekalkan kerajaan.⁷ Keupayaan kerajaan menguruskan soal ekonomi didefinisikan sebagai "economic competence". Bagaimanapun keadaan ini ada kebenarannya di negara-negara maju manakala di Malaysia, pada peringkat awal kemerdekaannya penduduk dan kerajaan lebih banyak menumpukan perhatian terhadap soal-soal keselamatan. Pemimpin kerajaan lebih banyak menumpukan usaha ke arah menghapuskan ancaman komunis dan juga membangunkan ekonomi negara. Tumpuan utama dilakukan dalam bidang menyediakan kemudahan infrastruktur dalam negara. Pemimpin-pemimpin Malaysia mempunyai matlamat jangka panjang ke arah mencapai "economic competence".

Para pengundi juga mengambil berat terhadap isu-isu dasar luar. Oleh itu, sesebuah kerajaan seringkali perlu menunjukkan keupayaan yang tinggi untuk terlibat di dalam arena politik antarabangsa. Kadangkala sukar hendak dipastikan sesuatu dasar luar yang dibuat itu sama ada kerana memenuhi pengundi atau ianya sebagai tanggungjawab antarabangsa. Jelasnya, sesebuah kerajaan perlu

mempastikan bahawa sesuatu dasar luar yang dibentuk dapat memenuhi dua matlamat asal, iaitu kepentingan pengundi dan tanggungjawab antarabangsa.

Seseorang pemimpin yang mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan dasar luar negara seringkali merupakan ketua kerajaan yang mempunyai kuasa *authority* yang cukup kuat. Bagaimanapun, Herman pernah menyatakan bahawa pemimpin sebegini cenderung:

*"... policy depends upon individual characteristics such as operational codes, personality traits, or modes of conducting interpersonal relationships."*⁸

Satu persoalan utama ialah setakat manakah ciri-ciri birokrasi mempengaruhi proses membuat dasar luar? Soal ini berbeza-beza dari sebuah negara, dan berbeza juga menurut keadaan. Dasar luar yang dibentuk dalam satu-satu tempoh dalam konteks birokrasi kerajaan Malaysia berbeza daripada keputusan yang dibuat oleh beberapa orang pemimpin dalam sesebuah negara kecil yang lain. Henry Kissinger berpendapat bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga gaya yang penting di dalam proses membuat keputusan dasar luar iaitu:

1. Gaya karismatik-revolusioner
2. Gaya ideologi
3. Gaya birokratik-pragmatik⁹

Tun Abdul Razak dalam membuat dasar luar Malaysia lebih cenderung kepada gaya pertama. Ini kerana gaya ini, matlamat yang diutamakan ialah matlamat jangka panjang yang menitikberatkan pemulihan sistem antarabangsa atau sub-sistem peringkat kawasan. Tujuannya membina masa depan yang baru, tidak hanya untuk menguasai persekitaran luar. Pada peringkat awal pertumbuhan negara, matlamat ini dapat dilihat sebagai percubaan untuk melaksanakan impian dan cita-cita pemimpin revolusioner, dengan dokongan kuat pergerakan kebangsaan. Birokrasi dalam negara seperti ini agak lemah, tidak berbagai-bagai banyaknya serta tidak mempunyai tradisi yang kuat. Oleh itu, matlamat, keputusan dan tindakan Tun Abdul Razak sebahagian besarnya menggambarkan idea dan kehendak hati beliau berasaskan kepentingan negara dan matlamat jangka panjang.

PERKEMBANGAN AWAL DASAR LUAR MALAYSIA

Sebelum merdeka penduduk di Malaysia langsung tidak berpeluang mengambil bahagian menjalankan urusan mengenai dasar luar negara kerana segalanya dijalankan oleh pihak British. Ianya membawa kepada bentuk hubungan luar yang disenangi oleh pihak British. Pendirian ini masih kekal di peringkat awal kemerdekaan Tanah Melayu. Lebih banyak hubungan luar ditumpukan oleh Malaysia (ketika itu Tanah Melayu) dengan beberapa negara Komanwel, negara-negara jiran dan negara-negara yang memang telah sedia ada mempunyai hubungan perdagangan tradisional.¹⁰

Penglibatan Malaysia di dalam Komanwel dipengaruhi oleh perhubungan yang rapat dengan sebilangan besar negara-negara Komanwel. Negara-negara Komanwel memberikan kerjasama dalam banyak hal dan keadaan ini telah mempengaruhi Malaysia untuk bergiat aktif di dalamnya. Malah sebahagian besar pengaruh dan kegiatan politik semenjak mula merdeka telah banyak dipelajari daripada beberapa buah negara Komanwel terutamanya Britain, Australia, New Zealand dan India. Britain dan Australia merupakan dua buah negara yang telah memainkan peranan penting mengusahakan kemasukan Malaysia menjadi ahli PBB. Antara penglibatan utama Malaysia di peringkat antarabangsa ialah perjuangan menentang dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan, penentangan terhadap kerajaan tidak sah rejim Ian Smith di Rhodesia Selatan, soal keamanan negara-negara Komanwel di Afrika serta perjuangan mendapatkan kemerdekaan oleh negara-negara yang masih dijajah oleh kuasa barat.

Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama telah banyak merintis jalan bagi pengasasan dasar luar negara yang bebas serta berani berhadapan dengan kuasa besar dunia. Walaupun menyedari negara masih memerlukan sokongan kuat Britain dan negara-negara demokrasi barat, namun Tunku berani menyuarakan pandangan Malaysia terhadap soal-soal yang berkaitan dengan keamanan sejagat serta hak asasi manusia. Dalam usia 3 tahun merdeka, negara ini telah terlibat secara langsung melahirkan usul di perhimpunan agung PBB pada tahun 1960 mengisytiharkan "penjajahan" adalah bertentangan dengan piagam PBB serta menyeru semua negara yang masih menjajah supaya mengembalikan hak dan kuasa mereka kepada rakyat peribumi.¹¹ Perjuangan Malaysia menentang penjajahan adalah satu usaha yang amat berhasil dan dilihat oleh negara-negara dunia ketiga sebagai usaha yang bermaruah tinggi.

Keupayaan Malaysia menjalankan dasar yang berani serta dilihat bebas daripada sebarang pengaruh kuasa besar dunia banyak dipengaruhi oleh sikap Tunku terhadap pandangan beliau di dalam dasar luar negara. Dasar luar negara juga dianggap penting bagi Tunku apabila beliau sendiri memegang jawatan menteri luar Malaysia sehinggalah beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Keputusan Tunku ini adalah dipengaruhi oleh faktor Tanah Melayu masih belum mempunyai pengalaman yang luas serta masih belum mempunyai asas dasar luar yang cukup kuat. Oleh itu Tunku berperanan penting dalam mencorakkan dasar luar Malaysia sewaktu beliau memegang jawatan kerajaan. Tun Abdul Razak juga memainkan peranan yang hampir sama apabila beliau memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia menggantikan Tunku Abdul Rahman. Dari segi sejarah didapati bahawa Perdana Menteri Malaysia merupakan tokoh penting dalam mencorakkan dasar luar Malaysia. Ini kerana setiap Perdana Menteri Malaysia mencorakkan sesuatu keputusan dalam perjalanan dasar luar negara. Perkara ini seringkali dipengaruhi oleh matlamat yang ingin dibawa oleh seseorang Perdana Menteri terhadap peranan yang boleh dimainkan oleh negara. Oleh itu didapati di dalam setiap zaman pentadbiran dari Tunku Abdul Rahman hinggalah Dr. Mahathir Mohamed keutamaan dasar luar negara mempunyai kepentingan (priority) yang agak berbeza.

LATARBELAKANG TUN ABDUL RAZAK

Tun Abdul Razak merupakan anak seorang aristokrat kerana ayahnya Dato' Hussein bin Muhamad Taib adalah kenamaan Pahang bergelar Orang Kaya Indera Syahbandar. Tun Razak mempunyai latarbelakang yang kuat dengan sistem pendidikan Inggeris. Beliau telah dihantar bersekolah di Maktab Melayu Kuala Kangsar (1933-36) serta memperolehi banyak kejayaan akademik dan persatuan. Sewaktu di Maktab Melayu, Tun Razak telah dididik dengan sistem pendidikan dan pemikiran barat. Sebelum menamatkan persekolahan di Maktab Melayu, beliau seperti mana penuntut-penuntut yang lain telah dilatih sebagai pegawai pelatih Malayan Administrative Service (MAS), iaitu satu langkah persediaan untuk dilatih sebagai seorang pentadbir di Tanah Melayu.

Tun Razak juga dilatih dalam bidang undang-undang dan berkelulusan dari Lincoln's Inn. Berbeza daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Razak mempunyai pendidikan tinggi dalam usia yang muda. Sebelum terlibat sepenuh masa dalam bidang politik, Tun Razak memegang beberapa jawatan pentadbiran negeri Pahang

antaranya Pegawai Daerah Lipis dan kemudiannya Setiausaha Kerajaan Negeri. Oleh itu, sebelum dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau mempunyai pengalaman yang cukup luas di dalam bidang pentadbiran. Beliau juga merupakan antara pegawai Melayu yang terlibat bersama-sama kerajaan British menyusun strategi dan dasar-dasar membendung ancaman komunis terutama melalui perintah darurat. Beliau juga merupakan tokoh yang paling penting yang mewarnai sejarah negara semenjak kemerdekaan 1957.

Sifat dan perwatakan Tun Razak bercirikan nasionalis terutama melalui pemikiran dan dasar-dasar yang dirancangnya. Beliau terlibat bersama-sama Tunku Abdul Rahman di dalam penyatuan politik tanahair melalui penubuhan Perikatan. Sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri pada 1970, beliau bertanggungjawab melahirkan Barisan Nasional yang merupakan sebuah gabungan parti-parti politik tempatan yang mantap mengandungi UMNO, MCA, MIC, SUPP, Gerakan Rakyat, PAS¹² menggantikan Perikatan. Barisan Nasional berjaya mengukuhkan kedudukan politik UMNO dan berjaya menguasai kerusi pilihanraya yang dipertandingkan semenjak ia ditubuhkan. Di samping itu, Tun Razak lebih dikenali sebagai *pragmatic idealist* dan pemikiran ekonominya berasaskan kepada *economic nationalism*.

PENGLIBATAN TUN RAZAK DI DALAM DASAR-DASAR NEGARA

Tun Razak menyumbang peranan yang cukup besar di dalam pembentukan pelbagai dasar negara semenjak merdeka. Peringkat terawal ialah pada tahun 1955, sewaktu dilantik sebagai Menteri Pelajaran beliau telah menggubal dasar pelajaran Tanah Melayu berasaskan daripada Laporan Razak. Laporan ini menjadi asas kepada dasar pelajaran Tanah Melayu sebagai persediaan ke arah pentadbiran sendiri. Melalui dasar ini ditekankan kepentingan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan membentuk ke arah penyatuan pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Menjelang merdeka, Tun Razak dilantik oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan. Tun Razak telah memainkan peranan besar di dalam pembentukan Perjanjian Pertahanan British-Tanah Melayu (AMDA) yang merupakan satu dasar yang membolehkan pihak British meneruskan tanggungjawab pertahanan sebaik sahaja Tanah Melayu merdeka. Pembentukan AMDA dilihat sebagai satu kejayaan Tanah Melayu yang meletakkan tanggungjawab penuh kerajaan British membantu negara ini daripada ancaman komunis dan pihak luar. Walau

bagaimanapun, Tanah Melayu mempunyai kuasa penuh terhadap penentuan penggunaan keluar-masuk pasukan tentera British di Tanah Melayu.

Melalui AMDA juga, kerajaan British telah membantu pertahanan dan keselamatan dari ancaman kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu untuk tempoh selama 13 tahun sehingga perjanjian ini digantikan dengan Perjanjian Pertahanan Lima Kuasa (FPDA). Tanggungjawab pasukan tentera British telah dibuktikan dengan usaha menghapuskan ancaman komunis dan juga terlibat sepenuhnya di dalam Konfrantasi Malaysia-Indonesia (1963-66). Jelas di sini, usaha yang dilakukan oleh Tun Razak adalah merupakan langkah "pembayaran balik" terhadap penjajahan British di Tanah Melayu sebelum ini. Penglibatan penuh pasukan tentera British melalui AMDA bukanlah perkara yang mudah. Di samping terpaksa memperuntukkan kewangan yang besar bagi menanggung kos operasi pasukan tenteranya, kerajaan British terpaksa berhadapan dengan tentangan dalam negeri yang dilakukan oleh parti-parti politik tempatan dan juga rakyat di Britain.

Tun Abdul Razak berperanan penting membendung persepsi negara-negara luar agar kehadiran pasukan tentera British di Tanah Melayu tidak disalahgunakan serta tidak membimbangkan negara-negara jiran. Langkah ini perlu dalam keadaan pada masa itu, kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara sedang dalam semangat kebangsaan yang kuat menentang pengaruh negara-negara barat bekas kuasa penjajah. Bagi membuktikan langkah ini, Tun Razak mengambil perhatian terhadap usaha menjadikan Tanah Melayu bebas daripada senjata nuklear pasukan tentera British. Pihak British pernah merancang untuk membawa masuk senjata nuklear ke Tanah Melayu. Bagaimanapun Tun Abdul Razak telah mengkritik langkah kerajaan British. Tindakan yang paling bijak yang telah dilakukan oleh beliau ialah mengeluarkan amaran awal menentang rancangan kerajaan British menempatkan senjata nuklear di Tanah Melayu. Tun Abdul Razak telah menjelaskan bahawa di bawah AMDA, tiada syarat-syarat bagi menjadikan Malaysia sebagai pengkalan senjata nuklear pasukan tentera British.¹³ Ketegasan ini menyebabkan kerajaan British terpaksa akur dengan keputusan kerajaan Malaysia serta berjaya mengelakkan penempatan sebarang bentuk senjata nuklear pasukan tentera British.

Konfrantasi Malaysia-Indonesia yang berlaku timbul akibat tindakan Soekarno yang menentang cadangan pembentukan Malaysia yang diusahakan oleh Tunku Abdul Rahman. Tentangan Indonesia sampai kemuncaknya apabila ia melibatkan pencerobohan pasukan tentera Indonesia ke wilayah-wilayah Malaysia. Usaha untuk menamatkan perbalahan ini melalui perundingan Tunku Abdul

Rahman dan Presiden Soekarno di Bangkok dan Tokyo mengalami jalan buntu. Bagaimanapun Tun Abdul Razak telah menjalankan usaha yang lebih berkesan menamatkan kofrantasi, dan akhirnya telah membawa perjanjian damai serta perhubungan yang lebih rapat kemudiannya.

Isu penamatan konfrantasi menunjukkan sikap dan tindakan yang lebih berkesan Tun Abdul Razak. Penamatan isu ini merupakan kejayaan peribadi Tun Abdul Razak serta meletakkan beliau dalam keadaan amat berpengaruh dalam politik negara setelah mendapat sokongan penuh penduduk Melayu. Ianya juga telah membuka pengalaman luas Tun Abdul Razak dalam arena politik dan konflik antarabangsa. Ini kerana selepas konfrantasi, dasar luar Malaysia telah disusun semula dengan matlamat menjadikan negara ini lebih berdikari serta membuka hubungan dengan negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tanpa mengira ideologi politik yang diamalkan oleh sesebuah negara itu.

Salah satu tugas utama Tun Abdul Razak sebelum menjawat jawatan Perdana Menteri ialah menyelesaikan isu konfrantasi yang berlaku semenjak 1963. Isu ini telah menyebabkan perhubungan kedua-dua negara menjadi tegang dan mendedahkan perluasan pengaruh komunis di rantau Asia Tenggara. Ini disebabkan oleh gerakan menentang Malaysia di Indonesia didominasi oleh kumpulan komunis di sana. Pada Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr. Subandrio, telah mengumumkan Malaysia adalah satu skim "neo-kolonialis" dan "neo-imperialis". Slogan ini dijangkakan oleh pemimpin Indonesia dapat menarik perhatian rakyatnya untuk menyokong rancangan menentang Malaysia kerana ketika ini semangat kebangsaan rakyat Indonesia begitu tinggi terutama kejayaan mereka merdeka dengan menyingkirkan penjajahan Belanda. Penentangan Soekarno pula timbul akibat rasa tidak puas hati beliau yang menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu lagi rancangan Britain untuk memperluaskan pengaruhnya di rantau ini. Rasa kurang senang juga timbul akibat daripada keputusan kerajaan British dan Malaysia memperluas dan menerima pakai AMDA.

Secara kritisnya pencerobohan pasukan tentera Indonesia ke wilayah-wilayah Malaysia dapat dilihat sebagai "ujian" terhadap kekuatan AMDA. Ini kerana Soekarno mempunyai pengaruh untuk menghantar lebih ramai pasukan tenteranya ataupun mengisytiharkan perang dengan Malaysia. Namun ini tidak dilakukan di samping beberapa faktor tindakan Indonesia antaranya kedudukan anggota tenteranya yang jauh lebih besar dengan jumlah 300,000 orang disamping dilengkapi dengan senjata-senjata di laut dan udara yang diperolehi dari Soviet Union.¹⁴

Sewaktu berlakunya konfrantasi, Tun Abdul Razak telah berusaha mendapatkan sokongan daripada negara-negara Afro-Asia yang kebanyakannya baru merdeka. Usaha ini bagi membolehkan membendung propaganda pihak Indonesia yang menyatakan penubuhan Malaysia sebagai rancangan negara-negara barat. Di antara tahun 1964-65, Tun Abdul Razak telah mengadakan lawatan ke Algeria, Morocco, Nigeria, Ethiopia, Tanzania, Kenya dan Zambia.¹⁵ Usaha Tun Abdul Razak dianggap sebagai permulaan dasar perluasan perhubungan dengan negara-negara luar terutamanya negara-negara di Afrika. Usaha Tun Razak telah mendapat reaksi positif daripada negara-negara tersebut dan ia telah diperluaskan sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Bermula dengan usaha tersebut, Tun Abdul Razak mula menjalankan pendekatan baru dalam dasar luar Malaysia dengan berusaha memperluaskan hubungan dengan negara-negara luar terutamanya dengan negara-negara baru merdeka. Ini dilakukan atas kesedaran Malaysia perlu mempunyai sokongan dari ahli-ahli terhadap sebarang isu di PBB. Dari segi jangka panjang, dasar ini juga menguntungkan Malaysia kerana dengan adanya perhubungan dengan lebih banyak negara maka peluang memperluaskan hubungan ekonomi dan perdagangan juga semakin luas.

Konfrantasi telah membawa perubahan kepada dasar luar Malaysia. Di bawah pentadbiran Tun Abdul Razak, Malaysia mula menyusun strategi mengadakan hubungan dengan negara-negara luar dan tidak lagi hanya tertumpu kepada rakan tradisionalnya sahaja. Negara-negara di Asia dan Afrika dijadikan matlamat bagi membina hubungan diplomatik. Jelasnya, sudah ada pertimbangan untuk tidak hanya bergantung kepada Britain dan Komanwel sematamata. Ini jelas sepertimana yang dinyatakan:

*"However 'confrontation' by a big neighbour in 1963 provided a stimulus to foreign policy. For example, several new diplomatic missions in Africa and Asia have been established and foreign service recruitment accelerated"*¹⁶

Tun Abdul Razak memberikan penumpuan besar terhadap dasar luar negara. Ini mempengaruhi beliau untuk memegang jawatan Menteri Luar dari awal menjadi Perdana Menteri hinggalah pada tahun 1975. Bagi beliau, dasar luar yang penting bagi negara ialah mengadakan hubungan dengan lebih banyak negara serta mengadakan hubungan yang lebih bermakna dengan semua negara. Di samping itu, Tun Abdul Razak juga memberi keutamaan kepada hubungan dengan negara-negara Asia Tenggara dengan tujuan

menguatkan kerjasama serantau dan menggalakkan hubungan serantau dengan tujuan meningkatkan kerjasama ke arah mewujudkan rancangan berkecuali bagi kepentingan masa depan rantau ini. Ia sesuai sepertimana yang dinyatakan oleh Tun Abdul Razak sendiri:

*"On the international plan, Malaysia has spread out its wings and developed more meaningful contacts and communications with many friendly countries. While maintaining and strengthening ties already established, our diplomatic network now embraces the whole of Southeast Asia and almost all the socialist countries in the world. In Southeast Asia, our basic foreign policy priorities are to stress and to strengthen regional co-operation and promote a greater degree of cohesion resilience and self-reliance as the concomitants of a neutralised of Southeast Asia of the future."*¹⁷

PEMBENTUKAN ZONE OF PEACE, FREEDOM AND NEUTRALITY (ZOPFAN)

Pembentukan sesuatu dasar luar secara umumnya mempunyai matlamat jangka panjang dan jangka pendek. Bagi negara-negara yang baru merdeka, yang baru dalam arena politik antarabangsa, kewibawaannya agak terhad serta tidak mampu mempengaruhi perjalanan dasar-dasar atau keputusan antarabangsa. Justeru, langkah untuk menjalankan sesuatu dasar luar berasaskan matlamat jangka pendek seringkali menghadapi masalah untuk dilaksanakan. Berbeza keadaannya dengan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat dan Britain, matlamat jangka pendek agak mudah dilaksanakan.

Oleh itu, pilihan yang ada bagi sesebuah negara kecil ialah merangka pembentukan dasar luar yang bermatlamat jangka panjang. Sesuatu dasar yang dirancang lebih mudah dipersetujui oleh kuasa-kuasa besar dan diterima pakai sebagai persefahaman antarabangsa. Dalam hal ini, Tun Razak cenderung menjalankan dasar luar jangka panjang. Pembentukan ZOPFAN adalah merupakan contoh terbaik yang dilakukan oleh Malaysia.

Bagi Tun Abdul Razak, matlamat mengadakan ZOPFAN adalah untuk mempertahankan kepentingan serantau dan negara. Dengan ini matlamat jangka panjang ialah menjadikan negara-negara di Asia Tenggara berdikari di samping sama-sama bekerjasama mewujudkan keamanan di rantau ini. Apa yang jelas, hasrat Tun Abdul Razak ialah membangunkan semangat kebangsaan penduduk di Asia

Tenggara sendiri agar dapat berusaha mengekalkan kedaulatan tanpa terlalu bergantung kepada kuasa asing di samping berpegang kepada prinsip berkecuali. Bagi Tun Abdul Razak soal keselamatan dan kestabilan rantau ini perlu dilakukan sendiri oleh penduduk rantau ini.¹⁸

Di dalam merangka ZOPFAN, Tun Razak cenderung untuk menjalankan usaha pengiktirafan dunia secara berhati-hati dan berperingkat-peringkat. Tahap pertama ialah mengharapkan negara-negara di Asia Tenggara bersatu padu dan memberikan sokongan bagi merealisasikan konsep ZOPFAN.¹⁹ Usaha ini bukanlah mudah memandangkan keadaan negara-negara di Asia Tenggara pada masa itu terdiri daripada pelbagai fahaman politik serta mempunyai masalah dalam negeri. Tun Razak telah berusaha bagi mendapatkan persetujuan negara-negara Asia Tenggara mengenai 6 perkara asas kepada pembentukan ZOPFAN iaitu;

1. Negara-negara di rantau Asia Tenggara harus menghormati kedaulatan di antara satu sama lain. Mana-mana negara tidak boleh menyertai aktiviti-aktiviti yang mengancam keselamatan negara-negara jiran baik secara langsung atau tidak langsung. Ianya merupakan keperluan kepada dasar tidak campurtangan dan tidak mencerooboh negara jiran.
2. Semua kuasa luar perlulah dikeluarkan dari rantau ini.
3. Kawasan serantau dilarang daripada dijadikan sebagai gelanggang pertempuran di dalam perebutan kuasa antarabangsa.
4. Negara-negara Asia Tenggara hendaklah mencari jalan dan langkah-langkah serta bertanggungjawab bagi memastikan perdamaian dan keamanan dapat diwujudkan di rantau ini.
5. Negara-negara di rantau ini perlu mengemukakan satu pandangan secara berkumpulan kepada kuasa-kuasa besar mengenai perkara yang berkaitan dengan keselamatan.
6. Negara-negara Asia Tenggara perlu meningkatkan kerjasama serantau.²⁰

Usaha Tun Razak pada peringkat kedua adalah mendapatkan persetujuan konsep ZOPFAN daripada kuasa-kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan China. Perkiraan Tun Razak ialah sebelum ZOPFAN dibawa kepada negara-negara besar, negara-

negara Asia Tenggara perlu menunjukkan persetujuan bersama bagi pembentukan konsep ini. Ini akan dapat meyakinkan kuasa-kuasa besar untuk menerima konsep ini. Usaha-usaha telah dilakukan bagi membolehkan ketiga-tiga kuasa tersebut menerima 3 asas utama iaitu:

1. Asia Tenggara perlu dianggap sebagai sebuah kawasan serantau yang berkecuali.
2. Kuasa-kuasa besar hendaklah mengecualikan negara-negara di kawasan ini di dalam perebutan dan pertikaian kuasa di kalangan mereka.
3. Kuasa-kuasa besar tersebut perlulah mencari jalan penyelesaian terhadap konflik yang berlaku di rantau ini.²¹

Oleh itu, usaha mewujudkan ZOPFAN telah dilakukan melalui beberapa perbincangan antarabangsa serta dengan negara-negara lain. Bagaimanapun, Tun Abdul Razak telah menjalankan usaha secara berperingkat-peringkat dan mahukan rancangan ini dipersetujui lebih awal oleh negara-negara ASEAN. Justeru, konsep ZOPFAN telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peringkat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN untuk dibincangkan. Tun Abdul Razak berasa penuh yakin bahawa di peringkat ini beliau tidak menghadapi banyak masalah. Keinginan Tun Abdul Razak ialah mahukan konsep ini diterima oleh negara-negara Asia Tenggara yang masih belum menjadi anggota ASEAN tanpa mengira sebarang ideologi politik.²² Ia merupakan satu cita-cita jangka panjang Tun Abdul Razak yang mahukan semua negara-negara di Asia Tenggara dapat mencapai satu persefahaman mengenai soal masa depan dan keselamatan rantau ini.

ZOPFAN dirancang untuk menjadikan rantau Asia Tenggara bebas daripada pengkalan tentera asing. Oleh itu, bagi meyakini negara-negara yang terlibat, Tun Abdul Razak berusaha mendapatkan persetujuan, iaitu apabila kawasan perkecualian ditubuhkan tiada lagi sebarang pengkalan tentera asing di kawasan ini. Pada masa yang sama, Malaysia juga sudah menjalankan dasar ini apabila perjanjian AMDA diubah kepada FPDA. Di dalam perbahasan Dewan Parlimen, Tun Abdul Razak telah disoal mengenai konsep FPDA kerana ahli-ahli politik tempatan bimbang FPDA bertentangan dengan dasar berkecuali.²³

Bagaimanapun, Tun Abdul Razak mempertahankan keputusan kerajaan dengan alasan FPDA tidak diwujudkan dalam konteks

persaingan kuasa-kuasa besar dan tidak bertentangan dengan dasar berkecuali Malaysia. Perkara ini bagi Tun Abdul Razak diterima oleh negara-negara lain kerana keahlian Malaysia diterima di dalam Persidangan Negara-negara Berkecuali termasuk keahlian di dalam Jawatankuasa Persiapan Persidangan Kemuncak pada 1970 dan 1973.²⁴ Tun Abdul Razak telah diberi peluang membentangkan konsep ZOPFAN sewaktu persidangan negara-negara berkecuali yang diadakan di Algeria pada September 1973 yang telah mendapat sokongan penuh negara-negara ahli serta dimuatkan di dalam Perisytiharan Politik Algeria. Perisytiharan ini telah membuktikan sokongan negara-negara ahli kepada Malaysia yang dianggap sumbangan positif negara terhadap usaha menegakkan keamanan dan keselamatan antarabangsa serta merayu kepada semua negara untuk menghormati akan prinsip-prinsip dan objektifnya.

Disamping itu, konsep ZOPFAN juga telah diterima di dalam Persidangan Komanwel di Ottawa, Kanada pada Ogos 1973, setelah usul yang sama dibentangkan oleh Tun Abdul Razak. Sokongan dua buah persidangan besar dunia ini menandakan kejayaan Tun Razak di dalam usaha mewujudkan konsep ZOPFAN. Malahan ia juga menunjukkan sokongan yang diberikan oleh sebilangan besar negara-negar di dunia serta menandakan usaha Malaysia melahirkan konsep ini adalah sealiran dengan perkembangan politik antarabangsa. Bagaimanapun, dua buah kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union yang amat diharapkan, tidak memberikan sokongan secara rasmi terhadap rancangan ini. Sebaliknya hanya China sahaja telah memberikan sokongan secara lisan terhadap konsep ini. Kelembapan sokongan kuasa-kuasa besar menyebabkan istilah berkecuali (*neutralisation*) digugurkan dari rancangan asal dan digantikan dengan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali atau lebih dikenali sebagai ZOPFAN.²⁵ Walaubagaimanapun, konsep ZOPFAN telah diterima oleh ASEAN melalui Deklarasi Kuala Lumpur 1971. Menjelang 1975, *blueprint* ZOPFAN telah dikeluarkan melalui mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur.

Tun Abdul Razak tidak memansuhkan FPDA walaupun beliau pernah menyatakan kesediaannya untuk menamatkan FPDA sebaik sahaja ZOPFAN dipersetujui oleh semua pihak. Persoalan ini pernah dibangkitkan oleh Dr. Tan Chee Koon di dalam persidangan Parlimen dalam bulan April 1973 ekoran daripada kenyataan yang telah dibuat oleh Tun Adam Malik di Jakarta dalam bulan November 1972. Tun Adam Malik yang ketika itu Menteri Luar Indonesia menyatakan FPDA adalah berbentuk sementara dan sebaik sahaja tamat perang Vietnam maka pengkalan tentera asing yang ada tidak lagi diperlukan.²⁶

Tun Abdul Razak tidak menyangkal kenyataan Tun Adam Malik malahan memberikan komen bahawa ia selaras dengan dasar kerajaan Malaysia. Bagaimanapun tidak ada keputusan diambil untuk menamatkan FPDA kerana ZOPFAN sebenarnya tidak mendapat jaminan rasmi daripada negara-negara besar kecuali hanya dari China. Walaubagaimanapun, konsep berkecuali Asia Tenggara yang dianjurkan oleh Tun Abdul Razak telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara asing. Tun Abdul Razak mengambil daya usaha dalam bidang kerjasama serantau melalui ASEAN. Ianya kerana ASEAN dianggap oleh Malaysia sebagai satu persatuan yang sangat berguna bagi kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan di negara-negara rantau ini serta menjadi forum penyelesaian masalah bersama. ASEAN juga sealiran dengan cita-cita Tun Abdul Razak apabila menyertai dalam rancangan membantu usaha pembangunan di Vietnam.

Tun Abdul Razak berpuashati dengan pencapaian usaha menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai rantau yang boleh diwujudkan keamanan. Malahan agenda penting bagi Tun Abdul Razak ialah menjadikan rantau ini bebas daripada ancaman atau dominasi kuasa asing. Sewaktu merasmikan mesyuarat peringkat menteri ASEAN di Kuala Lumpur dalam bulan Mei 1975, Tun seolah-olah Abdul Razak olah memberi amanat penting:

*"Never before in the history of this Region have we the opportunity to create and establish for ourselves a new world of South Southeast Asia- a world at peace and free from foreign domination and influence- a world in which the countries of the region can co-operate with one another for the common good."*²⁷

Tun Abdul Razak merasakan semua penduduk di rantau Asia Tenggara perlu memikirkan serta mengambil daya usaha tinggi ke arah mewujudkan kestabilan dan keamanan. Menjelang tahun 1975, Tun Abdul Razak memberikan amanat dan pandangan yang cukup bermakna kepada pemimpin-pemimpin di rantau ini. Antara lain beliau berkata:

*"I firmly believe that it is a realistic response to the challenge of our times in Southeast Asia. The key to our future security and stability lies not in outdated and irrelevant attitudes of the cold war but in imaginative and constructive response to the new realities of today."*²⁸

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CHINA

Tun Abdul Razak juga jelas telah mengubah pandangan negara dengan tidak hanya memberi tumpuan kepada negara-negara demokrasi sewaktu pentadbirannya sebagai Perdana Menteri. Petanda awal terhadap dasar ini telah dilakukan apabila Malaysia mengadakan perjanjian perdagangan dengan Soviet Union pada 1969 diikuti dengan keputusan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara tersebut. Pada 1971, Malaysia sudah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara blok komunis yang terdiri daripada Soviet Union, Yugoslavia, Romania, Czechoslovakia, Poland dan Mongolia. Menjelang tahun 1973, Malaysia sudah mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan Vietnam Utara, Jerman Timur dan Korea Utara. Keputusan Tun Abdul Razak adalah jelas sepertimana yang pernah dinyatakan beliau:

"Kita mengamalkan polisi (dasar) berkecuali dan dari itu kita sentiasa sedia untuk menubuhkan perhubungan dengan mana-mana negara yang ingin berbuat demikian, berdasarkan prinsip saling menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah masing-masing dan tidak bercampurtangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing."²⁹

Shubungan dengan itu, Tun Abdul Razak telah menggubal dasar luar negara menjadi berkecuali yang kemudiannya membolehkan beliau mengubah persepsi hubungan luar negara agar dapat bersikap lebih terbuka dengan negara-negara luar tanpa bergantung kepada negara-negara barat kepada semua negara tanpa mengira fahaman ideologi politik. Tun Abdul Razak bertindak secara matang untuk mengadakan hubungan dengan negara-negara komunis terutama di rantau Asia Tenggara. Malaysia telah mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara pada 30 Mac 1973. Terdapat beberapa pandangan pada ketika itu yang mahukan Malaysia tidak terlibat dengan negara-negara komunis. Kebimbangan ini berasaskan kepada ancaman komunis yang berlaku di negara ini.

Bagaimanapun, sebenarnya dengan mengadakan dasar berkecuali membolehkan Malaysia menganjurkan konsep ZOPFAN diterima oleh negara-negara komunis. Seterusnya dasar ini juga dapat menarik perhatian agar Malaysia boleh mengadakan hubungan diplomatik dengan negara China. Bagaimanapun di dalam merangka hubungan diplomatik dengan China, Tun Abdul Raak begitu berhati-hati serta mengusahakannya dalam bentuk sulit. Malahan Tun Abdul Razak

enggan memberikan sebarang response terhadap sebarang soalan mengenai perkara ini di Dewan Parlimen.

Keputusan mengadakan hubungan diplomatik dengan China adalah dianggap penting dan mustahak. Antara lain China adalah merupakan *key factor* kepada proses kestabilan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara. Malahan Tun Abdul Razak memberikan persepsi beliau terhadap kepentingan China yang mempunyai penduduk yang besar (1800 juta orang) serta dijangka menjadi kuasa utama senjata nuklear dunia.³⁰

Usaha mengadakan hubungan diplomatik dengan China dimulai dengan sikap Malaysia menyokong resolusi Albania menerima China menjadi ahli PBB sewaktu persidangan Agong PBB dalam tahun 1971. Ia kemudiannya diikuti dengan lawatan seramai 19 orang wakil perdagangan Malaysia yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah ke China pada 1971. Rombongan ini telah berjaya membina jambatan awal perhubungan kedua-dua negara melalui kejayaan menubuhkan pertukaran perdagangan secara langsung yang pertama. Rombongan ini juga mendapat restu Tun Abdul Razak bagi mengadakan perbincangan politik secara tidak rasmi dengan beberapa tokoh pemimpin China termasuk Perdana Menteri Chou En Lai.³¹ Selepas itu, lebih kerap perbincangan tidak rasmi diadakan di antara kedua-dua pegawai. Usaha mengadakan hubungan dengan China adalah perlu sebagai bukti Tun Abdul Razak terhadap dasar berkecualinya serta mengimbangi hubungan Malaysia dengan kuasa-kuasa besar dunia.

Salah satu perbincangan sulit yang berkesan ialah yang dilakukan oleh wakil Malaysia ke New York, Zakaria bin Mohammed Ali dan rakan sejawatannya Huang Hua. Kedua-dua mereka telah mengadakan perbicangan pertama di Ottawa ketika kedua-duanya bertugas sebagai Duta di Kanada.³² Pada peringkat awalnya terdapat perbezaan pendapat mengenai langkah mengadakan hubungan diplomatik. Ini kerana pihak China berpandangan usaha pertama yang perlu diambil ialah mengadakan hubungan diplomatik. Bagaimanapun Malaysia mahukan beberapa isu yang berkaitan perlu diselesaikan sebelum diwujudkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.³³

Pihak Malaysia melihat terdapat tiga isu utama yang berkaitan dengan China iaitu:

1. Sikap kerajaan China menyokong Parti Komunis Malaya (PKM).
2. Pemancaran siaran radio Suara Revolusi Malaya oleh PKM dari tanah besar China

3. Kedudukan 200,000 penduduk China di Malaysia.

Akhirnya pihak China bersetuju membincangkan tiga isu tersebut bersama-sama isu yang lain serta persetujuan telah berjaya dicapai mengenai semua perkara menjelang akhir Disember 1971. Sebagai tindakbalas, kerajaan Malaysia bersetuju mengiktiraf Republik Mongolia, Vietnam Utara, Korea Utara dan Jerman Timur di antara tahun-tahun 1972-73.

Menjelang akhir Mei 1974, Tun Abdul Razak mengambil usaha positif dengan mengadakan lawatan rasmi selama enam hari ke China. Lawatan beliau adalah atas undangan Perdana Menteri China, Chou En-Lai setelah spekulasi mengenai hubungan Malaysia-China berlangsung selama hampir 2 tahun.³⁴ Ini adalah merupakan satu tindakan berani kerana beliau adalah merupakan pemimpin ASEAN yang pertama mengadakan lawatan rasmi ke China. Di dalam lawatan tersebut, Tun Abdul Razak telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin besar China iaitu Mao Tze Tung dan Perdana Menteri China Chou Eng Lai. Di hari keempat lawatannya, kedua-dua negara telah mengumumkan keputusan untuk mengadakan hubungan diplomatik serta bertukar-tukar duta. Tun Abdul Razak telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah yang timbul di antara kedua-dua negara. Sebagai tindakbalas, Malaysia juga telah mengambil keputusan menamatkan hubungan diplomatik dengan Taiwan.

Lawatan Tun Razak telah melahirkan persetujuan di antara dua buah kerajaan mengenai 6 isu utama iaitu:

1. Bersependapat semua pencerobohan, campurtangan, penaklukan, serta kegiatan subversif oleh kuasa-kuasa asing adalah diharamkan.
2. Kerajaan Malaysia mengiktiraf kerajaan China sebagai kerajaan yang tunggal dan sah bagi negara China.
3. Kerajaan Malaysia mengakui pendirian kerajaan China bahawa Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah China yang tidak boleh dipisahkan.
4. Kerajaan Malaysia mengambil keputusan menutup kedutaannya di Taipeh.
5. Kerajaan China mengiktiraf kerajaan Malaysia serta menghormati kemerdekaan serta kedaulatan Malaysia.

6. Kedua-dua kerajaan mengisytiharkan bahawa mereka tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan.³⁵

Kejayaan mengadakan hubungan dengan negara China adalah merupakan satu kejayaan besar usaha yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak. Malah keputusan ini kemudiannya telah merintis tindakan negara-negara ASEAN yang lain untuk mewujudkan hubungan diplomatik dengan China. Keputusan Tun Razak membawa hubungan diplomatik dengan China memberikan tamparan kepada PKM kerana kerajaan China telah memberikan komitmen untuk tidak menyokong perjuangan PKM serta menyukarkan penyebaran propaganda mereka melalui siaran radio Suara Rakyat Malaya yang sebelum ini dipancarkan dari China. Tindakan ini juga merealisasikan dasar berkecuali Malaysia serta membuka ruang negara ini mengadakan hubungan baik dengan China.

KESIMPULAN

Tun Abdul Razak telah menunjukkan corak kepimpinan politik yang bergerak (*mobilizing style of political leadership*). Beliau juga menunjukkan ketokohan kepimpinan yang karismatik, inisiatif dan pragmatik serta berpandangan jauh. Beliau membawa bersama-sama tokoh-tokoh yang dapat membantu memantapkan pentadbiran negara antaranya Ghazali Shafie dan Tun Dr. Ismail Abd. Rahman. Beliau juga memasukkan tokoh-tokoh muda dan nasionalis di dalam kerajaan antaranya Dr. Mahathir Mohamed, Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah. Dalam hal ini, Tun Abdul Razak membentuk pentadbiran kerajaan dengan wajah baru dengan memasukkan *new guard* serta mengeneipikan pemimpin-pemimpin lama (*old guard*).

Pembentukan dasar luar Malaysia sewaktu pentadbiran Tun Abdul Razak lebih banyak direncanakan oleh beliau kerana sikapnya yang berani membuat keputusan serta berpandangan jauh. Beliau lebih menekankan pencapaian matlamat dan tidak begitu menumpukan perhatian terhadap pembangkang serta lain-lain faktor yang mengganggu pentadbirannya. Kejayaan dasar luar yang dibentuk oleh Tun Razak juga dipengaruhi oleh cara tindakan beliau iaitu *more concerned to represent and respond to diverse interests without jeopardise the principles*.

NOTA

- ¹ Alastair Smith, "Diversionary Foreign Policy in Democratic Systems", *International Studies Quarterly* (1996), 40, h. 133-4.
- ² Hans J. Morgenthau, *Politics among Nations*, New York, Knopf, 2nd ed, 1954, h. 528.
- ³ Hans J. Morgenthau, *In Defence of the National Interest: A Critical Examination of American Foreign Policy*, New York, Knopf, 1951, h. 242.
- ⁴ Joseph Frankel, *National Interest*, London, Pall Mall, 1970, h. 27.
- ⁵ Avi Shlaim, P. Jones dan K Sainsbury, *The Foreign Secretary and the Making of Foreign Policy*, London, David & Charles, 1976, h. 14.
- ⁶ R.D. Snyder, H.W. Bruck and B.M. Sapin (eds), *Foreign Policy Decision Making: An Approach to the Study of International Politics*, New York, The Free Press of Glencoe, 1962, h. 65.
- ⁷ Alastair Smith, "Diversionary Foreign Policy in Democratic Systems", h. 136.
- ⁸ Charles F. Hermann, "What Decision Units Shape Foreign Policy: Individual, Group, Bureaucracy?" dalam Richard I. Meritt, *Foreign Policy Analysis*, London, Lexington Books, 1975, h.119.
- ⁹ Henry Kissinger, *American Foreign Policy: Three Essays*, New York, Norton, 1969, h. 17-43.
- ¹⁰ *Foreign Affairs Malaysia*, vol. 1, no. 1, 1966, h. 70.
- ¹¹ M. Ghazalie Shafie, *Malaysia: International Relations*, K. Lumpur, Creative Enterprize, 1982, h. 21.
- ¹² *Far Eastern Economic Review*, January 8, 1973.
- ¹³ David Hawkins, *The defence of Malaysia and Singapore*, London, Institute for Defence Studies, 1972, h. 15.
- ¹⁴ Mohd bin Samsudin, *Kajian Dasar Luar Malaysia*, Monograf FSKK, UKM, Bangi, 1995, h. 25.
- ¹⁵ G.P. Bhattacharjee, *Southeast Asian politics: Malaysia and Indonesia*, Judapur University, India, 1976, h. 190.
- ¹⁶ *Foreign Affairs Malaysia*, vol. 1, no. 3, 1966, h. 4.
- ¹⁷ *Far Eastern Economic Review*, August 27, 1973.
- ¹⁸ *Foreign Affairs Malaysia*, vol. 8, no. 1, March 1975, h. 36.
- ¹⁹ M. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, Creative Enterprize, Kuala Lumpur, 1982, h. 174.
- ¹² *Ibid.*

- 21 *Ibid.*, h. 175.
- 22 Perbahasan Dewan Parlimen, 14 Julai 1975, h. 5276.
- 23 Perbahasan Dewan Parlimen, 18 April 1973, h. 40.
- 24 *Ibid.*
- 25 J. Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*, USM, P. Pinang, 1983, h. 96.
- 26 Persidangan Parlimen 25 April 1973, h. 628.
- 27 *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 8, no. 1, March 1975, h. 33-4.
- 28 *Ibid.*, h. 36.
- 29 Persidangan Dewan Parlimen, 18 April 1973, h. 64.
- 30 *Asian Almanac*, March, 1971, h. 4514.
- 31 William Shaw, *Tun Abdul Razak: His Life and Times*, Longman, London, 1976, h. 225.
- 32 Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence*, h. 101.
- 33 *Ibid.*
- 34 *Far Eastern Economic Review*, May 27, 1974.
- 35 *Berita Harian*, 1 Jun 1974.

RUJUKAN

- Asian Almanac*, March 1971.
- Bhattacharjee, G.P. 1976. *Southeast Asian Politics: Malaysia and Indonesia*. Delhi: Judapur University.
- Far Eastern Economic Review*, 1966-1976
- Foreign Affairs Malaysia*, 1966-1976.
- Frankel, Joseph, 1970. *National Interest*. London: Pall Mall.
- Hawkins, David, 1972. *The Defence of Malaysia and Singapore*. London: Institute for Defence Studies.
- Hermann, Charles F. 1975. What Decision Units Shape Foreign Policy: Individual, Group, Bureaucracy? Dalam Meritt, Richard L. (ed). *Foreign Policy Analysis*. London: Lexington Books.
- Kissinger, Henry A. 1969. *American Foreign Policy: Three Essays*. New York: Norton.
- M. Ghazalie Shafie, 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creative Enterprize.
- Mohd bin Samsudin, 1995. *Kajian Dasar Luar Malaysia. Monograf FSKK*. Bangi: UKM.
- Morgenthau, Hans J. 1954. *Politics among Nations*, New York: Knopf.
- _____ 1951. *In Defence of the National Interest: A Critical Examination of American Foreign Policy*. New York: Knopf.
- Persidangan Dewan Parlimen (Malaysia)*, K. Lumpur, 1969-1976.
- Saravanamuttu, J. 1983. *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*. USM.
- Shaw, William, 1976. *Tun Abdul Razak: His Life and Times*. London: Longman.
- Shlaim, Avi, P. Jones and K. Sainsbury, 1976. *The Foreign Secretary and the Making of Foreign Policy*. London: David & Charles.
- Smith, Alistair, 1996. Divesionary Foreign Policy in Democratic Systems. *International Studies Quarterly*.
- Snyder R.D., H.W. Bruck and B.M. Sapin (eds), 1962. *Foreign Policy Decision Making: An Approach to the Study of International Politics*. New York: The Free Press of Glencoe.

*Dari Penyata Barnes Ke Akta Pendidikan 1995:
Menilai Semula Lakaran Sejarah Perkembangan
Dasar Pendidikan Kebangsaan Malaysia*

Oong Hak Ching
Jabatan Sejarah, UKM

PENGENALAN

Dalam bulan Januari 1996 Parlimen Malaysia telah meluluskan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang memperkenalkan beberapa perubahan besar terhadap dasar pendidikan sejak Penyata Barnes (Report of the Committee on Malay Education) dikemukakan dalam bulan Jun 1951 (CO 717/190/52336/2, 1951). Tidak sebagaimana Penyata Barnes Akta Pendidikan 1995 tidak menimbulkan ketegangan hubungan kaum atau perbalahan besar dalam masyarakat Malaysia. Walaupun begitu telah timbul kebimbangan di kalangan beberapa tokoh pejuang Bahasa Melayu seperti Datof Zainal Abidin Abd Wahid yang khuatir akta ini akan melenyapkan kedaulatan dan kedudukan bahasa dan bangsa Melayu (Tamadun, 1996: 14-18; dan Zainal Abidin, 1996a.). Kebimbangan ini tidak dikongsi oleh UMNO yang telah memberikan sokongan padu kepada Datof Najib Tun Abd Razak, Menteri Pendidikan Malaysia dengan memilih semula beliau sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada bulan November yang lalu.

Penerimaan Akta Pendidikan 1995 yang dapat dianggap satu dasar pendidikan yang sangat liberal dapat membayangkan perubahan sikap masyarakat Melayu yang dahulunya memperjuangkan dan mempertahankan dasar pendidikan kebangsaan berasaskan Penyata Barnes, Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Bagi orang bukan Melayu terutama masyarakat Cina memang sejak dahulu menolak Penyata Barnes, Razak dan Laporan Rahman Talib yang dianggap boleh mengancam kewujudan dan perkembangan bahasa dan kebudayaan Cina. Akta pendidikan baru ini memenohi beberapa impian masyarakat Cina yang ingin melihat pengekalan bahasa dan budaya mereka. Ini tidak lah pula bermakna akta ini diwujudkan hasil daripada perjuangan masyarakat Cina. Daya atau force yang lebih kuat mendorong perubahan dasar pendidikan negara ada lah proses globalisasi atau pensejagatan (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1996:3). Mahu atau tidak mahu Malaysia

bersiap sedia menghadapi proses globalisasi jika negara ini ingin mengekalkan kadar perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan menuju kearah penwujudan satu masyarakat industri yang maju sebagaimana yang dibayangkan dalam wawasan 2020. Kenyataan ini lah yang menjadi intipati kertaskerja ini.

Usaha dan inisiatif untuk merangka satu dasar pendidikan kebangsaan telah dimulakan semasa British masih berkuasa di Tanah Melayu atau lebih tepat sejak pembentukan Jawatankuasa Perhubungan Kaum yang lebih dikenali sebagai Communities Liaison Committee atau CLC pada awal tahun 1949. CLC yang dianggotai oleh wakil-wakil berbagai kaum (termasuk pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA) dibentuk bagi mengurangkan konflik perkauman dan menentukan hala tuju negara. CLC telah mengemukakan beberapa cadangan yang diharapkan memperbaiki hubungan kaum yang di antara lain memberikan peluang yang lebih kepada orang bukan Melayu untuk mendapat hak-hak politik dan menjadi warganegara. Tetapi mereka harus memberikan kesetiaan kepada negara ini dengan menerima proses Malayanisasi atau asimilasi yang terbatas dan juga menerima hakikat bahawa orang Melayu sebagai bumiputera mempunyai kedudukan istimewa dan kedudukan ekonomi mereka dibaiki. CLC juga mengemukakan beberapa cadangan-cadangan yang menyentuh sistem pendidikan yang di antara lain: Bahasa Melayu menjadi matapelajaran wajib di sekolah-sekolah kerajaan atau yang menerima bantuan kerajaan dan langkah-langkah diambil bagi memudahkan proses penghapusan sekolah-sekolah komunal (communal schools) dan membentuk sekolah-sekolah sentral yang menerima murid-murid dari pelbagai kaum.

Selaras dengan cadangan-cadangan CLC Pejabat Tanahjajahan British dan kerajaan kolonial di Tanah Melayu mengambil langkah-langkah untuk mengubah sistem pendidikan. dengan melantik sebuah buah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L. J. Barnes, Pengarah Latihan Sosial Universiti Oxford. Jawatankuasa ini mengandungi sembilan ahli Melayu dan lima Eropah. Sebagaimana yang tersurat tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk "to enquire into the adequacy or otherwise of the educational facilities available for the Malays." Tetapi kerajaan kolonial juga mempunyai tujuan tersirat untuk menggunakan laporan Jawatankuasa ini bagi mempengaruhi masyarakat Melayu supaya tidak menentang beberapa reform yang akan diperkenalkan terutama yang menyentuh masyarakat Cina. Henry Gurney memberitahu Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan:

I am anxious to announce that as a temporary measure this Government is prepared to double the present grant to Chinese schools. This would help to meet a legitimate Chinese grievance and has been agreed to by the Executive Council and Conference of Rulers. But I should like to publish Barnes' Report first to allay possible Malay misgivings that might be strengthened by the appointment of non-Malay Member for Education... (CO 717\190 Gurney kepada Setiausaha Negara, 16 Feb 1951).

Sebagaimana yang diharapkan oleh British Barnes telah berjaya menghasilkan satu laporan atau penyata seperti yang dikehendaki. Pada 9 April 1951 Gurney memberitahu Sir Christopher Cox, Penasihat mengenai Pendidikan Pejabat Tanah Jajahan:

I think Barnes is excellent, though the final version is more on the Malay side than the question intentions. It has the stamp, at least, of a delightful style (CO 717/190).

Jawatankuasa Mengenai Pendidikan Melayu telah menerbitkan laporannya yang juga dikenali sebagai Penyata atau Laporan Barnes pada bulan Jun 1951. Penyata Barnes membayangkan tujuan kerajaan untuk Memalayanisasikan masyarakat Cina dan bukan Melayu yang lain melalui pendidikan yang berteraskan nasionalisme Melayu. Penyata ini mengemukakan cadangan agar ditamatkan pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah vernakular atau bahasa ibunda (Cina dan Tamil) dan dibentuk. Sekolah Kebangsaan atau National Schools di peringkat sekolah rendah yang terbuka kepada semua kaum. Tenaga pengajar akan terdiri dari guru-guru berwarganegara Persekutuan dan mempunyai kelayakan yang sempurna. Bahasa pengantar akan terdiri dari bahasa Melayu dan Inggeris sahaja. Ini bermakna bahasa ibunda : Cina dan Tamil akan mempunyai masa hadapan yang gelap kerana tidak akan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Perkara ini menjadi lebih jelas apabila Penyata Barnes menyebutkan:

When all this has been said, the fact remains, that Chinese and Indians are being asked to give up gradually their own vernacular schools, and to send their children... to schools where Malay is the only oriental language taught.

We repeat here that our proposed new school is conceived as a school of citizenship, a nation-building school. We have set up bilingual in Malay and English as its objective because we believe that all parents who regard Malaya as their permanent home and the object of their undivided loyalty will be happy to have their children educated in those languages. If any parents were unhappy about this, their unhappiness would properly be taken as an indication that they did not so regard Malaya. On the other hand, all non-Malay parents who avail themselves of the new facilities, and who set aside their vernacular attachments in the interests of a new social unity, have a right to be welcomed without reserve by the Malay people as fellow-builders and fellow-citizens.

Misi Fenn-wu menegaskan bahawa *There can be justification for turning Malaya into a cockpit for aggressive cultures* dan sebaliknya menyarankan Tanah Melayu mengambil kesempatan mengembangkan satu kebudayaan dengan mengambil nilai-nilai tertinggi daripada pelbagai budaya dalam kalangan masyarakatnya yang berbilang bangsa dan kaum.

Saperti yang telah dijangkakan oleh British Penyata Barnes telah menimbulkan bantahan yang keras daripada masyarakat Cina melalui berbagai organisasi mereka. Tetapi British telah bersedia menghadapi situasi begini. Dr. William P.Fenn, bekas Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris di Universiti Nanking dan kemudian menjadi Setiausaha Eksekutif Kesatuan Lembaga Amanah bagi 12 kolej di China telah dipelawa untuk mengkaji masalah yang berhubung dengan pendidikan Cina. Ia telah diiringi oleh Dr.T.Y.Wu yang dilahirkan dan mendapat pendidikan asas disebuah sekolah Cina di Pulau Pinang. Sebagaimana Dr Fenn, Dr Wu juga mendapat ijazah doktor falsafah daripada universiti di Amerika Syarikat. Dr Fenn dan Dr Wu telah pun berada di Tanah Melayu sejak bulan Februari 1951 iaitu setelah Barnes telah menyiapkan laporannya. Gurney berharap kemarahan dan bantahan daripada masyarakat Cina dapat disalurkan melalui Dr. Fenn sebelum i...political influences get busy (717/190 Gurney kepada Higham, 16 Feb 1951). Gurney juga berharap Missi Fenn-Wu, terutama Dr. Fenn tidak akan menghasilkan laporan yang *...might have the affects of encouraging the Chinese in their reluctance (if such there is) to accept Barnes* (CO 717\190, 1951, Gurney kepada Cox, 9 April). Misi Fenn-Wu ditugaskan mengkaji masalah pendidikan Cina berasaskan premis:

- (i) Bridging the gap between the present communal system of school and the time when education will be on a non-communal basis with English and Malay as the medium of instruction and another language as an optional subject, and advising on
- (ii) preparation of text-books for present use with a Malayan as distinct from a Chinese background and content.

(Fenn-wu Report, 1951: 4)

Walau pun British cuba mempegarohi Dr. Fenn dan Wu dengan mempelawa mereka melawat dan berbincang dengan pegawai-pegawai Pejabat Tanahja Jajahan di London mereka masih berupaya menghasilkan satu laporan berasaskan penelitian dan pandangan mereka sendiri. Missi ini telah menghasilkan satu laporan yang sangat bertentangan dengan laporan Barnes yang cuba menimbulkan kesedaran nasionalisme Tanah Melayu di kalangan masyarakat Cina. Tidak sebagaimana Penyata Barnes, Penyata Fenn-wu mencadangkan supaya sekolah-sekolah Cina dikekalkan, bahkan diperkukuhkan lagi. Penyata Fenn-wu menekankan bahawa kepada kebanyakan orang Cina Malayanisasi adalah satu anathema. Misi ini menambah bahawa "The people of Malaya should cherish what is fine and non-divise in every cultural strain, for out of present diversity may come future glory" (Fenn-wu Report, 1951:5).

Menurut Ibrahim Saad Penyata Barnes dan Fenn-wu menggambarkan dua pendekatan yang berbeza bagi menyelesaikan masalah integrasi nasional dengan Barnes menekankan pendekatan asimilasi seperti Amerikanisasi, Burmanisasi dan Balkanisasi dalam bentuk formula A (kumpulan sosial yang utama) + B (kumpulan minoriti) + C (kumpulan minoriti) = A atau kumpulan-kumpulan minoriti akan mengikuti cara hidup kumpulan utama. (1986:46). Sementara itu Penyata Fenn-wu pula menekankan pendekatan pluralisme kebudayaan atau dengan tiap-tiap kumpulan sosial yang berlainan mengekalkan identiti kelompok masing-masing. Sebuah Jawatankuasa Penasihat Pusat mengenai Pendidikan telah dibentuk untuk meneliti kedua-kedua penyata. Beberapa pemimpin Persatuan Cina Malaya atau MCA turut menganggotai Jawatankuasa ini. Berasaskan Laporan Jawatankuasa kerajaan kolonial memperkenalkan Ordinan Pendidikan 1952. Ordinan ini menyatakan:

The aim and purpose of the national education policy of the Federation is to achieve the sound education of all children in the Federation using in the main medium, for this purpose, the official languages of the Federation and bringing together pupils of all races in national type of school with a Malayan orientation. (petikan dalam Oong Hak Ching, 1993:)

Ordinan ini cuma mengakui dua jenis sekolah kebangsaan, satu dalam aliran pengantar Melayu dan satu aliran pengantar Inggeris. Ini bermakna sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil tidak diiktiraf dan masa hadapan pendidikan Cina dan Tamil berada dalam keadaan samar-samar. Walau bagaimana pun Ordinan ini membenarkan bahasa Cina atau Tamil diajar di sekolah-sekolah kebangsaan jika ada permintaan daripada ibubapa (Ibrahim Saad, 1986:47). Ordinan Pendidikan 1952 yang tidak memasukkan sekolah Cina kedalam sistem pendidikan kebangsaan telah ditentang dengan hebat daripada guru-guru dan juga lembaga-lembaga pengurus sekolah-sekolah Cina. Mereka telah membantu Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia dan Persekutuan Persatuan Lembaga-lembaga Pengurus Cina yang lebih dikenali sebagai Dong Jiao Zong untuk memperjuangkan bahasa dan pendidikan Cina. Seorang guru di salah sebuah sekolah Cina menyatakan:

"Chinese here on becoming citizens of Malaya will do their duties and demonstrate their loyalty, but will never give up their mother tongue and culture. If Chinese education is not recognised as parts of the educational system, then the Chinese are looked upon as conquered slaves and will never submit to the rule" (petikan dalam Sia Keng Yek, 1993:68)

Pada 9 November 1952 MCA bersama-sama dengan Dong Jiao Zong telah menganjurkan satu persidangan mengenai pendidikan Cina. Persidangan ini mengambil keputusan sebulat suara menentang Ordinan Pendidikan 1952. MCA telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pusat Mengenai Pendidikan atau MCACECC untuk meminta kerajaan kolonial meminda Ordinan Pendidikan 1952. Jeneral Templer, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu mengkritik dengan pedas tindakan masyarakat Cina menentang Ordinan Pendidikan 1952 dengan menyatakan "...there is hardly a Chinese middle school in this country today where the evil doctrine of Marxist Communism is not being perverted by creed which knows no human kindness or

decency and rests on a standard of values that is absolutely false" (petikan dalam Oong Hak Ching, 1993).

Sebuah Jawatankuasa Khas yang telah dibentuk pada tahun 1954 untuk mencari cara bagi melaksanakan cadangan-cadangan yang termaktub dalam Ordinan Pendidikan 1952 juga juga membuat penelitian mengenai pendidikan Cina. Jawatankuasa ini yang mengeluarkan sebuah memoranda mengenai sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu mendapati bahawa *Chinese schools are providing an education which fits their pupils to be good Chinese, but not good Malaysians* dan mencadangkan tindakan segera diambil bagi mengubah sekolah-sekolah menengah Cina agar *...the students they produce are fitted for life in Malaya* (petikan dalam Oong Hak Ching, 1993:). Sebelum British menamatkan pemerintahannya satu program untuk menubuhkan 300 sekolah kebangsaan aliran Inggeris telah dikemukakan bagi mempercepatkan proses Malayanisasi masyarakat Cina. Program tersebut akan dijalankan dalam tempoh 12 tahun dengan bantuan daripada Bank Dunia. Ini tidak bermakna kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka menurut sepenohnya dasar pendidikan yang ditinggalkan oleh penjajah.

Menjelang kemerdekaan parti Perikatan UMNO-MCA-MIC telah membentuk sebuah Jawatankuasa untuk meneliti dan merangka semula sistem pendidikan di Tanah Melayu. Jawatankuasa ini yang mengandungi 9orang Melayu dan 6bukan Melayu dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak. Jawatankuasa ini telah mengeluarkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang juga dikenali sebagai Penyata Razak telah menyebut antara lain:

Kami perchaya juga yang tujuan dasar pelajaran di-dalam negeri ini ia-lah bermaksud hendak menyatukan budak2 daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peratoran pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sabagai bahasa pengantar yang besar, walau pun ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan di-perbuat dengan beransor2 (petikan dalam Zainal Abidin ,1996:1)

Kenyataan ini membayangkan bahawa masih berhasrat untuk menghapuskan sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil dan digantikan sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa kebangsaan dalam jangka panjang. Walau bagaimana pun menurut Ibrahim Saad Penyata ini kurang berterus terang dan telah memberi jaminan bahawa dasar pelajaran ini tidak akan menjejaskan perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum-kaum lain (1986:52). Penyata Razak

yang kemudiannya menjadi Ordinan Pendidikan 1957 mencadangkan penubuhan dua jenis sekolah di peringkat sekolah rendah: Sekolah umum yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan dan sekolah jenis umum yang akan mengajar bahasa kebangsaan sebagai salah satu mata pelajaran. Ini bermakna semua empat aliran pendidikan peringkat rendah diserapkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Bahasa Inggeris akan diajar disemua sekolah rendah. Penyata Razak mengemukakan cadangan diadakan suatu jenis sekolah menengah kebangsaan. Kedudukan sekolah menengah Cina tidak begitu jelas. Tetapi apa yang ditekankan oleh Penyata ini ialah semua sekolah perlu menggunakan sukatan pelajaran yang sama.

Dasar pendidikan dibawah Penyata Razak boleh dikatakan jauh lebih liberal berbanding dengan Barnes. Namun begitu masyarakat masih tidak puas kerana merasa Penyata lebih memberatkan kepentingan orang Melayu. Dengan menggunakan isu bahasa dan pendidikan Cina golongan muda dalam organisasi ini yang berjaya mengambil alih pucuk pimpinan dan seterusnya mencetuskan konflik dengan UMNO dan menggugat kewujudan Perikatan. Tetapi golongan muda ini yang dipimpin oleh Dr. Lim Chong Eu akhirnya melepaskan jawatan dalam parti untuk mengelakkan perpecahan Perikatan (Ibrahim Saad, 1986:59). Tetapi tindakan mereka telah terlanjur dan memberi kesempatan kepada beberapa ahli UMNO yang juga merupakan ahli-ahli Kesatuan Persatuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) mendesak UMNO dan Perikatan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk melaksanakan matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan yang akan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam semua aliran sekolah di negara ini. Tuntutan ini tidak dilayan dan sebaliknya Mohd Khir Johari, Menteri Pelajaran menganggap golongan ini mementingkan kepentingan diri. Tindakan ini menyebabkan guru-guru Melayu keluar dari UMNO secara beramai-ramai dan menyebabkan UMNO mengalami kekalahan dalam beberapa kawasan pilihanraya dalam Pilihanraya 1959 (Ibrahim Saad, 1986:60).

Selepas Pilihanraya 1959 Perikatan telah mengkaji semula dasar pendidikan kebangsaan. Sebuah Jawatankuasa Penyemak Pelajaran yang dipengerusikan oleh Rahman Talib, Menteri Pendidikan telah dibentuk dengan anggota-anggota lain terdiri dari 4 ahli UMNO, 3 ahli MCA dan seorang ahli MIC. Jawatankuasa ini telah mengeluarkan sebuah laporan yang dikenali sebagai Penyata Rahman Talib yang kemudian mewujudkan Akta Pelajaran 1961. Penyata Rahman Talib telah memperkukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan sebagai alat untuk pembinaan kesatuan negara bangsa. Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 memberi kuasa kepada Menteri

Pelajaran untuk menukar sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan. Kerajaan juga akan menarik balik bantuan kewangan daripada sebahagian sekolah menengah Cina sekiranya sekolah-sekolah berkenaan tidak taraf kepada jenis kebangsaan.

Kedua-dua perkara tersebut telah mencetuskan kejutan besar dikalangan masyarakat Cina. Kewujudan dan perkembangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina akan terancam. Dalam tahun 1962 kebanyakan sekolah-sekolah Menengah Cina (54 daripada 70 buah) terpaksa memilih untuk ditukar taraf kepada sekolah menengah jenis kebangsaan (berbahasa pengantar Inggeris) kerana bergantung kepada bantuan kerajaan. 16 buah sekolah menengah Cina sahaja enggan menerima syarat kerajaan dan terus kekal sebagai sekolah menengah Cina bebas atau swasta atau Du-Zhong.

Selepas tercetus Peristiwa 13 Mei 1969 kerajaan mengambil langkah-langkah lebih tegas untuk melaksanakan dasar pendidikan kebangsaan. Bahasa Kebangsaan mulai digunakan sebagai bahasa pengantar dalam darjah satu sekolah aliran Inggeris mulai 1970. Bahasa Kebangsaan juga telah digunakan sebagai bahasa pengantar peringkat universiti berikutan dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam tahun 1970. Universiti-universiti lain juga kemudian menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Berbagai langkah lain juga diambil bagi meningkatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kerajaan cuba menggalakan penggunaan Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan termasuk jenis Cina dengan menghantar Guru-guru besar dan penolong kanan yang tidak dapat menguasai bahasa Mandarin kesekolah-sekolah tertentu. Tetapi telah ditentang dengan hebat oleh masyarakat Cina melalui parti-parti Cina dan Dong Jiao Zong. Usaha-usaha kerajaan untuk mengubah sifat-sifat sekolah Cina tidak berjaya. Tetapi matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan sebagaimana yang termaktub dalam Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 dikekalkan sehingga 1995. Mengikut Dr Ibrahim Ahmad Bajunid, Pengarah Institut Aminuddin Baki:

To me, 1996 was year for reformation, both in spirit and letter. While education in Malaysia had been parochial in the past 40 years, aimed at fostering national unity and social mobility, this year it rose up to meet global challenges. We are willing to respond globally since we are now nationally and cultural mature with regard to our educational goals and direction (1996: 3).

Pandangan tokoh intelektual ini sebenarnya turut dikongsi satu generasi baru dalam masyarakat Malaysia: Melayu, Cina, India dan lain-lain yang terdiri daripada golongan koporat dan akademik. Sejak Penyata Barnes sampai 1995 Pendidikan digunakan sebagai alat dan saluran bagi pembinaan negarabangsa. Golongan baru ini ingin melihat *la change in weltanschauung, or world* dan meletakkan Malaysia sebagai *the centre of excellence in education* dalam konteks global (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1996:3).

Sejak awal 1990an isu globalisasi telah menjadi tajuk perbincangan dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama komuniti koporat dan akademik. Malaysia tidak dapat lari dari globalisasi akibat daripada perkembangan ekonomi, perdagangan, pelaburan dan teknologi maklumat. Pada 5 hingga 7 Disember 1991 Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi (SERU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan satu seminar bertajuk "Towards a Developed and Industrialized Society: Understanding the Concept, Implications and Challenges of Vision 2020" (1992). Para peserta terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi dalam perkhidmatan kerajaan dan universiti dan tokoh-tokoh koporat termasuk dari luar negara. Golongan yang merupakan pati kepada kelompok elit dalam masyarakat Malaysia mempunyai potensi dalam mempengaruhi *decision-making* pembuatan dasar negara. Kebanyakan kertaskerja atau tajuk perbincangan menyentuh peranan pendidikan sebagai kunci ke arah pembentukan masyarakat industri yang maju terutama memenohi tenaga kerja atau human resource. Kegiatan ekonomi akan lebih bersifat global dan para pemilik firma juga lebih bersifat *internationalised* (Othman Yeop Abdullah, 1992: 386). Perkerja mempunyai pilihan tempat kerja dan transmigrasi buruh daripada negara sedang membangun ke negara yang telah maju akan berkerlaku secara besar-besaran. Keadaan ini memerlukan negara bertindak mengeluarkan lebih ramai tenaga mahir. Dasar pendidikan tidak lagi sesuai untuk menangani masalah dan cabaran yang akan dihadapi dalam era globalisasi.

Robert Kuok, Pengerusi Kuok Foundation, turut membentangkan kertas kerja yang bertajuk "The Malaysia Incorporated Concept: A key Strategy in Achieving Vision 2020" dan telah menyentuh peranan orang Cina dalam Malaysia Incorporated (1992: 457-463). Ia menjelaskan peri penting peranan orang Cina dalam peningkatan ekonomi negara-negara Asia-Pasifik seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Malaysia dan Singapura. Orang Cina Seberang Laut diakui sebagai *Third Wave* mempunyai kekuatan untuk meningkat perkembangan ekonomi di negara-negara Asia Tenggara. Menurut Kouk nilai-nilai sosio-budaya yang diwarisi merupakan faktor

membantu kejayaan mereka dalam bidang ekonomi dan "these have proved to be great contributors to the economic progress in this country as well as in the surrounding region." (Robert Kuok, 1992:463). Oleh yang demikian menurut Kuok kerajaan harus membenarkan "the continued existence of Chinese education in schools, and opportunities for learning the Chinese language" yang merupakan modal sosial bagi kejayaan ekonomi masyarakat Cina khususnya dan juga Malaysia, amnya. Pandangan ini dikongsi bersama oleh para penulis seperti Ching (1995) dan Hamilton (1996).

Untuk beberapa tahun cabaran-cabaran dan implikasi daripada proses globalisasi dibincangkan dalam seminar-seminar, forum, perdebatan dikalangan masyarakat Malaysia termasuk golongan koporat, pegawai-pegawai kerajaan dan komuniti akademik. Keperluan untuk mengubah dasar pendidikan juga dibincangkan dan sebuah rang undang-undang mengenai pendidikan yang digubal sejak 1990 telah disediakan yang akhirnya menghasilkan Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Rang Undang-undang ini menjadi Akta Pendidikan 1995 selepas diluluskan oleh parlimen. Menurut Dato' Khalid Yunus, Kementerian Pendidikan memainkan peranan penting dalam merealisasikan Wawasan 2020 yang akan membawa "Othe nation towards achieving the status of a fully developed and industrialised country that is distinguished by the pursuit of excellence and respected by the people of other nations" (1996:13). Menurutny lagi "Education in Malaysia thus aims at preparing young Malaysians to face the challenges of adult life and to be useful and productive citizens, in a world characterised by rapid technological change, globalism and expanding information networks." Nasionalisme yang sempit tidak lagi mendapat tempat kerana "All students are expected to internalize certain universal value that have stood the test of time and would be relevant regardless of the changes that the world is experiencing". Peranan pendidikan dalam era globalisasi ada lah untuk memastikan pelajar yang dihasil memenohi ciri-ciri kehendak pasaran atau *marketability* dan *versatility*.

Akta Pendidikan 1995 memperkenalkan beberapa besar dalam sejarah perkembangan dasar pendidikan kebangsaan. Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil) kepada kebangsaan telah digugurkan. Ini juga bermakna matlamat akhir dasar pendidikan yang disarankan sejak Penyata Barnes untuk melihat semua kanak-kanak belajar dibawah satu bumbung dengan menggunakan satu bahasa pengantar yang sama yakni Bahasa Kebangsaan telah lenyap. Tetapi saranan penyata Barnes supaya diperluaskan penggunaan Bahasa Inggeris pula mula

mendapat tempat. Menteri Pendidikan mempunyai kuasa untuk mengizinkan mana-mana institusi pendidikan untuk menggunakan Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Perubahan lain yang menonjol ialah takrif "kebangsaan" dalam sistem pendidikan kebangsaan sama sekali telah bermula. Istilah kebangsaan selalunya dikaitkan dengan Bahasa dan kebudayaan Melayu kini menjadi kabur. Ini disebabkan dibawah sistem pendidikan kebangsaan yang baru menerima kemasukan institusi-institusi dan sekolah-sekolah swasta secara automatik. Walau pun Akta Pendidikan 1995 tidak menyebut kedudukan sekolah-sekolah menengah swasta Cina atau Dhu-Zong dengan sendirinya telah diakui sebagai termasuk dalam sistem pendidikan kebangsaan. Cuma sekolah antarabangsa yang dianggap tidak termasuk dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dengan demikian kedudukan pendidikan Cina sahaja terjamin tetapi telah diiktiraf. Ini tidak pula bermakna Akta ini memberi kebebasan bagi masyarakat Cina untuk menubuh sekolah atau institusi pendidikan sesuka hati atau melanggar kepentingan-kepentingan negara. Bahkan sebaliknya Menteri Pendidikan mempunyai kuasa yang sangat luas dalam bidang pendidikan.

Akta Pendidikan 1995 telah menimbulkan kembali kontroversi mengenai bahasa dan pendidikan di kalangan masyarakat Malaysia. Suara dan tangisan meratap kehilangan semangat Penyata Razak dan Rahman Talib kedengaran di forum-forum dan seminar-seminar tetapi dapat dibendung oleh media massa. Sebaliknya yang lebih ketara masyarakat Malaysia dari berbagai kaum menerima dasar pendidikan baru yang menekan persatuan dalam pelbagaian dalam menitil ke arah masyarakat industri yang maju dalam era globalisasi. Paradigma untuk pembinaan negara-bangsa yang bersatu tidak lagi menekankan peranan budaya kelompok utama keatas kumpulan-kumpulan sosial yang lebih kecil.

RUJUKAN

- Ching, David C L, 1995. *Sukses Bisnes Cina Perantauan* (Terjemahan oleh Stephen Suleeman). Jakarta: Penerbit PT Pustaka Utama Grafiti.
- CO 717/191/52336/3 (Federated Malay States, Original Correspondence)
- Hamilton, Gary, 1996. *Menguak Jaringan Bisnes Cina Di Asia Timur Dan Tenggara*. (Terjemahan Alexander Irwan). Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Khalid Yunus (Dato), 1996. *Education in Malaysia :Beyond The Year 2000*. Dalam *Write Malaysia*. Klang: Nespal Publishing.
- Kuok, Robert, 1996. *The Malaysia Incorporated Concept: A Key Strategy In Achieving Vision 2020*. Dalam *Towards A Developed and Industrialized Society: Understanding The Concept, Implications And Challenges of Vision 2020*. Proceedings. Kuala Lumpur: Socio-Economic Resarch unit, Prime Minister Department.
- Othman bin Yeop Abdullah (Dato Dr.), 1996. *Human Resource Development: The Key Towards A Developed and Insdustrialized Society*. Dalam *Towards A Developed and Industrialized Society: Understanding The Concept, Implications And Challenges of Vision 2020*. Proceedings. Kuala Lumpur: Socio-Economic Resarch unit, Prime Minister Department.
- Oong Hak Ching, 1993, *British Policy and Chinese Politics in Malaya, 1942-1955*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Hull, United Kingdom: The University of Hull.
- Tan Liok Ee, 1996. *The Development Of Education In Malaysia*. *Aliran*, 16.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1996a. *Liberalisasi Pendidikan Gugat Masa Depan Melayu*. *Tamaddun*, Mac.
- 1996b. *Perkembangan Pendidikan Dan Masa Depan Malaysia*. Kertaskerja dibentangkan dalam *Kongres Sejarah Malaysis Ke II*, 26-28 November 1996.



Enakmen Tanah Rezab Melayu Dari Perspektif Sejarah

Nadzan Haron
Jabatan Sejarah, UKM

PENGENALAN

Persoalan tentang Tanah Rezab Melayu selalu dihubungkan dengan kesan negatif yang dinilai dari pembangunan ekonomi semasa. Pada hal penggubalan undang-undang berkenaan pada 1913 adalah sebagai satu langkah perundangan untuk mengatasi masalah ekonomi dan sosial orang Melayu akibat dari pembangunan ekonomi kolonial yang pesat. Maka itu dalam pendahuluan enakmen berkenaan telah dijelaskan "suatu enakmen untuk memberi perlindungan kepada orang Melayu terhadap kepentingan mereka ke atas tanah". Kertas ini merupakan tinjauan keatas enakmen berkenaan dari perspektif sejarah yang mungkin boleh dijadikan sebagai landasan perbincangan ke atas isu-isu yang dipersoalkan.

PENGENALAN SISTEM PEMILIKAN TANAG DI BAWAH PENTADBIRAN BRITISH

Pada akhir suku abad kesembilan belas, akibat dari bertambahnya permintaan keatas bahan mentah dan pasaran bagi pengeluaran yang berlebihan, Britain mula meluaskan pentadbiran kolonial keatas negeri-negeri Melayu. Kerajaan kolonial yang dibentuk di bawah Sistem Residen ditugaskan untuk mengwujudkan ketenteraman dan keamanan, memperluaskan industri perlombongan bijih dan juga mempertingkatkan hasil pertanian.¹

Dasar ekonomi kolonial untuk memajukan industri perlombongan bijih timah dan pertanian memerlukan pengenalan suatu sistem hakmilik yang baru demi untuk menarik minat pemodal mengeksploit sumber tanah. Sistem pegangan tanah yang terdapat tidak sesuai untuk ekonomi kapitalis. British telah memperkenalkan sistem pegangan tanah ala-Barat bagi mengaturkan pemilikan tanah dalam negeri yang telah dikuasainya.

Pengenalan sistem hakmilik tanah baru juga perlu untuk tujuan fiskal. Pegawai British yang dihantar untuk membuka dan mentadbirkan negeri-negeri Melayu perlu mencari perbelanjaan dari

sumber tempatan untuk menanggung pasukan keselamatan, penubuhan agensi pentadbiran, pembayaran gaji pegawai dan sebagainya.² Sumber kewangan yang kekal adalah melalui cukai tanah yang akan dikutip setiap tahun dari pemilik. Oleh yang demikian sebaik sahaja penjajahan bermula Residen telah mengeluarkan *Land Regulation*³ mewajibkan pendaftaran tanah dan pembayaran cukai hasil.

Pada teorinya tanah dibawah pemilikan tradisional tanah yang tidak diusahakan adalah milik raja. Andaian ini dikekalkan oleh pentadbiran kolonial. Sultan yang diiktiraf sebagai raja adalah pemilik dan berkuasa penuh keatas tanah dalam negeri yang diperintahnya. Berasaskan kepada konsep ini kerajaan kolonial yang bertindak atas nama sultan adalah bebas untuk mengenakan apa jua bentuk pemilikan yang sesuai demi untuk memajukan pertanian dan perlombongan.

Atas nasihat residen, sultan Perak dan kemudiannya sultan Selangor, telah membuat pengisytiharan bahawa sesiapa orang luar yang ingin mengusahakan pertanian seperti tanaman ubi kayu, kopi dan tanaman lain akan diberi tanah dengan percuma dan dikecualikan daripada bayaran cukai untuk selama tiga tahun. Manakala bagi mereka yang mengusahakan perlombongan pula dikenakan cukai mengikut kadar yang ditentukan oleh kerajaan.⁴ Laporan Residen Selangor dan Residen Perak mengatakan galakan sentiasa diberi kepada sesiapa saja yang ingin membuka tanah dengan mengenakan kadar cukai yang terendah sama ada keatas tanah, keatas hasil pertanian atau hasil galian yang diusahakan.⁵ Dalam laporan pentadbiran tahun 1875 Pemangku Residen Perak menyatakan pemilikan tanah adalah diberi percuma, geran pegangan kekal kemudiannya dikeluarkan dengan bayaran cuma satu dolar seekar dan cukai 1 1/2 peratus keatas hasil yang didagangkan dikenakan selepas tiga tahun.⁶

Dengan pengisytiharan ini pegawai British adalah bebas untuk memberikan jaminan hakmilik dari segi undang-undang kepada orang luar yang datang mengusahakan tanah di Negeri Melayu. Mereka juga adalah bebas untuk menawarkan tanah kepada sesiapa jua dan dalam apa jua bentuk pemilikan yang sesuai kepada dunia pengusahaan kapitalis. Demi untuk menggalakkan pembangunan dan kemasukan modal luar British telah mengenakan sistem pemilikan mengikut keperluan yang sesuai. Hakmilik tanah berdasarkan kepada sistem *deeds* (surat akuan janji) telah diperkenalkan. Pemilik diberi hak berkekalan dari segi urusniaga tanah, pindahtanah serta hak mewariskannya. Bagi tanah lombong hakmilik pajakan jangkamasa pendek telah diperkenalkan.⁷

Bagi tanah pertanian pemilikan jangka panjang pajakan selama 99 tahun atau suatu jangkamasa yang tidak ditentukan dibawah *a grant in perpetuity* telah diberikan. Bagi tanah orang Melayu pemilikan adalah kekal mengikut adat yang diamalkan, tambahan pula sebahagian besarnya terletak jauh dari pusat kegiatan perlombongan. Cuma tanah yang berhampiran dengan kawasan perlombongan, berhampiran dengan bandar atau jaringan komunikasi diletakkan dibawah pegangan pajakan.

Pengenalan sistem pemilikan tanah yang baru ini telah meninggalkan kesan negatif kepada pemilikan Melayu. Dibawah sistem tradisional tanah yang diusahakan oleh orang Cina tidak diiktiraf sebagai milik mereka. Sebaliknya sistem pemilikan yang diperkenalkan mengiktiraf pemilikan tanah yang mereka usahakan. Insentif yang ditawarkan kepada orang luar menyebabkan bermulanya kemasukan mereka secara beramai-ramai ke negeri Melayu untuk memiliki tanah pertanian dan perlombongan. Perkembangan ini menyempitkan peluang orang Melayu untuk membuka dan memiliki tanah. Manakala pengenalan surat milik tanah telah mengenalkan kepada mereka suatu sumber untuk mendapatkan kewangan. Pada peringkat ini tanah orang Melayu yang berhampiran dengan kawasan lombong telah mula terjual atau tergadai kepada golongan pendatang.

PERKEMBANGAN PENTADBIRAN TANAH DI MELAKA DAN KESANNYA KEATAS TANAH MILIK MELAYU

Sementara itu dua perkembangan tentang masalah pentadbiran tanah telah berlaku di Melaka dan kemudiannya telah mempengaruhi perkembangan pentadbiran tanah di Negeri-Negeri Melayu. Pertama, pengenalan Sistem Torrens dan keduanya Pengenalan Ordinan Tanah Adat. Apa bila British mengambil pentadbiran Melaka keseluruhannya sejak 1824 terdapat beberapa jenis pemilikan tanah iaitu pemilikan adat sejak semasa zaman Kesultanan Melaka, pemilikan semasa penjajahan Portugis, pemilikan semasa penjajahan Belanda dan seterusnya pemilikan dibawah pentadbiran British. Oleh kerana penguasaan Portugis ialah sekitar Kota Melaka sahaja maka sistem pemilikan adat terus berkekalan. Manakala dibawah penjajahan Belanda suratkatamilik (*Dutch Title Deeds*) dari Mahkamah Keadilan (*Court of Justice*) telag diperkenalkan bagi pemilikan tanah dikawasan bandar dan pemilikan orang Belanda persaorangan atau zamindars keatas kawasan tanah luar bandar.⁸ Pada masa yang sama sistem pemilikan adat diteruskan oleh orang Melayu sekitar petempatan mereka. Sehingga pada tahun 1880 terdapat empat jenis pemilikan

tanah di Melaka iaitu pemilikan adat (adat Melaka dan Adat Perpatih Naning), pemilikan geran Belanda (Dutch Title Deeds), pemilikan tanah dibawah Syarikat India Timur, dan pemilikan dibawah Crown.

Pemilikan yang demikian menimbulkan masalah kepada pentadbiran British di Melaka dalam urusan pemungutan cukai dan pengawalan tanah yang belum diterokai. Walaupun Gubernur General di India telah mengenalkan Malacca Land Act pada tahun 1839, namun pentadbiran tanah negeri Melaka masih memerlukan suatu sistem pendaftaran bagi menyusun semula pemilikan tanah yang berbeza-beza itu.⁹ Governor Weld telah menghantar W.E. Maxwell, Pesuruhjaya Tanah Negeri-Negeri Selat ke beberapa tanah jajahan British untuk mengkaji sistem pentadbiran tanah koloni berkaitan. Maxwell mendapati sistem Torrens Australia sesuai bagi pentadbiran tanah di Melaka. Sekembalinya pada tahun 1883 Maxwell telah mengenalkan Sistem Torrens bagi pendaftaran pemilikan tanah, dimana setiap pemilikan yang dituntut perlu diukur, ditanamkan batu sempadannya dan didaftarkan dibawah nama pemilik. Segala urusan tanah tidak diakui sah dan terbatal sekiranya bertentangan dengan peruntukan yang terkandung dalam undang-undang tanah yang berkaitan. Untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran tanah sistem mukim telah juga diperkenalkan.

Bagi tanah pemilikan adat suatu ordinan khas telah digubal iaitu *Malacca Lands Customary Rights Ordinance 1886*.¹⁰ Dibawah ordinan ini pemilikan tanah adat bererti "Tanah yang telah dimiliki mengikut adat tempatan Melaka yang diamalkan oleh penduduk samada melalui pewarisann pesaka, pindah milik atau tanah yang telah ditebang tebas dan diusahakan sebelum dua puluh empat haribulan November 1876. Dengan kuatkuasa undang-undang ini tanah negeri (crown land)¹¹ dengan keluasan tidak melebihi sepuluh ekar yang diterokai selepas 1876 dan diberimilik secara sah oleh Resident Councillor adalah juga diiktiraf tanah adat".¹²

Kesemua pemilikan tanah adat didaftarkan ke dalam daftar Mukim. Dalam perlaksanaan ordinan ini usurniaga tanah adat biasa adalah terhad dikalangan orang Melayu sahaja. Manakala tanah Adat Perpatih Naning terhad kepada anggota adat sahaja.

Bagi negeri-negeri Melayu walaupun pada dasarnya pentadbir tanah telah mengikut peraturan adat dalam mentadbirkan tanah pegangan anggota adat seperti di Negeri Sembilan namun demikian belum ada undang-undang tertulis yang khas bagi pentadbiran tanah tersebut. Manakala dinegeri-negeri lain juga tidak ada undang-undang yang mentadbirkan urusan persendirian seperti penyewaan, pemajakan dan *lien* (satu bentuk transaksi dengan mencagarkan dokumen hakmilik tanah kepada pemberi pinjaman). Ketiadaan

peraturan yang boleh menyekat pindahmilik kepada bukan Melayu menyebabkan tanah pegangan Melayu terdedah kepada semua bentuk urusniaga persendirian. Apabila Maxwell dilantik sebagai Residen Selangor pada tahun 1889 Maxwell telah menggunakan pengalamannya di Melaka dalam usaha mengwujudkan suatu sistem pentadbiran tanah yang seragam dan usaha mengatasi masalah tanah orang Melayu. Sistem Torrens telah diperkenalkan dan ciri yang hampir sama terdapat dalam Malacca Lands Customary Rights, 1886 telah disesuaikan dalam Selangor Land Code 1891. Dibawah Kanun Tanah Selangor ini tanah pegangan Melayu diletakkan dibawah peruntukan "Customary Land" yang didaftarkan dalam Daftar Mukim. Seorang pemilik itu dianggap mempunyai hak pegangan kekal, dan hak untuk pemindahan milik dengan syarat pemilik menjelaskan cukai tahunan yang dikenakan. Kesemua tanah dibawah pegangan Melayu didaftarkan dalam Buku Daftar Tanah Adat pejabat daerah berkenaan, dan setiap pemilik diberikan dokumen hak milik yang merupakan cabutan dari Buku Daftar Tanah Adat.¹³

Selangor Land Code 1891 merupakan cuba menjaga kepentingan Melayu secara tertulis. Dibawah Seksyen 23 dijelaskan bahawa adalah tidak sah dari segi undang-undang bagi tanah yang terdaftar dibawah seksyen ini dipindah milik kepada seorang yang bukan Islam (Muhamedan), sebarang pindahmilik kepada seorang yang bukan Islam adalah tidak sah dan terbatal.

Pada tahun 1897 setelah pembentukan Negeri Melayu Bersekutu Sistem Torrens telah diperkenalkan pula di Perak, Pahang dan Negeri Sembilan dibawah suatu undang-undang tanah yang seragam.¹⁴ Tanah dibahagikan kepada (a) tanah bandar, (b) tanah desa keluasan dibawah 100 ekar, dan (c) tanah desa 100 keatas. Pemilikan bagi tanah keatas (a) dan (c) adalah pegangan pajakan. Manakala tanah kelas (b) adalah pegangan dibawah Daftar Mukim. Tanah yang sebelum ini dirujuk sebagai "tanah adat" tidak lagi mempunyai apa keistimewaan seperti sebelumnya. Pemilik tanah dalam Daftar Mukim diberikan hak kekal keatas urusan pindah milik, pewarisan, kepentingan dan pendudukan.¹⁵ Dalam erti kata lain tidak ada sekatan lagi bagi pemilik untuk apa jua bentuk urusniaga tanah yang ingin dilakukan.

KESAN PERKEMBANGAN INDUSTRI GETAH KEATAS TANAH MILIK MELAYU

Pada masa yang sama getah pula mula mendapat perhatian sebagai tanaman komersial. Ini menimbulkan permintaan terhadap tanah yang lama kelamaan mengakibatkan pembukaan ladang getah yang

diusahakan oleh syarikat milik pengusaha Barat dan juga orang persaoangan yang terdiri daripada bukan Melayu khususnya orang Eropah dan Cina. Tradisi menghadiahkan tanah *Squares of land* kepada bekas anggota tentera British dan Unit Kolonial seperti yang dipraktikkan di India juga diamalkan di Tanah Melayu. Disamping itu kemudahan kredit *Planters Loan Fundi* juga disediakan oleh pihak pemerintah untuk penanaman getah. Kesemua ini mengakibatkan gejala dimana tanah yang berhampiran pinggir kampung telah menjadi milik bukan Melayu yang terdiri daripada orang persaoangan dan syarikat-syarikat besar. Seperti yang dilaporkan oleh R.O. Winstedt ketika itu menjadi Pegawai Daerah Kuala Pilah, timbul kecenderungan dimana pemilik ladang menawarkan harga tinggi untuk membeli tanah milik Melayu yang bersempadankan ladang mereka. Manakala pembinaan landasan keretapi dan jalanraya telah menaikkan nilai tanah yang berhampiran dengan infrastruktur berkenaan. Ini meninggalkan kesan dimana pemilik Melayu berkecenderungan untuk melepaskan pegangan mereka bila mendapat tawaran untuk pajakan, gadaian yang berkemungkinan untuk berpindah milik atau jualan terus.

Tanah pegangan Melayu semakin terancam pada hujung deka pertama adab kedua puluh. Kemasukan orang asing khususnya Cina yang begitu ramai menyebabkan permintaan keatas tanah semakin meningkat untuk petempatan, pertanian dan sebagainya.¹⁶ Manakala meningkatnya permintaan terhadap getah dipasaran Eropah menyebabkan bertambahnya lagi pengaliran masuk modal dari luar untuk membuka ladang getah.¹⁷ Arus ini turut disertai oleh orang-orang persaoangan khususnya orang cina tempatan yang berbekalkan modal yang besar. Akibatnya berlaku pemilikan tanah yang begitu luas oleh syarikat perladangan dan orang persaoangan yang rata-rata terdiri daripada bukan Melayu. Manakala orang Melayu walaupun ada yang terlibat sebagai pekebun kecil namun milik mereka yang sedia ada telah terancam oleh sogokan tawaran harga yang tinggi dan ancaman golongan pemberi pinjam wang. Pemberi pinjam wang seperti Chettiar biasanya memberi pinjaman wang dengan mudah, sebaliknya mengenakan bunga yangtinggi dan geran tanah menjadi cagarannya. Apabila peminjam tidak dapat menjelaskan hutangnya tanah akan menghadapi risiko lelong. Dilaporkan penjualan tanah oleh orang Melayu merebak begitu cepat dan keadaan ini membimbangkan kerajaan.¹⁸ Orang Melayu tidak mampu bersaing dalam arus ekonomi moden. Ketika itu kemampuan mereka dalam ekonomi saradiri saja maka itu tanah adalah aset untuk penerusan ekonomi demikian.

Dalam beberapa daerah adat di Negeri Sembilan pentadbir tanah mendapati peraturan adat yang tidak bertulis itu walaupun berperanan menyekat tanah yang dianggap sebagai adat dari gejala yang berlaku, namun terdapat beberapa kes dimana dokumen hakmilik yang dicagarkan kepada peminjam wang itu dikesan sebagai dokumen tanah adat. Ini menimbulkan masalah kepada pegawai tanah apabila pemberi pinjam menuntut hutang yang telah diberikan. Lantas pada tahun 1909 peraturan adat telah digubal sebagai suatu undang-undang tertulis iaitu *Customary tenure Enactment, 1909*. Dengan adanya undang-undang tertulis ini dimana setiap dokumen hakmilik tanah adat disahkan dengan perkataan *Customary Land* beberapa masalah tentang tanah pegangan adat telah dapat diatasi. Namun demikian tanah yang tidak tertakluk kepada peraturan adat masih terdedah kepada gejala berkenaan. Kerajaan kolonial telah mengambil langkah bagi menjaga kepentingan Melayu dengan mengenakan syarat dimana tanah negeri diberi milik kepada orang Melayu dikhaskan untuk tanaman makanan dan tidak untuk tanaman getah. Cukai bagi tanah pertanian ini adalah lebih rendah daripada cukai tanah getah. Tujuan syarat berkenaan adalah untuk menggalakkan penjualan kepada bukan Melayu yang kebanyakan mereka membeli tanah untuk tujuan menanam getah.

ENAKMEN REZAB MELAYU

Untuk mengatasi masalah tanah orang Melayu British akhirnya mengenakan suatu dasar perundangan merezabkan tanah khas untuk mereka. Suatu undang-undang yang menghadkan urusaniaga dan mengawal pindahmilik tanah pegangan Melayu telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1913 iaitu Enakmen Rezab Melayu. Dijelaskan dalam mukadimahnya (Preamble) "suatu enakmen untuk melindungi kepentingan orang Melayu keatas tanah". Enakmen ini memberi peruntukan kawasan yang dinamakan sebagai tanah rezab Melayu. Dibawah Setsyen 3 Residen negeri dengan Raja (Ruler in Council) diberikuasa mengistiharkan danewartakan mana-mana kawasan tanah negeri berkenaan sebagai "Rezab Melayu". Dibawah Seksyen 4 residen dengan persetujuan Raja bolehewartakan sebarang perubahan sempadan kawasan rezab Melayu. "Tanah Rezab" bererti tanah yang terletak dalam kawasan yang diistiharkan mengikut Seksyen 3 atau Seksyen 4. Ia meliputi tanah yang sedia menjadi pegangan Melayu dalam kawasan berkenaan dan tanah negeri yang sedia dimiliki oleh bukan Melayu dalam kawasan berkenaan namun ianya tidak tertakluk kepada

Enakmen Tanah Rezab Melayu melainkan ia telah berpindah milik kepada orang Melayu. Enakmen ini memberi perlindungan kepada orang Melayu dengan dua cara. Pertama, sekatan memberi hakmilik tanah dan apa jua kepentingan dalam kawasan rezab melayu kepada bukan Melayu.¹⁹ Kedua Enakmen juga melarang urusanniaga persendirian tanah pegangan Melayu dalam kawasan rezab berkenaan dengan bukan Melayu.²⁰ Manakala tanah milik bukan Melayu yang terletak dalam kawasan yang diistiharkan pemilik tiada tertakluk kepada enakmen.

Dalam ertikata lain sekatan dikenakan kepada pihak berkuasa negeri melupuskan, memberi milik, mejual dan memajak tanah negeri yang telah diwartakan tanah rezab Melayu kepada bukan Melayu. Seandainya terdapat tanah rezab Melayu yang terpaksa dijual lelong kerana tuntutan cukai keatas pemilik, penyelesaian hutang dan sebagainya penjualan berkenaan dibolehkan kepada pembeli yang ditakrifkan Melayu oleh enakmen yang digunakan dimana tanah itu terletak. Sebarang urusanniaga atau pelupusan yang bertentangan dengan ekanmen berkenaan adalah tidak sah dan terbatal.²¹

Larangan urusanniaga persendirian (*private dealings*) yang dikuatkuasakan dibawah enakmen ini dianggap sebagai suatu penindasan dari bentuk atau tujuannya. Dasar yang bertujuan untuk melindungi petani Melayu sebaliknya mengasingkan mereka dari sebarang kemudahan kredit yang mereka perlukan untuk memajukan tanah berkenaan. Maka itu pada praktiknya urusanniaga persendirian dengan bukan Melayu tetap berlaku walaupun pinjaman yang diperolehi adalah jauh lebih rendah seperti nilai sebelumnya.

Pada tahun 1933 Enactment 1913 telah dimansuhkan dan diganti dengan enakmen baru iaitu Malay Reservations Enactment Cap 142 berkuatkuasa sehingga kini di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.²² Enakmen ini memberi peruntukan kepada pemilik tanah untuk mendapatkan kredit samada sebagai cagaran atau pajakan kepada kerajaan atau syarikat kerjasama tertentu.²³ Dibawah pindaan 1954 institusi bagi transaksi kredit telah diluaskan lagi antaranya termasuk RISDA, Lembaga Tanaman Semula Industri Getah, Lembaga Pinjaman Peladang (*Planters Loans Board*), Federal and Colonial Building Society dan Housing Trust. Pindaan ini juga memberi kuasa kepada Raja untuk menambah institusi kewangan dan badan-badan lain yang sesuai bila diperlukan.²⁴ Ini terpulanglah kepada kerajaan negeri tertentu, bagi negeri Selangor kini misalnya institusi ini meliputi Bank Bumiputera, MARA, PKNS, Perbadanan Nasional Berhad, Bank Pertanian Malaysia dan beberapa lagi. Pindaan tambahan dibuat dari masa ke semasa bagi membolehkan tanah negeri yang terletak dalam kawasan Rezab Melayu diberi milik kepada badan-badan tertentu untuk pembangunan.

Undang-undang seperti enakmen 1913 telah diperkenalkan di Kelantan pada tahun 1930, di Kedah pada tahun 1931, dan di Perlis pada tahun 1935. Manakala FMS Enactment Cap 142 dijadikan panduan bagi Enakmen Rezab Melayu Johor diperkenalkan pada tahun 1936 dan ini diikuti oleh Terengganu pada tahun 1941. Pada dasarnya kesemua enakmen berkenaan adalah sama namun terdapat perbezaan dalam beberapa aspek terutamanya bagi takrif Melayu yang digunapakai dalam negeri-negeri tertentu. Takrif "Melayu" dalam FMS Malay Reservations Enactment, Cap 142 menjelaskan seorang yang berketurunan mana-mana ras Melayu, bertutur bahasa Melayu dan beragama Islam".²⁵ Ini sama dengan yang terdapat dalam seksyen 2 Enakmen Trengganu. Enakmen Kelantan tidak menjelaskan syarat berbahasa Melayu dan meluaskan takrif berkenaan kepada Majlis Agama Islam dan pentadbir resmi yang dilantik untuk mentadbir atau sebagai pemegang amanah pesaka seorang Melayu yang telah meninggal.²⁶ Enakmen Perlis memberikan takrif Melayu yang meliputi seorang yang berketurunan Arab.²⁷ Manakala Enakmen Kedah mentakrifkan Melayu "seorang yang beragama Islam, bertutur Bahasa Melayu, dan salah seorang dari ibu bapanya berketurunan Melayu atau Arab".²⁸ Takrif yang demikian kekal berbeza statusnya dari satu negeri ke satu negeri lain. Manakala takrif "Melayu" bagi institusi tertentu yang ditakrif sebagai Melayu dan disesuaikan dalam Jadual Kedua Malay Reservations Enactment adalah sama bagi semua negeri.

Tidak dinafikan terdapat beberapa kekeliruan tentang pemakaian Seksyen 2 ini seperti kes *Hanisah v. Tuan Mat* yang berlaku di Kelantan.²⁹ Untuk mengatasi kekeliruan yang mungkin timbul berhubung pentakrifan Seksyen 2, kesemua Enakmen Rezab Melayu mengandungi peruntukan sekiranya ada kekeliruan samada seseorang itu adalah seorang Melayu dalam pengertian Enakmen ini perkara itu hendaklah dirujuk kepada Raja (Ruler in Council) untuk memberi keputusan dan setiap keputusan itu adalah tetap dan tidak boleh dipersoalkan atau disemak semula oleh mana-mana mahkamah.³⁰

NOTA

- 1 Laporan pentadbiran oleh F.A. Swettenham, April 27, 1875, dalam Malay Peninsular, Further Correspondence, No. 28, C. 1320.
- 2 Colonial Secretary kepada Governor of the Straits Settlements, June 1, 1876, No. 70 of C. 1512.
- 3 Sebelum pembentukan Majlis Negeri peraturan asas tentang tanah dikeluarkan sebagai notis resmi *Land Regulations* atas nama Residen British.
- 4 Perisytiharan Perak dalam Malay Peninsula, Further Correspondence, No. 20 of C. 1320.
- 5 Malay Peninsular, Further Correspondence, 1875, No. 28 of C. 1320.
- 6 Malay Peninsular, Further Correspondence, 1875, No. 20 of C. 1320.
- 7 Jangkamasa milik pajakan tanah ini adalah berbeza-beza. Di negeri perak pajakan adalah untuk selama 21 tahun manakala bagi tanah lombong di Negeri Sembilan pajakan diberi sama seperti yang dikuatkuasakan di Pahang iaitu selama 25 tahun. Tujuan adalah tahun untuk membolehkan pemilik menjadikan tanah berkenaan sebagai *colateral* bagi mendapatkan pinjaman modal. Perak State Council Minutes, 1877-79, dalam R.J. Wilkinson, ed., Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, 1924. Pahang Annual Administration Report, for 1889, Papers Relating to Malay States, C. 8661.
- 8 Suratikatan milik ini mempunyai nombor dan pelan tanah yang tidak mempunyai kedudukan sempadan yang jelas dan cop mohor Syarikat Hindia Timur Belanda. Untuk keterangan lanjut lihat C.A. Mills, *British Malays 1824-1867* (Kuala Lumpur: 1966), h. 99-101; dan W.E. Maxwell *The Laws and Customary of the Malays with reference to the Tenure of Land*, JMBRAS No. 13, 1884, h. 151-2.
- 9 Lihat L.A. Mills, *British Malaya*, h. 113-15.
- 10 *The Laws of the Straits Settlements*, Vol. 1 1835-1900 (London: 1920), h. 440-454.
- 11 Selepas Syarikat Hindia Timur menyerahkan Negeri-Negeri selat kepada Mahkota British, Negeri-Negeri Selat menjadi milik Mahkota dan tanah negeri dikenali sebagai *Crown Land* dan tidak lagi Tanah Kompeni.
- 12 S. 2 dan 31 Malacca Lands Customary Rights 1886.
- 13 Part III, Selangor Land Code, 1891.
- 14 Perak Land Enactment, No. 17 of 1897; Selangor Land Enactment, No. XV of 1897; Negeri sembilan Land Enactment, No. XXII of 1897; Pahang Land Enactment, No. XXVII of 1897.

- ¹⁵ S. 27, *ibid*
- ¹⁶ Pada tahun 1819 jumlah penduduk bukan Melayu di Perak, Selangor, Negeri sembilan dan Pahang ialah 44% dan daripada jumlah ini 33% terdiri daripada pendatang Cina. Pertambahan penduduk bukan Melayu boleh dilihat dari peningkatan jumlah penduduk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sehingga 678,595 orang pertambahan 62% berbanding dengan tahun 1891. Manakala pada tahun 1905 jumlah penduduk meningkat kepada 850,000 dengan kemasukan pendatang luar. Lihat Lim teck Ghee, *Peasant and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941* (Kuala Lumpur: 1974) h. 28.
- ¹⁷ Dilaporkan keluasan kawasan getah di Negeri Melayu Bersekutu meningkat tujuh kali ganda pada dekad pertama abad kedua puluh. Pada akhir 1909 terdapat sejumlah 377 ladang getah dengan keluasan setengah juta ekar. Lim Teck Ghee, *Peasant and Their Agricultural Economy* h. 72.
- ¹⁸ Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy*, h. 107.
- ¹⁹ S.7, No. 15 of 1913.
- ²⁰ S. 8, No. 15 of 1913.
- ²¹ S. 8, No. 15 of 1913.
- ²² Beberapa pindaan telah dilakukan kemudiannya: FMS Enactments, No. 28 of 1936, No. 51 of 1936; Federation of Malaya Ordinances, No. 1 of 1948, No. 25 of 1954; Legal Notofication No. 233 of 1959; Pahang Enactment, No. 1 of 1962, Perak Enactment, No. 3 of 1962; Negeri Sembilan Enactment No. 1 of 1963,; dan Selangor Enactment, No. 15 of 1961.
- ²³ S. 17, No. 30 of 1933.
- ²⁴ S. 17(2), No. 30 of 1933.
- ²⁵ Pindaan No. 51 of 1936 section 2 meluaskan takrif Melayu kepada mana-mana syarikat berdaftar yang mana ahlinya terdiri daripada orang-orang Melayu dan pemindahan saham-saham terhad kepada Melayu.
- ²⁶ S.3 (i) Kelantan Malay Reservations Enactment, No. 18 of 1930.
- ²⁷ S. 2 Perlis Reservations Enactment, No. 7 of 1935.
- ²⁸ S. 2 Kedah Malay Reservations Enactment, No. 63 of 1349.
- ²⁹ [1970] Malay Law Jurnal, 213. Dalam kes ini plaintif memohon mahkamah mengistiharkan pindah milik tanah rezab Melayu yang telah diluluskan oleh pejabat tanah kepada defenden sebagai tidak sah dan terbatal kerana defenden dilahirkan seorang Cina dan kemudiannya dipelihara oleh keluarga Melayu.
- ³⁰ FMS Enactment, Cap. 142 S. 20; Johor, S. 22; Trengganu, S. 22; Kelantan, S. 13; Kedah, S. 17; dan perlis S. 18.

Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Dan Republik Filipina Terhadap Borneo Utara Dan Reaksi British, 1961-1963

Nik Anuar Nik Mahmud
Jabatan Sejarah, UKM

PENGENALAN

Walaupun Sabah telah mencapai kemerdekaan dan kini merupakan sebahagian daripada Malaysia, ia masih lagi dihantui oleh tuntutan waris kesultanan Sulu yang menganggap negeri itu sebagai hak milik mereka. Pada 6 Februari 1994, umpamanya, Esmail Kiram, waris Kesultanan Sulu, berikrar akan mendapatkan negeri Sabah dan menuntut pampasan sehingga AS\$10 bilion (RM26 bilion) daripada Malaysia kerana "menduduki dan mengeksploitasi wilayahnya secara haram."¹ Isu tuntutan waris kesultanan Sulu bukanlah merupakan isu baru. Pada ketika Sabah (dulu Borneo Utara) masih berada di bawah penjajahan British, tuntutan yang sama pernah dikemukakan kepada pihak British tetapi telah ditolak atas alasan bahawa tuntutan itu tidak berasas.

Memandangkan isu Sabah telah berbangkit semula elok kiranya pengalaman sejarah dijadikan iktibar dalam usaha untuk menanganinya. Maka itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincang tentang bagaimana British menangani tuntutan waris Kesultanan Sulu dan Republik Filipina menjelang penubuhan Malaysia, 1961-1963 serta asas-asas yang digunakan oleh pihak British untuk menolak tuntutan itu. Kajian ini telah dibuat berasaskan sumber rasmi British yang disimpan di Public Record Office, England.

TUNTUTAN WARIS KESULTANAN SULU KE ATAS BORNEO UTARA

Pada asalnya Borneo Utara adalah milik kesultanan Sulu. Tetapi, pada tahun 1878, Sultan Jamalul Kiram, Sultan Sulu, telah menyerahkan wilayah itu kepada Baron Overbeck dan Alfred Dent.² Sebagai balasannya, Overbeck dan Dent bersetuju untuk membayar kepada sultan Sulu sebanyak \$5000 setiap tahun sebagai bayaran penyerahan (*cession monies*).² Dalam tahun 1930, Sultan

Jamalul-Kiram III, berusaha untuk membatalkan pemberian tersebut tetapi telah di tolak³ oleh Kerajaan British atas alasan bahawa pemberian 1878 adalah 'pajakan yang berkekalan'.

Selepas tamatnya perang dunia kedua, Borneo Utara telah menjadi tanah jajahan British. Pada awal tahun 1946, waris Kesultanan Sulu, dengan dibantu oleh peguam daripada Amerika Syarikat, sekali lagi cuba untuk menuntut Borneo Utara, tetapi tidak dilayan oleh kerajaan British.⁴ Usaha waris Kesultanan Sulu untuk mendapatkan sokongan ahli-ahli Dewan Perwakilan Filipina dan kerajaan Filipina juga menemui jalan buntu.⁵ Dalam tahun 1957 waris Kesultanan Sulu mengisytiharkan perjanjian 1878 sebagai 'null and void'.⁶ Kerajaan British bagaimanapun tidak mengiktiraf tindakan waris Kesultanan Sulu tersebut. Kerajaan British menegaskan bahawa waris kesultanan Sulu hanya berhak untuk menuntut wang penyerahan atau *cession monies* sahaja seperti yang ditetapkan oleh Pemberian 1878.

Pengumuman kerajaan British pada pertengahan tahun 1961 untuk menubuhkan "Malaysia" telah memarakkan lagi tuntutan waris kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara.⁷ Kali ini waris kesultanan Sulu memperolehi sokongan daripada Senator Diosdado Macapagal yang telah memenangi dalam pilihan raya Presiden dalam tahun 1961. Semasa bertugas sebagai pegawai undang-undang di Kementerian Luar Filipina, Macapagal pernah terlibat dalam rundingan untuk mendapatkan kembali gugusan kepulauan 'penyu' dalam tahun-tahun 1946-47. Beliau juga merupakan salah seorang Senator yang memperjuangkan soal Borneo Utara dalam tahun-tahun 1950-an serta bertanggung jawab dalam mengemukakan resolusi dalam Dewan Perhimpunan pada 28 April 1950. Resolusi itu mendesak kerajaan Filipina mengadakan rundingan dengan kerajaan British bagi menuntut Borneo Utara. Waris kesultanan Sulu telah mengambil kesempatan itu untuk memperbaharui tuntutan mereka ke atas Borneo Utara.

Tuntutan waris Kesultanan Sulu itu juga turut di sokong oleh akhbar-akhbar Filipina. Artikel-artikel tentang sejarah Borneo Utara telah disiarkan secara bersiri dalam akhbar-akhbar. Napoleon G. Rama, seorang wartawan *Philippines Free Press*, dalam artikelnya bertajuk 'North Borneo - Its Ours', mendesak kerajaan Filipina supaya membawa kes tuntutan itu ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.⁸ Pada pandangannya Borneo Utara adalah milik Republik Filipina. Pada 5 Februari 1962, Putri Tarhata Kiram, bagi pihak waris kesultanan Sulu, melalui peguamnya, J.C. Orendain, telah mengemukakan petisen kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina menyatakan tuntutan mereka ke atas hak milik ke atas Borneo Utara dan hasrat mereka untuk melihat wilayah itu menjadi sebahagian daripada negara Republik

Filipina⁹. Dilampirkan bersama dengan Petisen itu ialah beberapa dokumen kepunyaan Arkib Sepanyol, seperti salinan Perjanjian 1878 dan surat Sultan Sulu kepada Governor-Jeneral Sepanyol (1878) sebagai bukti pengukuhan tuntutan. Mengikut Putri Tarhata dokumen-dokumen Sepanyol membuktikan bahawa pemberian pada tahun 1878 adalah bersifat pajakan '*contrato de amendamiento*' dan bukan serahan seperti yang didakwa oleh British. Tambahnya lagi, Sultan Sulu, dalam suratnya kepada Governor-Jeneral Sepanyol bertarikh pada 4 Januari 1878, juga menafikan bahawa beliau menyerahkan wilayah tersebut kepada Overbeck dan Dent.

Petisen itu telah diteliti oleh Jabatan Undang-Undang Hal Ehwal Luar Filipina¹⁰. Pada 12 Mac 1962, G. Ramos, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Filipina, telah mengemukakan kepada Dewan Rendah Kongres resolusi untuk meminta Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina mengambil langkah untuk menuntut semula Borneo Utara.¹¹ Pada 24 April 1962, Dewan Perwakilan Filipina telah meluluskan resolusi tersebut yang dikenali sebagai 'Resolusi Ramos'.¹² Resolusi ini memberi kuasa kepada Presiden Republik Filipina untuk mengambil segala langkah bagi memperolehi kembali Borneo Utara mengikut lunas-lunas undang-undang.¹³

REAKSI BRITISH TERHADAP TUNTUTAN WARIS KESULTANAN SULU

Perkembangan di Filipina berhubung dengan isu 'Borneo Utara' itu telah mendapat perhatian serius daripada Pejabat Kedutaan British di Manila. J.A. Pilcher, Duta British di Manila, dalam kawatnya kepada Pejabat Luar British pada 22 Mei, mencadangkan kerajaan British memaklumkan secara rasmi kepada Kerajaan Filipina bahawa hak kedaulatan British ke atas Borneo Utara adalah mutlak.¹⁴ Seajar dengan nasihat itu, pada 26 Mei 1962 pejabat Luar British mengarahkan Pilcher mengemukakan aide-memoire kepada Setiausaha Luar Filipina, Emmanuel Pelaez. Aide-memoire tersebut menegaskan pendirian Kerajaan British untuk menolak sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh kerajaan Filipina ataupun waris kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara.¹⁵

Her Majesty's Government are convinced that the British Crown is entitled to and enjoys sovereignty over North Borneo and that no valid claim to such sovereignty could like from any other quarter, whether by inheritance of the rights of the Sultan of Sulu (the only right of his heirs

being to continue to receive their shares of the cession money) or by virtue of former Spanish and American sovereignty over the Sulu Archipelago in the Philippines Islands. In the interests of the people of British North Borneo, no less than because of their undoubted legal rights, Her Majesty's Government would be bound to resist any claim to part of North Borneo, whether advanced by the Philippine Government or by private persons in the Philippines

*Moreover, the Governments of the United Kingdom and Malaya have welcomed in principle proposals for a new and independent Federation of Malaysia which would unite the independent Federation of Malaysia with North Borneo and Brunei, Sarawak and Singapore. The Commission set up by the Governments of the United Kingdom is shortly to report on these proposals in so far as they affect North Borneo and Sarawak. A public dispute with the Philippine Government about North Borneo at a critical juncture in the political development of North Borneo. It could impair the present friendly relations between Great Britain and her ally, the Philippine Republic, and it might even lead to territorial claims being put forward by other South East Asian countries. It repercussions might involve and embrace other friendly governments. Such developments would impair the stability of South East Asia and the capacity of the peoples concerned for offering united resistance to Communist encroachment and subversion.*¹⁶

Pelaez, selepas membaca nota tersebut, menjelaskan bahawa adalah sukar bagi kerajaan Filipina untuk mengenyepikan tuntutan itu kerana Dewan Perwakilan telah sebulat suara meluluskan resolusi tersebut.¹⁷ Pelaez berharap persoalan itu akan dapat diselesaikan sebelum penubuhan Malaysia. Pada 22 Jun 1962, Presiden Macapagal secara rasmi telah mengemukakan tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Borneo Utara.¹⁸ Kenyataan akhbar Macapagal berbunyi seperti berikut:

As regards the North Borneo question, which for some time now has been under intensive study by the Department of Foreign Affairs and other officials of the Government under my supervision, the British

Government sent us a Note under date of May 25, 1962, asserting British ownership and sovereignty over the territory. In reply to this Note, and on the basis of the result of the exhaustive studies made on the matter, I have instructed the Acting Secretary for Foreign Affairs to hand a Note today to the British Ambassador in Manila embodying our position which, in turn, asserts ownership and sovereignty.

We are suggesting peaceful negotiations because this is the way of diplomacy, and because our position is, in our view, so soundly based on law and justice that it will prevail where reason prevails. We take this action without any feeling of unfriendliness towards the United Kingdom, but solely in the peaceful pursuit of our national interests.¹⁹

Pada hari yang sama, Kerajaan Filipina telah mengemukakan *aide-memoire* kepada kerajaan British melalui Duta British Pilcher Duta Filipina di London, M.J.Gamboa.²⁰ Dalam *aide-memoire* yang dikemukakan itu, Kerajaan Filipina mendakwa bahawa pertikaian wujud antara kerajaan Filipina dan Waris Kesultanan Sulu dengan Kerajaan British mengenai Borneo Utara. Kerajaan Filipina mencadangkan agar rundingan diadakan bagi menyelesaikan kes tersebut.

I feel I should inform Your Excellency that the House of Representatives of the Philippines at its last session unanimously adopted a resolution urging the speedy settlement of the North Borneo question. On February 5, 1962, the attorneys for the heirs of the Sultan of Sulu addressed a communication to the Department regarding the claim of proprietary rights over the North Borneo territory and the desire to see the territory included as part of the national territory of the Republic of the Philippines. It is clear from Your Excellency's Note of May 25, 1962, and from the letter of the attorneys for the heirs of February 5, 1962, that there is a dispute between the Sultanate of Sulu and the Philippine Government on the one side and Her Majesty's Government on the other regarding the ownership and sovereignty over North Borneo.²¹

Selepas menerima aide-memoire itu, Pejabat Luar British mengeluarkan kenyataan akhbar yang menolak dakwaan Filipina. Kenyataan itu berbunyi seperti berikut:

Her Majesty's Government are entirely satisfied that the Crown is entitled to and enjoys sovereignty over North Borneo and that no valid claim to such sovereignty can lie from any other quarter, whether by inheritance of the rights of the Sultan of Sulu (the only right of his heirs being to continue to receive their shares of the cession money) or by virtue of former Spanish and American sovereignty over the Sulu Archipelago in the Philippine Islands.

In the interests of the people of North Borneo, whose future is now being considered in the context of proposals for an independent Federation of Malaysia, Her Majesty's Government would feel bound to resist any such claim.²²

Sementara itu, Akhbar North Borneo News and Sabah Times menganggap tuntutan Filipina itu sebagai 'RUBBISH'.²³ Akhbar itu menegaskan:

There is no substance whatsoever in the Philippines claim no one in North Borneo has any doubt at all.

The Philippines Government note referred to a 'dispute'. There is no dispute. North Borneo belongs to the people of North Borneo. At present it is a British Colony and as such belongs to the United Kingdom, but in accordance with the United Kingdom policy of helping colonial territories to gain independence, North Borneo like other Colonial territories is working for self government and independence, independence which would mean that the country will be handed to the people of the country to govern.

The Filipino claim must be totally rejected by the British if the British are to keep faith with the people of Sabah. There can be no discussion and there must be no 'conversation started either in Manila or in London between representatives of the governments of the Philippines and the British. Any semblance of the British agreeing that

*there is a case for discussions would only lend strength to the Filipino claim. There can be no discussion. There must be no discussion. The claim must be unconditionally rejected.*²⁴

Dalam kawatnya kepada Pilcher, F.A. Warner, Ketua Asia Tenggara di Pejabat Luar British menegaskan bahawa kerajaan British tidak berhasrat untuk mengadakan sebarang perbincangan dengan Kerajaan Filipina.²⁵ Gabenor Borneo Utara, Sir W.Goode, telah menyokong keputusan Pejabat Luar British sambil mengingatkan bahawa sebarang cadangan untuk mengadakan perbincangan dengan Filipina tentang Borneo Utara pasti akan mencetuskan bantahan penduduk-penduduk di Borneo Utara.²⁶ Namun demikian, Warner menegaskan bahawa kerajaan British akan menjawab nota kerajaan Filipina itu.

Pada 26 Jun 1962, mesyuarat telah diadakan di Pejabat Luar British bagi membincangkan *aide-memoire* kerajaan Filipina.²⁷ Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah wakil-wakil daripada Pejabat Hubungan Komonwel dan Pejabat Tanah Jajahan. Mesyuarat itu telah mengambil keputusan untuk tidak akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan Filipina. Kerajaan British juga tidak akan menjawab *aide-memoire* sebelum berbincang dengan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu. Mesyuarat juga mengambil keputusan agar tidak akan meminta pihak ketiga untuk campur tangan menyelesaikan pertikaian tersebut.

Pada 1 Ogos 1962, Kerajaan British dan Tanah Melayu telah mengeluarkan kenyataan bersama di London tentang keputusan untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 dengan Borneo Utara sebagai sebahagian daripadanya. Keputusan itu ternyata mengecewakan pihak Filipina. Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan pada hari yang sama, Macapagal menegaskan bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan pertikaian itu ialah Britain dan Filipina mengadakan rundingan tentang kes Borneo Utara sebelum atau semasa penubuhan Malaysia.²⁸

Dua hari kemudian, Elbaeza, Setiausaha Luar Pejabat Luar Filipina, telah menyerah kepada Pilcher *aide-memoire* menuntut diadakan segera rundingan bagi menyelesaikannya:

...these conversations become all the more necessary in wake of the reported signing in London of an agreement for establishment of Federation of Malaysia which would include North Borneo territory. This agreement can, in no way, be accepted by the Philippines claim, of which the British Government and the Malayan Government are

fully aware. That claim subsists and shall subsist until dispute is resolved by peaceful means in accordance with the principles of United Nations Charter.²⁹

Nota Filipina itu telah dibincang di Pejabat Luar British. Pada 7 Ogos 1962 E.H. Peck, Under-Secretary of State di Pejabat Luar, telah menyerahkan jawapan Pejabat Luar kepada Duta Filipina M.J. Gamboa.³⁰ Antara lain, nota kerajaan British itu menekankan bahawa:

H.M.G. doubt whether the Note from the Government of the Philippines can have stated the position in saying 'that there is a dispute between the Sultanate of Sulu and the Philippine Government on the one side and H.M.G. on the other regarding the ownership and sovereignty over North Borneo'. Insofar as this refers to a dispute with the 'Sultanate of Sulu', H.M.G. had understood that the existence of the Sultanate of Sulu had not been recognized by the Government of the Philippines for many years and that even the residual spiritual authority enjoyed by Sultan Jamalul-Kiram had lapsed with his death in 1936. As for the existence of a dispute with the Government of the Philippines, the foundation suggested for this would appear to be the letter addressed to the Philippine Department of Foreign Affairs on the 5th of February, 1962 by the Attorneys for the heirs of the Sultan of Sulu. H.M.G. have, of course, not been informed of the terms of the letter, to which reference is made in the 4th and 5th paragraphs of Your Excellency's Note. They do not, however, consider that a communication on behalf of the heirs, whose rights they have scrupulously observed, in the general sense indicated in the 4th paragraph of that Note, could provide sufficient justification for calling in question a state of affairs that has been accepted by successive Government of the Philippines for three quarters of a century.

The view of Her Majesty's Government regarding the present sovereignty over Borneo was set out in the aide-memoire handed to His Excellency the Philippines Ambassador in London on the 24th of May 1962. Her Majesty's Government have not been made aware of any grounds on which the view expressed in that aide moire could be called in question and they observe that none is suggested in the present Note from the Philippine

Government. Her Majesty's Government therefore find it difficult to understand what propositions the Government of the Philippines would seek to advance in conversations of the kind they have suggested'.³¹

Pada 13 September 1962, Salvador Lopez, Pemangku Setiausaha Luar Filipina, telah membalas nota kerajaan British.³² Dalam surat itu Lopez menegaskan bahawa tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara bukan berasaskan surat waris Kesultanan Sulu yang bertarikh 5 Februari 1962 sahaja, tetapi juga beberapa dokumen lain yang akan dikemukakan oleh kerajaan Filipina kemudian. Selain itu, tegas beliau, tuntutan itu juga dibuat berasaskan keputusan penghakiman Ketua Hakim MacKaskie yang memutuskan bahawa 'Her Majesty's Government could not, and cannot, acquire sovereignty over North Borneo'.³³ Selanjutnya, beliau mengulangi lagi hasrat kerajaan Filipina untuk mengadakan rundingan dengan Kerajaan British tentang hak kedaulatan dan hak waris kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara. Perlu disebut disini bahawa pada 12 September Esmail Kiram, esultan Suluf, telah menyerahkan kepada kerajaan Filipina hak kedaulatannya ke atas Borneo Utara.

MESYUARAT DI PEJABAT LUAR BRITISH

Pada 14 September 1962, mesyuarat telah diadakan di Pejabat Luar British untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Borneo Utara.³⁴ Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Sir Arthur Snelling, Deputy Under-Secretary of State, turut disertai oleh empat orang pegawai kanan Pejabat Komonwel, termasuk juga wakil kerajaan Tanah Melayu, iaitu Muhammad Ghazali bin Shafie, Setia Usaha Tetap Kementerian Luar, dan Zain Azraai, pegawai di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaya di London.

Dalam mesyuarat itu, Ghazali telah ditunjukkan salinan dokumen Perjanjian 1878, Surat Tauliah 1878 dan Surat Pengesahan Penyerahan Pulau-Pulau (1903). Beliau juga telah diberikan nota Pejabat Luar tentang pembayaran 'cession monies' dan nota tentang maksud perkataan 'Pajakan' dalam surat Pemberian 1878. Dalam mesyuarat itu Ghazali menegaskan pandangan Tanah Melayu bahawa kerajaan Filipina tidak mempunyai asas untuk menafikan hak milik British ke atas Borneo Utara yang ditadbir olehnya sejak 80 tahun yang lalu.

Pada 28 September, Pilcher telah mengadakan pertemuan dengan Lopez, pemangku Setia usaha Luar Filipina.³⁵ Dalam perbincangan

itu, Lopez membangkitkan soal keselamatan. Lopez menganggap bahawa Borneo Utara adalah sebagai *'the cork in the mouth of the Sulu Sea'*.³⁶ Lopez menjelaskan bahawa sekiranya kerajaan British terus kekal berkuasa di Borneo Utara, Filipina tidak akan membuat tuntutan. Oleh kerana itu Filipina memandang berat tentang Borneo Utara. Pilcher menjawab bahawa masalah keselamatan Filipina itu dapat diatasi dengan mengukuhkan hubungan antara Filipina dengan negara-negara anggota A.S.A dan penubuhan Persekutuan Malaysia, dan kemudiannya berusaha ke arah pembentukan Konfederasi seperti yang dicadangkan oleh Presiden Macapagal.

Hasil perbincangan itu, kelihatan kepada Pilcher bahawa disamping soal tuntutan ke atas Borneo Utara, Filipina juga bimbang tentang keselamatan negaranya selepas Britisah meninggalkan wilayah tersebut. Maka, dengan itu, Pilcher mencadangkan kepada Pejabat Luar supaya mengkaji semula cadangan Filipina untuk mengadakan rundingan. Dalam rundingan itu, persoalan keselamatan akan dapat dibincangkan dan dengan itu juga mungkin dapat menyelamatkan maruah kerajaan Filipina. Pilcher yakin bahawa persoalan keselamatan itu dibangkit oleh kerana kuatir dengan kenyataan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, di Singapura bahawa sekiranya Malaysia membenarkan Amerika Syarikat membuka pengkalannya di Borneo, Indonesia akan membenarkan Russia membuka pengkalannya di Indonesia, khususnya di Borneo.

Pada 8 Disember 1962, Macapagal sekali lagi mendesak kerajaan British supaya mengadakan rundingan bagi menyelesaikan masalah Borneo Utara.³⁷ Bagi Macapagal, kes Borneo Utara adalah soal maruah. Beliau berpendapat bahawa hanya dengan cara perundingan sahaja masalah Borneo dapat diselesaikan. Dalam kawatnya kepada Pejabat Luar British, Pilcher menegaskan bahawa *'if we go on refusing to talk to the Filipinos (as we have done in the last six months) they will really throw in their lot with Azahari and start making physical trouble in North Borneo'*.³⁸ Pada ketika itu kekacauan telah meletus di Brunei. Azahari, yang di sokong oleh Indonesia, telah memimpin gerakan untuk menentang kemasukan Brunei dalam Malaysia.

Setiausaha Luar British, Lord Home, dalam memorandumnya kepada Perdana Menteri Macmillan, menyatakan persetujuannya dengan cadangan Pilcher. *'I do not think we could object this'*, tegas Home, *and I have accordingly agreed to it'*.³⁹ Rundingan itu bukan sahaja akan membincangkan aspek strategik tetapi juga soal pembayaran *'cession money'* dengan waris kesultanan Sulu.

Dengan persetujuan Perdana Menteri Harold Macmillan, pada 22 Disember 1962, Pitcher telah mengadakan perbincangan dengan Pelaez mengenai butir-butir rundingan.⁴⁰ Setelah persetujuan tercapai, pada

28 Disember kenyataan resmi telah dikeluarkan mengenai cadangan rundingan di London. Teks kenyataan itu adalah seperti berikut:

The Philippine and British Governments, being vitally concerned in the security and stability of South East Asia have decided to hold conversation about questions and problems of mutual interest.

The British Government have responded to the Philippine Government's desire for talks, first expressed in their Note of June 22, by inviting the Philippine Government to send delegation to London for consultations at a mutually convenient date in January 1963.

Recent developments have made such conversations, in spirit of the Manila Treaty and Pacific Charter, highly desirable.⁴¹

RUNDINGAN LONDON

Rundingan telah berlangsung di London pada 28 Januari 1963 hingga 1 Februari 1963.⁴² Perwakilan Filipina diketuai oleh Timbalan Presiden Filipina Emmanuel Pelaez yang juga Setiausaha Luar Filipina manakala The Earl of Home, Setiausaha Luar British pula mengetuai perwakilan kerajaan British.

Sesi pertama pada 28 Januari lebih tertumpu kepada persoalan pembentukan Malaysia dan keselamatan serantau. The Earl of Home mengingatkan persidangan tentang ancaman Komunis ke atas Asia Tenggara dan peri pentingnya kerjasama antara Malaysia dengan Filipina dalam bidang keselamatan dan kastam. Manakala wakil Filipina, Pelaez, pula mengaitkan soal keselamatan Asia Tenggara dengan pembentukan Malaysia. Gagasan Malaysia dakwa Pelaez telah mencetuskan ketegangan, seperti kekacauan di Brunei dan perbalahan Malaya dengan Indonesia. Sehubungan dengan Borneo Utara, Pelaez mengulang dakwaan Filipina, seperti yang disuarakan oleh Macapagal, bahawa Borneo Utara adalah kepunyaan Filipina berasaskan aspek undang-undang, politik dan keselamatan. Beliau juga mendakwa bahawa penyerahan Borneo Utara kepada kerajaan British pada tahun 1946 adalah tidak sah kerana Syarikat Berpiagam British tidak mempunyai hak kedaulatan. Dari segi keselamatan, kerajaan Filipina berpendapat bahawa Malaya tidak akan mampu untuk mempertahankan Borneo Utara daripada pengaruh Komunis. Beliau menegaskan bahawa:

*North Borneo could only be achieved by restoring it to the Philippines, who could and would guarantee it against Communism.*⁴³

Bagi menjamin kestabilan dan keselamatan Asia Tenggara, Pelaez mengemukakan dua cadangan, iaitu:

1. Kedudukan masa depan Borneo hendaklah disesuaikan dengan keperluan Filipina dan Indonesia;
2. peraturan itu hendaklah diasaskan atas semangat kerjasama antara Indonesia, Malaysia dan Filipina berpandukan Pengisytiharan Bandung.

Kerajaan Filipina, tegas Pelaez, menuntut supaya masa depan Borneo Utara ditentukan melalui pungutan suara tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dengan itu juga beliau mahukan pembentukan Malaysia ditangguhkan.

Lord Lansdowne telah mengambil kesempatan sesi kedua untuk menerangkan kepada wakil Filipina tentang proses ke arah pembentukan Malaysia. Beliau menegaskan bahawa Kerajaan British telah memberikan penjelasan secukupnya kepada penduduk-penduduk di Borneo Utara dan juga Sarawak tentang gagasan Malaysia serta jaminan-jaminannya sekali. Sehubung dengan Brunei, Lord Lansdowne menegaskan bahawa keputusan Brunei untuk menyertai Malaysia adalah terletak kepada Sultan Brunei. Pemberontakan di Brunei tercetus bukan kerana gagasan Malaysia tetapi *'impatience at the slow progress of political emancipation'*.⁴⁴ Mengenai penyertaan Singapura, Lord Lansdowne menegaskan bahawa penyertaan Singapura dalam gagasan Malaysia adalah penting bagi menyelamatkan koloni itu daripada ancaman Komunis.

*We, for our part, were not willing to maintain as a colony. The Tunku was adamant in his refusal to take Singapore without the Borneo territories. Equally, Sarawak and North Borneo were not viable on their own. Malaysia was thus the only framework that could provide political stability for Singapore, on which the defense of South East Asia depended.*⁴⁵

Perbincangan pada sesi ketiga pada 29 Januari masih menumpukan perhatian kepada aspek keselamatan.⁴⁶ Sir Robert Scott, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan British, menjelaskan tentang

tanggungjawab Britain sebagai anggota SEATO dan juga sebagai anggota Perjanjian Pertahanan British-Malaya. Bagi membolehkan British memainkan peranannya dengan lebih berkesan ia memerlukan pengkalan di Singapura. Kestabilan Singapura adalah bergantung kepada gagasan Malaysia. Major R.D.G. Davidson, Pegawai Risik Enam (M16), mengingatkan perwakilan Filipina bahawa Asia Tenggara menghadapi ancaman keselamatannya daripada dua penjuru, iaitu Komunis dan Indonesia. Pada pandangannya, kuasa Komunis sama ada China ataupun Russia tidak akan menyerang negara-negara di Asia Tenggara secara terbuka tetapi secara penyusupan dan kegiatan subversif. Oleh kerana itu, kuasa-kuasa Komunis, terutama sekali Russia membekalkan alat senjata dan penasihat tentera kepada negara-negara Asia Tenggara. Indonesia, sebagai contoh, telah dibekal alat senjata lebih daripada keperluan keselamatan dalam negeri. Kerajaan Indonesia pula dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia. Sungguhpun Indonesia mengisytiharkan bahawa ia tidak mempunyai cita-cita peluasan jajahan tetapi kegiatan-kegiatannya, seperti di Irian, membuktikan sebaliknya. Indonesia mungkin akan mengamalkan dasar luar yang agresif bagi mengalih pandangan rakyat daripada permasalahan ekonomi dalam negeri. Tanpa sokongan kuasa-kuasa Barat, wilayah Borneo dan Malaya akan terdedah kepada ancaman Indonesia yang bercita-cita untuk mewujudkan 'negara Indonesia Raya'. Lt.Gen. D.S.S. O'Connor, Timbalan Turus Staf Pertahanan pula menghuraikan tentang matlamat strategi keselamatan British di Asia Tenggara, iaitu, untuk menghalang peluasan kuasa Komunis, rancangan pertahanan depan Australia dan New Zealand, keselamatan dan pertahanan Malaysia, dan keselamatan pengkalan dan pusat perhubungan British yang berpusat di Singapura. Para perwakilan Filipina juga diterangkan tentang peruntukan-peruntukan Perjanjian Pertahanan British-Malaysia.

Berikutannya, perbincangan terbuka telah berlangsung. Macaria Peralta dan Salvador P. Lopez berhujah bahawa ancaman Indonesia tidak boleh disamakan dengan Komunisme. Dasar luar Indonesia, tegas beliau, dikawal oleh Presiden Soekarno dan bukan oleh PKI. Tentang Indonesia terhadap Malaysia bukanlah kerana Indonesia berhasrat untuk menguasai wilayah di Borneo tetapi lebih merupakan tindak balas Indonesia terhadap sikap Tunku Abdul Rahman yang anti-Indonesia. Beliau tidak dapat menerima pandangan British bahawa Indonesia telah dikuasai oleh PKI. Beliau mencadangkan supaya Indonesia dijemput sama untuk menghadiri Persidangan antarabangsa bagi menyelesaikan krisis dengan aman. Beliau yakin bahawa kata-kata Presiden Soekarno boleh dipercayai. Pada pandangannya, sikap Indonesia itu berpunca daripada soal maruah dan beliau yakin ia akan dapat diselesaikan melalui saluran diplomasi.

Sesi keempat persidangan yang berlangsung pada sebelah petang menumpukan perhatian kepada aspek undang-undang mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Dalam sesi tersebut, wakil British Peter Thomas, Setiausaha Parlimen bagi Pejabat Luar, menjawab perkara-perkara yang dibangkit oleh Pelaez mengenai Borneo Utara dalam sesi pertama. Thomas menghujah bahawa Borneo Utara telah diperintah oleh pihak British selama 84 tahun tanpa sebarang gangguan daripada kerajaan Sulu ataupun Brunei, yang juga turut menuntut bahagian-bahagian tertentu wilayah Borneo Utara. Penguasaan British ke atas Borneo Utara secara eksklusif itu telah diiktiraf oleh kerajaan Sepanyol melalui *Protokol 1885*, Belanda melalui *Perjanjian Sempadan 1891*, Amerika Syarikat melalui *Perjanjian Sempadan 1930*, Sultan Sulu dan juga kerajaan Filipina. Kerajaan Filipina juga tidak pernah mengemukakan sebarang bantahan terhadap maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh kerajaan British tentang Borneo Utara kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam tahun 1955, kerajaan British telah memeterai sebuah *Perjanjian mengenai Migrasi Buruh Filipina ke Borneo Utara* dengan kerajaan Filipina tanpa sebarang bantahan daripada kerajaan Filipina. Pada tahun 1961 Kongres Filipina telah mengiktiraf wilayah perairan kebangsaan Filipina tanpa memasukkankan wilayah Borneo Utara dalam *Resolusi Torrentino*.

Menjawab penghujahan Thomas, wakil Filipina iaitu Jovito R. Salonga, mengulang pendirian Filipina bahawa Sultan Sulu melalui *Perjanjian 1878* hanya memajak dan bukan menyerah Borneo Utara kepada Dent dan Overbeck. Tambahan pula, Piagam Syarikat Borneo Utara menghalang syarikat itu daripada memiliki kuasa kedaulatan (*sovereignty*). Bagi mengukuh penghujahannya, Salonga mengemukakan *Perjanjian Carpenter (1915)* sebagai bukti. *Perjanjian Carpenter* yang dimeterikan antara kerajaan Amerika Syarikat dengan Sultan Sulu mengiktiraf hak kedaulatan Sultan Sulu ke atas Borneo Utara. Tegasnya lagi, kerajaan Filipina tidak menganggap pihaknya masih terikat dengan sebarang perbuatan yang dibuat atas nama kerajaan Filipina ketika berada dalam Komonwel Amerika. Beliau juga memaklumkan bahawa pada tahun 1962 Rumah Bechara kesultanan Sulu telah menyerahkan hak mereka ke atas Borneo Utara kepada kerajaan Filipina.

Selepas perbincangan itu, sidang mengambil keputusan untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Kecil Khas bagi membincangkan soal Borneo Utara dan kemudiannya mengemukakan laporan kepada Persidangan. Persidangan juga bersetuju untuk membincangkan cadangan Presiden Macapagal untuk menubuhkan Konfederasi Malaysia dan Filipina.

Sesi kelima persidangan yang berlangsung pada 30 Januari menumpukan perhatian kepada soal kerjasama antara Borneo Utara dengan Filipina berhubung dengan pelanunan, penyeludupan dan imegrasi.

Sesi keenam persidangan pada 31 Januari masih membicarakan tentang keselamatan. Wakil Filipina Peralta menyatakan pandangan Filipina tentang situasi keselamatan di Asia Tenggara. Kebimbangan utama Filipina ialah ancaman dari komunis. Filipina kuatir bahawa Malaysia tidak akan dapat menjamin keselamatan Borneo Utara. Beliau menjangka bahawa dalam tempoh 10 tahun Borneo Utara akan dikuasai oleh Komunis dari Singapura. Sir Robert Scott bagaimanapun menolak pandangan Peralta tersebut. Pada pandangan British ancaman Komunis dari Indonesia amat berbahaya. Presiden Soekarno sejak awal lagi berhasrat untuk menguasai wilayah Borneo. Gagasan Malaysia hanya dijadikan alat untuk mengalih pandangan rakyat Indonesia daripada masalah dalam negeri. Dan sekiranya perbalahan itu membawa kepada konflik dengan negara-negara yang bersekutu dengan kuasa-kuasa barat, Soekarno akan meminta bantuan daripada kuasa-kuasa Komunis. Keadaan tersebut pula akan membolehkan PKI mengembangkan kekuatan dan pengaruhnya di Indonesia. Oleh itu Scott menasihatkan kerajaan Filipina supaya bekerjasama dengan Malaysia dan kuasa-kuasa barat untuk menghalang Soekarno daripada mencuba untuk campurtangan di Borneo Utara.

Lopez bagaimanapun tidak mahu terlibat dalam soal Indonesia atau Malaysia. Yang menjadi punca Filipina kurang senang dengan Malaya ialah apabila Tunku Abdul Rahman menolak cadangan Macapagal untuk menubuhkan Konfederasi Malaysia dan Filipina. Pada pandangan Filipina, konfederasi itu juga akan dapat menghalang dasar peluasan Indonesia. Filipina juga tidak berpuas hati dengan keputusan Malaya untuk meneruskan juga dengan rancangan pembentukan Malaysia sebelum idea Konfederasi dapat dihalusi. Lopez juga mengemukakan ciri-ciri persamaan antara Malaysia dengan Filipina yang membolehkan Konfederasi itu dibentuk. Akhir sekali, Lopez mencadangkan supaya persidangan meja bulat diadakan antara semua negara dirantau itu, iaitu Filipina, Indonesia, Malaya, juga Thailand serta Britain, Australia dan New Zealand. Oleh itu, beliau sekali lagi mencadangkan supaya pembentukan Malaysia ditangguhkan sehingga persidangan tersebut mengemukakan laporan.

Perbincangan mengenai Konfederasi telah dilanjutkan pada sesi sebelah petang. Thomas mencadangkan idea konfederasi itu hendaklah dibincangkan melalui saluran diplomatik dan mungkin persidangan khas diadakan bagi membincangkan idea itu sebelum pembentukan

Malaysia. Bagaimanapun, Thomas mengingatkan bahawa Konfederasi bukan alternatif kepada gagasan Malaysia. Cadangan Thomas telah diterima oleh wakil Filipina.

Sesi terakhir persidangan berlangsung pada pagi Jumaat 1 Februari 1963. Sesi tersebut menumpukan perhatian kepada laporan Jawatan Kuasa Kecil Khas mengenai aspek *legal* kedudukan Borneo Utara. Laporan itu, antara lain, menyatakan persetujuan Filipina untuk mengemukakan dokumen mengenai kedudukan Borneo Utara. Sebelum mengesah laporan Jawatan kuasa kecil itu, Thomas memberikan kenyataannya sebagai penjelasan. Beliau menarik perhatian wakil Filipina bahawa tujuan kerajaan British mengadakan persidangan London adalah untuk membincangkan masalah bersama berkaitan dengan keselamatan dan kestabilan Asia Tenggara. Bagaimanapun, pihak British terkejut apabila wakil Filipina lebih menitikberatkan soal tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara sedangkan kerajaan British telah tegaskan bahawa ia tidak bersedia untuk membincang mengenainya. Sungguhpun begitu, kerajaan British masih bersedia untuk mendengarnya dan kemudian bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kecil untuk meneliti soal tersebut. Persetujuan kerajaan British itu adalah semata-mata untuk kepentingan politik dalam negeri Filipina.

Lopez mengucapkan terima kasih kepada kerajaan British kerana sudi mendengar pandangan Filipina mengenai tuntutannya ke atas Borneo Utara. Pada pandangan Filipina soal tuntutan Borneo Utara mempunyai kaitan dengan persoalan keselamatan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Memandangkan kerajaan British enggan mengadakan perbincangan lanjut mengenai tuntutan itu, Lopez berhasrat untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan Filipina supaya membawa soal Borneo Utara ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau mana-mana badan tribunal antarabangsa.

Thomas bagaimanapun menasihatkan wakil Filipina supaya menunggu dahulu cadangan untuk membawa kes tuntutannya ke atas Borneo Utara ke Mahkamah Keadilan sehingga kedua-dua kerajaan bertukar-tukar dokumen dan kerajaan Filipina mengemukakan cadangan balas terhadap komen kerajaan British.

Pada akhir persidangan, sebuah kenyataan bersama telah dikeluarkan. Kedua pihak bersetuju untuk menggunakan saluran diplomatik dalam sebarang rundingan seterusnya.

PANDANGAN BRITISH TERHADAP HASILRUNDINGAN LONDON

Pada pandangan Pejabat Luar British, persidangan London adalah mengecewakan. Persidangan ini gagal mempengaruhi pihak Filipina agar menggugurkan rancangannya membawa kes Borneo Utara ke Mahkamah Antarabangsa atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Persidangan itu juga gagal untuk menghalang mereka daripada bersubahat dengan Sheikh Azahari dan Indonesia untuk menentang Malaysia. Wakil Filipina sebaliknya telah mengambil keputusan menasihatkan kerajaan Filipina membawa kes tersebut ke mahkamah antarabangsa, di samping itu mereka juga mendesak persidangan itu memasukkan dalam Kenyataan Akhir bahawa kerajaan Filipina menentang kemasukan Borneo Utara dalam gagasan Malaysia. Namun demikian, persidangan London juga menguntungkan British kerana ia mendedahkan kelemahan tuntutan Filipina dari segi undang-undang. Dari persidangan itu juga pihak British dapat mengesan wujudnya 'understanding' antara Filipina dengan Indonesia. Dalam hal ini, Pejabat Luar British telah membuat rumusan berikut:

They had arrived with the determination to turn a deaf ear to all our arguments about the common danger to both British and Philippines interests of an aggressive and expansionist Indonesian policy and nothing our delegation could say on the subject made any impression.

The whole course of the talks made it clear that the Philippine Government were not only obsessed with their claim to North Borneo, but had already envisaged the need for a choice between Malaysia and Indonesia and had decided in favor of the latter. Through the smoke screen of their proposals for Six-Power International Conferences and wider Confederations and their enthusiasms for the principles of the Bandung declaration, there emerged three practical Philippine objectives:

- (a) *The acquisition by them of North Borneo, in which case they would be prepared to tolerate a Malaysia restricted to Malaya, Singapore, Brunei and Sarawak;
or*
- (b) *The division of the British Borneo territories between themselves and Indonesia with the vague*

(c) *At any rate the postponement of malaysia, so that the chance of achieving (a) or (b) still remained open.*⁴⁷

Sungguhpun begitu Pejabat Luar British akan berusaha untuk mengubah pendirian Filipina terhadap Malaysia serta menjaukan Filipina daripada dipengaruhi oleh pihak Indonesia.

PERSIDANGAN MANILA DAN PENENTUAN SENDIRI

Kegagalan Persidangan London untuk menyelesaikan isu Borneo Utara turut merisaukan pihak berkuasa Tanah Melayu. Kuala Lumpur bimbang bahawa sekiranya Filipina membawa kes Borneo Utara ke Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun Mahkamah Antarabangsa pasti memasukan Borneo Utara dalam persekutuan Malaysia akan terjejas. Tanpa penyertaan Borneo Utara, kemungkinan besar rancangan Malaysia terpaksa ditangguhkan. Keghairahan Beliau menuntut Borneo Utara adalah jelas apabila dalam ucapan Negaranya pada 28 Januari 1963, Macapagal menegaskan bahawa *'the Philippines claim to North Borneo is vital to our national security in the light of the continuing communist danger in South-East Asia'*.⁴⁸ Keadaan tambah membimbangkan apabila Indonesia turut membantah penubuhan Malaysia. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, mengemukakan dasar konfrantasi terhadap Malaysia pada 20 Januari 1963. Beliau menuduh Tanah Melayu sebagai *'accomplices of neo-colonialist and neo-imperialist forces pursuing a policy hostile towards Indonesia'*.⁴⁹

Dengan itu sejak awal tahun 1963 Kuala Lumpur berusaha untuk mengadakan rundingan dengan Manila dan juga Djakarta bagi menyelesaikan pertikaian berhubung dengan pembentukan Malaysia. Pada awal Februari 1963, kerajaan Tanah Melayu telah mengarahkan Dutanya di Manila Zaiton Ibrahim mengadakan pertemuan dengan Presiden Macapagal bagi menerangkan konsep gagasan Malaysia. Dalam pertemuan yang berlangsung pada 14 Februari 1963, Zaiton menerangkan kepada Macapagal langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan British dan juga Tanah Melayu bagi memastikan penduduk-penduduk di wilayah Borneo memahami gagasan Malaysia, di samping memastikan bahawa prinsip *'self-determination'* di patuhi.⁵⁰ Zaiton juga memberi jaminan bahawa gagasan Malaysia bukan sahaja untuk kebaikan penduduk-penduduk di wilayah Borneo tetapi juga untuk rantau Asia Tenggara.

Macapagal bagaimanapun masih berpegang teguh kepada pandangannya. Sungguhpun begitu beliau menyatakan kesediaannya untuk menemui Tunku Abdul Rahman bagi membincangkan persoalan itu dengan lebih mendalam lagi.

Seperti yang dipersetujui di Manila, Lopez telah mengundang Tunku Abdul Rahman dan Presiden Soekarno ke Manila untuk berbincang bagi menyelesaikan perbalahan mengenai gagasan Malaysia. Persidangan itu bermula dengan perbincangan di peringkat Pegawai Kanan pada 9-17 April 1963.⁵¹ Tanah Melayu telah diwakili oleh M. Ghazali bin Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar, manakala Indonesia pula diwakili oleh Dr Suwito Kusumonwidaglo, Timbalan Menteri Luar, dan Filipina diwakili oleh Salvador P. Lopez, Setiausaha Rendah Hal Ehwai Luar. Persidangan telah menetapkan agenda untuk mesyuarat di peringkat Menteri, iaitu:

- (i) untuk bertukar pendapat mengenai masalah semasa, bagi kestabilan, keselamatan dan pembangunan ekonomi serantau;
- (ii) untuk berbincang serta mencari jalan bagi merapatkan hubungan antara ketiga-tiga buah negara.

Persidangan di Peringkat Menteri telah berlangsung di Manila pada 7 Jun 1963 sehingga 11 Jun.⁵² Perwakilan Malaya telah diketuai oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri; Indonesia di ketuai oleh Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia; manakala Filipina di wakili oleh E. Pelaez, Naib Presiden. Pada 11 Jun, kenyataan bersama telah dikeluarkan. Kenyataan itu mengandungi tiga aspek penting iaitu:

- (i) Persetujuan untuk menyokong cadangan Macapagal mengenai gagasan Konfederasi Tiga Negara - Filipina, Malaya dan Indonesia;
- (ii) persetujuan Filipina untuk menyokong pembentukan Malaysia dengan syarat pandangan penduduk-penduduk di wilayah Borneo ditentukan oleh sebuah badan bebas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau wakilnya.
- (iii) Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.

Sementara itu, pada 9 Julai 1963, Perjanjian London telah dimeterikan di London antara Kerajaan British dengan Malaya mengenai pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Pemeterian Perjanjian itu telah mencetuskan kemarahan Indonesia. Walau bagaimanapun, bantahan Indonesia itu tidak menjejaskan Persidangan Manila yang berlangsung pada 30 Julai 1963.

Dalam Persidangan yang berlangsung daripada 30 Julai hingga 5 Ogos, keputusan telah diambil untuk menerima secara toto cadangan tiga perkara Menteri-Menteri Luar. Sejalan dengan itu juga Kerajaan Tanah Melayu bersetuju menangguhkan tarikh penubuhan Malaysia daripada 31 Ogos sehingga kumpulan PBB menyelesaikan tugas mereka.

Kemudian, suatu Persidangan Kemuncak antara Ketua Negara Republik Indonesia, Republik Filipina dan Perdana Menteri Tanah Melayu telah diadakan di Manila dari 30 Julai sehingga 5 Ogos 1963.⁵³ Pengumuman Bersama Persidangan itu menunjukkan bahawa kedua-dua Ketua Negara dan Perdana Menteri telah meluluskan dan menerima Persetujuan Manila. Menurut perenggan 10 dan 11 Persetujuan itu Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu atau wakilnya dikehendaki menentukan, sebelum penubuhan Malaysia, kehendak rakyat Borneo Utara dan Sarawak dalam konteks Resolusi Perhimpunan Agung 1541 (15) prinsip IX dalam lampirannya dengan suatu cara baharu yang pada pendapat Setiausaha Agung itu, adalah perlu bagi memastikan pematuhan penuh prinsip penentuan sendiri mengikut kehendak yang dimaktubkan dalam prinsip IX dengan mengambil kira soal tertentu berhubung dengan pilihan raya terbaharu di Sabah dan Sarawak.⁵⁴ Selanjutnya, Setiausaha Agung dikehendaki mengesahkan dan berpuas hatinya, antara lain, sama ada gagasan Malaysia merupakan satu isu besar atau pun isu utama.

Menurut perenggan 10 dan 11 Persetujuan Manila, Setiausaha Agung juga diminta menghantar rombongan kerja atau wakilnya untuk menjalankan tugas yang diperlukan. Ketiga-tiga negara berkenaan juga bersetuju untuk menghantar pemerhati untuk menyaksikan pelaksanaan tugas tersebut.

Bersesuaian dengan Keputusan Persidangan Manila, U Thant, Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dijemput supaya menghantar kumpulan khas bagi meninjau pandangan penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak - mengenai gagasan Malaysia. U Thant bersetuju dengan permintaan itu. Justeru itu, Lawrance Michelmores, telah dilantik untuk memimpin kumpulan tersebut. Kumpulan-kumpulan tersebut telah tiba di Borneo Utara dan Sarawak pada 17 Ogos 1963. Sebelum itu, Setiausaha PBB telah menegaskan bahawa PBB menghantar kumpulan PBB adalah atas kehendak kerajaan British. Dengan itu, laporan yang akan dikemukakan oleh kumpulan itu tidak perlu mendapat pengesahan daripada mana-mana kerajaan berkaitan. Ketiga-tiga kerajaan, Malaysia, Indonesia dan Filipina, bersetuju dengan keputusan itu.

Sementara itu, kerajaan Tanah Melayu telah mengumumkan cadangannya untuk menundakan tarikh penubuhan Malaysia daripada 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963 untuk menunggu

selesaiannya rombongan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga laporan Setiausaha Agung pada 14 September 1963.

Justeru perbezaan pendapat berhubung dengan jumlah anggota kumpulan yang akan dihantar sebagai pemerhati di wilayah-wilayah terlibat, kerja-kerja tersebut tertangguh seketika. Sungguhpun demikian, PBB mengambil keputusan untuk meneruskan juga kerja-kerja mereka tanpa menunggu pemerhati daripada Indonesia atau Filipina. Pada ketika pemerhati dari Indonesia dan Filipina tiba, sebahagian besar kerja telah selesai dilakukan oleh Kumpulan PBB. Pada 5 September 1963 kumpulan PBB telah selesai mengerjakan tanggung jawab mereka.

Pada 14 September 1963, U Thant menerbitkan laporan Kumpulan PBB tersebut yang mengesahkan bahawa majoriti daripada penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia. Pihak Filipina bagaimanapun tidak berpuas hati dengan laporan tersebut. Dutanya di PBB menuduh kumpulan Pemerhati PBB tidak menjalankan kerja dengan bertanggungjawab dan ditipu oleh kerajaan British. Dengan itu laporan itu tidak boleh diterima oleh kerajaan Filipina.

Tindakan kerajaan Malaya mengisytiharkan tarikh pembentukan Malaysia sebelum kumpulan PBB mengeluarkan laporannya seperti yang dipersetujui oleh persidangan Manila telah memarahkan lagi kemarahan kerajaan Filipina. Pada 15 September 1963, Duta Malaya ke Manila, Zaiton telah dipanggil ke Pejabat Luar Filipina oleh Setiausaha Rendahnya, Librado Cayo. Zaiton telah dimaklumkan secara rasmi bahawa kerajaan Filipina tidak akan mengiktiraf Persekutuan Malaysia. Justeru itu juga Duta Filipina di Kuala Lumpur, Yusup R. Abu Bakar akan dipanggil pulang. Hubungan antara Kuala Lumpur dengan Manila hanya akan dikekalkan di peringkat Konsul. Sikap Filipina itu telah dimaklumkan kepada kerajaan Tanah Melayu. Dalam reaksinya terhadap kenyataan Filipina itu, Kuala Lumpur, menegaskan bahawa pengiktirafan Manila terhadap Malaysia tidaklah penting kerana Manila sebelum itu telah pun mengiktiraf Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur juga mengingatkan Manila bahawa penyertaan Borneo Utara atau Sabah, nama barunya, dalam Persekutuan Malaysia telah dibuat atas kehendak penduduk-penduduknya berasaskan prinsip 'self-determination' sejajar dengan kehendak kerajaan Filipina. PBB juga telah mengesahkan perkara tersebut. Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia telah diisytiharkan penubuhannya dengan Borneo Utara atau Sabah sebagai salah satu komponennya.

KESIMPULAN

Kegagalan Filipina dan waris Kesultanan Sulu mengemukakan bukti yang kukuh bagi menafikan kedaulatan British ke atas Borneo telah melemahkan tuntutan mereka ke atas wilayah itu. Kerajaan British tetap tidak berganjak daripada pendiriannya bahawa pemberian Sultan Jamalul-Kiram kepada Overbeck dan Dent pada tahun 1878 adalah pajak yang berkekalan. Hak yang ada kepada waris Kesultanan Sulu hanyalah terhad ke atas 'cession monies' sahaja. Lagi pun, Borneo Utara telah ditadbir oleh British secara efektif semenjak 84 tahun dan pula telah diiktiraf oleh kerajaan Sepanyol (185), Belanda (1891) serta Amerika Syarikat (1930). Semua perjanjian dan konvensyen ini mewujudkan lingkungan pengaruh dan hak milik tajaan Britain ke atas Borneo Utara yang tidak lengkap. Hakmilik yang tidak lengkap menjadi lengkap apabila Perjanjian memindah Milik Hak kedaulatan Borneo Utara dimeterikan pada 26 Jun 1946. Perjanjian ini telah disahkan oleh Perintah Penyerahan Borneo Utara pada 10 Julai 1946 yang membolehkan kerajaan British menguasai Borneo Utara sebagai sebahagian daripada kuasanya. Pada tahun 1961 Kongres Filipina telah mengiktiraf wilayah perairan kebangsaan tanpa memasukan wilayah Borneo Utara dalam *Resolusi Torrentino*.

Kedadaan ini berbeza sekali dengan Republik Filipina yang tidak mempunyai sesuatu asas yang kukuh untuk menuntut hak milik ke atas Borneo Utara. *Resolusi Macapagal 1950* dan *Resolusi Ramos 1962*, surat waris Kesultanan Sulu 1962, *aide-memoire* bulan Jun, Ogos dan bulan September 1962; dan *keputusan Hakim Besar Macaskie Mahkamah Tinggi Borneo* yang menjadi asas tuntutan Filipina bukanlah surat ikatan hak milik tetapi adalah semata-mata pengisytiharan tujuan. Tambahan pula tidak ada perjanjian penyerahan yang pernah dibuat antara waris kesultanan Sulu dengan kerajaan Filipina. Wilayah Borneo Utara telah ditadbir oleh wakil British iaitu Syarikat Piagam Borneo Utara mulai tahun 1881 dengan persetujuan Sultan Brunei dan Sultan Sulu dan waris baginda dengan begitu lama. Sepanjang tempoh itu Syarikat tersebut berjaya menjalankan pentadbiran. Ringkasnya dapat ditegaskan bahawa kerajaan British memperolehi Borneo Utara berdasarkan prinsip pengambilan wilayah dan proses pengukuhan hak milik sebagai cara memperoleh wilayah. Prinsip ini telah diiktiraf dalam undang-undang antarabangsa. Kerajaan British pula kemudiannya menyerahkan Borneo Utara kepada Persekutuan Malaysia di bawah perjanjian penyerahan pada 12 Julai 1963. Hak milik Malaysia pula telah perkukuhkan lagi dengan prinsip penentuan nasib yang disokong oleh Setiausaha Bangsa-Bangsa Bersatu.

NOTA

- 1 Berita Harian, 6 Februari 1994.
- 2 Nik Anuar Nik Mahmud, 'Tuntutan Bertindih antara Belanda dengan British ke atas wilayah pantai timur Borneo Utara, 1878-1915', Malaysia dari segi Sejarah, Bil. 24, 1996. hlm. 1-31.
- 3 A.E.Lilius, 'The Sultan of Sulu Demands Return of British North Borneo', Sphere, 21 November 1931.
- 4 J.Mervyn-Jones kpd. W.E.Beckett, 2 Mei 1947. CO 537/2181.
- 5 Lihat minit oleh J.Mervyn-Jones, pegawai undang-undang Pejabat Tanah Jajahan, dlm. CO 1030/536.
- 6 Lihat Notis Perbatalan Pajakan 1878 bertarikh 25 November 1962, dlm.Vicente D. Gabriel kpd. Foreign Office, 9 Disember 1957. CO 1030/536.
- 7 Foreign Office, Recent Developments in Anglo-Indonesian Relations, 1 oktober 1963. FO 371/169901; G.P. Means, 'Malaysia - A New Federation in Southeast Asia.' Pacific Affairs, vol. 36, 1963.
- 8 Napoleon G.Rama, 'North Borneo - Its Ours', Philippines Free Press, 25 Januari 1962.
- 9 Manila Chronicle, 9 Februari 1962.
- 10 Lela Anne Garner, The Philippine Claim to North Borneo, Ph.d Thesis, Fletcher of Law and Diplomacy, 1965, hlm.79-82.
- 11 Ibid. hlm.83.
- 12 Ibid.
- 13 Ibid.
- 14 J.A. Pilcher kpd. E.H. Peck, 22 Mei 1962, FO 371/166593.
- 15 J.A. Pilcher kpd. E.H. Peck, 30 Mei 1962, FO 371/166593.
- 16 Ibid.
- 17 Ibid.
- 18 Manila kpd. Foreign Office, 23 Jun 1962, FO 371/166594.
- 19 The Observer, 24 Jun 1962.
- 20 Minit oleh F.A. Warner, 22 Jun 1962, FO 371/166594.
- 21 Ibid.
- 22 Foreign Office kpd. Manila, 24 Jun 1962, FO 371/166594.
- 23 North Borneo News and Sabah Times, 25 Jun 1962.
- 24 Ibid.
- 25 F.A. Warner kpd. J.A. Pilcher, 28 Jun 1962, FO 371/166594.
- 26 Sir W.Goode kpd. Colonial Office, 26 Jun 1962. FO 371/166594.
- 27 Minit oleh F.A. Warner, 26 Jun 1962. FO 371/166594.
- 28 Manila kpd Foreign Office, 2 Ogos 1962. FO 371/166594.
- 29 Manila kpd. Foreign Office, 3 Ogos 1962. FO 371/166594.
- 30 Minit oleh E.H. Peck, 7 Ogos 1962. FO 371/166594.

- 31 Ibid.
- 32 Manila kpd. Foreign Office, 14 Sept. 1962. FO 371/166594.
- 33 Mohd. Ariff bin Datoī Hj. Othman, Tuntutan Filipina terhadap Sabah, Kuala Lumpur, 1988. hlm. 81-88
- 34 C.R.O kpd Kuala Lumpur, 5 Sept. 1962. FO 371/166594.
- 35 Manila kpd. Foreign Office, 1 Okt. 1962. FO 371/166594.
- 36 Ibid.
- 37 Manila kpd. Foreign Office, 9 November 1962. FO 371/166594.
- 38 Ibid.
- 39 Home kpd. MacMillan, 14 Disember 1962. FO 371/166603.
- 40 Manila kpd. Foreign Office, 23 Disember 1962. FO 371/166603.
- 41 Manila kpd. Foreign Office, 28 Disember 1962. FO 371/166603.
- 42 Lihat, eReport on the Anglo-Philippines Talks held in London, January 28 to February 1, 1963i, dlm. FO 371/169978.
- 43 Ibid.
- 44 Ibid.
- 45 Ibid.
- 46 Ibid.
- 47 Home kpd. J.A.Pilcher, 7 Februari 1963. FO 371/169979.
- 48 Manila kpd. Foreign Office, 29 Januari 1963. FO 371/169979.
- 49 Malaysia, Malaya-Philippine Relations, Kuala Lumpur, 1963.
- 50 Manila - Foreign Office, 15 Februari 1963. FO 371/169979.
- 51 Malaysia, op. cit. hlm. 10.
- 52 Ibid.
- 53 Ibid. hlm.11.
- 54 Ibid. hlm.12.

RUJUKAN

A: Sumber rasmi

Sumber Pejabat Public Record Office, London

(a) Rekod Pejabat Tanah Jajahan

CO 531, Borneo: Umum.

CO 537, Tanah Jajahan: Umum.

CO 874, British North Borneo.

CO 1030, Jabatan Asia Tenggara: Surat Menyurat Asal.

(b) Rekod-Rekod Pejabat Luar

FO 371, Surat Menyurat Umum: Jabatan-Jabatan Politik.

B. Akhbar

Berita Harian

North Borneo News and Sabah Times

Straits Times

The Guardian

The Philippines Free Press

The Philippines Herald

The Times

Utusan Melayu

C. Artikel dan Buku

Allen, J. de V. Stockwell, A.J. & Wright, L.R. A Collection of Treaties and other Documents Affecting the States of Malaysia, 1761-1963, vol.II, London, 1981.

Asnani Usman, 'Masalah Penetapan Batas Zona Ekonomi Eksklusif 200 mil Indonesia', *Analisa*, thn.x, no. 8, Agustus, 1981.

Barrows, P. 1924. *History of the Philippines*. Chicago.

Green, L.C. 1970. *International Law Through the Cases*. London.

Hanna, W.A. 1964. *The Formation of Malaysia: New Factor In World Politics*. New York.

Hughes-Hallet, H.R., *Sketch of the History of Brunei*, JRASSB, Aug. 1940.

Irwin, G. 1955. *Nineteenth-Century Borneo*. The Hague.

Kahin, G. Met., 1947. The State of North Borneo: 1881-1946. *Far Eastern Quarterly*, vol. III.

Low, Hugh.. 1880. Selesilah. JRASSB, June.

Malaysia, Malaya-Philippines Relations, Kuala Lumpur, 1963.

Malaysia, Report of the Commission of Inquiry: North Borneo and Sarawak, Kuala Lumpur, 1962.

- Malaysia, Report of Inter-Governmental Committee, Kuala Lumpur, 1962.
- Maxwell, W.G. & Gibson, W.S. 1924. *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London.
- Miller, H. 1965. *The Story of Malaysia*. London.
- Mohd. Ariff bin Dato' Hj. Othman, 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah*. Kuala Lumpur.
- Philippine Claim to North Borneo, 2 vols, Manila, 1964 & 1967.
- Prescott, J.R.V. 1990. *Political Frontiers and Boundaries*. London.
- Runciman, Sir S. 1960. *The White Rajah: A History of Sarawak from 1841-1946*. Cambridge.
- Saleeby, N.M. 1963. *The History of Sulu*.
- Santos, V.A. 1951. The Taganak Lighthouse Dispute. *The American Journal of International Law*, vol. 45.
- Tarling, Nicholas, 1957. British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871. *JMBRAS*, XXX, 3, October.

Perjanjian Damai Filipina - MNLF: Antara Harapan dan Cabaran

Wan Rusik Wan Yusoff

Jabatan Sejarah, UKM

PENGENALAN

Pada 2 September, 1996 satu perjanjian damai telah ditandatangani antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF). Upacara ini yang berlangsung di Istana Mulacang turut disaksikan oleh 1200 orang tetamu.¹ Semua golongan baik di dalam atau di luar Filipina berharap perjanjian ini akan berjaya membawa keamanan yang berkekalan di Selatan Filipina. Konflik di selatan telah membawa kemusnahan yang besar. Dianggarkan lebih 120,000 orang awam, gurila Moro dan tentera Filipina telah terkorban.² Jumlah yang tercedera mungkin berlipat ganda dari jumlah tersebut. Beratus ribu orang lagi menjadi pelarian termasuk di Sabah. Kemusnahan harta benda dan kemudahan-kemudahan awam adalah amat besar. Disamping itu konflik yang berpanjangan telah membantut pembangunan ekonomi di wilayah-wilayah selatan yang memang sudah ketinggalan kalau dibandingkan dengan bahagian-bahagian lain Filipina.

LATAR BELAKANG KONFLIK

Walaupun perjanjian ini bertujuan untuk menamatkan pemberontakan yang diterajui oleh MNLF sejak dua puluh empat tahun yang lalu, namun Barisan Kebangsaan Moro hanya mewarisi perjuangan orang Islam di selatan yang telah berlaku berabad-abad lamanya. Pergolakan di selatan telah bermula dengan pengukuhan kuasa Sepanyol di bahagian utara dan tengah Filipina menjelang pertengahan abad ke-16.³ Apabila Sepanyol cuba meluaskan pengaruhnya ke selatan ia mendapat tentangan hebat dari kuasa-kuasa Islam. Pertemuan dengan masyarakat Islam di selatan Filipina ini mengingatkan kembali Sepanyol kepada orang-orang Arab *Moor* (Moro mengikut sebutan Sepanyol) yang pernah memerintah Sepanyol untuk beberapa abad. Oleh kerana kedua-dua kaum ini menganut ugama yang sama Sepanyol memanggil orang-orang Islam di Selatan juga sebagai orang-orang Moro yang bererti orang-orang Islam.

Lebih dari tiga abad Sepanyol berusaha untuk menguasai kawasan selatan tetapi gagal. Siri-siri peperangan ini dikenali sebagai Perang Moro dalam sejarah Filipina. Orang-orang Moro telah memberi tentangan yang hebat walaupun kadang kala tanpa bantuan dari kuasa-kuasa luar. Apabila penjajahan Sepanyol berakhir pada akhir abad ke-19 mereka hanya menguasai sebahagian kecil saja wilayah di selatan.

Ketibaan Amerika Syarikat menggantikan Sepanyol di akhir abad ke-19 juga mendapat tentangan dari orang-orang Moro. Tetapi penentangan orang Moro terhadap Amerika tidak lagi sehebat seperti penentangan mereka terhadap Sepanyol. Pada masa ketibaan Amerika ini institusi kesultanan di selatan telah lemah, oleh itu penentangan terhadap Amerika lebih bersifat individu dan lokal. Pada awal penjajahannya Amerika memberi kuasa otonomi yang terhad kepada kawasan-kawasan Moro apabila Wilayah Moro diwujudkan. Wilayah Moro ini meliputi sebahagian dari Pulau Mindanao, termasuk semua kawasan-kawasan yang didiami oleh orang-orang Moro. Tetapi kuasa otonomi ini telah dimansuhkan secara perlahan-lahan. Pada tahun 1913 Wilayah Moro telah dimansuhkan. Menjelang 1920 wilayah-wilayah di selatan telah ditadbir sepenuhnya dari Manila. Di masa penjajahan Amerika juga bermulanya penghijrahan orang-orang dari utara secara besar-besaran ke selatan.

Apabila Filipina mencapai kemerdekaan dalam tahun 1946 ia mewarisi 'masalah Moro' ini.⁴ Pada masyarakat Moro kerajaan Filipina di Manila tidak ada perbezaan dengan Kerajaan Manila di zaman Sepanyol dan Amerika. Kebanyakan pemimpin-pemimpin masyarakat Moro yang kebanyakannya terdiri dari golongan bangsawan menyokong kerajaan di Manila. Tetapi masyarakat Moro pada amnya melihat kerajaan di Manila sebagai lebih menyokong orang-orang Kristian. Perbalahan-perbalahan di antara masyarakat Moro dan pendatang Kristian dari utara menjadi semakin hebat. Punca utama perbalahan ialah mengenai tanah.

Pada akhir 1960an dan awal 1970an keadaan di selatan menjadi semakin buruk. Pertempuran kecil semakin kerap berlaku di antara kumpulan bersenjata dari kalangan Kristian dan Islam. Bagi masyarakat Moro tentera dan Polis Filipina lebih menyokong masyarakat Kristian, oleh itu mereka melihat pasukan-pasukan bersenjata Islam sebagai pelindung mereka. Di awal tahun 1970an ini juga munculnya pemimpin-pemimpin Moro yang baru dan kebanyakan mereka datang dari masyarakat biasa dan berpendidikan moden. Golongan pemimpin baru inilah yang menubuhkan MNLF di awal 1970an untuk memperjuangkan kepentingan masyarakat Moro. Untuk menghadapi keadaan keselamatan yang semakin buruk

terutama di selatan kerajaan Filipina telah mengisytiharkan undang-undang tentera pada September, 1972. Tetapi pengisytiharan undang-undang tentera ini telah memburukkan lagi keadaan di selatan. Pertempuran kecil-kecilan telah menjadi perang terbuka. Tahun 1972 dianggap sebagai bermulanya pemberontakan masyarakat Moro yang diterajui oleh MNLF menentang Kerajaan Filipina.

USAHA-USAHA CARI PERDAMAIAN

Di antara 1972 dan 1996 ada beberapa usaha dibuat untuk mencari penyelesaian secara aman. Di antaranya ada dua usaha yang hampir berjaya membawa keamanan di selatan. Pertama ialah Perjanjian Tripoli. Perjanjian ini ditandatangani oleh MNLF dan Kerajaan Filipina di bawah Marcos. Ia telah ditandatangani di Tripoli, Libya pada Disember, 1976. Perjanjian ini menyatakan otonomi akan diberi kepada tiga belas wilayah di selatan Filipina yang didiami oleh masyarakat Moro. Pelaksanaan perjanjian inilah yang menjadi asas tuntutan MNLF dalam rundingan-rundingan dengan kerajaan seterusnya. Usaha kedua ialah Perjanjian Jeddah pada Januari 1981. Perjanjian ini adalah hasil dari pertemuan terus yang pertama di antara Nur Misuari, Pengurusi MNLF dengan Presiden Corazon Aquino di Sulu pada September, 1986. Dalam perjanjian ini Kerajaan Filipina bersetuju pada dasarnya untuk memberi otonomi kepada tiga belas wilayah yang disebut dalam Perjanjian Tripoli.

Kedua-dua perjanjian ini gagal dilaksanakan kerana kedua-dua pihak tidak sepakat mengenai cara untuk menubuhkan kerajaan otonomi. Kerajaan Filipina baik di zaman Marcos atau Aquino berpegang kepada pendirian bahawa kerajaan otonomi akan diwujudkan hanya selepas mendapat persetujuan dari penduduk di kawasan yang terlibat. Sementara MNLF pula mahu kerajaan otonomi diberi melalui dikri presiden dan tidak melalui pungutan suara. Keadaan menjadi lebih rumit di masa Aquino terutama selepas tahun 1987. Ini disebabkan oleh Perlembagaan baru Filipina yang diluluskan pada tahun tersebut mensyaratkan pungutan suara dijalankan di satu-satu wilayah yang akan berubah status atau tarafnya. Kuasa dikri yang ada pada presiden telah dimansuhkan. Apabila Kerajaan Aquino meneruskan rancangan untuk mengadakan pungutan suara di wilayah-wilayah tersebut MNLF telah menarik diri dari rundingan damai. Sementara itu keputusan pungutan suara mendapati hanya empat dari tiga belas wilayah yang ingin menyertai wilayah otonomi. Pada tahun 1992 wilayah otonomi Islam Mindanao (ARMM) telah ditubuhkan yang mengandungi wilayah-wilayah Sulu, Tawi-tawi,

Lanao de Sur dan Magindanao. Selepas kegagalan Perjanjian Jeddah tidak ada usaha yang bersungguh dijalankan untuk mencari penyelesaian secara aman di antara MNLF dan Kerajaan Filipina.

USAHA PERDAMAIAN DI MASA RAMOS

Sebelum menjadi presiden lagi Ramos telah memulakan usaha mencari penyelesaian secara aman untuk masalah selatan Filipina. Pada Disember 1991 semasa kempen pilihan raya presiden rancak diadakan Ramos telah melakukan lawatan sulit ke Libya dalam usaha untuk menghidupkan kembali rundingan di antara kerajaan Filipina dan MNLF.⁵ Cadangan Ramos mendapat sambutan yang positif dari MNLF dan Kerajaan Libya. Sebaik saja menjadi presiden pada awal 1992 rundingan secara rasmi dengan MNLF diadakan. Rundingan ini telah menunjukkan hasil apabila pada Oktober 1993 satu gencatan senjata telah dikuatkuasakan di selatan.

Pada masa ini juga Indonesia mula memainkan peranan yang aktif sebagai orang tengah di antara kedua-dua pihak. Rundingan-rundingan seterusnya tidak banyak membawa kemajuan. Persoalan yang menjadi rintangan ialah mengenai cara menumbuhkan kerajaan otonomi. Kedua-dua pihak masih berpegang kepada pendirian lama. MNLF masih menuntut supaya otonomi sepenuhnya diberi kepada tiga belas wilayah (sekarang menjadi empat belas kerana salah satu wilayah itu telah dipecah kepada dua) seperti yang disebut dalam Perjanjian Tripoli tanpa pungutan suara. Sementara Kerajaan Filipina menegaskan bahawa otonomi akan diberi hanya selepas pungutan suara dijalankan seperti yang diisytiharkan dalam Perlembagaan Filipina 1987. Proses perundingan menjadi buntu kerana kedua-dua pihak gagal mencapai tolak ansur.

Untuk memecahkan kebuntuan Presiden Ramos mencadangkan supaya Panel Bersama Filipina / MNLF membincangkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada persetujuan dan meninggalkan buat sementara perkara-perkara yang boleh membawa kepada perselisihan. Teknik ini berjaya kerana di antara 1993 dan 1995 Panel Bersama telah berjaya menyelesaikan 123 perkara mengenai pembahagian kuasa di antara kerajaan pusat dan kerajaan otonomi.⁶ Menjelang akhir 1995 hanya tinggal dua perkara yang masih menjadi halangan, pertama mengenai tuntutan MNLF supaya sebahagian dari pasukan bersenjataanya Tentera Bangsa Moro (BMA) diserapkan ke dalam tentera Filipina dan kedua mengenai bagaimana kerajaan otonomi hendak dibentuk.

Pada awal 1996 tolak ansur telah dicapai mengenai penyerapan pasukan bersenjata Moro ke dalam tentera Filipina. Kerajaan bersetuju untuk menerima kurang lebih 7,500 orang pasukan Moro ke dalam tentera dan polis Filipina tetapi tertakluk kepada prosedur biasa tentera dan polis (misalnya, kelulusan akademik dan latihan).⁷ Tetapi untuk persoalan kedua yang merupakan perkara yang paling asas Kerajaan Filipina dan MNLF gagal mencapai tolak ansur dan rundingan telah ditangguhkan tanpa ada tanda-tanda penyelesaian. Menjelang Februari dan Mac 1996 keadaan menjadi begitu tegang di selatan sehingga ramai berpendapat yang gencatan senjata yang telah berkuatkuasa sejak 1993 akan hancur dan perang baru akan meletus.

Di saat yang genting ini Presiden Ramos sekali lagi mengambil usaha untuk meredakan keadaan. Pada awal Mei 1996 beliau telah menghantar ketua Pejabat Presiden Ruben Torres yang juga rakan Nur Misuari semasa menuntut di universiti dahulu ke Dubai.⁸ Torres membawa cadangan tolak ansur dari Ramos untuk dirundingkan dengan Nur Misuari. Ramos mencadangkan supaya dibentuk satu badan peralihan sementara untuk mentadbir wilayah selatan sehingga pembentukan kerajaan otonomi yang kekal dibuat selepas pungutan suara. Misuari memberi sambutan yang positif dan bersetuju untuk mengadakan rundingan lanjut mengenai cadangan tersebut. Dalam rundingan-rundingan di Jakarta satu tolak ansur telah dicapai di mana satu majlis sementara yang diberi nama Majlis Filipina selatan untuk keamanan dan Pembangunan (SPCPD) dibentuk. Majlis ini akan mentadbir semua wilayah yang disebut dalam Perjanjian Tripoli untuk tempoh tiga tahun. Selepas tempoh tersebut satu pungutan suara akan diadakan untuk menentukan sama ada wilayah-wilayah tersebut ingin menyertai kerajaan otonomi atau tidak. Nur Misuari telah bersetuju untuk menjadi calon gabenor untuk wilayah Otonomi Islam Mindanao (ARMM) yang sedia ada atas tiket parti pemerintah.⁹

Pada Julai 1996 satu deraf Perjanjian sementara telah ditandatangani di Jakarta sementara perjanjian rasmi telah ditandatangani di Manila pada 2 September 1996. Perjanjian damai ini telah memberi berbagai harapan kepada penduduk-penduduk di wilayah yang terlibat khususnya dan kepada Filipina amnya, namun perjanjian ini terpaksa menghadapi banyak cabaran yang mungkin menggugat pelaksanaannya.

HARAPAN

Perjanjian ini mungkin mempunyai harapan yang berbeza kepada golongan atau individu yang terlibat. Presiden Ramos khususnya dan

Filipina amnya berharap dengan perjanjian ini akan mengurangkan beban perbelanjaan pertahanan Filipina. Dianggarkan dalam tempoh 20 tahun yang lalu Kerajaan Filipina telah membelanjakan lebih 5 ribu juta ringgit untuk menghadapi pemberontakan di selatan.¹⁰ Dalam tahun-tahun 1970an di saat pemberontakan paling hebat 2/3 tentera Filipina berada di selatan dan dalam tahun-tahun 1990an ini pun 1/3 tentera Filipina terpaksa ditempatkan di selatan.

Kerajaan Filipina juga berharap Mindanao akan menjadi *power house* yang akan menggerakkan Filipina untuk menjadi 'harimau baru Asia Tenggara seperti Singapura, Thailand dan Malaysia. Kalau Filipina dianggap sebagai kereta Mindanao adalah enjinnya. Kereta tidak akan bergerak kalau enjin tidak dihidupkan dan enjin tidak akan hidup kalau ia menghadapi masalah. Begitu juga dengan Filipina ia tidak boleh berkembang di segi ekonomi kalau Mindanao tidak boleh dimajukan dan Mindanao tidak boleh dimajukan selagi ia berada dalam huru hara. Perkembangan ekonomi Filipina berkembang sangat perlahan dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an. Ini menjadikan ia ketinggalan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri Asia Tenggara yang lain.

Mindanao adalah satu-satunya kawasan di mana sumber-sumber aslinya belum lagi dimajukan sepenuhnya. Mindanao juga digelar 'permata Filipina' (jewel of the Philippines) yang mempunyai tanah-tanah yang subur, kaya dengan bahan-bahan galian seperti emas, tembaga dan nikel dan sumber tenaga hydro elektrik yang banyak. Semua ini memberi peluang yang banyak kepada pelabur-pelabur baik dari dalam dan luar Filipina untuk memajukan sumber-sumber tersebut selepas keamanan dicapai.¹¹ Di samping itu laut dan pulau-pulainya berpotensi dimajukan dalam industri perikanan dan pelancongan.

Bandar Zambonga di Mindanao mempunyai kedudukan yang sangat strategik. Dari Zambonga hampir sama jauh jarak untuk ke Hong Kong, Bangkok, Singapura dan Jakarta. Oleh itu ia sesuai untuk dijadikan sebagai 'pintu atau jendela' bagi Filipina memasuki pasaran tempat-tempat ini. Keamanan di selatan menjadi lebih penting apabila Asean menubuhkan wilayah Pembangunan Timur Asean (EAGA) yang akan meliputi Filipina Selatan, Brunei, Sabah, Sarawak dan sebahagian dari timur Indonesia. Tetapi program pembangunan di bawah tajaan EAGA tidak boleh dijalankan selagi keadaan huru hara wujud di selatan Filipina.¹² Di tahun-tahun 1996 dan 1997 sudah syarikat-syarikat Malaysia seperti Petronas, Tabung Haji dan Perbadanan Kemajuan ekonomi negeri-negeri memasuki selatan Filipina. Presiden Ramos juga ingin mencatatkan sejarah sebagai presiden Filipina yang berjaya menyelesaikan "masalah Moro"

sedangkan Sepanyol, Amerika dan Presiden-presiden Filipina yang terdahulu telah gagal.

MNLF khususnya dan masyarakat Moro amnya berharap dengan perjanjian ini akan menamatkan segala kezaliman, ketidakadilan dan penindasan yang telah berlarutan sekian lama. Di samping itu juga pembangunan ekonomi yang akan berlaku diharapkan dapat meninggikan taraf hidup masyarakat Moro yang jauh ketinggalan dari masyarakat lain. Bagi anggota-anggota gerila Moro keamanan yang akan berlaku membolehkan mereka keluar dari hutan untuk hidup seperti biasa bersama-sama dengan keluarga masing-masing. Begitu juga dengan Nur Misuari perjanjian ini memberi peluang kepadanya untuk kembali hidup seperti orang awam. Beliau yang telah berusia lebih dari setengah abad dan telah hidup dalam buangan lebih dari dua puluh tahun mungkin terpaksa memberi tolak ansur untuk mendapatkan keamanan.¹³ Nasihat dan pandangan dari pemimpin-pemimpin negara-negara jiran bahawa masyarakat Moro tidak mungkin mendapat tolak ansur yang lebih baik dari presiden-presiden Filipina di masa depan mungkin mempengaruhi Nur Misuari untuk berdamai.¹⁴ Walaupun mungkin tidak dapat 100% apa yang diperjuangkan tetapi apa yang didapati dari perjanjian itu mungkin sudah cukup untuk menjadikan Nur Misuari sebagai pemimpin Moro yang pertama dapat menyelesaikan masalah Moro dengan cara terhormat.

Bagi negara-negara jiran Filipina khasnya anggota-anggota Asean berharap perjanjian ini akan membawa kestabilan politik bukan saja untuk Filipina tetapi untuk seluruh rantau ini. Dengan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang pesat, rantau Asia Tenggara akan dapat memasuki abad ke-21 dengan lebih mantap dan yakin.

CABARAN

Walaupun perjanjian ini dianggap sebagai tolak ansur terbaik untuk semua golongan di selatan tetapi ramai dari golongan Kristian dan Islam tidak berpuas hati. Cabaran terbesar kepada perjanjian ini ialah tentangan yang nampaknya menyeluruh di kalangan masyarakat Kristian. Sokongan dari masyarakat Kristian adalah kritikal kerana mereka merupakan penduduk majoriti secara keseluruhan di empat belas wilayah dengan ratio 3-2 berbanding dengan masyarakat Moro.¹⁵ Kalau mengikut wilayah penduduk Kristian merupakan golongan majoriti di sembilan dari empat belas wilayah yang akan mengundi secara berasingan dalam pungutan suara pada tahun 1999. Sebaik saja butir-butir perjanjian damai diumumkan tunjuk-tunjuk perasaan

telah meletus di semua bandar-bandar utama di selatan seperti Zamboanga, Iligan, Dipolog dan General Santos. Pemimpin-pemimpin Kristian di selatan bersatu menentang perjanjian ini dan menuduh kerajaan Filipina mengabaikan kebajikan penduduk majoriti. Hebatnya tentangan orang-orang Kristian telah memaksa Kerajaan Filipina membatalkan upacara sambutan merayakan perdamaian di bandar-bandar di selatan. Lawatan Presiden Ramos dan lain-lain tokoh dari Manila gagal meredakan kemarahan penduduk Kristian.

Di samping menghadapi tentangan masyarakat Kristian, masyarakat Moro sendiri tidak bersatu mengenai perjanjian ini. MNLF bukan satu-satunya pertubuhan yang mewakili masyarakat Moro. Ada beberapa pertubuhan lain seperti Pertubuhan Pembebasan Islam Moro (MILF), ICC (Islamic Command Council) dan kumpulan Abu Sayyaf. Semua pertubuhan-pertubuhan ini menentang perjanjian damai. Mereka menuduh MNLF dan para pemimpinnya telah mengkhianati perjuangan masyarakat Moro untuk mendapat kepentingan peribadi. Ada di kalangan pegawai tentera Filipina merasa kerajaan Filipina telah tersilap berunding dengan MNLF yang lebih lemah dari MILF. Pusat kekuatan dan pengaruh MILF ialah di Lanao dan Magindanao di Pulau Mindanao. Kemasukan kedua-dua wilayah ini ke dalam kerajaan otonomi pemimpin MNLF adalah penting. Tanpa kedua-dua wilayah ini kerajaan otonomi Moro tidak bererti baik di segi politik atau ekonomi.

Faktor masa juga menjadi cabaran kepada perdamaian di selatan. Penduduk-penduduk di empat belas wilayah akan mengundi dalam tahun 1999 untuk menentukan sama ada wilayah mereka akan menyertai Kerajaan otonomi Islam. Adakah dalam tempoh tiga tahun masyarakat Kristian dan Islam boleh bersatu dan memahami inspirasi masing-masing. Bolehkah permusuhan selama lebih tiga abad dihapuskan dalam masa tiga tahun. Kerajaan Filipina dan MNLF berharap pembangunan ekonomi akan dapat mempengaruhi masyarakat di selatan untuk menyokong perdamaian. Filipina mempunyai sumber kewangan yang terhad. Untuk mengatasi perkara ini kerajaan Filipina dan MNLF berharap pelabur-pelabur swasta dan negara-negara Islam akan menyediakan modal untuk memajukan ekonomi di selatan dalam tempoh tiga tahun.

Persoalan adakah perjanjian damai akan dapat dilaksanakan dan keamanan akan berkekalan hanya masa yang dapat menentukan dan masa adalah terhad. Walaupun menghadapi cabaran-cabaran yang sukar adalah lebih baik memberi peluang pada damai bertapak dari terus berperang.

NOTA

- ¹ Utusan Malaysia, 3 September, 1996.
- ² Time, 8 Julai, 1996.
- ³ Impact International, Oktober, 1996.
- ⁴ Ibid.
- ⁵ Time, 22 Julai, 1996.
- ⁶ Asia Week, 26 Julai, 1996.
- ⁷ Asia Week, 9 Ogos, 1996.
- ⁸ Time, 8 Julai, 1996.
- ⁹ Time, 22 Julai, 1996.
- ¹⁰ Asia Week, 13 Julai, 1996.
- ¹¹ Asia Week, 16 September, 1996.
- ¹² Asia Week, 26 Julai, 1996.
- ¹³ Far Eastern Economic Review, 26 Julai, 1996.
- ¹⁴ Time, 23 September, 1996.
- ¹⁵ Asia Week, 23 Ogos, 1996.

RUJUKAN

- Al Rashid I, Cayongcat, 1986. *Bangsa Moro People: In Search of Peace*. Manila: The Foundation for the Advancement of Islam in the Philippine.
- Che Man, WK. 1990. *Muslim Separatism: The Moros in the Southern Philippines and the Malays in Southern Thailand*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gowing, Peter G. 1979. *Muslim Philippines - Heritage and Horizon*. Manila: New Day Publishers. Manila.
- _____. 1977. *Mandate in Moroland*. Manila: Community Publishers.
- George, T.J.S. 1980. *Revolt in Mindanao, the Rise of Islam in Philippine Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Majul, Caesor A. 1973. *Muslims in the Philippines*. Manila: University of the Philippines Press. Manila.

Majalah dan Akhbar

- Asia Week
 Far Eastern Economic Review
 Impact International
 Newsweek
 Time
 Berita Harian
 Utusan Malaysia
 New Straits Times

3171110000 41

Bahasa Melayu:
Menghadapi Cabaran Global Dan Teknologi Maklumat

Farid M. Onn
Jabatan Linguistik, UKM

PENGENALAN

Tinggal kira-kira 30 bulan (900 hari) lagi untuk kita melangkah ke alaf (millennium) baru. Pada saat-saat ini apabila kita membicarakan tentang sesuatu yang bersifat maju, termasuk bidang ilmu, tidak dapat tidak, kita akan mengaitkannya dengan alaf baru tersebut, iaitu tentang cabaran dan masa depan. Demikian juga tentang persoalan bahasa, khususnya bahasa Melayu. Bagaimanakah masa depannya? Apakah cabaran yang dihadapinya menjelang abad ke-21 nanti.

Menyingkap sejarah sepanjang 30 tahun yang lampau, kita telah menyaksikan proses pembangunan bahasa Melayu yang cukup pesat. Memang sering, malah wajar dikatakan bahawa perkembangan dan kemajuan yang dihadapi bahasa Melayu merupakan satu fenomena yang belum pernah dialami oleh mana-mana bahasa lain di dunia. Daripada bahasa yang cukup 'kerdi' 30 tahun yang lampau, kini bahasa ini telah berjaya menjadi bahasa pengungkap ilmu dan wahana budaya moden. Ini merupakan fakta dan kenyataan yang tidak boleh kita nafikan.

Namun dalam keghairahan kita mengecap nikmat kejayaan pembinaan bahasa Melayu, terutama pengayaan aspek korpusnya, kita perlu merenung sejenak, menumpukan keprihatinan kita pada masa muka kepada cabaran sejagat yang pasti akan melanda dan memaksa bahasa Melayu bersemuka dengan wahana komunikasi elektronik canggih dan limpahan maklumat. Kita tentu sekali tidak mahu melihat bahawa setiap rupa bentuk wahana dan media teknologi maklumat yang melanda dunia sekarang ini dikuasai semata-mata oleh bahasa Inggeris tanpa sebarang usaha untuk menyediakan bahasa Melayu sendiri memainkan peranannya dan mendapat tempat dalam komunikasi dunia yang kian mencabar melalui internet yang kini bagaikan dapat menyatukan masyarakat dunia dalam apa yang dikatakan 'Kampung Global.'

Kita perlu sedar bahawa dunia tidak akan menanti kita untuk maju. Siapa yang lambat akan tertinggal. Sejak tamatnya Perang Dunia Kedua dahulu, manusia khususnya para saintis telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencipta sesuatu yang menelurkan

kebaikan daripada bahan atau tenaga nuklear. Tenaga tersebut yang telah membantu menamatkan peperangan dengan permusnahan dua buah bandar di Jepun, didakwa oleh para saintis boleh membawa kebaikan kiranya dapat dikawal untuk menghasilkan tenaga yang lebih positif, seperti, misalnya, menjana kuasa elektrik. Malangnya, hingga ke hari ini, manusia masih belum dapat menguasai tenaga yang berpotensi mega itu. Tegasnya, era nuklear yang diidam-idamkan itu masih terus dalam bayangan. Sebaliknya, yang tidak disangka-sangka menjelang ialah era komputer dan era maklumat.

Kini, kemajuan teknologi komputer serta kewujudan pelbagai wahana komunikasi teknologi canggih dan limpahan perusahaan maklumat, terutamanya melalui rangkaian multimedia jelas memberi peluang kepada bahasa-bahasa moden, terutamanya bahasa Inggeris untuk memperkukuh perannya sebagai media utama dalam dunia komunikasi antarabangsa itu. Namun, kita perlu bertanya sekali lagi: wajarkah kita membiarkan bahasa Inggeris memonopoli keadaan ini. Apakah bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa Melayu tidak punya tempat langsung dalam fenomena ledakan komunikasi dunia, baik yang melalui rangkaian multimedia atau internet? Adalah wajar kita berpendapat bahawa sebarang ilmu dan maklumat yang kita punyai, yang datang daripada kita sendiri, hendaklah dirakamkan dan didokumentasikan dalam bahasa kita sendiri, dan disebarkan juga melalui bahasa kita sendiri. Demikian juga sesiapa, orang lain, yang memerlukan maklumat dan ilmu itu harus belajar bahasa Melayu untuk dapat mengeksekus ilmu serta maklumat yang diperlukan itu. Kita pun harus melakukannya demikian. Kita perlu mempunyai kebolehan untuk menterjemah segala maklumat dan hasil kemajuan pelbagai ilmu, baik sains dan teknologi maupun sains sosial, dari dunia luar ke dalam bahasa Melayu untuk dapat menyebarkannya kepada masyarakat kita seluruhnya.

TAHAP

Dalam hubungan ini, sering disebut ada sekurang-kurangnya 6 tahap (seperti yang dicadangkan oleh Anuar Maarof, 1991) untuk kita mahu menangani persediaan bahasa Melayu memasuki era TM ini, iaitu:

Pertama, kesedaran yang benar-benar dirasai tentang kewujudan, perkembangan dan kejayaan teknologi maklumat setakat ini. Hal ini penting untuk tujuan perancangan seterusnya.

Kedua, kita harus punya arah atau matlamat falsafah yang ingin kita tuju atau capai. Untuk ini wawasan 2020 boleh dijadikan pedoman, sekurang-kurangnya untuk tujuan menentukan sasaran dan matlamat perancangan kita.

Ketiga, perancangan strategi jangka pendek untuk menangani segala rupa teknologi maklumat melalui bahasa Melayu. Untuk tujuan ini kita memerlukan target 5-10 tahun untuk dapat sesuatu, secara praktik, dihasilkan.

Keempat, perancangan strategi jangka panjang teknologi maklumat melalui bahasa Melayu yang memerlukan perancangan dari Atas ke Bawah. Panduan seperti yang dikemukakan oleh J. Rockart dan R. Nolan boleh diteliti dan dikaji.

Kelima, merancang bentuk latihan yang perlu disediakan untuk dapat mengeksploitasi sepenuhnya potensi teknologi maklumat melalui bahasa Melayu. Tahap pengetahuan yang terkini tentang potensi teknologi maklumat perlu dipunyai demi penggubalan perancangan yang lebih berkesan.

Keenam, kesedaran bahawa teknologi maklumat akan terus berkembang dengan cepat - jauh lebih cepat daripada apa yang dapat kita bayangkan. Sebagai contoh, maklumat yang kita dapati di perpustakaan kini tidak hanya dalam bentuk buku atau melalui media bertulis, bahkan sudah melalui multimedia yang merangkumi teknologi komputer, CD ROM, alat komunikasi video, gambar dan suara, dan sebagainya. Pendidikan kini tidak lagi khusus melalui guru dan buku, tetapi boleh melalui video, suara dan komputer. Hari ini sudah ada teknologi di pasaran untuk menyalurkan maklumat yang terdapat dalam ensiklopedia dalam bentuk video suara dan output komputer melalui talian telefon. Kandungan buku-buku istilah dan kamus juga boleh disalurkan kepada yang memerlukannya melalui talian telefon secara demikian.

Sebenarnya, bukan tidak ada usaha langsung untuk mengeksploitasi teknologi maklumat ini melalui bahasa Melayu. Untuk ini, wajar kita menelusuri segala usaha yang telah dirancang dan dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu institusi rasmi kerajaan yang menanangi hal kebahasaan dan kini cukup serius untuk menyahut cabaran teknologi maklumat dan globalisasi. Dalam perancangan lima tahun Dewan Bahasa dan Pustaka 1996 - 2000 (RM Ketujuh), kita lihat antara Sasaran Kerja Utama DBP adalah untuk

menerbitkan bahan-bahan kebahasaan (termasuk karya kreatif) dalam multimedia, terutamanya, CD-ROM. Usaha ini memungkinkan bahan-bahan kebahasaan dan kesusasteraan dalam bahasa Melayu diolah secara canggih dan menarik dengan menerapkan teknologi komputer. Usaha ini bukan sahaja akan menggalakkan pembelajaran bahasa (Melayu) menerusi bahan yang interaktif, tetapi juga memungkinkan penyebaran bahasa Melayu menerusi rangkaian kebangsaan dan antarabangsa. Kita dapat melihat, sebenarnya, segala kemungkinan jaring (Joint Advanced Intergrated Internetworking) dan internet membuka jalan untuk kita mengantarabangsakan bahasa Melayu. Antara satu kemungkinan adalah apabila Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai institusi pengembangan bahasa, sastera dan budaya kita menjadi salah satu daripada pembekal maklumat dalam Internet. Prasarana komputer dengan kerangka utama *Encore Infinity 90'* series yang dibeli oleh DBP pada tahun 1994 dan kini diletakkan di Pusat Dokumentasi Melayu (PDM) dianggap sudah cukup bertenaga dan canggih dengan membawa 3 sistem bersepadu, iaitu *Sistem Pengurusan Perpustakaan*, *Sistem Imej*, dan *sistem multimedia*. Sistem multimedia ini, misalnya, berkemampuan untuk merakam, mengolah, mengadun dan mendokumentasi bahan berbentuk slaid, negatif, imej pegun dan bergerak, audio, grafik, dan visual bergerak.

Selain DBP, setiap kelompok sarjana dan institusi yang terlibat dengan TM perlu mewujudkan perancangan strategi dan melaksanakan langkah memperbanyak bahan TM dalam bahasa Melayu. Sebuah institusi kejuruteraan perisian kebangsaan perlu ditubuhkan untuk membina bahan keluaran yang berfokuskan keperluan kebangsaan yang menggunakan wahana bahasa Melayu. Perisian-perisian dalam bahasa Melayu amat diperlukan untuk semua peringkat pendidikan. Kita memerlukan komputer berbahasa Melayu untuk dapat berkomunikasi dengan komputer dalam bahasa Melayu. Usaha seperti yang dilakukan oleh sekumpulan ahli sains komputer di UKM yang mencipta UKMI perlu terus digalakkan. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan pengembangan bahasa Melayu yang rasmi sewajarnya digalakkan mengetengahkan usaha membahasa-Melayukan TM. Namun, untuk membina hasil yang lebih berkesan, dicadangkan agar Dewan Bahasa dan Pustaka dapat menggunakan sebanyak mungkin kepakaran bahasa dan ahli sains komputer yang berpusat di Institut Pengajian Tinggi.

Tegasnya, kemajuan seterusnya dan kejayaan selanjutnya dalam usaha menerapkan sistem teknologi maklumat melalui bahasa Melayu amat bergantung pada kewujudan dua jenis input yang berterusan, iaitu *input intelektual* dan *input teknikal*. Input intelektual diperlukan untuk menjamin wujudnya kesinambungan sumbangan pemikiran

tentang maklumat tatabahasa bahasa Melayu daripada pakar-pakar bahasa serta usaha pembinaan kepakaran itu. Input teknikal pula merujuk kepada segala usaha, perisian, perkakasan, dan kepakaran pengkomputeran untuk mengolah data dan maklumat bahasa (Melayu) ke dalam bentuk multimedia.

Akhir kata, ingin saya mengutip kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad dalam amanat tahun baru 1997 iaitu:

Era maklumat akan memaksa kita mengubah gaya hidup serta cara kita bekerja. Lebih segera kita menyesuaikan diri kita dan lebih pantas/cepat kita mendapatkan pengetahuan baru ini, akan lebih baiklah masa depan kita

RUJUKAN

- Anuar bin Maarof, 1991. Masyarakat Malaysia dan teknologi maklumat menjelang tahun 2020. Kertas kerja yang dibentangkan di DBP pada 28hb Julai.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, Laporan Tahunan, 1992, 1993, 1994, 1995.
- Sham, S. 1994. *Menangani Perubahan*. Teks syarahan tahunan Naib Canselor. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60
61
62
63
64
65
66
67
68
69
70
71
72
73
74
75
76
77
78
79
80
81
82
83
84
85
86
87
88
89
90
91
92
93
94
95
96
97
98
99
100

Kecapahan Bahasa Melayu Dengan Bahasa Indonesia: Hambatan Dalam Mengantarabangsakannya

Ajid Che Kob
Jabatan Linguistik, UKM

PENGENALAN

Dua bahasa, yang kini dikenali sebagai bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia, dari segi sejarahnya adalah seasal. Kedua-duanya adalah turunan daripada bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang menurunkan kedua-dua bahasa ini, pada zaman keemasan pemerintahan Sriwijaya digunakan sebagai bahasa sastera dan bahasa pemerintahan hampir di seluruh kawasan Malaysia moden, dan juga hampir di seluruh bahagian barat Indonesia (Farid M. Onn dan Hamdun Husain, 1994). Namun, zaman kegemilangan bahasa Melayu mula menghadapi zaman 'suram' apabila senario politik rantau ini berubah dengan kedatangan dan penguasaan rantau ini oleh penjajah barat. Melalui perjanjian Inggeris Belanda 1824, pihak Inggeris dan Belanda telah meletakkan garis sempadan politik untuk dua wilayah yang asalnya serumpun, yang kemudiannya masing-masingnya dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia) di satu pihak dan Indonesia di pihak yang satu lagi.

Bermula dari saat ini, kedua-dua kawasan ini mencorak perkembangan sosio-politik masing-masing secara yang agak berbeza. Belanda mewarnai anak jajahannya dengan ciri-ciri kebelandaan manakala Inggeris pula menyemarakkan ciri-ciri keinggerisannya di Malaysia. Salah satu aspek yang cukup berjaya disemai di kalangan warga masing-masing adalah penggunaan bahasa penjajah. Bahasa Belanda berkembang marak di Indonesia manakala bahasa Inggeris menjalar subur di Malaysia. Sejak dari saat inilah 'hubungan kebahasaan' di antara kedua-dua negara ini mula merenggang. Bahasa Melayu di Indonesia mulai diwarnai oleh bahasa Belanda serta ciri-ciri tempatannya manakala bahasa Melayu di Malaysia diwarnai oleh bahasa Inggeris di samping ciri-ciri tempatannya.

Bila negara Indonesia mula mengorak langkah ke arah kemerdekaan, salah satu senjata yang digunakan untuk menyatupadukan rakyat, di samping dijadikan simbol atau identiti negara ialah bahasa. Hakikat inilah yang mengerakkan rakyat Indonesia pada tahun 1928 untuk menamabarukan bahasa Melayu di Indonesia dengan nama bahasa Indonesia. Hal yang serupa juga

terjadi kepada bahasa Melayu di Malaysia. Pada peringkat awalnya bahasa ini dinamakan bahasa Melayu tetapi kemudiannya diubah nama kepada bahasa Malaysia.

Nama yang berbeza bagi bahasa yang pada hakikatnya sama ini membawa kesan yang besar terhadap perkembangan kedua-dua bahasa tersebut. Salah satu kesan yang cukup ketara adalah kecapahannya semakin melebar. Pembinaan dan pemodenan bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia berjalan mengikut acuan dan keperluan negara masing-masing. Hal ini tidak terelakkan kerana kedua-dua negara tersebut berbeza dari segi latar sejarah moden serta persekitarannya. Apatah lagi terdapat satu titik hitam dalam hubungan sejarah antara Malaysia dengan Indonesia. Konfrantasi di antara kedua-dua negara ini meninggalkan kesan dalam hubungan antara kedua-dua bahasa ini. Kecapahannya menjadi semakin merenggang.

Apabila hubungan politik antara Indonesia dengan Malaysia berubah dan tamatnya konfrantasi antara kedua-duanya, jambatan persahabatan ini bukan sahaja terbatas kepada aspek politik dan ekonomi malah melimpah ke dalam hal-hal kebahasaan. Menyedari hakikat bahawa kecapahan antara bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia semakin meluas, usaha untuk merapatkannya kembali mula diberi perhatian. Antara langkah yang cukup ketara diambil dalam merealisasikan aspirasi ini adalah peristiharan untuk menggunakan sistem ejaan bersama bagi kedua-dua negara, iaitu "Ejaan Bahasa Indonesia Yang Disempurnakan" di Indonesia, dan "Ejaan Baru Bahasa Malaysia" di Malaysia pada 16 Ogos 1972. Sejajar dengan itu, demi menautkan lagi hubungan kedua-dua bahasa ini, sebuah badan yang diberi nama Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia atau singkatnya MBIM telah ditubuhkan yang antara lain bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan istilah di kedua-dua buah negara ini.

Namun, akibat perjalanan sejarah yang berbeza dan tersendiri dengan agak lama di kedua-dua negara ini, perbezaan yang ada adalah agak banyak dan keadaan ini dirumitkan lagi dengan perkembangan mutakhir di masing-masing negara yang mencapahkan lagi kedua-dua bahasa tersebut. Jadi, adalah tidak menghairankan kalau ada hambatan bagi orang Malaysia untuk memahami ucapan lisan atau teks tertulis dalam bahasa Indonesia, dan begitulah juga sebaliknya yang dialami oleh orang Indonesia. Tidakkah menghairankan kalau ada orang Malaysia yang menghadiri seminar di Indonesia tidak dapat mengikuti sepenuhnya diskusi ataupun pembentangan yang disampaikan dalam bahasa Indonesia. Begitulah juga sebaliknya. Kecapahan ini, kalau dibiarkan boleh meluaskan

lagi jurang kesaling tidak memahami antara kedua-dua penuturnya dan hal ini, pada hemat saya boleh membantut usaha untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu.

KECAPAHAN

Kecapahan antara bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia terjadi dalam beberapa aspek (Ajid Che Kob, 1995). Antaranya termasuklah aspek kosa kata dan perselisihan makna. Perbezaan kosa kata bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia agak banyak dan nampaknya semakin menjarak. Dalam bahasa Indonesia, dikatakan, jika diteliti kata-kata yang terdapat dalam Kamus Besar Indonesia terbitan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, hanya tinggal 50% sahaja jumlah entrinya yang asli bahasa Melayu, selebihnya ialah kata-kata daripada bahasa asing dan kata-kata bahasa daerah (Jusuf Sjarif Badudu, 1992) yang sebahagiannya mungkin tidak terpakai atau tidak digunakan dalam bahasa Malaysia. Kita masih belum pasti berapa peratuskah kata masukan yang terdapat dalam Kamus Dewan edisi terakhir yang tidak terdapat dalam Kamus Besar Indonesia, misalnya.

Perbezaan kosa kata dan perselisihan semantik antara bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia kadang-kadang dikatakan bukan sahaja boleh menimbulkan rasa lucu tetapi juga boleh menimbulkan salah pengertian (Nyoman Tusthi Eddy 1987). Di Malaysia juga, ada kata-kata yang lazim diucapkan di Indonesia dijadikan bahan lucuan di kalangan orang Malaysia. Ungkapan seperti *ikan ini bisa dimakan* misalnya, sering dijadikan ungkapan gurauan di Malaysia.

Untuk melihat secara lebih real akan kecapahan di antara bahasa Indoensia dengan bahasa Malaysia, perhatikan sahaja penggunaan bahasa dalam majalah GATRA, sebuah majalah kontemporari yang sasar tuju pembacanya adalah golongan terpelajar. Kalau diteliti akan penggunaan bahasa dalam majalah tersebut ternyata banyak kosa kata yang dipakai adalah berbeza daripada yang digunakan di Malaysia dan hal ini menimbulkan hambatan bagi orang Malaysia untuk memahaminya. Hal yang menimbulkan masalah pemahaman ini dapat dipecahkan kepada aspek *kependekan kata, penggunaan kata asing yang berbeza, penggunaan kata bahasa daerah*, disamping aspek perselisihan semantik.

Kependekan kata, terutamanya singkatan, akronim, dan inisial amat banyak terdapat dalam bahasa Indonesia. Bilangannya semakin hari semakin bertambah. Akhir-akhir ini dikatakan frekuensi kemunculannya semakin banyak. Dikatakan bahawa setiap bulan

rata-rata boleh ditemukan 450 'virus' baru ini (Agata Parsidi, 1992). Hal ini bukan sahaja pasti menimbulkan kesukaran dan kecapahan di antara bahasa Indonesia dengan bahasa Malaysia malah dikatakan menimbulkan masalah kefahaman kepada orang Indonesia sendiri kerana tidak jelas lagi akan erti dan asal-usulnya. Kegilaan menghasilkan dan menggunakan bentuk kata yang dipendekkan ini, yang diberi nama singkatnya AIDS (Akronim, Inisial, dan Singkatan) tercermin pada kata pengantar sebuah kamus bahasa Indonesia (Agata Parsidi, 1992).

Semakin membengkaknya jumlah kependekan kata tersebut seperti memberi petanda yang sangat menarik: kita ini masyarakat yang kreatif atau masyarakat yang lebih suka menggampangkan persoalan? Fenomena sosial atau budaya apa gerangan tersembunyi di sebalik semua ini? Atau malah jangan-jangan gejala itu, sebagaimana pernah disinyalir oleh seorang penulis, menunjukkan tanda-tanda bahawa masyarakat kita mengidap *schizophrenia*?

Banyaknya bentuk kata pendek yang terdapat dalam bahasa Indonesia memang amat terserlah sekiranya kita membelek-belek sahaja halaman akhbar-akhbar ataupun majalah-majalah umum berbahasa Indonesia. Kamus Akronim Inisialisme dan Singkatan (Agata Parsidi, 1992) misalnya memuatkan sekitar 28,000 entri. Ini bukanlah suatu jumlah yang kecil jika diambil kira bahawa Kamus Besar Bahasa Indonesia (cetakan II 1989) memuatkan 62,000 entri, iaitu kira-kira 45%.

Kalaulah masalah kependekan kata ini menghambat komunikasi sesama orang Indonesia, masalahnya adalah lebih parah lagi bagi orang Malaysia yang cuba memahami teks berbahasa Indonesia. Dalam majalah popular Indonesia, GATRA yang mungkin juga satu akronim, amat banyak sekali bentuk kata pendek yang ditemui dan digunakan secara tersendiri, iaitu tanpa bentuk penuhnya. Misalnya terdapat bentuk-bentuk seperti;

APBN 1995/96	NTB	ONH
RAPBN	NTT	KONI
BAN	SDSB	PSIM
BAPEPAM	DPD	ICIM
ISEI	GMNI	MUI
PBNU	SMPT	PDI
KPPNU	HUBLA	STEKPI
LSM	BUKO	KMI

Fenomena yang sama juga terjadi kepada bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia juga mencipta inisialnya sendiri, namun penciptaannya

tidaklah sebegitu ghairah seperti dalam bahasa Indonesia. Misalnya, amat sedikit bentuk kata pendek yang digunakan dalam majalah MASSA.

Tambah menyukarkan lagi pemahaman pemaca Malaysia ketika membaca teks berbahasa Indonesia adalah ada kalanya sesuatu bentuk pendek atau singkatan itu terpakai untuk lebih dari satu bentuk penuh. Misalnya "P4" boleh mewakili "Panitia Penyelenggara Penerimaan Pariwisata", "Panitia Penyelesaian Perselisihan Perburuhan", "Pedoman Penghayatan dan Pengalaman Pancasila", atau "penodongan, perampokan, pencurian, penjamberatan".

Rangkaian nama organisasi tertentu atau jawatan sering diakronimkan dalam bahasa Indonesia. Sering kali bentuk akronim ini tidak diberikan bentuk penuhnya. Ini berkemungkinan kerana bentuk ini sudah mantap penggunaannya dalam bahasa Indonesia dan dengan itu tidak menimbulkan masalah pemahaman kepada orang-orang Indonesia. Namun bagi pembaca di Malaysia, bentuk-bentuk sebegini menghambat pemahaman mereka. Beberapa contoh akronim yang ditemui adalah:

Kudebes	Presdir	Kasubdit
Bakorstanasda	Kodam	Kopkamtib
Pangdam	Dentam	Undip
Menwa	Wanra	Kamra
Tibum	Hansip	Kapolda
Galatama	Pemda	Depdikbud
Dirut	Pemilu	Pusbingbanga

Yang menambahkan masalah kepada orang-orang Malaysia untuk memahami akronim yang digunakan adalah bentuk penuhnya kadang-kadang tidak sama dengan yang terpakai di Malaysia. Misalnya akronim sekjen yang merupakan cantuman daripada bentuk kata yang dicantas 'sekretari' dan 'jeneral'. Di Malaysia, bentuk yang lazim digunakan dalam bahasa Malaysia untuk 'sekretari' adalah 'setiausaha' manakala 'jeneral' pula lazimnya dikhaskan kepada 'satu jawatan dalam angkatan bersenjata'. Untuk 'sekjen' di Indonesia, bahasa Malaysia lazimnya menggunakan 'ketua setiausaha'. Sebaliknya di Indonesia kata yang lazim dipakai untuk 'ketua' pula adalah 'kepala'. Juga oleh sebab selalu beranggapan bahawa sebarang akronim yang berawal dengan 'Men-' adalah kependekan kepada kata 'menteri', misalnya 'Menkes, Menag, Menpora, dll. Jadi, apabila bertemu bentuk 'Menwa', saya agak ini adalah kependekan bagi 'Menteri Wanita'. Ternyata tekaan saya itu meleset sekali kerana bentuk ini adalah kependekan kepada 'resimen mahasiswa', yang di Malaysia diakronimkan sebagai 'Pelapes'.

KOSA KATA

Satu lagi aspek kosa kata yang menghambat pemahaman orang Malaysia membaca teks berbahasa Indonesia adalah yang berkaitan dengan kata-kata yang asalnya bahasa asing. Berkaitan dengan kosa kata yang berasal dari bahasa asing, ada dua aspek yang perlu dibicarakan. Pertamanya adalah kata-kata asing, yang akibat pengalaman sejarah sosiopolitik yang berbeza antara bahasa Indonesia dengan Malaysia, sumber asal kata-kata tersebut adalah berlainan. Keduanya, ialah kata-kata yang berasal daripada bahasa Inggeris yang diindonesiakan.

Seperti yang dimaklumi, banyak perkataan yang berasal daripada bahasa Belanda telah dipinjam oleh bahasa Indonesia untuk dijadikan sebahagian daripada kosa katanya. Ada dua jenis kata Belanda yang masuk menjadi kosa kata bahasa Indonesia; kata Belanda yang jauh perbezaannya daripada kata bahasa Inggeris yang untuk mendokong sesuatu konsep dan kata Belanda yang sama atau hampir sama dengan bahasa Inggeris. Sebahagian besar kata-kata Belanda yang tidak sama atau jauh berbeza daripada bahasa Inggeris yang masuk ke dalam perbendaharaan kata bahasa Indonesia secara umumnya sukar difahami oleh orang-orang Malaysia. Beberapa contoh kata-kata tersebut adalah;

garansi	gratis	busi
dinas	dosen	kantor
kulkas	handuk	tangsi
horden	karcis	bredel
kopor	ban	baki
knotpot	wesel	berkas
gang	perangko	grasi
dos	kartu	les
setip	vonis	rebewes

Namun, bagi kata-kata Belanda yang sama atau hampir mirip dengan bahasa Inggeris, secara umumnya lebih banyak dan lebih mudah difahami orang-orang Malaysia berbanding kata-kata Belanda di atas. Antara kata-kata ini adalah;

nuansa	orisional	sirkus
televisi	impor	stasiun
pasien	prioritas	klub
persentase	studi	instruksi

Pada hemat saya persoalan kata-kata yang berasal daripada bahasa Belanda dalam bahasa Indonesia yang menghambat pemahaman orang-orang Malaysia yang membaca teks berbahasa Indonesia adalah merupakan masalah sementara sifatnya. Ini kerana kebanyakan kata-kata Belanda yang terdapat dalam bahasa Indoensia merupakan 'reliks' ataupun peninggalan. Tidak banyak kata-kata baru daripada bahasa Belanda yang menjadi kosa kata bahasa Indonesia. Hal ini ada hubung kaitnya dengan peranan bahasa Belanda dan negara Belanda sendiri dalam arena antarabangsa, sama ada dari segi ekonomi, politik, mahupun sebagai pusat tumpuan untuk mendapatkan pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dnegan bidang saians dan teknologi. Belanda dan bahasa Belanda sudah semakin kurang menyerlah sebagai bahasa ilmu dan pusat ilmu pengetahuan berbanding dengan bahasa Inggeris dan negara berbahasa Inggeris, seperti Amerika Syarikat mislanya. Arus perkembangan ini amat disedari oleh masyarakat Indonesia. Masyarakat Indonesia kini semakin mengalihkan tumpuan mereka kepada bahasa Inggeris. Jadi, tidak menghairankanlah jika kini kata-kata Inggeris yang diindonesiakan digunakan dengan agak meluas dalam teks-teks berbahasa Indoensia. Jumlah dan skop kata-kata Inggeris yang diIndonesiakan mutakhir ini jauh lebih banyak dan lebih luas jika dibandingkan dengan yang diMalaysiakan.

Antara kata-kata Inggeris yang diindonesiakan itu banyak juga yang sukar difahami oleh orang-orang Malaysia. Mereka yang agak fasih berbahasa Inggeris pun kadang teragak-agak dalam menentukan makna sebenarnya perkataan tersebut kerana bentuk asalnya sudah sedikit sukar untuk ditentukan. Sering kali timbul pertanyaan di kepala pembaca apakah kata-kata ini asalnya kata Indonesia atau kata apa? Contoh kata sebegini ialah;

desain	moril	moneter
invasi	beking	mosi
pabrik	sel	yel
tes	insting	rekening
kolusi	turis	momen
formatur	teror	tim
riset	klaim	porsi

Untuk menjelaskan hal ini, lihat sahaja penggunaannya dalam ayat-ayat berikut;

Beberapa waktu lalu, kedua orang itu sempat ribut soal sistem merger sistem kabel dan pelayanan program transfer Madison Square Garden.

Dipilih untuk inovasi dan intensitasnya dalam menggeluti dunia film guna menemukan orisinalitas dalam konsep sinematografinya.

Satu lagi gejala yang mencapahkan bahasa Indoensia dan bahasa Malaysia adalah gejala kata-kata bahasa daerah yang memasuki bahasa masing-masing, terutamanya ke dalam bahasa Indonesia. Hal ini sebenarnya tidak terelakkan dan sememangnya menyumbang kepada pembinaan dan pengembangan bahasa masing (Anton Moeliono 1970, J.S. Badudu 1992, 1985), iaitu dikatakan sebagai alat pemersatu, penanda keperibadian bangsa, penambah wibawa, dan sebagai kerangka acuan. Di Malaysia juga, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil langkah untuk mengumpul kata-kata yang terdapat dalam bahasa daerah atau dialek yang mungkin suatu hari nanti dapat dimasukkan sebagai sebahagian daripada perbendaharaan kata bahasa Malaysia baku. Malah setakat ini sudah pun diterbitkan sebuah buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1988) yang khusus menyenaraikan kata-kata bahasa suku untuk perbendaharaan kata bahasa Malaysia. Dalam buku tersebut dijelaskan secara langsung akan peranan atau dalam bahasa Indoensia disebut *peran* yang dapat disumbangkan melalui penyerapan atau pemungutan kata-kata dalam bahasa daerah atau dialek ke dalam bahasa Melayu.

Sumbangan bahasa-bahasa suku kaum dalam perkembangan perbendaharaan kata dan peristilahan bahasa Malaysia amat penting dari segi integrasi nasional (DBP 1988 : vii)

Walaupun tidak dapat dinafikan adanya peranan yang dapat dimainkan oleh kata-kata bahasa daerah atau bahasa suku dalam proses pembinaan negara dan bangsa, namun penerapan secara banyak dan dengan sengaja, pada perkiraan saya boleh meluaskan jurang kecapahan di antara bahasa Malaysia dengan bahasa Indoensia dan dengan itu merenggangkan lagi kesalingfahaman antara kedua-dua penutur bahasa tersebut.

Berbalik kepada persoalan kata-kata daerah dalam bahasa Indonesia, hal ini merupakan hambatan paling besar bagi orang-orang Malaysia untuk memahami teks berbahasa Indonesia, terutamanya teks umum atau teks popular. Dalam teks-teks sebegini, hampir dalam setiap ayat akan terdapat kata-kata yang diserap atau dipungut dari bahasa daerah. Malahan, ada yang mengatakan bahawa lafal atau bahasa daerah tertentu semakin digemari oleh sesetengah

pemakai bahasa Indonesia sehingga mencuit Menteri Koordinator Bidang Politik dan Keamanan (Menko Polkam) mengingatkan rakyat Indonesia agar kembali kepada kepada lafal bahasa baku dan menghindarkan lafal bahasa daerah tertentu (Lukman Ali, 1995). Beberapa kata bahasa daerah yang terdapat dalam teks berbahasa Indonesia yang menghambat pemahaman pembaca Malaysia ialah:

melek	tabrak	dadak	baku hantam
jajan	jagal	jebol	copot
jangkung	telang	gebrak	jegal
gunjing	gusur	boyong	weduk
wegah	gres	gamblang	geger
streg	impas	pamor	kondang

Kadang-kadang kata-kata ini mungkin tersalah dianggap sebagai kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Belanda.

Satu lagi faktor yang agak serius yang menghambat orang Malaysia memahami teks berbahasa Indonesia adalah perselisihan semantik bagi beberapa perkataan. Dari segi bentuk, kata-kata yang terdapat dalam bahasa Indonesia adalah sama sahaja dengan yang dipakai dalam bahasa Malaysia. Namun, konsep atau makna yang didokong oleh kata-kata tersebut adalah berbeza. Berlaku penyempitan, peluasan, atau perubahan makna pada perkataan tersebut. Hal ini boleh menimbulkan salah faham kepada pembaca dan kadang-kadang boleh menimbulkan rasa lucu. Hal ini pernah dibukukan oleh Nyoman Tusthi Eddy (1987) dan beliau menyedari perlunya usaha dibuat untuk mengelakkan kecapahan ini daripada terus meluas dan berpanjangan.

...kebutuhan kita semakin besar untuk saling memahami bahasa masing-masing (hal. 8).

Keadaan ini sebenarnya memang tidak terelakkan dan merupakan gejala yang lumrah terjadi dalam sejarah perkembangan bahasa. Contohnya, di Malaysia, lazimnya kata-kata berikut mempunyai makna yang berbeza daripada yang terpakai di Indonesia. Contohnya, di Indonesia kata berikut berlainan maknanya daripada yang lazim dipakai di Malaysia. Di Indonesia, kata-kata berikut mendokong atau boleh juga mendokong makna;

pekan	'minggu'
lemba	'pertandingan penulisan'
pemandu	'pengerusi majlis atau seminar'

pajak	'cukai'
pelatih	'juru latih'
lewat	'melalui'
pendiri	'pengasas'
pengacara	'peguam'
pas	'tepat atau kena benar'
pelayanan	'mengendalikan'
jabatan	'tugas atau jawatan'
buntut	'lanjutan atau akibat'
kecut	'masam'
tewas	'meninggal dunia'

Jadi, ayat-ayat seperti berikut boleh menyukarkan para pembaca teks berbahasa Indonesia.

Hari itu, Senat Mahasiswa Perguruan Tinggi (SMPT) menggelar membar bebas diaula Undip.

Lomba penulisan artikel, berita, tajuk dan karikatur perpajakan.

Pelayanan kecantikan dengan sinar laser

Daripada pusing-pusing, Kiai Ahmad minta persetujuan muktamarin.

Selain itu, terdapat juga kosa kata dalam bahasa Indonesia yang khusus dipakai di negara tersebut dan tidak terdapat dalam bahasa Malaysia. Kata ini tidaklah begitu banyak ditemui, namun kata-kata ini menyumbang dalam kecapahan di antara bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia. Di antara kata-kata tersebut adalah;

karet	adidaya	camat	kuli tinta
wisuda	wisata	pariwisata	

Dalam membaca teks untuk menulis makalah ini saya ketemui beberapa perkataan yang saya tidak fahami kerana bentuk-bentuk ini tidak ditemukan dalam Kamus Besar Bahasa Indoensia (1989). Makna perkataan tersebut hanya saya ketahui setelah saya menanyakan beberapa orang Indonesia. Kata-kata tersebut adalah;

panen	'menuai' (perkataan Jawa)
bandara	'lapangan terbang (singkatan kepada 'bandar udara'
preteli	'agak-agak'
gebrak	'pemeriksaan mengejut'

Akhir sekali, ingin juga ditimbulkan di sini bahawa perbezaan menjeja atau melafazkan beberapa perkataan yang asalnya sama terdapat diantara bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia boleh juga sedikit sebanyak menimbulkan hambatan dalam kesalingfahaman. Di antara kata-kata tersebut adalah;

<i>Bahasa Malaysia</i>	<i>Bahasa Indonesia</i>
umrah	umroh
kerana	karena
hendap	endap
minit	menit
resmi	rasmi
erti	arti
sedar	sadar
titis	tetes
darjah	derajat

Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa sememangnya terdapat kecapahan di antara bahasa Indonesia dengan bahasa Malaysia. Kecapahan ini nampaknya, kalau dibiarkan berkembang sendiri, akan semakin meluas. Gejala ini kalau tidak ditangani dengan sebaik mungkin boleh merenggangkan lagi keadaan saling tidak memahami di antara penutur kedua-dua bahasa tersebut. Harus juga diingat bahawa kecapahan ini tidak hanya terbatas kepada aspek bahasa dari segi formal sahaja, seperti aspek kosa kata dan semantik, namun melibatkan soal-soal sosiolinguistik mikro, seperti strategi komunikasi dan yang selainnya.

PENUTUP

Kecapahan di antara kedua-dua bahasa ini, kalau dibiarkan terus berlaku tentu mempunyai kesan ke atas usaha mengantarabangsakannya. Bahasa mana yang hendak diantarabangsakan? Bahasa Indonesia atau bahasa Malaysia. Kalau hendak diantarabangsakan kedua-duanya sekali sudah tentulah kosnya teramat tinggi kerana prasarana bagi penyebarluasan kedua-dua bahasa tersebut harus disediakan secara terasing. Bayangkanlah masalah yang mungkin dihadapi oleh bahasa Inggeris sekiranya penutur bahasa Inggeris di England, di Amerika, di Kanada, di Australia dan di New Zealand misalnya tidak memahami satu sama lain kerana bahasa tersebut telah bercapah sedemikian rupa sehingga

boleh diklasifikasikan sebagai bahasa yang berbeza dari sudut linguistiknya. Jadi, timbul masalah, bahasa Inggeris manakah yang hendak diajar kepada pelajar-pelajar di sekolah kita. Kalau diajar bahasa Inggeris Amerika atau bahasa Amerika katakan, sudah pasti ilmu-ilmu yang terdapat dalam buku berbahasa Inggeris Britain, atau berbahasa Inggeris Australia dan New Zealand misalnya tidak akan dapat dimanfaatkan oleh warga kita. Yang baiknya adalah, kesemua ragam Inggeris ini tidak jauh kecapahannya. Orang yang belajar bahasa Inggeris ala Amerika misalnya, tidaklah menghadapi masalah yang besar dalam memahami teks yang ditulis oleh penulis Australia dan diterbitkan di Kanada misalnya. Inilah keuntungan yang ada pada bahasa Inggeris yang amat membantu bahasa tersebut menjadi bahasa dunia.

Menyedari hakikat inilah mungkin MABBIM ditubuhkan dan kini telah ada beberapa usaha ke arah menaut kembali kecapahan bahasa yang terjadi diantara kedua-dua bahasa tersebut. Selain usaha untuk menyeragamkan aspek-aspek tertentu diantara bahasa Indonesia dengan bahasa Malaysia, usaha juga diadakan untuk meningkatkan kesalingfahaman di antara penutur kedua-dua bahasa tersebut. Rancangan Citra Nusantara di TV3 misalnya boleh menyumbang ke arah ini. Hal ini mungkin akan menjadi lebih semarak dengan adanya khabar yang sebuah stesen televisyen baru akan muncul yang akan memancarkan siarannya ke kedua-dua buah negara dengan sebahagian rancangannya disediakan oleh pihak Malaysia dan sebahagian lagi disediakan oleh pihak Indonesia. Langkah-langkah sebegini, dari segi bahasa amat membantu dalam mengurangkan keadaan saling tidak memahami di antara kedua-dua pengguna bahasa tersebut. Keadaan ini pasti menyumbang ke arah mengantarabangsakan bahasa Melayu, maksudnya bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia.

RUJUKAN

- Agata Parsidi, 1992. *Kamus Akronim Inialisme dan Singkatan*. Jakarta : Pustaka Utama Grafiti.
- Anton M. Moeliono, 1989. *Kembara Bahasa : Kumpulan Karangan Tersebar*. Jakarta : Gramedia.
- Awang Mohamad Amin, 1988. Bahasa Malaysia baku dan bahasa Indonesia - satu kajian perbandingan am. *Dewan Bahasa*. Disember : 915-919.
- Farid M Onn dan Amdun Husain, 1994. Pengaruh bahasa Indonesia terhadap perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. *Dewan Bahasa*: 330-335.
- GATRA. 1995. No. 8. Januari.
- GATRA 1995. No. 30. April.
- GATRA 1995. No. 25. Mei.
- Ismail Hussein, 1988. *Antara Dunia Melayu dan Indonesia*. Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.
- Jusuf Sjarif Badudu. 1992. *Perkembangan bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa. Februari : 129-137.
- _____. 1985. *Berbagai masalah bahasa Indonesia yang perlu mendapat perhatian kita*. *Cakrawala Bahasa Indonesia*. Jakarta : Gramedia.
- Kamus Besar Bahasa Indoensia*. 1989. (cetakan kedua). Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1989. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kata Bahasa Sukuan Untuk Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia*. 1988. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nyoman Tusthi Eddy. 1987. *Analisis Perbandingan Kata dan Istilah Bahasa Malaysia- Indonesia*. Ende: Nusa Indah.

REVUE
FRANÇAISE

Sikap Bahasa Terhadap Bahasa Melayu Di Kalangan Pegawai-Pegawai Kilang: Satu Kajian Awal

Sa'adiah Ma'alip & Maslida Yusof
Jabatan Linguistik, UKM

PENGENALAN

Kertas kerja ini merupakan kajian awal yang dilakukan untuk melihat sikap bahasa di kalangan pegawai-pegawai kilang khususnya terhadap bahasa Melayu. Secara umum, kertas kerja ini memperlihatkan bagaimana sikap dan nilai yang diberikan oleh pegawai-pegawai kilang terhadap kemampuan bahasa Melayu di dalam menghadapi tugas-tugas yang perlu dilakukan di kilang sama ada di bahagian pentadbiran mahupun di bahagian operasi.

Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum tidak akan dapat membangunkan negara dengan baik, jika rakyatnya tidak berkemampuan untuk berkomunikasi. Satu bahasa yang diketahui oleh semua rakyat diperlukan untuk mempertalikan hubungan agar mewujudkan sistem komunikasi yang saling difahami. Pengkongsian satu bahasa ini dapat memberikan peluang yang sama kepada setiap warganegara dalam sesebuah negara tertentu untuk mengambil bahagian yang maksimum dalam hal ehwal negara.

Bahasa Melayu yang dipilih sebagai bahasa kebangsaan negara telah digunakan sebagai bahasa rasmi negara sebagai menggantikan bahasa Inggeris dalam hampir semua urusan di jabatan sektor awam dan pentadbiran negara. Perkembangan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang amat membanggakan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian Asmah Haji Omar (1988) terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan di Sarawak menyimpulkan kakitangan pejabat-pejabat kerajaan mempunyai sikap yang positif terhadap penguasaan bahasa Melayu. Kajian Asmah juga memperoleh sikap dalam pergaulan sosial dengan menggunakan bahasa Melayu adalah positif.

Sungguhpun penggunaan bahasa Melayu dalam semua bidang dan kehidupan masyarakat adalah sangat luas namun, masih terdapat golongan tertentu yang lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris, antara golongan yang terlibat termasuklah sektor swasta. Menurut Azman Anuar (1983), sektor swasta mengakui bahawa bahasa Inggeris mempunyai kaitan rapat dengan perdagangan antarabangsa. Oleh itu untuk menjamin perhubungan perniagaan berjalan lancar, mereka terpaksa menggunakan bahasa Inggeris.

Pada anggapan pihak sektor swasta, bahasa Melayu merupakan bahasa yang tidak berkemampuan dalam bidang perniagaan dan pentadbiran. Dalam pada itu, pihak swasta sebenarnya cuba menafikan keunggulan bahasa Melayu yang dahulunya pernah menjadi *lingua franca* di Kepulauan Melayu. Menurut Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan bahasa Malaysia (1981:51), sikap negatif yang timbul terhadap penguasaan bahasa Melayu oleh sektor swasta adalah akibat daripada ketiadaan dasar khusus tentang penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta.

Memandangkan sektor swasta mengandungi pegawai-pegawai daripada pelbagai golongan dan keturunan, maka bahasa lain selain bahasa Melayu telah digunakan dalam urusan perniagaan mahupun pentadbiran. Bahasa Melayu dikatakan tidak mencukupi untuk dijadikan sebagai bahasa perhubungan dalam perniagaan. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan membincangkan cerminan sikap dan pandangan pegawai-pegawai kilang yang berbangsa Melayu terhadap penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta dengan tumpuan khusus kepada sektor pekilangan sebagai pengkalan data kajian.

TAFSIRAN KONSEP SIKAP

Sill (1977) menyatakan sikap merupakan keadaan dalaman yang berhubungan dengan kepercayaan dan tindakbalas yang ada dan akan dilakukan oleh individu iaitu terhadap satu-satu benda atau kejadian. Shaver (1977) pula menjelaskan sikap sebagai keadaan yang dapat dilihat melalui tingkahlaku dan tindakbalas seseorang dengan menunjukkan darjah tertentu sama ada setuju atau tidaksetuju terhadap objektif-objektif sosial di persekitarannya.

Sikap Bahasa

Kamus linguistik (1982:152) memberi definisi tentang sikap bahasa sebagai *Posisi mental atau perasaan terhadap bahasa sendiri atau bahasa*

orang lain. Secara umum sikap bahasa adalah pandangan atau pegangan terhadap bahasa yang melibatkan diri seseorang. Sikap bahasa merupakan sebahagian dari sikap pada umumnya. Sikap bahasa mempunyai hubungan dengan pandangan atau pegangan seseorang atau masyarakat terhadap sesuatu bahasa sama ada pandangan positif atau negatif. Pandangan-pandangan ini dapat mengubah sikap seseorang. Walau di mana dan dalam keadaan apapun, ada bahasa yang dipandang tinggi dan ada bahasa yang dipandang rendah. Beberapa faktor seperti taraf pendidikan, ekonomi dan budaya turut dikaitkan dengan sikap bahasa. Sikap bahasa tidak dapat dilihat secara langsung. Sikap bahasa dapat diamati atau dilihat melalui perilaku berbahasa. Namun begitu, tidak semua perilaku berbahasa mencerminkan sikap bahasa yang dipegang oleh seseorang.

Penjelasan oleh Garvin dan Mathiot (1968) menunjukkan bahawa sikap bahasa sekurang-kurangnya mengandungi tiga ciri utama, iaitu kesetiaan bahasa (*language loyalty*), kebanggaan bahasa (*language pride*) dan kesedaran akan adanya norma bahasa (*awareness of the norm*). Ketiga-tiga ciri ini dianggap sebagai ciri-ciri positif terhadap sesuatu bahasa.

Kesetiaan bahasa adalah sikap yang mendorong suatu masyarakat penutur suka menggunakan, mempertahankan keaslian bahasanya, dan rasa bertanggung jawab untuk mencegah masuknya pengaruh asing. Kebanggaan bahasa merupakan sikap yang mendorong seseorang atau kelompok masyarakat menjadikan bahasanya sebagai lambang identiti peribadi atau kelompoknya. Kesedaran pula merujuk kepada sikap yang mendorong penggunaan bahasa secara cermat dan betul serta merasa yakin terhadap bahasa itu.

Ciri-ciri negatif sesuatu bahasa tergambar pada seseorang atau masyarakat penutur apabila mereka tidak lagi berminat untuk mempertahankan keaslian bahasanya. Gejala ini merupakan petanda bahawa kesetiaan bahasanya mulai lemah dan mungkin akan hilang satu hari nanti. Apabila seseorang atau kelompok masyarakat itu tidak lagi merasa bangga terhadap bahasanya, maka fenomena ini juga menunjukkan sikap negatif terhadap bahasanya.

Dalam bidang sosiolinguistik khususnya di Malaysia, kajian mengenai sikap bahasa telah mendapat perhatian yang meluas. Sebagai sebuah masyarakat multilingual, pemilihan bahasa tidak terhad kepada satu bahasa sahaja. Penutur bebas memilih salah satu daripada bahasa yang diketahuinya semasa berinteraksi. Pemilihan terhadap satu bahasa ini merupakan satu cara untuk mengetahui sikap yang dipegang oleh seseorang itu.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan preliminari yang cuba memaparkan tentang sikap pegawai-pegawai kilang terhadap bahasa Melayu. Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terikat meliputi sikap kesetiaan, kebanggaan dan kesedaran terhadap bahasa Melayu. Pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas pula terdiri dari jantina, umur dan taraf pendidikan.

Kajian ini telah dilakukan di beberapa buah kilang di sekitar Bandar Baru Bangi. Ini memudahkan pengkaji untuk menyebarkan soal selidik. Kilang-kilang yang terlibat dalam kajian ini adalah kilang Nichicon (Malaysia) Sdn. Bhd, kilang Sony, kilang Meditop, kilang Hitachi, kilang Kensheisa dan kilang National. Dalam mengumpulkan data dan maklumat, pengkaji turut berada bersama subjek kajian. Ini bertujuan untuk membantu subjek kajian jika terdapat soalan-soalan yang kurang difahami dan memerlukan penjelasan. Pengkaji juga terlebih dahulu menerangkan tujuan kajian dan memberikan penjelasan yang secukupnya supaya subjek kajian akan memberikan kerjasama yang memuaskan.

PENGOLAHAN DATA SUBJEK KAJIAN

Sebanyak 30 orang subjek kajian dipilih secara rawak daripada beberapa buah kilang di sekitar Bandar Baru Bangi yang terdiri dari pegawai-pegawai pentadbiran. Pengkaji memilih pekerja yang berjawatan "pegawai" dengan alasan pekerja-pekerja ini lebih banyak melakukan pekerjaan yang berkaitan dengan pentadbiran dan penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang lebih luas dalam lisan atau penulisan. Selain itu, kebanyakan daripada subjek kajian mempunyai pendidikan Diploma dan Sarjana muda. Subjek kajian yang mempunyai pendidikan Sekolah Menengah pula terdiri daripada pekerja yang sudah lama berkhidmat dengan kilang iaitu melebihi jangka masa 11 tahun. Sementara itu, kebanyakan subjek kajian yang mempunyai pendidikan Diploma dan Sarjana Muda berumur sekitar 21 hingga 31 tahun dan jangka masa perkhidmatan antara 2 hingga 6 tahun. Subjek kajian juga difokuskan kepada pegawai-pegawai kilang berbangsa Melayu sahaja. Pemilihan ini bertujuan untuk mendapatkan nilai dan pandangan sebenar pegawai-pegawai Melayu terhadap bahasa ibunda mereka sendiri khususnya penggunaan dan kemampuan bahasa Melayu di sektor swasta.

Alat Kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, satu set soal selidik telah disediakan. Soal selidik ini terdiri dari dua bahagian iaitu bahagian A yang merupakan bahagian tentang maklumat peribadi subjek kajian dan bahagian B pula terdiri dari soalan-soalan yang dapat mencungkil dan memperlihatkan sikap bahasa subjek kajian terhadap bahasa Melayu. Soal selidik ini disediakan dalam bahasa Melayu memandangkan subjek kajian terdiri dari bangsa Melayu sahaja.

Pelaksanaan Kajian

Kajian yang dilakukan secara tinjauan. Semua subjek kajian dikehendaki menjawab semua soalan yang telah disediakan dalam borang soal selidik. Sebelum subjek kajian mula menjawab, mereka diberikan penjelasan tentang soal selidik yang diedarkan. Penjelasan yang diberikan dapat membantu subjek kajian memahami soalan dan memahami serba ringkas tentang objektif kajian yang dilakukan agar dapat menghindari segala keraguan yang mungkin timbul. Subjek kajian tidak terikat pada masa yang terhad kerana mereka diberi kebebasan untuk mengisi atau menjawab soalan mengikut kesesuaian dan kelapangan masa yang mereka ada.

Penganalisan Data Kajian

Dalam kajian ini, segala maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Secara deskriptif, dapatan yang ada dapat memaparkan kefahaman terhadap hasil yang diperolehi. Data pula dianalisis secara peratusan untuk melihat perbezaan sikap bahasa subjek kajian. Analisis secara peratusan dilakukan memandangkan ini merupakan kajian preliminari dan subjek kajian hanya seramai 30 orang.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sikap dan Penggunaan Bahasa Melayu: Pola Penggunaan Bahasa

Subjek kajian merupakan pengguna natif bahasa Melayu. Sebagai pengguna natif bahasa Melayu, kebiasaannya mereka akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Berdasarkan data-data dan maklumat yang dikumpulkan, dapat dilihat bahawa secara umum bahawa penggunaan bahasa di kalangan pegawai-pegawai kilang adalah lebih positif kepada bahasa Melayu. Namun bahasa Inggeris sebagai bahasa perdagangan dan bahasa antarabangsa khususnya juga digunakan semasa bekerja.

Semasa bercakap dengan keluarga dan rakan-rakan di rumah, bahasa Melayu adalah lebih kerap digunakan berbanding bahasa Inggeris. Subjek kajian yang *Selalu* menggunakan bahasa Melayu dalam situasi tersebut adalah sebanyak 86.6% dan 13.3% pula *Kerap* mengguna bahasa Melayu. Sementara itu, dalam situasi yang sama, 13.3% *Selalu* mengguna bahasa Inggeris dan 36.6% *Kerap* menggunakannya. Sebanyak 46.6% *Jarang* bercakap dalam bahasa Inggeris dengan rakan-rakan dan keluarga dan 3.3% *Tidak Pernah* menggunakannya.

Melalui maklumat yang didapati, 23.3% dari subjek kajian mendapat pendidikan sekolah menengah di dalam bahasa Inggeris dan sebanyak 76.6% pula mendapat pendidikan sekolah menengah dan pendidikan tinggi dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Dalam memilih bahasa bahan bacaan, bahasa Melayu menjadi pilihan utama berbanding bahasa Inggeris. Namun ada juga di antara subjek kajian yang memilih untuk menggunakan kedua-dua bahasa tersebut.

Semasa membaca surat khabar, data yang dikumpulkan menunjukkan 53.3% menggunakan bahasa Melayu. 10% menggunakan bahasa Inggeris dan 36.6% lebih suka membaca dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dalam pemilihan bahasa untuk bahan bacaan seperti buku yang melibatkan bidang perkerjaan subjek kajian, 36.3% memilih bahasa Melayu dan hanya 6.6% memilih bahasa Inggeris. Sementara 56.6% pula mengguna bahasa Melayu dan bahasa Inggeris semasa membaca buku yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Dalam hal ini, hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu tetap menjadi pilihan utama sebagai bahasa yang digunakan ketika membaca surat khabar atau buku. Dapatan ini menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu adalah lebih besar berbanding bahasa Inggeris. Boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu mampu menyalurkan pelbagai maklumat. Sungguhpun kepentingan bahasa Inggeris tidak dapat dinafikan dalam mencapai kejayaan, ia tidak bermakna kemajuan ekonomi, terutama dalam bidang perindustrian hanya akan maju dengan bahasa Inggeris sahaja. Kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa penyalur maklumat tidak perlu dipertikaikan kerana sebagai sebuah bahasa, bahasa Melayu mampu memperkatakan bidang yang berkait dengan sains dan teknologi atau bidang industri.

Sikap Setia Terhadap Bahasa Melayu

Secara keseluruhan didapati subjek kajian mempunyai sikap setia yang positif terhadap bahasa Melayu. Peratusan dalam jadual 1

menunjukkan bahawa peratusan yang lebih besar berpihak kepada bahasa Melayu oleh subjek kajian dalam melaksanakan pekerjaan mereka dengan lebih berkesan. Perbezaan yang ketara dapat dilihat ketika perbincangan dengan kawan-kawan sekerja iaitu subjek kajian memilih bahasa Melayu dalam keadaan yang serius.

Sebagai pegawai, subjek kajian mempunyai tanggungjawab dalam memberi galakan dan sokongan kepada pekerja-pekerja di bawah pengawasan mereka agar dapat menambahkan hasil pengeluaran kilang yang dipertanggungjawabkan. Dalam melaksanakan tugas tersebut, ternyata subjek kajian lebih bersikap positif terhadap bahasa Melayu kerana dapatan menunjukkan peratusan yang tinggi menggunakan bahasa Melayu untuk mendorong seseorang dalam melakukan pekerjaan yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa dengan menggunakan bahasa Melayu memudahkan mereka berdampingan dengan pekerja-pekerja lain.

Ketika bermesyuarat bersama orang-orang di bawah pengawasan mereka, sebagai pegawai, subjek kajian memilih untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris kerana bahasa Melayu lebih mudah menyalurkan maklumat. Bahasa Melayu masih mendapat tempat utama dalam perhubungan di kilang. Sikap memilih bahasa Melayu menunjukkan sikap setia terhadap bahasa Melayu. Sikap yang lebih positif ini membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu memajukan sesebuah organisasi.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, jika dibandingkan sikap setia terhadap bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, bahasa Melayu lebih diutamakan. Namun begitu, dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai dalam bidang pentadbiran, subjek kajian tidak terlepas dalam menggunakan kedua-dua bahasa. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya pertukaran kod semasa menggunakan bahasa. Hal ini berlaku kerana masyarakat kita adalah masyarakat yang dwibahasawan.

JADUAL 1: Sikap Setia Terhadap Bahasa Melayu

Aktiviti	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
Perbincangan serius	33.3%	6.6%	60%
Mendorong melakukan pekerjaan yang baik	36.6%	3.3%	60%
Bermesyuarat dengan orang bawahan	53.3%	-	46.6%

SIKAP BANGGA TERHADAP BAHASA MELAYU

Sikap bangga terhadap sesuatu bahasa merupakan sikap yang positif. Ia mendorong seseorang pengguna bahasa itu menjadikan bahasa yang digunakannya sebagai lambang identiti. Dalam hal ini penggunaan bahasa Melayu untuk menjayakan dan melaksanakan tugas sebagai pegawai merupakan sikap kebanggaan terhadap bahasa.

Secara keseluruhannya, keputusan kajian menggambarkan subjek kajian mempunyai sikap bangga yang positif. Ini kerana peratusan yang *amat setuju* dan *setuju* adalah lebih tinggi berbanding dengan yang *tidak setuju* menggunakan bahasa Melayu semasa kerja memberi kepuasan kepada subjek kajian. (Lihat Jadual 2).

JADUAL 2: Sikap Bangga Terhadap Bahasa Melayu

Kenyataan	AS	S	TP	TS
Bahasa Melayu memberikan kepuasan	30%	40%	23.3%	6.6%
Banyak menggunakan bahasa Melayu	30%	36.6%	13.3%	20%
Selesa dengan bahasa Melayu	23.3%	46.6%	16.1%	13.3%
Bahasa Melayu dapat menolong untuk berkomunikasi dengan berkesan	26.6%	40%	23.3%	10%
Bahasa Melayu berkesan dalam pentadbiran kilang	16.6%	23.3%	30%	30%

Nota: AS=Amat setuju; S=Setuju; TP=Tak pasti; TS=Tak setuju

Peratusan yang tinggi bagi yang *amat setuju* dan *setuju* juga kelihatan semasa berurusan di tempat kerja. Dalam sehari, penggunaan bahasa Melayu yang lebih banyak turut menunjukkan sikap kebanggaan terhadap bahasa Melayu. Sikap kebanggaan ini merupakan sikap yang positif di kalangan pegawai-pegawai kilang. 30% subjek kajian *amat bersetuju* dan 36.6% *setuju* dengan kenyataan mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris semasa berurusan. Dalam hal ini hanya 6.6 % yang *tidak bersetuju* bahawa mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu. Walaupun terdapat yang *tidak bersetuju* atau dengan lain perkataan sikap kebanggaan terhadap bahasa Melayu yang kurang, namun peratusannya adalah rendah.

Perasaan yang selesa apabila menggunakan bahasa Melayu turut memperlihatkan sikap kebanggaan yang positif. 23.3% *amat bersetuju* dan 46.6% *setuju* bahawa mereka merasakan lebih selesa apabila menggunakan bahasa Melayu semasa berurusan di tempat kerja. Bagi kenyataan ini, terdapat 13.3% yang *tidak bersetuju*.

Sikap bangga terhadap bahasa Melayu juga kelihatan apabila subjek kajian mengakui bahawa bahasa Melayu dapat menolong mereka dalam berkomunikasi dengan lebih berkesan. Dalam mengendalikan urusan organisasi, 26.6% amat bersetuju dan 46.6% setuju bahawa bahasa Melayu dapat membantu melaksanakan tugas dengan berkesan.

Selain itu, kebanggaan terhadap bahasa Melayu turut tergambar apabila subjek kajian mengakui bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang berkesan dalam pentadbiran di kilang. Ini menunjukkan sikap positif subjek kajian. Ternyata bahasa Melayu mempunyai keupayaan menjadi bahasa pentadbiran dalam bidang perindustrian.

SIKAP SEDAR TERHADAP BAHASA MELAYU

Sikap sedar terhadap adanya norma-norma bahasa adalah sikap yang dapat mendorong seseorang pengguna bahasa menggunakan bahasa secara baik dan cermat. Ini dapat memberikan keyakinan terhadap bahasa yang digunakan. Sikap sedar terhadap bahasa Melayu turut menunjukkan sikap yang positif di kalangan subjek kajian.

Jadual 3 menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif terhadap kesedaran tersebut. Sikap terlihat dengan jelas apabila peratusan yang tinggi *tidak setuju* berbanding dengan *amat setuju* terhadap kenyataan bahawa kecekapan dalam bahasa Inggeris dapat membantu dalam kenaikan pangkat. Secara tidak langsung menggambarkan bahawa bahasa Melayu juga dapat membantu menjalankan tugas dengan sempurna dan dinaikkan pangkat. 33.3% *tidak setuju* berbanding 16.6% *amat bersetuju*.

JADUAL 3: Sikap Sedar Terhadap Bahasa Melayu

Sikap	AS	S	TP	TS
Kecekapan dalam bahasa Inggeris dapat membantu kenaikan pangkat	16.6%	43.3%	6.6%	33%
Bahasa Melayu membantu untuk berdamping dan memahami kehendak kakitangan	36.6%	53.3%	6.6%	3.3%

Sementara itu, subjek kajian turut menyedari bahawa mempunyai kemampuan berbahasa dalam bahasa Melayu yang baik turut

menguntungkan. Oleh itu kebanyakan subjek kajian ingin membaiki bahasa Melayu mereka. Keinginan untuk membaiki bahasa Melayu mereka merupakan sikap sedar yang positif terhadap bahasa Melayu. Sebanyak 46.6% *amat pasti* untuk membaiki bahasa Melayu mereka. 56.6% *pasti* untuk membaiki dan terdapat 10% yang *tidak pasti* untuk berbuat demikian. Sungguhpun ada yang tidak pasti tetapi tidak ada yang *tidak mahu* untuk membaiki bahasa Melayu mereka.

Selain daripada itu, sikap positif ini juga tergambar dalam kenyataan bahawa bahasa Melayu memudahkan subjek kajian berdampingan dan memahami kehendak kakitangan yang di bawah pentadbiran mereka. Dalam hal ini sebanyak 36.6% *amat bersetuju*, 53.3% *setuju* dengan pendapat tersebut. Terdapat 6.6% yang *tidak pasti* dan 3.3% yang *tidak setuju* bahawa bahasa Melayu mempunyai kemampuan dalam memudahkan urusan pentadbiran mereka. Sungguhpun ada sebilangan kecil daripada subjek kajian yang tidak setuju, namun pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa sikap sedar terhadap bahasa melayu adalah amat positif.

KESESUAIAN PENGGUNAAN BAHASA

Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Kedudukan bahasa Melayu ini telah dapat membentuk keperibadian nasional masyarakat Malaysia. Bukan itu sahaja, bahasa Melayu juga ternyata mampu meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain dalam bidang ekonomi dan perindustrian. Walaupun tidak dinafikan ketrampilan yang ditunjukkan oleh bahasa Melayu, namun pada keadaan tertentu, bahasa Inggeris dapat mengatasi bahasa Melayu.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pada keadaan tertentu, bahasa Inggeris lebih banyak digunakan. Bagi subjek kajian, semasa perbincangan yang serius dalam sesuatu hal, bahasa Inggeris lebih banyak digunakan iaitu sebanyak 33.3% berbanding bahasa Melayu yang hanya 13.3%. Sementara itu, peratusan yang lebih tinggi adalah dalam penggunaan kedua-dua bahasa iaitu sebanyak 53.3%.

Ketika bermesyuarat dengan bersama orang atasan, subjek kajian juga lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Sebanyak 30% menggunakan bahasa Inggeris dan hanya 13.3% menggunakan bahasa Melayu. Namun begitu kebanyakan subjek kajian menggunakan gabungan kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris ketika mereka bermesyuarat iaitu sebanyak 56.6%.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, secara tidak langsung, boleh dikatakan terdapat juga sikap positif terhadap bahasa Inggeris dan

sikap negatif terhadap bahasa Melayu. Bahasa Inggeris lebih digunakan berbanding bahasa Melayu adalah kerana subjek kajian harus menyesuaikan dengan keadaan dan keperluan mereka. Sungguhpun begitu, kebanyakan dari subjek kajian lebih bersifat enaturali dengan menggabungkan kedua-dua bahasa tersebut.

JADUAL 4: Kesesuaian Penggunaan Bahasa

Kesesuaian	BM	BI	BM & BI
Bahasa yang digunakan semasa perbincangan serius dengan orang atasan.	13.3%	33.3%	53.3%
Bahasa yang digunakan semasa bermesyuarat dengan orang atasan.	13.3%	305	56.6%

KEPERLUAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS

Kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan atau perindustrian tidak dapat dinafikan. Kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi serta perindustrian telah dapat mengikis sikap negatif sebilangan orang. Keperluan bahasa Melayu dalam semua aspek kehidupan tidak dapat dipertikaikan. Namun begitu keperluan bahasa Inggeris juga tidak dapat dinafikan. Bahasa Inggeris yang telah diletakkan sebagai bahasa antarabangsa sudah tentu diperlukan untuk membantu kemajuan negara.

Keperluan bahasa Inggeris dapat dilihat dalam penggunaan istilah-istilah teknikal yang berkaitan dengan bidang subjek kajian. Sebanyak 36.6% *tidak setuju* bahawa istilah-istilah teknikal bahasa Melayu lebih mudah digunakan. Namun begitu terdapat 13.3% subjek kajian yang *amat bersetuju* dan 20% *setuju* bahawa istilah-istilah teknikal dalam bahasa Melayu dapat memenuhi keperluan mereka. Di samping itu terdapat 30% subjek kajian yang *tidak pasti* tentang hal tersebut.

Dalam hal keperluan bahasa ini, 30% subjek kajian *amat setuju* dan 33.3% *setuju* bahawa adalah merugikan jika tidak mengetahui bahasa Inggeris. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris. Sikap positif ini adalah dikaitkan dengan keperluan bahasa Inggeris dalam bidang perindustrian kerana bidang ini memerlukan mereka yang terlibat berhubungan dengan dunia luar. Untuk kelancaran perdagangan, pengetahuan dalam bahasa Inggeris memang tidak dapat dielakkan walaupun telah kita akui kewibawaan dan kemampuan bahasa Melayu.

Berkaitan dengan bidang pentadbiran, subjek kajian merasakan bahawa dengan mempunyai kecekapan bahasa Inggeris dapat memudahkan dan melicinkan pekerjaan yang dilakukan. Dalam hal ini, 46.6% amat bersetuju dan 36.6% setuju. Terdapat 10% subjek kajian yang tidak pasti akan hal ini dan 6.6% pula yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Sikap positif yang ditunjukkan bukan menunjukkan kekurangan bahasa Melayu tetapi berkaitan dengan keperluan bahasa Inggeris dalam membantu mengembangkan ekonomi dan kemajuan yang sedang berkembang.

JADUAL 5: Keperluan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Keperluan	AS	S	TP	TS
Merugikan jika tidak mengetahui Bahasa Inggeris.	30%	33.3%	10%	23.3%
Mempunyai kecekapan bahasa Inggeris memudahkan dan melicinkan pekerjaan	46.6%	36.6%	10%	6.6%

KESIMPULAN

Bahasa merupakan salah satu unsur yang penting dalam pembangunan masyarakat industri. Bahasa merupakan alat penyalur ilmu dan alat perhubungan masyarakat industri tersebut. Kajian sikap bahasa ini dapat menunjukkan sikap bahasa dan penggunaan serta kedudukan bahasa yang digunakan oleh sebuah masyarakat.

Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa pada umumnya sikap pegawai-pegawai kilang adalah positif terhadap bahasa Melayu. Sikap setia, bangga dan sedar akan bahasa Melayu juga menunjukkan sikap yang positif. Sikap positif terhadap ketiga-tiga ciri utama sikap bahasa (Garvin dan Mathiot: 1968) membuktikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi masih dipertahankan.

Walaupun bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang perlu digunakan untuk dalam sektor ekonomi dan perindustrian, namun secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu mampu mendukung tugas dalam hal-hal pentadbiran untuk kemajuan dan kejayaan ekonomi dan perindustrian. Kekurangan bahasa Melayu dalam sesuatu perkara seperti peristilahan tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk menyekat penggunaan dan perkembangan bahasa

melayu dalam sektor pembangunan negara terutama dalam bidang perindustrian yang kian pesat berkembang.

Negara kita mempunyai potensi yang besar dalam bidang teknologi dan industri. Secara tidak langsung ia juga menunjukkan kepentingan bahasa Melayu yang berkembang seiring dengan pembangunan ekonomi dan industri. Sikap positif yang ditunjukkan terhadap bahasa Melayu membuktikan bahawa bahasa Melayu berkemampuan untuk lebih maju dan menonjol dalam bidang ekonomi dan industri.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1985. *Penggunaan bahasa Malaysia di Jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azman Anuar. 1983. *Penggunaan Bahasa Malaysia Belum Memuaskan. Minggu Watan*. Oktober.
- Harimurti Kridalaksana. 1982. *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T.Gramadia.
- Lambert, W.E 1968. A Study of the roles of attitudes and motivation in second language learning. Dalam J.A. Fishman (penyt). *Reading in the sociology of language*. The Hague: Mouton.
- Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sa'adiah Ma'alip. 1995. *Language Attitudes Among Malaysian Students in the UK With Respect To Malay And English*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, University of York.
- Shever, K.G. 1977. *Principle of Social Psychology*. Massachusetts, U.S.A
- Sill, D.L. 1972. *International Encycloprdia of Sosial Sciences*. New York: Mac Millan and Free Press.

Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Di SRK, SRJK(C) Dan SRJK(T): Analisis Perbezaan

Zulkifley Hamid
Karim Harun
Sa'adiah Ma'alip
Jabatan Linguistik, UKM

PENDAHULUAN

Kemahiran bahasa harus dimiliki oleh semua pelajar bagi membolehkan mereka berjaya pada semua peringkat persekolahan. Kemahiran menyampaikan (menulis) dan memahami (membaca) merupakan asas bagi kejayaan dalam proses pembelajaran, dan juga dalam peperiksaan (Isahak Haron, 1979:9). Kemahiran berbahasa tidak sahaja diperlukan untuk bidang pendidikan formal, tetapi ia juga amat penting untuk semua kegiatan kehidupan bagi semua golongan pada semua peringkat umur, sama ada kegiatan yang bersifat formal atau tak formal.

Tanpa kemahiran bahasa, hasrat dan buah fikiran tidak dapat diungkapkan secara berkesan, dan maklumat juga sukar diperolehi sepenuhnya. Sejak di peringkat awal kehidupan lagi, manusia memerlukan bahasa untuk menyampaikan maksud memperoleh pelbagai keperluan dan tuntutan. Tentang fungsi bahasa sebagai wahana penyampai hasrat, Schlesinger (1982:44) menegaskan, "Fakta bahawa kanak-kanak mengungkapkan makna-makna tertentu dalam pengucapan peringkat paling awal tentunya tidak boleh dinafikan,.....".¹ Pandangan Schlesinger membayangkan kenyataan bahawa kemahiran berbahasa amat penting sebagai wahana komunikasi, sejak di peringkat awal kehidupan hinggalah ke akhir hayat.

Cara bahasa digunakan dalam kehidupan harian membayangkan satu hakikat, iaitu kemahiran bahasa tidak sahaja terbatas kepada kemahiran menggunakan kata, frasa atau ayat secara terasing daripada keperihalan keadaan atau konteksnya. Dalam pengertiannya yang sebenar, kemahiran bahasa merujuk kepada kebolehan menggunakan unsur-unsur bahasa bersesuaian dengan wacana atau keperihalan keadaan di mana ia digunakan. Kepentingan aspek kewacanaan dalam penggunaan bahasa telah dihuraikan oleh Halliday & Hassan (1972:2). Antara lain, mereka mengatakan:

Jika sesuatu petikan dalam bahasa Inggeris yang mengandungi lebih daripada satu ayat ditanggapi sebagai satu teks, tentu akan terdapat fitur-fitur yang tertentu dalam petikan tersebut yang dapat dikenal pasti sebagai penyumbang kepada keutuhan binaan perenggan tersebut, dan yang memberikannya sifat keperenggan (kewacanaan).²

PENTADBIRAN PENYELIDIKAN

Untuk menjayakan penyelidikan ini, para penyelidik terlebih dahulu melakukan penyelidikan perpustakaan, seperti mengumpulkan dan memperincikan penulisan-penulisan yang berkaitan dengan kajian ini supaya para pengkaji dapat memahami dengan lebih jelas kajian yang telah dan bakal dilakukan. Di samping itu, para pengkaji juga membina borang soal selidik untuk dijadikan alat penyelidikan.

Keberanian untuk melakukan kajian juga telah dipohon daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Setelah mendapat kebenaran, para pengkaji memohon pula kebenaran daripada guru besar di tiga buah sekolah, iaitu SRK King George V, SRJK(C) Chan Hwa, dan SRJK(T) Lorong Jawa untuk menggunakan pelajar di sekolah mereka sebagai pemaklum kajian.

Untuk mendapatkan data, para pengkaji menggunakan borang soal selidik yang mengandungi lima bentuk ujian. Borang soal selidik ini diedarkan kepada pelajar-pelajar tahun enam di sekolah-sekolah tersebut dan pengedaran serta pentadbiran ujian tersebut dibantu oleh dua orang pembantu penyelidik. Sebelum menjawab soalan, pelajar ditaklimatekan tentang perkara-perkara yang mesti dipatuhi serta masa yang diperuntukkan. Data telah dianalisis dengan menggunakan dua cara, iaitu secara analisis am dan analisis statistik. Penganalisan secara am dilakukan terhadap ujian menulis karangan. Penilaian yang dilakukan meliputi aspek-aspek penulisan seperti struktur, gaya, isi, perbendaharaan kata, penyusunan dan mekanis. Pemarkahan yang diberi berdasarkan *Skema Pemarkahan Karangan Secara Analisis Sekolah Rendah*.

Sementara analisis statistik pula hanya melibatkan statistik deskriptif. Data yang dianalisis dipaparkan dalam bentuk rajah, jadual dan peratusan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Tahap penguasaan Bahasa Melayu subjek kajian dianalisis berdasarkan markah yang diperolehi melalui ujian yang telah diberikan. Borang soal selidik yang telah digunakan dalam penyelidikan ini terbahagi kepada enam bahagian, iaitu Bahagian A (Data Peribadi), Bahagian B (Kefahaman), Bahagian C (Mengisi Tempat Kosong), Bahagian D (Memilih Imbuan yang tepat), Bahagian E (Menyusun Ayat) dan Bahagian F (Karangan). Bahagian B, C, dan D terdiri daripada soalan-soalan yang berbentuk objektif. Bahagian E terdiri daripada soalan-soalan yang memerlukan subjek kajian menyusun semula ayat-ayat yang diberikan supaya menjadi ayat-ayat yang gramatis. Untuk bahagian F, subjek kajian dikehendaki membuat karangan berdasarkan kreativiti mereka dengan menyambung ayat yang telah disediakan.

BAHAGIAN B (KEFAHAMAN)


Memahami setiap apa yang dibaca adalah perlu bagi setiap pelajar. Kefahaman terhadap bahan bacaan dapat menilai tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Dalam bahagian kefahaman ini, sebuah petikan telah diberikan kepada subjek kajian. Markah yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah sebanyak 10 markah.

Setelah diperiksa dan dianalisis kertas ujian yang telah diberikan, didapati terdapat perbezaan pencapaian bagi setiap jenis sekolah.

Daripada Rajah 1 dapat dilihat bahawa subjek kajian dari SRK memperolehi peratusan markah yang lebih tinggi berbanding dengan SRJK(C) dan SRJK(T). Ini menunjukkan bahawa para pelajar dari SRK dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik dalam bahagian pemahaman kerana secara keseluruhan mereka dapat memahami petikan yang diberikan dengan lebih baik. Hal ini mungkin disebabkan 90% subjek kajian dari SRK terdiri daripada pelajar Melayu. Secara tidak langsung boleh kita andaikan bahawa mereka lebih menguasai bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda.

Bagi subjek kajian dari SRJK(C) dan SRJK(T), didapati purata peratusan markah yang diperolehi tidak menunjukkan suatu perbezaan yang ketara. Namun subjek kajian dari SRJK(C) mendapat peratusan yang lebih tinggi sedikit (lihat Rajah 1). Perbezaan yang kurang jelas ini mungkin disebabkan kedua-dua kelompok pelajar berstatus sama, iaitu pelajar bahasa kedua. Dapatan kajian dalam bahagian kefahaman ini sejajar dengan pandangan-pandangan sarjana psikolinguistik, iaitu tahap penguasaan bahasa bagi penutur bahasa pertama dan kedua adalah berbeza. Perbezaan ini diandaikan ketara,

khususnya di peringkat pra sekolah (Tadika) dan peringkat sekolah rendah.



RAJAH 1: Dapatan Bahagian kefahaman


BAHAGIAN C (UJIAN KLOZ)

Dalam bahagian ini subjek kajian dikehendaki memilih perkataan-perkataan yang sesuai untuk tempat-tempat kosong yang telah ditentukan. Pemilihan kata-kata yang tepat dapat menggambarkan tahap penguasaan bahasa Melayu seseorang pelajar. Dalam bahagian ini, 10 markah juga telah diperuntukkan. Setelah dianalisis, didapati pemerolehan markah bagi ketiga-tiga jenis sekolah adalah berbeza. Purata peratusan markah yang diperoleh subjek kajian bagi setiap sekolah dapat dilihat dalam Rajah 2.

Dalam Bahagian C, sekali lagi SRK memperoleh markah yang tertinggi, iaitu sebanyak 84.3%. Tempat kedua tertinggi ialah SRJK(C) dengan 61.2% dan SRJK(T) pula hanya memperoleh sebanyak 54.5%. Dari markah yang diperoleh subjek kajian, jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dari SRK mempunyai tahap penguasaan BM yang lebih baik berbanding SRJK(C) dan SRJK(T).

Subjek kajian dari SRK dapat memilih perkataan-perkataan yang sesuai dengan lebih tepat. Ini membayangkan bahawa subjek kajian dari SRK mempunyai tahap penguasaan yang baik dalam

bahasa Melayu. Subjek kajian dari SRJK(C) menunjukkan bahawa walaupun mereka tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, namun mereka masih dapat menunjukkan prestasi yang baik.




RAJAH 2: Dapatan bahagian ujian klotz

Bagi SRJK(T), purata peratusan 54.5% menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayunya berada di peringkat pertengahan. Terdapat subjek kajian dari SRJK(T) yang sama sekali tidak dapat menjawab bahagian ini. Jika dibandingkan dengan SRJK(C), tahap penguasaan yang amat sederhana ini lebih disebabkan pengaruh bahasa ibunda mereka. Di samping itu, dapatan ini juga membayangkan hakikat bahawa tahap penguasaan bahasa boleh meningkat jika persekitaran pembelajaran lebih menggalakkan. Jika dibandingkan dua jenis sekolah, iaitu SRJK(C) dan SRJK(T), kami dapati suasana pembelajaran di SRJK(C) lebih menggalakkan daripada di SRJK(T). Keadaan ini menggambarkan bahawa kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang lebih positif harus diwujudkan di SRJK(T).

BAHAGIAN D (MORFOLOGI)

Dalam Bahagian D ini, subjek kajian perlu memilih imbuhan yang sesuai bagi kata dasar yang diberikan. Bahagian ini juga memperuntukkan 10 markah. Apabila dibuat perbandingan antara SRK, SRJK(C) dan SRJK(T), dalam bahagian ini didapati purata peratusan markah SRK masih di tempat yang teratas. (Lihat Rajah 3)



RAJAH 3: Dapatan bahagian morfologi

Daripada analisis yang dibuat, dapat dilihat bahawa subjek kajian dari SRK dapat menguasai aspek imbuhan dengan baik sedangkan subjek kajian dari SRJK(C) dan SRJK(T) tidak dapat menguasai aspek ini dengan baik. Malah peratus markah yang diperolehi oleh kedua-duanya, iaitu SRJK(C) dan SRJK(T) adalah di bawah 50%. Boleh dikatakan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu subjek kajian kedua-dua jenis sekolah adalah di bawah tahap sederhana. Dapatan dalam bahagian ini membayangkan hakikat bahawa gangguan (interference) merupakan faktor yang amat penting dalam menentukan tahap penguasaan pengetahuan bahasa. Sistem bahasa Melayu dan bahasa Mandarin/Tamil amat berbeza, khususnya daripada segi pembentukan kata. Ketiga-tiga bahasa ini mempunyai kaedah pembentukan kata yang amat berbeza. Sebagai contoh, bahasa Melayu yang merupakan bahasa yang bersifat derivasi, iaitu membenarkan

sesuatu kata berubah-ubah untuk membentuk pelbagai kata terbitan. Perkataan *lari* apabila diimbuhkan boleh menjanakan perkataan-perkataan *berlari, larian, dilarikan, pelarian, melarikan*, dan sebagainya. Sistem sebegini tidak ada dalam bahasa Mandarin. Perbezaan sistem yang sebegini menyebabkan para pelajar bahasa kedua bahasa Melayu menghadapi kesukaran-kesukaran tertentu dalam menguasai aspek-aspek tertentu bagi bahasa Melayu. Satu aspek yang ketara adalah menguasai sistem pengimbuhan bahasa Melayu.

BAHAGIAN E (SINTAKSIS)


Bahagian ini merupakan salah satu bahagian ujian yang penting dalam menentukan tahap penguasaan bahasa Melayu seseorang pelajar. Dalam bahagian ini, sepuluh ayat telah dibentuk dengan kedudukan perkataan tidak berada di tempat yang sesuai atau tidak gramatis. Dengan cara menyusun semula ayat-ayat yang telah diberikan, akan dapat menunjukkan kemampuan subjek kajian memahami maksud ayat dan membina ayat-ayat yang bermakna. Malahan ia juga dapat menggambarkan tahap penguasaan bahasa seseorang pelajar kerana hanya pelajar yang mempunyai tahap penguasaan yang baik dapat menyusun semula semua ayat-ayat tersebut dengan betul.

Bahagian ini juga memperuntukkan 10 markah. Berpandukan Rajah 4, didapati SRK menduduki tempat yang tertinggi dengan purata peratusan markah 58.7%. SRJK(C) memperoleh purata peratusan 30.7% dan SRJK(T) hanya 13.1% sahaja. Dari jumlah markah yang diperolehi oleh ketiga-tiga buah sekolah, menampakkan bahawa subjek kajian mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang berbeza. Subjek kajian dari SRK mempunyai tahap penguasaan yang lebih baik berbanding dengan subjek kajian dari SRJK(C) dan SRJK(T).

Apabila dilihat secara perbandingan di antara SRJK(C) dan SRJK(T), didapati penguasaan bahasa Melayu di kalangan subjek kajian dari SRJK(C) adalah lebih baik. Purata markah yang diperolehi menampakkan perbezaan yang ketara di antara kedua-dua etnik tersebut. Purata markah yang diperolehi oleh SRJK(C) hampir separuh melebihi markah yang diperolehi oleh SRJK(T). Ini dapat menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar SRJK(C) adalah lebih baik daripada SRJK(T).

Dapatan kajian dalam bahagian ini turut membayangkan dua hakikat yang serupa. Pertama, gangguan atau *interference* daripada bahasa ibunda merupakan pemboleh ubah yang penting dalam

sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kedua, persekitaran pembelajaran turut menentukan tahap pencapaian dalam menguasai pengetahuan sesuatu bahasa.



RAJAH 4: Dapatan bahagian sintaksis

BAHAGIAN F (KARANGAN)

Ujian karangan ini bertujuan untuk melihat kemampuan subjek kajian membina perenggan. Pemarkahan diberi berdasarkan beberapa aspek seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Skema Pemarkahan

1	Struktur dan Gaya	Kunci
	Ketepatan tatabahasa, kompleksiti ayat, keragaman struktur dan keberkesanan bahasa	26 - 30 Cemerlang 22 - 25 Baik 17 - 21 Sederhana 10 - 16 Lemah 0 - 9 Sangat Lemah
2	Isi	Kunci
	Kaitan idea/isi dengan tajuk, keragaman, keaslian.	14 - 15 Cemerlang 12 - 13 Baik 9 - 11 Sederhana 5 - 8 Lemah 0 - 4 Sangat Lemah
3	Perbendaharaan kata	Kunci
	Pemilihan kata yang tepat, beraneka dan luas.	14 - 15 Cemerlang 12 - 13 Baik 9 - 11 Sederhana 5 - 8 Lemah 0 - 4 Sangat Lemah
4	Penyusunan	Kunci
	Perkembangan tema/cerita yang logik, sistematik, bertalian dan jelas.	14 - 15 Cemerlang 12 - 13 Baik 9 - 11 Sederhana 5 - 8 Lemah 0 - 4 Sangat Lemah
5	Mekanis	Kunci
	Ejaan, tanda baca, perenggan, penggunaan huruf besar dan kecil, kebolehan bacaan tulisan tangan.	14 - 15 Cemerlang 12 - 13 Baik 9 - 11 Sederhana 5 - 8 Lemah 0 - 4 Sangat Lemah

Purata peratusan markah dinilai berdasarkan kunci penilaian jumlah, iaitu cemerlang (C), baik (B), sederhana (S), lemah (L) dan sangat lemah (SL) seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2 : Penilaian jumlah

Kunci Penilaian Jumlah	
85 - 100	Cemerlang
70 - 84	Baik
56 - 69	Sederhana
31 - 55	Lemah
0 - 30	Sangat Lemah

ASPEK STRUKTUR DAN GAYA

Aspek struktur dan gaya, ketepatan tatabahasa, kerencaman ayat, keragaman struktur dan keberkesanan bahasa dapat menilai kemampuan subjek kajian membentuk ayat-ayat yang gramatis. Dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik, kemahiran membina ayat adalah penting. Oleh itu, markah tertinggi diperuntukkan dalam aspek ini.

ASPEK ISI

Aspek isi memperuntukkan 15 markah maksimum. Analisis bagi aspek ini tertumpu pada kaitan idea/isi dengan tajuk, keragaman dalam membina dan menggunakan ayat untuk menjelaskan idea tersebut dan keaslian dalam penulisan.

ASPEK PERBENDAHARAAN KATA

Aspek perbendaharaan kata ini dinilai berdasarkan kemampuan subjek kajian memilih kata-kata yang baik dan tepat. Dalam sesuatu penulisan, pemilihan kata-kata yang baik dan tepat akan dapat membantu menyusun idea dengan baik dan berkesan. Selain itu, kesesuaian dalam pemilihan ayat dapat memudahkan sesebuah karangan difahami oleh pembaca. Markah maksimum yang diperuntukkan dalam bahagian ini adalah sebanyak 15 markah.

ASPEK PENYUSUNAN


Aspek penyusunan ini membawa 15 markah maksimum. Aspek ini bertujuan untuk melihat kemahiran subjek kajian dalam mengembangkan isi karangan yang dibuat. Penyusunan idea yang baik adalah penting dalam menghasilkan sebuah karangan yang padat dan menarik.

ASPEK MEKANIS

Dalam aspek mekanis ini, kemahiran subjek kajian menggunakan ejaan, tanda baca, membuat perenggan, menggunakan huruf besar dan kecil serta menulis dengan tulisan yang baik, dapat dilihat dengan jelas. Aspek ini turut diberikan perhatian yang lebih di peringkat sekolah rendah. Oleh kerana aspek ini penting, maka aspek ini membawa 25 markah maksimum.

Hasil Markah Karangan

Hasil markah karangan dapat dilihat dalam Rajah 5.



RAJAH 5: Dapatan bahagian karangan

Melihat keseluruhan markah yang diperolehi oleh subjek kajian dalam ujian karangan, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa subjek kajian dari SRK memperoleh markah yang tinggi berbanding subjek kajian dari SRJK(C) dan SRJK(T).

Sebanyak 3.75% subjek kajian dari SRK mendapat nilai markah Amat Baik. 23.7% pula mendapat markah Baik. Manakala, markah pertengahan, iaitu sederhana menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 65%. Walaupun SRK mencatat peratusan kelulusan tertinggi tetapi masih ada yang mendapat markah Lemah, iaitu sebanyak 7.5%. Namun begitu, tidak seorang pun subjek kajian dari SRK yang mendapat markah sangat Lemah.

SRJK(C) memperoleh markah kedua tertinggi. 1.25% dari subjek kajian mendapat markah Amat Baik. 11.25% mendapat Baik. Bagi markah pertengahan, iaitu Sederhana, subjek kajian dari SRJK(C) mendapat 37.5%. 35% mendapat markah Lemah dan 15% mendapat Sangat Lemah.

Bagi SRJK(T) pula, tidak ada seorang pun subjek kajian yang mendapat markah Baik dan Amat Baik. 73.3% mendapat markah Lemah. 20% mendapat Sangat Lemah dan hanya 6.6% mendapat Sederhana.

Melihat markah keseluruhan yang diperolehi oleh subjek kajian dari ketiga-tiga buah sekolah dalam ujian karangan, dapat dirumuskan bahawa subjek kajian dari SRK mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang lebih baik bagi aspek penulisan. Sementara itu, pelajar dari SRJK(C) dan SRJK(T) masih mempunyai kelemahan dalam menguasai bahasa Melayu untuk aspek ini. Namun begitu, jika dibandingkan antara SRJK(C) dengan SRJK(T), tahap penguasaan bahasa Melayu SRJK(C) adalah lebih baik dari SRJK(T). Dapatan dalam bahagian ini menyamai dapatan-dapatan dalam bahagian-bahagian lain.

KESIMPULAN

Dapatan penyelidikan ini membayangkan beberapa kenyataan yang melatari program pengajian dan pembelajaran bahasa Melayu di Malaysia. Beberapa dapatan yang menonjol akan kami rumuskan di bawah.

1. Dapatan memeperlihatkan hakikat bahawa terdapat perbezaan yang jelas di antara penutur bahasa pertama dan bahasa kedua. Perbezaan ini wujud sejak di awal kehidupan dan ia terus kekal sehingga ke peringkat akhir sekolah rendah.

2. Dapatan juga memperlihatkan satu kenyataan, iaitu perancangan dan persekitaran yang positif dapat meningkatkan tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu. Kenyataan ini tergambar apabila dibandingkan pencapaian para pelajar SRJK(C) dengan pencapaian para pelajar SRJK(T). Kemudahan dan persekitaran yang lebih positif yang wujud di SRJK(C) berbanding dengan SRJK(T) telah menyebabkan para pelajar SRJK(C) mencapai tahap yang lebih baik berbanding para pelajar SRJK(T).
3. Dapatan turut membayangkan bahawa masalah utama bagi para pelajar SRJK(C) dan SRJK(T) adalah gangguan yang wujud daripada bahasa ibunda masing-masing. Keadaan ini wujud kerana sistem nahu, morfologi dan fonologi bahasa Melayu adalah berbeza dengan sistem yang ada pada bahasa Manadarin dan Tamil. Para guru bahasa Melayu seharusnya peka dengan perbezaan-perbezaan ini. Para pelajar seharusnya mampu menyaring perbezaan-perbezaan ini dan patuh kepada sistem yang tepat apabila menggunakan bahasa Melayu.

Kami mengharapkan dapatan di atas dapat dimanfaatkan oleh para perancang dan pelaksana program pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Semoga kita dapat memperbaiki pelbagai kelemahan, dan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian para pelajar dalam menguasai pengetahuan bahasa Melayu.

Rumusan-rumusan di atas jelas membayangkan bahawa kemahiran berbahasa kedua memerlukan proses pembelajaran dan pengajaran secara terancang. Rumusan-rumusan tatabahasa tidak diperolehi secara automatik. Sebaliknya, ia merupakan satu proses pencarian, penemuan, pengalaman dan pembentukan tabiat yang melibatkan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat formal.

NOTA

- 1 Teks asal: "The fact that the child express certain meanings in his earliest utterances was of course never denied,"
- 2 Teks asal: "If a passage of English containing more than one sentence is perceived as a text, there will be certain linguistic features present in that passage which can be identified as contributing to its total unity and giving it texture".

RUJUKAN

- Halliday, M.A.K dan Hasan, R. 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Isahak Haron. 1979. Panduan Pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Menengah: Satu 'Conceptual Framework' dalam Penulisan Karangan. *Jurnal Dewan Bahasa* 23.
- Schlesinger, I.M. 1982. *Steps to Language: Towards a Theory of Native Language Acquisition*. Hillsdale: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Bahasa Iklan Dan Pengguna

Harishon Radzi &
Saidatul Nornis Mahali
Jabatan Linguistik, UKM

PENGENALAN

Bahasa dan pengiklanan saling berkaitan dengan kehidupan kita seharian. Tidak dapat dinafikan bahawa iklan telah dan akan terus menjadi sebahagian daripada hidup kita. Di negara yang sedang membangun seperti Malaysia, iklan memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan ekonomi negara. Iklan sebenarnya datang melalui media massa dan pendedahan kita kepada iklan lebih ketara apabila kita berhubungan dengan media massa. Mendengar dan melihat iklan pada setiap masa akan dapat mempengaruhi kehidupan kita sehari-hari.

Dewasa ini pengiklanan telah melibatkan penyampaian mesej kepada orang ramai. Mesej tersebut direka khas untuk mencapai objektifnya yang tertentu dalam iklan perniagaan atau awam. Objektif perniagaan bertujuan untuk menasihatkan bakal pengguna untuk membeli barang-barang dan perkhidmatan yang ditawarkan tentang mutu, kegunaan, keberkesanan harga dan segala maklumat yang berkemungkinan mempengaruhi keputusan pembelian barang-barang yang diiklankan. Objektif awam pula bertujuan untuk memberitahu orang ramai tentang satu-satu keadaan yang wujud dan memujuk mereka supaya mengambil kira mesej itu.

TUJUAN KAJIAN

Kedudukan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi telah banyak dibincangkan. Hal ini bersesuaian dengan peranan bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa kebangsaan yang seharusnya didaulatkan penggunaannya. Dalam kajian ringkas ini, penulis ingin meninjau pendapat pengguna tentang keupayaan bahasa iklan khasnya bahasa Melayu untuk mempengaruhi pengguna.

Penulis juga tertarik dengan kenyataan Michael L. Geis di dalam bukunya, *Language of Television Advertising* (1982:23) yang menyatakan bahawa:

"Language can and does play an important role in the process of commercial persuasion. It is the primary vehicle for presenting messages to consumers; it is one of the tools advertisers use to get viewer attention"

Jelas bahawa bahasa sememangnya berperanan penting untuk mempengaruhi pengguna. Bahasa merupakan alat yang utama digunakan oleh pengiklan untuk membujuk pengguna agar membeli atau terpengaruh dengan sesuatu iklan. Oleh yang demikian, penelitian ini ingin mengenal pasti sejauhmana bahasa iklan mempengaruhi pengguna atau setakat mana pengguna terpengaruh dengan jenama, harga dan cara pembungkusan sesuatu barangan.

Kajian ini telah dilakukan terhadap pengguna di kalangan kakitangan sokongan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaedah yang digunakan ialah kaedah soal selidik. 70% daripada responden adalah lelaki dan selebihnya sebanyak 30% adalah responden wanita. Purata umur responden adalah dalam lingkungan 29 tahun hingga 45 tahun. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan analisis peratusan.

PENTAKRIFAN ISTILAH

Laras Bahasa Iklan

Iklan mempunyai laras bahasa yang unik dan tersendiri, sesuai dengan fungsi utamanya untuk memberi maklumat dan mempengaruhi pendengar atau pembaca supaya membeli sesuatu barangan yang diiklankan.

Hassan Ahmad (1985:11) menyatakan bahawa bahasa iklan mempunyai ciri-ciri khusus dan gaya yang tertentu. Bahasanya *padat*, *ringkas* dan *tepat* untuk menarik perhatian pengguna. Pihak pengiklan mengutamakan penyampaian mesej dengan menggunakan gimik dan diksi yang tertentu.

Hal ini dapat diperjelaskan lagi dengan kenyataan Leech (1966: 26) yang menyatakan bahasa iklan adalah bahasa yang "berisi" atau "padat". Perkataan-perkataan yang luar biasa dan pantas, yang mudah diulangi dan ingati digunakan untuk mendapatkan kesan kepada pengguna. Selain itu, ingatan kita juga dibantu melalui penggunaan jenama, cogan kata dan ungkapan-ungkapan menarik dan pengulangan.

Menurut Nik Safiah Karim (1984: 644), dalam kebanyakan bahasa, iklan yang berbentuk memberitahu sesuatu maklumat diperturunkan satu persatu dan terperinci dengan mengemukakan ciri-ciri keindahan iaitu dengan pemilihan dan susunan kata dan ungkapan yang bertujuan memberi satu gambaran yang indah dan berkesan.

Asmah Hj. Omar dalam bukunya, *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik* (1984:4) pula menyimpulkan bahawa bahasa iklan sebagai bahasa pengaruh, iaitu yang mempunyai unsur retorik bahasa yang menarik. Dengan demikian retorik yang terdapat dalam bahasa iklan adalah retorik pengaruh.

Iklan

Menurut Asmah Hj. Omar, (1984:1), perkataan iklan adalah daripada bahasa Arab "i'an" yang bermakna khabar yang disiarkan. Dalam bahasa Melayu, perkataan itu sudah mengalami sedikit perubahan makna kerana khabar yang disiarkan itu bukanlah sebarang khabar dan bukanlah semata-mata dengan tujuan pemberitahuan. Makna "khabar" yang didukung oleh perkataan iklan dalam bahasa Malaysia itu ialah khabar tentang sesuatu yang hendak disuguhkan, dipelawa, ditawarkan dan dijual.

Manakala definisi pengiklanan mengikut pandangan Darinah Ahmad (1988:1) ialah, sebarang bentuk persembahan maklumat yang terkawal dan bukan secara peribadi tentang keluaran, perkhidmatan atau idea yang ditaja oleh badan-badan tertentu sama ada dari pihak swasta atau awam untuk memberitahu dan meyakinkan sasaran pasaran.

Selanjutnya Frank Jefkins (1979) mendefinisikan pengiklanan sebagai satu usaha menyebarkan atau memperkenalkan barangan kepada masyarakat dengan harapan dapat mewujudkan dan menambahkan permintaan. Iklan digunakan untuk menyedarkan masyarakat tentang wujudnya suatu barangan, memahami, mempercayai dan seterusnya mengambil tindakan sama ada membeli atau tidak.

Dalam buku *Pengantar Komunikasi* (1984:97), Mansor Ahmad Saman mengatakan bahawa iklan menolong memapar, memberitahu dan memajukan sesuatu barang, idea dan perkhidmatan kepada khalayak ramai dengan tujuan mendapat sokongan dan sambutan daripada para pengguna. Iklan tidaklah boleh memaksa seseorang pengguna itu bertindak tetapi ia boleh merayu kepada pengguna dengan harapan menimbulkan satu keadaan di mana pengguna itu merasakan ia memerlukan barangan yang dipasarkan itu.

Menurut Samsudin A.Rahim (1993:174), pengiklanan pada umumnya digunakan untuk membantu menjual barangan dan perkhidmatan pengguna. Ia juga digunakan untuk menjual idea. Tumpuan utama pengiklanan pula adalah untuk meningkatkan permintaan terhadap sesuatu barangan ataupun sesuatu jenama barangan.

Berdasarkan definisi di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa fungsi iklan ialah untuk melariskan barangan yang diiklankan. Walaupun usaha melariskan sesuatu jualan merupakan suatu faktor luar bahasa tetapi dalam proses melariskan barangan tersebut, peranan bahasa amat penting.

ANALISIS DAPATAN

Penelitian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- a) Secara umum penggunaan bahasa dan kekerapan penggunaan bahasa Melayu dalam iklan.
- b) Sejauhmana jenama mempengaruhi pengguna terhadap pembelian.
- c) Keupayaan Penggunaan bahasa Melayu dalam iklan.

Umum : Bahasa dan Iklan

Soalan yang terkandung di dalam bahagian ini meliputi perkara-perkara berikut:

1. Dunia perniagaan/perkhidmatan kini amat bergantung / memerlukan iklan yang mempunyai bahasa yang bagus.
2. Bahasa dalam iklan dapat menolong anda memahami lebih berkesan mesej yang hendak disampaikan oleh pengiklan.
3. Pengguna amat memerlukan iklan sebagai panduan penting untuk memilih sesuatu barangan.
4. Pendek/panjang penggunaan bahasa dalam iklan tidak begitu penting dalam menentukan pemilihan barangan/perkhidmatan.
5. Anda kerap kali mengubah pendirian terhadap sesuatu barangan kerana terpengaruh dengan bahasa dalam iklan tersebut.
6. Kerap kali selepas menonton/membaca iklan, anda berasa tidak berpuas hati dan masih ada perkara yang perlu dipersoalkan.
7. Iklan yang memperincikan kandungan sesuatu barangan adalah lebih meyakinkan daripada iklan yang hanya menonjolkan jenama barangan dan slogan semata-mata.

8. Barangan yang dibungkus dengan cantik dan unik bentuknya lebih berupaya mempengaruhi pembeli berbanding panduan dan nasihat dalam iklan.
9. Bahasa dalam iklan mampu menukar selera dan ragam pengguna.
10. Semua iklan harus menggunakan bahasa baku.
11. Bahasa iklan yang kabur memadam minat anda untuk membeli barangan tersebut.
12. Iklan yang menampilkan nilai komersial adalah iklan yang bersifat abstrak.
13. Bahasa yang baik dalam iklan berupaya memberi sepenuh jaminan agar setiap barangan yang diiklankan laris dibeli oleh pengguna.
14. Di samping bahasa, iklan perlu mempamerkan mesej yang baik, logik dan mudah difahami oleh semua golongan pengguna.
15. Kejituan makna yang disampaikan melalui bahasa iklan patut diutamakan berbanding mesej yang ditunjukkan dalam gambar/ latar iklan.
16. Harus ada sedikit kelonggaran/penyimpangan dalam bahasa iklan bagi mengekalkan rasa "sedap" dalam iklan.

Selepas dianalisis, setiap soalan tersebut telah memaparkan peratusan seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Hasil analisis

Soalan satu menghasilkan -	46.7% -	sangat setuju
Soalan dua menghasilkan -	53.3% -	setuju
Soalan tiga menghasilkan -	56.7% -	setuju
Soalan empat menghasilkan -	70% -	setuju
Soalan lima menghasilkan -	36% -	tidak setuju
Soalan enam menghasilkan -	33.3% -	tidak setuju
Soalan tujuh menghasilkan -	63.4% -	setuju
Soalan lapan menghasilkan -	40.1% -	setuju
Soalan sembilan menghasilkan -	60% -	setuju
Soalan sepuluh menghasilkan -	43.3% -	setuju
Soalan sebelas menghasilkan -	40% -	setuju
Soalan kedua belas menghasilkan -	56.7% -	setuju
Soalan ketiga belas menghasilkan -	36.7% -	setuju
Soalan keempat belas menghasilkan -	50% -	setuju
Soalan kelima belas menghasilkan -	60.1% -	setuju
Soalan keenam belas menghasilkan -	40% -	setuju

Berdasarkan analisis data tersebut, sebanyak 36% responden menunjukkan reaksi *tidak bersetuju* untuk mengubah pendirian

terhadap pembelian sesuatu barangan disebabkan faktor bahasa. Manakala 33.3% responden lagi memberikan respon tidak mengalami banyak persoalan selepas menonton atau membaca sesuatu iklan.

Kesimpulan yang dapat dibuat berkenaan data di atas ialah kesemua responden *bersetuju* bahawa bahasa amat mempengaruhi pembelian terhadap sesuatu barangan dan memberikan reaksi positif bahawa iklan yang menggunakan bahasa Melayu lebih mudah difahami berbanding dengan bahasa lain. Ia dapat dibuktikan dengan purata penghasilan peratus bagi setiap soalan menunjukkan lebih daripada 50% yang *bersetuju*.

JENAMA MEMPENGARUHI PEMBELIAN

Soalan yang terkandung dalam bahagian ini ialah:

1. Pengiklan menggunakan pelbagai bentuk gimik untuk mempengaruhi psikologi pengguna/pembeli, kerana perbezaan antara satu jenama dengan jenama yang lain adalah terlalu subjektif.
2. Status anda akan lebih hebat jika mampu membeli barangan yang diiklankan melalui jualan langsung melalui TV (contohnya, Smart Shop, M.O.G, Ambang Aneka, Kayla Berverly Hill dan selainnya).
3. Skim bayaran ansuran dalam jualan langsung melalui TV amat menarik perhatian dan tingkah laku pembelian anda.
4. Jaminan pemulangan wang dalam tempoh tertentu, memperhebatkan keupayaan penjual memujuk pengguna membeli barangan adalah lebih berkesan.

Responden memberikan reaksi positif bahawa jenama boleh mempengaruhi dalam pembelian sesuatu barangan. Hal ini bermakna, tidak semua pengguna akan mementingkan jenama sesuatu barangan apabila membuat sebarang pembelian. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan kedapatan juga pengguna yang terpengaruh kepada jenama semasa membeli. Namun begitu, responden memberikan reaksi negatif terhadap sikap/pembelian secara berhutang semata-mata kerana sesuatu jenama. Hal ini dapat digambarkan sebagaimana analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Hasil analisis jenama

Soalan satu dengan peratusan -	53.3%	- setuju
Soalan dua dengan peratusan -	36.6%	- tidak pasti
Soalan tiga dengan peratusan -	33.3%	- tidak setuju
Soalan empat dengan peratusan -	36.7%	- setuju

Responden menunjukkan reaksi tidak pasti sebanyak 36.6% terhadap kehebatan atau status terhadap pembelian barangan yang berjenama. Manakala 33.3% lagi menjelaskan tidak setuju dengan sikap untuk berhutang bagi mendapatkan sesuatu barangan yang berjenama. 53.3% responden memberikan persetujuan terhadap penggunaan gimik yang meninggalkan kesan terhadap corak pembelian. Sebanyak 36.7% responden pula tertarik dengan jaminan pengembalian wang dalam sesuatu iklan barangan.

KEUPAYAAN BAHASA MELAYU DALAM IKLAN

Soalan dalam bahagian ini mengandungi beberapa hubungan dengan keupayaan bahasa.

1. Penggunaan bahasa dalam iklan berbentuk secara langsung melalui TV adalah amat meyakinkan pengguna dan mampu memujuk pengguna membeli sesuatu barangan.
2. Iklan dalam bahasa Melayu adalah efektif daripada bahasa Inggeris dalam menghuraikan kandungan dan konsep dalam sesuatu barangan.
3. Ekspresi dalam iklan bahasa Melayu adalah lebih mudah dan tepat.
4. Bahasa Melayu amat berfaedah digunakan dalam iklan untuk meningkatkan penjualan.
5. Adakah anda bersetuju sekiranya kerajaan Malaysia melaksanakan dasar penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam iklan.
6. Bahasa Melayu berkemampuan dari segi ejaan, istilah, struktur ayat untuk mendukung konsep dan perkara yang perlu dalam iklan.
7. Selaras dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, adakah anda berasa marah apabila terpancang kesalahan bahasa pada sesuatu iklan.
8. Penggunaan bahasa Melayu dalam iklan hanya akan dapat diperluas dan dipertegas, sekiranya semua pihak berkuasa tempatan lebih prihatin dan beriltizam untuk melaksanakannya.

9. Pewujudan anugerah yang dinamai "Anugerah Papan Iklan Terbaik dalam Bahasa Melayu" adalah satu usaha yang baik dan wajar diteruskan pada masa akan datang.
10. Berdasarkan perkembangan sosiobudaya dan pengisian Wawasan 2020, sewajarnya orang Melayu mengendalikan agensi/biro pengiklanan di Malaysia, agar iklan yang terpancar dalam media elektronik dan media cetak benar-benar beridentitikan Malaysia.

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada soalan-soalan tersebut ialah peratusan responden menunjukkan reaksi yang positif tentang penggunaan bahasa Melayu dalam sebarang jenis iklan. Keadaan ini dapat diperhatikan sebagaimana peratusan dalam Jadual 3.

JADUAL 3: Keupayaan Bahasa Melayu dalam iklan

Soalan satu menunjukkan -	43.4% - setuju
Soalan dua menunjukkan -	33.3% - setuju
Soalan tiga menunjukkan -	46.6% - setuju
Soalan empat menunjukkan -	50% - setuju
Soalan lima menunjukkan -	43.4% - sangat setuju
Soalan enam menunjukkan -	40% - setuju
Soalan tujuh menunjukkan -	66.7% - sangat setuju
Soalan lapan menunjukkan -	56.7% - sangat setuju
Soalan sembilan menunjukkan -	60% - sangat setuju
Soalan sepuluh menunjukkan -	56.6% - sangat setuju

Analisis di atas memperlihatkan sebanyak 43.3% responden menyatakan *sangat setuju* terhadap penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam iklan. 66.7% responden pula melahirkan kekesalan terhadap kesalahan bahasa pada sesuatu iklan. 56.7% responden pula *sangat setuju* sekiranya semua pihak berkuasa tempatan bekerjasama untuk melaksanakan penggunaan bahasa Melayu dalam iklan. 60% responden lagi menyokong pengwujudan anugerah untuk papan iklan yang menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Manakala 56.6% menunjukkan reaksi *sangat setuju* sekiranya iklan-iklan di negara ini dapat memaparkan ciri-ciri iklan yang berorientasikan Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dibuat daripada penelitian ini memperlihatkan sikap positif di kalangan pengguna untuk memilih dan mengutamakan bahasa Melayu dalam setiap pembelian barangan. Responden turut memperlihatkan kematangan bahawa penggunaan bahasa Melayu adalah wajar dan

perlu untuk menggantikan bahasa Inggeris dalam bidang pengiklanan. Fenomenon ini menunjukkan bahawa pengguna di Malaysia amat peka dengan keperluan penggunaan bahasa Melayu sebagai alat untuk melariskan jualan.

RUMUSAN

Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pengiklanan di negara ini bukanlah satu perkara baru. Ia telah berlangsung sejak bermulanya perkembangan media massa di Malaysia. Namun sejak akhir-akhir ini, usaha untuk menyelaraskan dan menyeimbangkan penggunaan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain tidak begitu dititikberatkan. Oleh yang demikian, menerusi penelitian ringkas ini, peneliti dapat membuat beberapa kesimpulan yang berhubung dengannya.

- a) Pengguna di Malaysia merupakan pengguna yang peka terhadap keperluan dan kepentingan iklan.
- b) Pengguna menyedari bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang berupaya sebagai alat untuk menyampaikan mesej yang terkandung di dalam setiap iklan.
- c) Kecanggihan sistem pembungkusan dan jenama bukanlah perkara yang utama yang boleh mempengaruhi corak pembelian. Dengan kata lain, pengguna kini lebih mementingkan mutu dan nilai yang lebih baik untuk setiap ringgit mereka.
- d) Matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam industri pengiklanan adalah kesan daripada pelaksanaan, kawalan dan penglibatan secara langsung dari pihak kerajaan.

Walaupun kini perkembangan teknologi semakin pesat dan saluran iklan telah dipelbagaikan, seperti industri iklan melalui talian telefon atau internet. Namun, fungsi bahasa masih tidak tergunat. Keadaan ini disebabkan komunikasi dua hala tidak berlaku. Maka kepuasan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu barangan akan terlaksana sekiranya bahasa yang baik berupaya mengungkapkannya. Fenomenon ini amat ketara dengan munculnya pelbagai syarikat iklan bagai cendawan tumbuh selepas hujan dalam dunia perindustrian. Contohnya, Smart Shop, Ambang Aneka, Kayla Berverly Hill.

Sesungguhnya bahasa adalah alat yang paling efektif untuk membujuk dan mempengaruhi pengguna. Sehubungan itu, dalam bidang pengiklanan, pengiklan cuba memanipulasikan bahasa sebaik mungkin dengan cara yang pelbagai dalam usahanya untuk memikat

pengguna. Dalam hal ini, pengiklan perlu peka dan menitikberatkan aspek sosiolinguistik, iaitu golongan sasaran yang hendak ditujukan sesuatu iklan, sama ada golongan kanak-kanak ataupun orang dewasa. Penggunaan bentuk bahasa yang bersesuaian dan seiring dengan nilai dan norma masyarakat Melayu akan berjaya membujuk para pengguna dan seterusnya mampu mengubah pertimbangan akal pembeli untuk membeli barangan yang diiklankan.

KESIMPULAN

Usaha untuk memperluaskan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai media komunikasi yang utama dalam pengiklanan memerlukan perancangan yang lebih bersepadu. Oleh itu, bahasa Melayu mempunyai tanggungjawab yang bukan sedikit untuk membuktikan keupayaannya sebagai satu bahasa yang berwibawa. Untuk memperlihatkan kewibawaan ini, maka ciri-ciri dan nilai-nilai yang kurang baik mestilah dibendung seperti penggunaan bahasa yang melanggar sistem tatabahasa bahasa Melayu, penggunaan kata-kata asing dalam satu kalimat, memelayukan bahasa asing dengan wewenang, penggunaan struktur ayat yang salah, kesalahan ejaan dan terjemahan.

Bahasa sebenarnya mempunyai peraturannya sendiri. Peraturan yang wujud dalam tatabahasa, sistem pembentukan katanya dan sebagainya bukanlah dibentuk secara wewenang. Bahasa adalah satu sistem logik, sebagaimana cara bahasa melihat, mentafsir dan mentakrif alamnya. Oleh itu, cara penggunaan bahasa hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh budaya yang telah menghasilkan bahasa itu. Mana-mana penggunaan bahasa yang tidak mengikut peraturan ini dianggap telah menyimpang daripada tatabahasa itu. Bahasa dalam pengiklanan juga tidak terkecuali daripada peraturan ini.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1984. *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darinah Ahmad. 1988. *Pengiklanan dan Promosi Jualan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Geis, Michael L. 1982. *The Language Of Television Advertising*. New York: Academy Press.
- Hassan Ahmad. 1985. Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia Dalam Bidang pengiklanan sebagai Alat Komunikasi Yang Berkesan. *Dewan Bahasa*. 29:4-17.
- Jefkins, Frank. 1979. *Advertising Today*. New York: International Textbook Company.
- Leech, Geoffrey N. 1966. *English In Advertising: A Linguistic Study Of Advertising in Great Britain*. London: Longmans.
- Nik Safiah Karim. 1984. Penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengiklanan dari perspektif pemikiran dan budaya Melayu. Kertas yang dibaca dalam Bengkel Penggunaan Bahasa Malaysia dalam Pengiklanan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 12 - 15 November.
- Samsudin A. Rahim. 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sumbangan Nahu Sejagat Dalam Penguasaan Bahasa Kanak-kanak

Mohammad Fadzeli Jaafar &
Nasrun Alias
Jabatan Linguistik, UKM

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan fikiran mereka. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui apakah sebenarnya bahasa. Antara persoalan yang sering diutarakan ialah, "Apa itu bahasa?", "Bagaimana manusia memperoleh bahasa?", "Apabila manusia mengetahui atau menguasai bahasa, apakah sebenarnya yang dikuasai oleh manusia?". Inilah antara pokok persoalan yang sering dikemukakan oleh ahli-ahli fikir sejak dahulu hingga kini.

Pada 1957, seorang sarjana dari Massachusetts Institute of Technology, Noam Chomsky, telah menerbitkan buku beliau yang bertajuk *Syntactic Structures*. Buku ini telah cuba menghuraikan konsep bahasa dari aspek psikologi. Menurut Chomsky (1957), bahasa adalah "... a set (finite or infinite) of sentences, each finite in length and constructed out of a finite set of elements...". Perkara yang cuba ditekankan oleh Chomsky ialah setiap manusia tidak mengingati atau menghafal senarai ayat-ayat di dalam akal mereka. Sebaliknya, setiap penutur mempunyai rumus tertentu yang terhad sifatnya (finite set of elements) di dalam akal mereka yang boleh menerbitkan ayat dalam sesuatu bahasa. Rumus ini telah dianugerahkan sejak manusia itu lahir ke dunia. Andaian ini secara tidak langsung menganggap bahawa rumus manusia itu bersifat sejagat oleh kerana rumus ini telah tersedia di dalam akal manusia sejak lahir.

Berbeza dengan ahli-ahli linguistik sebelum ini yang mengkaji bahasa sebagai satu fenomena sosial, Chomsky melihat bahasa sebagai satu fenomena dalaman penutur. Kajian bahasa oleh Chomsky adalah kajian tentang akal manusia. Jika kita berpegang kepada andaian yang dibuat oleh Chomsky, maka kita akan mengerti bahawa tugas ahli linguistik adalah untuk menghuraikan rumus-rumus yang terdapat di dalam akal manusia. Ini merupakan satu revolusi dalam kajian bahasa manusia yang berbeza dengan kajian-kajian bahasa sebelum tahun 1957 (Asmah, 1992:53).

SKOP

Secara umumnya, kertas ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan tentang konsep Nahu Sejagat itu sendiri seperti yang dihuraikan oleh Chomsky (1957, 1965, 1977, 1986). Dalam membicarakan teori Nahu Sejagat ini, perbincangan hanya akan tertumpu kepada beberapa prinsip daripada teori ini.⁴ Ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang konsep *kesejagatan* seperti yang dinyatakan oleh Chomsky. Kemudian beberapa kekangan terhadap Nahu Sejagat akan dikemukakan agar teori ini tidak dianggap terlalu berkuasa.

Bahagian kedua pula akan tertumpu kepada pembicaraan tentang sumbangan Nahu Sejagat ini terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak. Dalam membincangkan sumbangan Nahu Sejagat, huraian akan diberikan terhadap peranan Nahu sejagat ini dan diikuti oleh penerimaan dan pemanfaatan teori ini oleh masyarakat.

KAJIAN TENTANG NAHU SEJAGAT

Pada peringkat awal penulisan teori ini oleh Chomsky (1957), beliau tidak menggunakan istilah *sejagat*. Istilah *sejagat* (universal) hanya digunakan oleh Chomsky secara umum selepas tahun 1962. Newmeyer (1980) menyatakan:

"...While he left no room for doubt in this and other passages that the general form of linguistic rules and the vocabulary of the theory itself were universal, he was not actually to use the term "universal" around 1962..."

Nahu sejagat merupakan satu teori bahasa yang berkaitan dengan psikologi manusia dan pemerolehan bahasa manusia. Ia juga merupakan teori tentang pengetahuan bahasa manusia dan bukannya tentang tabiat atau kelakuan manusia (Cook, 1988: 1). Teori pengetahuan bahasa manusia ini pula adalah teori yang cuba menghuraikan prinsip-prinsip yang membentuk nahu sesuatu bahasa. Prinsip-prinsip ini juga akan membentuk aturan sesuatu bahasa, seperti yang dinyatakan oleh Chomsky (1968: 24):

"...the principles that determine the form of grammar and that select a grammar of the appropriate form on the basis of certain data constitute a subject that might, following a traditional usage, be termed universal grammar."

Nahu sejagat adalah sistem yang terdapat pada semua bahasa di dunia. Sistem ini terdiri daripada prinsip-prinsip dan aturan yang serupa dalam mana-mana bahasa manusia. Prinsip-prinsip dan aturan ini pula akan mengawal akal manusia agar tidak menerbitkan ayat-ayat yang tidak gramatis atau tidak boleh diterima oleh akal. Dengan itu, tugas ahli linguistik adalah menghuraikan fenomena yang berlaku di dalam bahasa itu dengan berpandukan kepada data-data yang diperolehi daripada bahasa yang dituturkan oleh manusia.

KONSEP KESEJAGATAN


Secara umumnya, konsep *kesejagatan* Chomsky ini boleh dikelaskan kepada dua kelompok. Pertama ialah *kesejagatan formal* dan kedua pula ialah *kesejagatan substantif* (Chomsky, 1965; Malmkjaer, 1991). Kesejagatan formal akan menentukan bentuk nahu sesuatu bahasa. Dalam erti kata lain, ia akan menentukan komponen-komponen, jenis-jenis rumus dan prinsip-prinsip interaksi rumus. Kesejagatan formal boleh ditunjukkan dengan mengambil contoh yang digunakan oleh Cook (1988), iaitu 'semua bahasa memiliki sifat *kebergantungan struktur* (structure dependency)'. "Kebergantungan struktur" di sini bermaksud operasi¹⁴ dalam sesuatu ayat melibatkan pengetahuan tentang hubungan struktural bagi setiap item dan bukannya urutan item secara linear. Dalam bahasa Melayu, untuk membentuk ayat tanya, penutur boleh mengkedepankan kata kerja bantu (dengan penyisipan partikel '-kah'), contohnya:

- (1) Sudahkah dia pergi ke sekolah?

Ayat (1) terhasil daripada struktur dasar 'Dia sudah pergi ke sekolah'. Unsur *sudah* adalah kata kerja bantu yang telah dipindahkan kedudukannya sebelum subjek dia, seperti dalam contoh (2).

- (2) Dia sudah pergi ke sekolah
 1 2 3 4 5
 ↑ ↓

Satu cara untuk mengkaji ayat (2) di atas adalah dengan melihat strukturnya secara linear. Kata bantu "*sudah*" merupakan item ke-2 daripada 5 item dalam ayat (2). Namun begitu, perpindahan kata bantu *sudah* dari kedudukan keduanya ke posisi sebelum 1 bukanlah syarat untuk membentuk ayat tanya. Jika kita melihat contoh berikut pula:

- (3) Budak itu sudah pergi ke sekolah
 1 2 3 4 5 6
- 

kita akan mendapati bahawa ayat (3) akan menghasilkan struktur (4) di bawah, iaitu:

- (4) * Itukah^v budak sudah pergi ke sekolah?

Berdasarkan contoh (4), adalah jelas bahawa dengan memindahkan item 2 tidak memadai untuk menjadikan ia satu aturan atau rumus bahasa (tanda * menunjukkan bahawa ayat yang terhasil adalah tidak gramatis). Ini kerana ayat yang dihasilkan oleh manusia bukanlah bersifat linear semata-mata, sebaliknya mempunyai kaitan antara satu unsur dengan unsur yang lain, iaitu S-KB-K-FP (Subjek - Kata Bantu - Kerjaan - Frasa Preposisi). Hal ini juga berlaku dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.^v Dengan itu, prinsip 'kebergantungan struktur' (structure-dependency) bukanlah prinsip yang bersifat khusus bahasa (language specific) tetapi merupakan prinsip yang dimiliki oleh semua bahasa.^v

Kesejagatan yang kedua, iaitu kesejagatan substantif, merujuk kepada unsur-unsur yang terdapat dalam membina bahasa itu sendiri, seperti kategori sintaksis dan fitur distingtif. Setiap bahasa tidak kira sama ada bahasa Melayu, Inggeris, Jepun atau apa bahasa sekalipun akan dapat dihuraikan dengan menggunakan unsur yang sama. Contohnya, setiap bahasa yang dinyatakan di atas masing-masing mempunyai kategori-kategori kata, seperti Nama, Kerjaan, Adjektif dan Preposisi; dan kategori-kategori frasa, seperti Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif dan Frasa Preposisi. Contoh (5) di bawah menunjukkan bahawa ketiga-tiga bahasa (Melayu, Inggeris dan Jepun) mempunyai frasa kerja (FK) dan setiap frasa berkenaan mempunyai kata kerja sebagai *kepala*. Perbezaan yang terdapat pada contoh-contoh berkenaan ialah bahasa Melayu dan Inggeris mempunyai penyambut (John) selepas kepala (percaya/believed), sedangkan bahasa Jepun mempunyai penyambut (jon) sebelum kepala (sinzita). Perbezaan ini dikenali sebagai *variasi parameter* (parameter variation), iaitu setiap bahasa akan mempunyai parameter yang berbeza dengan bahasa lain tetapi tidak pada prinsip-prinsipnya.

- (5) (i) [percaya John]FK (Melayu)
 K N

- (ii) [Jon o sinzita]FK (Jepun)
 N K
- (iii) [believed John]FK (Inggeris)
 K N

Kesejagatan substantif ini boleh dianggap sebagai kesejagatan yang tidak formal dan telah digunakan di dalam penulisan nahu sebelum ini, seperti nahu tradisional dan preskriptif. Ini berbeza dengan kesejagatan formal yang lebih abstrak sifatnya. Untuk menghasilkan kesejagatan formal, ahli-ahli linguistik haruslah berupaya meneliti data-data bahasa dan membuat generalisasi daripada data-data berkenaan, seperti pembentukan 'prinsip kebergantungan struktur' di atas.

KEKANGAN TERHADAP NAHU SEJAGAT

Walaupun nahu sejagat merupakan nahu yang telah sedia wujud dalam akal setiap kanak-kanak yang lahir ke dunia, ini tidak bermakna bahawa setiap kanak-kanak yang lahir boleh terus berbahasa. Kanak-kanak yang lahir ini juga tidak boleh bertutur terus dalam pelbagai bahasa. Haegeman (1991) menyatakan bahawa:

"...The innate linguistics endowment UG is not sufficient to enable one to speak a language. If all we needed was UG then human beings would be able to speak any language where ever they were born and in what ever circumstances they grew up...."

Memang benar bahawa setiap kanak-kanak yang lahir mempunyai aturan ataupun rumus di dalam akal mereka. Namun begitu, kanak-kanak tidak mempunyai data (input) untuk menghasilkan ujaran (output). Data yang dimaksudkan di sini ialah leksikon (perbendaharaan kata). Leksikon ini haruslah dipersepsi dan dipelajari oleh setiap kanak-kanak untuk membolehkan mereka berbahasa. Leksikon adalah unsur penting untuk membolehkan manusia bertutur. Rumus-rumus ini pula berfungsi untuk menyusun leksikon-leksikon yang dipelajari itu mengikut aturan sesuatu bahasa.

Selain keperluan terhadap leksikon, setiap manusia juga terhad untuk mempelajari hanya satu bahasa pada satu-satu masa. Dengan itu, adalah mustahil bagi setiap kanak-kanak memperoleh lebih daripada satu bahasa semasa kecil. Ini juga dijelaskan oleh Haegeman (1991):

"...Human beings usually master one language with native competence and they have a hard time learning other languages later in life..."

Di sini jelas bahawa manusia mempunyai kemampuan yang terhad. Pemerolehan bahasa kedua berlaku lebih kemudian dan tidak serentak dengan bahasa pertama.

Walaupun beberapa aturan dan prinsip-prinsip nahu adalah bersifat sejagat (universal), namun antara satu bahasa dengan bahasa yang lain masih terdapat banyak kelainan. Kelainan-kelainan ini dapat dilihat pada struktur bahasa-bahasa itu sendiri dan merupakan kekangan kepada nahu sejagat. Contohnya, bahasa Melayu mempunyai struktur SKO (Subjek-Kerjaan-Objek), manakala bahasa Jepun mempunyai struktur SOK dan bahasa Welsh pula ialah KSO. Di sini jelas bahawa pola-pola bahasa adalah bervariasi antara satu sama lain.

PERANAN NAHU SEJAGAT

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, tumpuan akan diberikan kepada peranan nahu sejagat dalam pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak, misalnya dari segi pertumbuhan bahasa kanak-kanak, pembelajaran bahasa kanak-kanak dan pemerolehan bahasa kedua.

Seperti yang telah dijelaskan di atas, nahu sejagat atau universal adalah fakulti bahasa yang terdapat di dalam pemikiran manusia (Cook, 1993: 201). Maksudnya semua manusia di dunia ini telah dianugerahkan rumus-rumus bahasa secara semulajadi yang membolehkan mereka memahami dan menguasai bahasa tertentu. Bentuk SKO (Subjek-Kerjaan-Objek) merupakan susunan yang agak universal dalam kebanyakan bahasa di dunia. Kebolehan secara semula jadi untuk berbahasa yang ada pada semua manusia ini membolehkan seorang kanak-kanak menguasai bahasa ibundanya dengan mudah. Dalam erti kata lain, seorang kanak-kanak yang dianggap dungu akan lancar berbahasa dalam jangka waktu yang hampir sama dengan kanak-kanak yang normal (Mangantar Simanjuntak, 1982: 25). Sifat semula jadi ini sebenarnya meliputi semua kanak-kanak di dunia kecuali kanak-kanak aphasia yang menghadapi masalah kecederaan otak kerana kemalangan jalan raya.

Sebenarnya peranan nahu sejagat dalam proses pemerolehan dan pertumbuhan bahasa akan dapat membantu kanak-kanak menguasai

sesuatu bahasa dengan cepat dan mudah. Chomsky mencadangkan LAD (language acquisition device) sebagai satu alat yang secara semula jadi dimiliki oleh kanak-kanak untuk menguasai bahasanya. Tanpa LAD manusia tidak mampu berbahasa, oleh kerana struktur bahasa adalah rumit dan kompleks. Bukti yang menyokong akan kewujudan LAD ialah dari segi kepelbagaian ujaran yang didengar oleh seorang kanak-kanak yang terdiri daripada bermacam-macam bentuk bahasa, termasuklah bentuk yang ringkas dan tidak gramatis. Namun begitu seorang kanak-kanak masih boleh menguasai bahasa pertamanya dengan baik. Hal ini memperlihatkan bahawa LAD memang telah sedia ada dalam otak kanak-kanak yang membolehkan mereka memperoleh bahasa.

Memandangkan seorang kanak-kanak telah dilengkapi satu peralatan berbahasa yang bersifat universal, maka adalah agak mudah bagi mereka mempelajari bahasa ibunda atau bahasa-bahasa lain. Dalam hal ini adalah menjadi tugas ibu bapa atau penjaga untuk membantu pertumbuhan bahasa kanak-kanak. Ini boleh dilakukan sama ada dengan pengajaran secara positif atau negatif oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Chomsky (Cook, 1988: 57) ada menjelaskan akan keterbukaan pemikiran seorang kanak-kanak terhadap sesuatu bahasa,

*"...the child's mind is open to any human language;
it ends by acquiring a particular language".*

Di sini dapat difahami bahawa pemikiran kanak-kanak bersifat sejagat dan sentiasa terbuka kepada bahasa apapun. Namun begitu pada akhirnya cuma bahasa tertentu sahaja yang akan dikuasainya, iaitu bergantung kepada pendedahan yang diterima terhadap sesuatu bahasa itu.

Satu lagi peranan yang agak penting dalam nahu sejagat ini ialah 'generat' dan 'kreatif'. Chomsky menjelaskan bahawa berdasarkan konsep generat seseorang itu boleh mencipta kalimat-kalimat baru yang tak terbatas jumlahnya (Mangantar, 1982: 26). Dari sini dapatlah difahami bahawa bahasa yang terdapat di dalam fikiran seseorang adalah tidak terbatas jumlahnya. Selain itu seseorang manusia adalah 'kreatif', iaitu mampu mencipta berbagai-bagai pola atau ragam ayat sama ada pendek atau ringkas. Berbanding dengan orang dewasa, konsep kreatif di kalangan kanak-kanak mungkin agak rendah kemampuannya. Namun, apa yang penting ialah kita harus menyedari akan hakikat generat yang ada pada semua manusia. Dengan itu kanak-kanak juga harus dilayan sebagaimana orang dewasa, oleh kerana otak mereka juga mampu memproses benda

yang didengar dan menerbitkan ayat-ayat baru walaupun agak terhad kebolehannya.

PEMANFAATAN DAN PENERIMAAN NAHU SEJAGAT

Secara umum konsep nahu sejagat hanya difahami oleh golongan pengkaji bahasa, khususnya di kalangan ahli psikolinguistik dan psikologi. Oleh itu adalah menjadi hasrat kertas kerja ini untuk menyerlahkan konsep ini kepada golongan bukan pengkaji bahasa. Secara sederhana kajian terhadap nahu sejagat adalah kajian yang menyerlahkan kebolehan atau kemampuan berbahasa secara semulajadi di kalangan manusia. Bahagian ini seterusnya akan membicarakan beberapa sumbangan nahu sejagat yang boleh dimanfaatkan dalam proses penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak.

PERTUMBUHAN BAHASA KANAK-KANAK

Kajian terhadap pertumbuhan bahasa kanak-kanak mendapati bahawa seorang kanak-kanak akan memperolehi sekurang-kurangnya 14,000 perkataan apabila mencapai umur 6 tahun (Carrol, 1994: 268). Ini bermakna seorang kanak-kanak mempelajari lebih kurang 8 perkataan sehari (bermula pada usia 18 bulan dan ke atas). Maklumat ini secara langsung memberitahu kita bahawa perbendaharaan kata kanak-kanak sentiasa bertambah pada kadar yang agak tinggi apabila umur mereka semakin meningkat. Tugas ibu bapa ialah membantu proses pertumbuhan bahasa kanak-kanak, misalnya dengan cara membetulkan sebutan perkataan yang tersalah sebut atau disalahertikan. Proses ini boleh dilakukan secara perlahan-lahan atau beransur-ansur melalui pengulangan dan latihan (Chomsky, 1968: 22).

Dalam membicarakan tentang proses pertumbuhan bahasa kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga harus bertanggung jawab terhadap peningkatan dan pemantapan bahasa yang bakal dikuasai oleh kanak-kanak. Tegasnya pemikiran seorang kanak-kanak telah dilengkapi dengan bentuk-bentuk bahasa yang universal yang membolehkan mereka berbahasa dengan mudah. Oleh itu, kanak-kanak harus didedahkan dengan bentuk-bentuk bahasa yang betul kerana nahu sejagat yang ada dalam fikiran kanak-kanak hanya memperuntukkan skema bahasa yang universal yang harus disesuaikan pula dengan bahasa yang ingin dipelajari. Dalam hal ini Chomsky (Cook, 1988:

60) telah mengenal pasti beberapa bukti pemerolehan bahasa kanak-kanak, iaitu bukti positif (positive evidence), bukti negatif langsung (direct negative evidence) dan bukti negatif tak langsung (indirect negative evidence).^{vi}

Bukti positif ialah penyesuaian terhadap bentuk bahasa tertentu yang didengar oleh seorang kanak-kanak dengan bentuk bahasa yang sedia ada di dalam pemikirannya. Misalnya, dalam bahasa Melayu susunan kata dalam sesuatu ayat haruslah mempunyai struktur SKO sebagai struktur asasnya:

- (1) Ali makan nasi
S K O

Jika seorang kanak-kanak mendengar struktur yang agak berbeza, misalnya *nasi Ali makan* (OSK), maka ia akan terlebih dahulu mengenal pasti sama ada bentuk ini bersesuaian dengan bentuk bahasa dalam pemikirannya. Bukti positif akan kemudiannya menetapkan satu parameter yang sesuai dengan susuk kata bahasa tertentu yang sedia ada dalam fikiran kanak-kanak.

Bukti negatif langsung pula ialah pembedaan bahasa oleh ibu bapa dan masyarakat sekitar, iaitu kanak-kanak yang terdedah kepada orang-orang sekelilingnya akan dipengaruhi oleh bentuk bahasa masyarakat tersebut. Misalnya jika seorang kanak-kanak Melayu mengujar:

- (2) Buku Ali baca
O S K

Maka orang dewasa yang mendengarnya akan membetulkan ujaran (2) di atas, misalnya *Ali baca buku* (SKO).

Bentuk yang terakhir ialah bukti negatif tak langsung yang menurut Chomsky adalah kurang penting dalam pertumbuhan bahasa kanak-kanak berbanding dengan bukti negatif langsung. Bukti ini menjelaskan bahawa bentuk-bentuk tertentu sebenarnya tidak wujud dalam ujaran bahasa tertentu yang menyebabkan seorang kanak-kanak cuba menyesuaikan bentuk tersebut dengan parameter yang sedia ada. Misalnya agak jarang terdengar seorang kanak-kanak Melayu menyebut *tidur Ali* oleh kerana bentuk ini tidak gramatis. Bentuk bahasa universal yang terdapat dalam pemikiran kanak-kanak akan menapis bentuk bahasa tertentu yang menyalahi rumus bahasa ibundanya.

Pemikiran seorang kanak-kanak mempunyai banyak persamaan dengan orang dewasa. Kanak-kanak mampu mengecam atau

mengajuk bentuk percakapan orang dewasa walaupun diujarkan dalam bentuk yang tidak lengkap. Misalnya jika seorang bayi mengucapkan *mamam* (makan) bermakna ujaran ini boleh dianggap sebagai lengkap. Bentuk ini disebut sebagai holofrasa (holophrase) (Mangantar, 1987: 165). Tegasnya, mereka juga menggunakan berbagai-bagai cara semasa berkomunikasi dengan orang-orang di sekelilingnya, misalnya untuk tujuan bercerita, berbahas dan bertanya. Cuma bentuk bahasa kanak-kanak agak terhad sifatnya berbanding dengan bahasa orang dewasa yang mempunyai lebih banyak fungsi. Kajian oleh Asmah Haji Omar (1988: 88) terhadap pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak Melayu mendapati bahasa pertama diperolehi melalui proses-proses penyerapan. Tegasnya kanak-kanak sebenarnya memperoleh sistem dan struktur bahasanya (termasuklah aspek sosiolinguistik) secara semulajadi. Fenomena ini memperlihatkan nahu sejagat memainkan peranan yang penting dalam membantu kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa. Tanpa pengetahuan berbahasa secara semulajadi kanak-kanak akan menghadapi masalah untuk menguasai sesuatu bahasa, oleh kerana otak mereka tidak mampu menyediakan satu set parameter yang sesuai dengan bentuk-bentuk bahasa yang didengar.

PEMBELAJARAN BAHASA KANAK-KANAK

Dalam pembelajaran bahasa di kalangan kanak-kanak terdapat andaian bahawa kanak-kanak mempelajari bahasa melalui peniruan (imitation) dan pengukuhan (reinforcement). Namun begitu sebenarnya hipotesis ini agak kurang tepat, kerana otak manusia memiliki sifat kreatif yang memungkinan mereka mencipta ayat-ayat baru tanpa bukti pengukuhan. Dalam erti kata lain sifat kreatif yang ada dalam fikiran seorang kanak-kanak akan membolehkan mereka menguasai sesuatu bahasa dengan baik walaupun tidak diberi latihan tubi secara formal oleh ibu bapa atau penjaga.

Dalam dunia sehari-hari ibu bapa agak sibuk dengan tugas masing-masing. Oleh itu masa yang diperuntukkan untuk mengajar anak-anak mereka juga terhad. Justeru itu, kanak-kanak akan menguasai bahasanya sendiri dengan bantuan masyarakat sekitarnya. Bermula dengan struktur-struktur asas, misalnya, *adik*, *ayah*, *makan*, *minum*, *nasi*, *susu* dan lain-lain, seorang kanak-kanak mampu mencipta struktur lain yang lebih kompleks, misalnya *nak minum*, *nak makan*, *makan nasi*, *minum air*, *nak makan nasi*, *adik nak makan*, *adik nak makan nasi* dan seterusnya.

Secara mudahnya, belajar bahasa samalah seperti belajar berjalan. Maksudnya seorang kanak-kanak yang normal akan belajar berjalan

tanpa bantuan orang lain. Begitu jugalah halnya dengan bahasa yang akan dikuasai oleh seorang kanak-kanak. Hanya melalui pendedahan kepada persekitaran dan desakan hidup (survival), kanak-kanak akan mempelajari bahasa dengan sendiri tanpa perlu diajar secara formal. Fenomena ini menyokong akan kewujudan nahu sejagat yang merupakan alat terpenting dalam proses penguasaan bahasa. Bukti pengukuhan cuma menjadi semacam faktor sekunder yang memantapkan lagi penyebutan dan ingatan seorang kanak-kanak.

Perbincangan di atas memperlihatkan betapa ibu bapa tidak harus mendesak anak-anak mereka untuk menguasai sesuatu bahasa dalam tempoh yang singkat, kerana wujudnya period kritikal dalam proses pembelajaran bahasa kanak-kanak. Menurut Lenneberg (dalam Mangantar, 1987: 111), period kritikal berlaku di antara jarak umur 1 1/2 hingga 13 tahun dan ini merupakan tempoh yang umum dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Dalam erti kata lain, pemerolehan bahasa kanak-kanak tidak akan berlaku sebelum atau selepas period kritikal ini.

PEMEROLEHAN BAHASA KEDUA

Grosjean (1982: 170) ada menjelaskan bahawa umumnya kanak-kanak menjadi bilingual secara 'natural'. Hal ini bermakna kanak-kanak tidak menghadapi banyak masalah untuk menguasai bahasa kedua. Misalnya kajian oleh Ronjat (Grosjean, 1982: 173) terhadap anaknya Louis, dalam menguasai dua bahasa yang jauh berbeza, iaitu bahasa Perancis dan Jerman. Ronjat hanya bercakap dalam bahasa Perancis kepada anaknya, manakala isterinya telah diarahkan bertutur hanya dalam bahasa Jerman kepada Louis. Pada tahap awal Louis telah menggunakan bentuk bahasa bercampur (mixed language). Namun, lama kelamaan Louis telah berjaya menguasai kedua-dua bahasa tersebut dengan baiknya. Hal ini sekali lagi memperlihatkan betapa seorang kanak-kanak sebenarnya telah dilengkapi satu set rumus yang universal sifatnya lantas memudahkan mereka menguasai beberapa bahasa. Dalam hal ini adalah penting bagi penjaga dan masyarakat sekitar mendedahkan kanak-kanak terhadap sesuatu bahasa yang ingin dikuasai, khususnya bahasa kedua pada peringkat awal umur kanak-kanak.

Dalam membicarakan pemerolehan bahasa kedua di kalangan kanak-kanak dalam situasi yang natural, Fillmore (1976) telah mencadangkan tiga cara (Grosjean, 1982: 195-196), iaitu:

- (i) pertingkatkan hubungan sosial dengan penutur natif.
- (ii) memberi tumpuan sepenuhnya semasa berbual dengan penutur natif.
- (iii) pastikan bentuk bahasa kedua yang dipelajari adalah betul.

Perkara di atas menjelaskan bahawa beberapa cara harus diterapkan dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa kedua, iaitu dengan memberi tumpuan kepada aspek sosial. Maksudnya semakin banyak seorang kanak-kanak itu didedahkan dengan bahasa kedua, maka semakin mantaplah penguasaannya. Pengetahuan berbahasa secara semula jadi yang terdapat dalam otak kanak-kanak akan dapat membantu mereka menyesuaikan bahasa yang didengar dengan rumus-rumus bahasa yang sedia ada. Dalam erti kata yang sederhana, nahu sejagat sebenarnya mempunyai rumus-rumus yang universal sifatnya yang dapat diterapkan kepada semua bahasa di dunia ini.

Selain itu menurut Grosjean (1982: 181) proses perkembangan bahasa kanak-kanak adalah sama, tidak kira sama ada seorang kanak-kanak itu menguasai satu bahasa sahaja atau lebih;

"...whether a child acquires only one language and becomes monolingual or acquires two languages and becomes bilingual, the rate and pattern of language development are the same".

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa ibu bapa tidak perlu risau jika anak-anak mereka terpaksa mempelajari bahasa lain di sekolah, misalnya bahasa Inggeris yang dikhuatiri akan menjejaskan pertumbuhan bahasa ibunda. Nahu sejagat yang terdapat dalam pemikiran manusia akan dapat membantu kanak-kanak mengadaptasi bahasa-bahasa lain yang mempunyai susunan kata (word order) yang sama, misalnya SKO. Namun begitu ada juga pendapat yang mengatakan bahawa semakin banyak seseorang itu mempelajari dan menggunakan bahasa kedua, maka semakin menurun prestasi atau kemahirannya dalam bahasa pertama (Baker, 1993: 107). Hal ini sebenarnya amat bergantung kepada persekitaran dan pergaulan kanak-kanak tersebut. Maksudnya jika seorang kanak-kanak itu terlalu banyak didedahkan dengan bahasa kedua sama ada di sekolah dan juga di rumah, maka kebolehan dalam bahasa pertama sudah tentu akan merosot. Tetapi dalam konteks hari ini seorang yang boleh menguasai beberapa bahasa dengan baik, misalnya bahasa

Melayu dan Inggeris akan dianggap lebih berjaya oleh kerana mampu menimba ilmu pengetahuan dengan cepat dan mudah. Lebih-lebih lagi dengan status bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa yang boleh menjadi batu loncatan untuk mendapat pekerjaan yang baik. Ibu bapa di Malaysia khususnya harus mendedahkan dan menggalakkan anak-anak mereka menguasai bahasa kedua, misalnya bahasa Inggeris pada tahap awal umur kanak-kanak, oleh kerana sebagaimana yang telah ditegaskan oleh ramai pengkaji bahasa kanak-kanak bahawa perkembangan dan pertumbuhan bahasa kanak-kanak adalah sama tidak kira sama ada seorang kanak-kanak itu dungu atau bijak.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa nahu sejagat memainkan peranan yang penting dalam membantu kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa. Walaupun struktur bahasa manusia agak kompleks sifatnya, namun seorang kanak-kanak masih boleh menguasai bahasa yang didengarnya dalam masa yang singkat, iaitu dalam masa lebih kurang tiga ke empat tahun sahaja. Fenomena ini menjelaskan bahawa otak manusia sebenarnya amat istimewa dan berbeza dengan makhluk-makhluk lain di dunia ini, misalnya haiwan. Makhluk lain ringkasnya tidak mempunyai LAD (language acquisition device) yang merupakan satu peralatan intelek nurani yang khusus untuk menguasai bahasa (Mangantar, 1987: 161). Kajian yang dilakukan oleh ahli psikolinguistik terhadap haiwan, misalnya chimpanzi telah memperlihatkan walaupun dengan bantuan latih tubi chimpanzi boleh berbahasa, tetapi sebenarnya kemampuan haiwan ini adalah sangat terhad dan lebih bersifat peniruan (*imitation*). Chimpanzi hanya mampu mengujarkan beberapa bentuk perkataan yang mudah dan amat sedikit bilangannya. Berbanding seorang kanak-kanak misalnya yang mampu mempelajari bahasa yang didengarnya dan juga boleh mengenerat ayat sehingga tiada batas jumlahnya (*infinite*).

NOTA

- ¹ Nahu sejagat dikenali sebagai *Universal Grammar* (UG) oleh ahli-ahli linguistik mentalis.
- ² Teori ini dikenali sebagai teori Prinsip dan Parameter (TPP). Pada hakikatnya, teori ini terdiri daripada berbagai-bagai prinsip yang sejagat, seperti Prinsip Theta, Teori X-Berpalang, Prinsip Kasus, Prinsip Ubah-Alpha dan lain-lain. Untuk bacaan selanjutnya, sila rujuk juga Atkinson (1992), Cook (1988) dan Haegeman (1994).
- ³ Operasi di sini bermaksud proses Ubah Alfa, seperti pendepanan, pengguguran, pembalikan, penyisipan dan sebagainya.
- ⁴ "-kah" adalah bentuk partikel yang disisipkan selepas unsur-unsur yang dikedepankan untuk ayat-ayat interogatif.
- ⁵ Contoh-contoh dari bahasa Inggeris boleh dirujuk daripada Cook(1988).
- ⁶ Selain daripada "kebergantungan struktur", terdapat banyak lagi konsep kesejagatan formal, antaranya ialah teori X-Berpalang. Sila rujuk Nasrun (1995) untuk perbincangan yang mendalam.
- ⁷ Bukti positif adalah bukti yang bersifat formal yang diperolehi oleh kanak-kanak. Manakala bukti negatif adalah bukti yang bersifat tidak formal dalam pengajaran dan penguasaan bahasa.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1988. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1992. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson, M. 1992. *Children's Syntax: An Introduction to Principles and Parameters Theory*. Oxford: Basil Blackwell.
- Baker, C. 1993. *Foundations of Bilingualism Education Bilingualism*. England: Multilingual Matters Ltd.
- Carrol, D.W. 1994. *Psychology of Language (2nd ed.)*. California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic Structures*. Mouton: The Hague.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Massachusetts: MIT Press.
- Chomsky, N. 1968. *Language and Mind*. U.S.A.: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Chomsky, N. 1977. *Essays on Form and Interpretation*. New York: Elsevier North-Holland Inc.
- Chomsky, N. 1986. *Knowledge of Language: It's Nature, Origin and Use*. New York: Praeger Publishers.
- Cook, V.J. 1988. *Chomsky's Universal Grammar: An Introduction*. Oxford: Basil Blackwell.
- Grosjean, F. 1982. *Life With Two Languages: An Introduction to Bilingualism*. U.S.A.: Harvard University Press.
- Haegeman, L. 1991. *Introduction to Government and Binding Theory*. Oxford: Basil Blackwell.
- Malmkjaer, K. (ed.) 1991. *The Linguistics Encyclopedia*. London & New York: Routledge.
- Mangantar Simanjuntak. 1982. *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasrun Alias .1995. Teori X-Berpalang: Keterpisahan dan Kesenambungan Dua Zaman' dalam Abdul Rahman Napiah & Ajid Che Kob (ed.) *Seminar 25 Tahun FSKK: Sastera dan Bahasa*. Bangi: FSKK.
- Newmeyer, F. 1980. *Linguistic Theory in America: The First Quarter Century of Transformational Generative Grammar*. New York: Academic Press.

1900
1901
1902
1903
1904
1905
1906
1907
1908
1909
1910
1911
1912
1913
1914
1915
1916
1917
1918
1919
1920
1921
1922
1923
1924
1925
1926
1927
1928
1929
1930
1931
1932
1933
1934
1935
1936
1937
1938
1939
1940
1941
1942
1943
1944
1945
1946
1947
1948
1949
1950
1951
1952
1953
1954
1955
1956
1957
1958
1959
1960
1961
1962
1963
1964
1965
1966
1967
1968
1969
1970
1971
1972
1973
1974
1975
1976
1977
1978
1979
1980
1981
1982
1983
1984
1985
1986
1987
1988
1989
1990
1991
1992
1993
1994
1995
1996
1997
1998
1999
2000
2001
2002
2003
2004
2005
2006
2007
2008
2009
2010
2011
2012
2013
2014
2015
2016
2017
2018
2019
2020
2021
2022
2023
2024
2025

Unsur-Unsur Insaniah Dalam Sastera

Shafie Abu Bakar


Jabatan Persuratan Melayu, UKM

PENDAHULUAN

Sesebuah karya sastera merupakan sebuah hasil seni yang menggunakan bahasa sebagai medium penyampaian. Sesebuah karya tidak terhasil dalam kekosongan, ianya melalui proses interaksi alamiah dan insaniah. Hubungan antara kedua unsur ini merupakan kesan keinsanan awal ke arah penghasilan karya, manakala sesudah karya (teks) dihasilkan kekesanan berlaku terhadap khalayak yang menghayatinya. Unsur-unsur yang ada pada alam semata-mata yang pada hakikatnya manifestasi seni, tidak akan menjadi sebuah karya sastera tanpa adunan unsur-unsur keinsanan. Bahkan unsur-unsur keinsanan inilah yang lebih utama mengadun dan mewarnai sesebuah karya sastera. Pengadunan terdiri dari unsur-unsur alamiah dan keinsanan iaitu melalui beberapa fakulti diri dari yang bersifat inderawi, hati nurani, akli dan rohani. Pada dasarnya semakin banyak teradun unsur-unsur di atas, semakin tinggi mutu sesebuah karya sastera, namun dari segi realitinya tidak semua unsur-unsur di atas wujud secara serentak di dalam sesebuah karya. Proses peningkatan nilai karya sastera ke tahap-tahap sedemikian termasuk di bawah *Teori Takmilah* (Shafie, 1996: 25-33). Tahap-tahap bagi unsur-unsur di atas dapat dirajahkan sebagaimana dalam Rajah 1.

Alam adalah medan dan ruang kehidupan. Dilihat dengan mata seni alam juga adalah sebuah karya agung yang memberi ilham kepada sasterawannya. Namun alam semata-mata ia tetap sepi tanpa keramahan jiwa sang sasterawan. Kepada insan yang buta mata seni di tengah kenyataan, alam menyembunyikan seni dirinya, lantas tumpullah jiwanya dari menyedari hakikat dan menghayati hikmah. Baginya cakerawala alam dengan matahari, planet dan bintang-bintang, pertukaran malam dan siang sekadar tabii alam. Demikian samudera dan laut bergelombang, angin yang bertiup ke puncak-puncak gunung membawa hujan yang mengalir ke perlembahan, ke muara dan lautan, menyubur hutan, tumbuhan dan hidupan juga dilihat sebagai semula jadi tanpa sentuhan seni. Interaksi insan dengan alam dan sesama insan, pergulatan hidup susah senang, bala bencana dan kurnia, peperangan dan kedamaian semuanya tidak menyentuh rasa keinsanan - tanpa belas dan kasih sayang, tanpa

cinta dan mesra, jauh dari melihat sebagai hikmat tersirat. Baginya tidak melihat iktibar dan teladan yang membawa kepada insaf dan reda yang membahagiakan. Alamiah dan kehidupan yang kosong dari rasa seni mengkemarkaraukan diri dari merasai nikmat keindahan, lantas kering jiwa dari kasih sayang dan cinta. Kehidupan mungkin dibelenggu oleh kekerasan dan kekejaman yang mengorientasikan diri dengan sifat-sifat kasar, rakus dan tidak berperikemanusiaan.




RAJAH 1: Unsur luaran dan keinsanan bagi karya

ASPEK INDERAWI

Alam yang bersifat tabii dan lahir melalui kepekaan sasterawan dapat digali maknawi melalui beberapa fakulti diri insani. Tahap paling rendah ialah melalui inderawi yang lebih melihat kepada yang bersifat lahir. Pada tahap ini alam bukan lagi dilihat secara terkecuali dan terasing (maksud sudah mulai diadun dengan nilai perasaan yang ada pada diri insan. Ini hasil dari interaksi inderawi.

Adalah diakui gambaran yang bersifat inderawi dan lahiriah paling lumrah kedapatan di dalam karya-karya sastera sama ada di dalam puisi, cerpen, novel, hikayat dan sebagainya. Melalui inderawi sasterawan yang berbakat dan tajam mata seninya melihat alam berbaaur dengan ciri-ciri estetika. Pada alam dilihatnya unsur-unsur keharmonian, kepelbagaian, kesamaan, bertentangan, berpasangan, berkumpulan, berasingan, berulang, bersejajaran, berselangan, berlainan, kebalikan, bercanggahan dan sebagainya yang semuanya dilihat dari segi seni berciri estetik. Sifat-sifat alamiah yang berbagai ini dipindah oleh sasterawan ke dalam susun kata dan lapis makna yang indah (Aristotle, 1987: 51). Peringkat unsur alam mulai teradun dengan cita rasa estetika inderawi ini dapat dirajahkan sebagaimana dalam Rajah 2.



RAJAH 2: Unsur alamiah teradun dengan inderawi

Apa yang ditanggapi dan dihayati oleh sasterawan terhadap fenomena alam, katakan yang bersifat harmoni, bertentangan dan berpasangan dapat dihayati dari sebuah pantun Melayu. Contoh:

*Limau purut di luar pagar,
Rimbun putik dengan bunganya;
Hujan ribut padang terbakar,
Embun setitik padam apinya.*

(Sekalung Budi Seuntai Bahasa, 1990: 28)

Keempat-empat baris dalam rangkap pantun di atas semuanya bersifat alamiah (pembayang dan maksud) yang ditanggapi melalui inderawi. Di sini melibatkan indera mata dan rasa (sentuhan). Namun dalam bahagian maksud di sebalik maksud lahir terdapat lapisan makna yang melibatkan rasa inderawi yang lebih halus dan mendalam dari segi estetikanya. Misalnya "Hujan ribut padang terbakar" boleh dimaksudkan kepada 'kemarahan' yang juga melibatkan rasa dan "Embun setitik padam apinya" boleh dimaksudkan kepada 'insaf dari satu nasihat'. Ciri-ciri harmoni yang ditanggapi dari unsur-unsur alamiah yang diterapkan kepada rangkap pantun di atas antaranya keseimbangan jumlah perkataan (empat) bagi setiap baris. Bagi unsur pertentangan pula dapat dilihat pada hujungan setiap baris secara a b, a b. Unsur berpasangan pula boleh dilihat pada dua baris bagi setiap bait merupakan satu pasang sebagai pembayang, berpasangan dengan dua baris berikutnya (maksud) menjadi berpasangan bagi sebuah rangkap pantun yang sempurna dan dianggap indah.

Bagi unsur kepelbagaian banyak diguna di dalam karya-karya prosa. Misalnya dalam menyusun bahasa yang tidak terikat oleh aturan puisi. Kepelbagaian pula dapat dilihat dari teknik penyusunan cerita dan sebagainya. Bagi unsur kesamaan pula contoh yang jelas dapat dilihat dari bait-bait syair yang mementingkan kesamaan rima akhir bersifat AAAA. Bagi unsur berkumpulan dapat dilihat dari contoh puisi berikut:

Di Kedai Antik

*Sukar hendak diterjemah kebahagiaannya
sewaktu berada di tengah buyung purba dan
tempayang pusaka, talam tembaga dan kendi tua.
Sukar hendak dimaknakan sinar yang menyingsing
di matanya.*

*Yang jelas ia membelanjakan kepuasannya
untuk sebuah pinggan tembikar kurun ke -18
berbibir sompek itu. Ia pun keluar ke tengah
masyarakat menjinjing statusnya.*

(T. Alias Taib, 1990: 42)

Di dalam puisi di atas penyair menghimpunkan jenis-jenis barang antik (beritalik) ke dalam satu kumpulan yang dapat ditanggapi secara lahiri. Adapun yang bersifat berasingan pula dapat dilihat dari puisi berikut:

Hujan di Kuala Lumpur

*Di Kuala Lumpur air amat diperlukan
tetapi hujan tidak dikehendaki.*

*Hujan pagi
memerangkap kami di jalanan
pekerja-pekerja yang basah
akan melembabkan penghasilan.*

*Hujan tengah hari
tidak akan kelihatan
di sebalik dinding tebal tanggungjawab
kami tidak ada waktu*

*Hujan petang
menjauhkan kami dari rumah
kemesraan yang amat mahal
sudah semakin tergadai.*

*Hujan lebat
membawa banjir kilat
Sungai Klang yang menerima sisa kota
dalam sabar dan diam
kali ini membuak
membalas dendam.*

*Selamanya di Kuala Lumpur
air amat diperlukan
tetapi hujan tidak dikehendaki*

(Zurinah Hassan, 1994: 18)

Di dalam puisi di atas penyair mengasingkan secara satu persatu kesan hujan pada waktu-waktu tertentu. Penggunaan unsur perulangan dan bersejajaran secara lahiri dan inderawi pula dapat dicontohi dari puisi talibun berikut:

Perhimpunan dan Peranan

*Yang capik datang bertongkat,
Yang buta meraba-raba,
Yang tuli leka bertanya,
Yang kecil terambin lentang,
Yang jarak tolak-tolakan,
Yang pendek tinjau meninjau,
Yang kurap mengekor angin
Yang pekak pembakar meriam,
Yang buta penghembus lesung,
Yang lumpuh penghalau ayam,
Yang pekung penjemuran,
Yang kurap pemikul buluh.*

(Pawang Ana - Raja Haji Yahya, 1991: 3)

Konsep perulangan jelas dari penggunaan yang yang setiap watak manusianya dijajar dan disebut sifat dan peranan masing-masing. Manakala berselangan pula dapat di lihat dari contoh penggunaan pantun berkait. Unsur-unsur kelainan misalnya sering digunakan oleh Zurinah Hassan di dalam puisi-puisinya. Sebagai contoh dapat dilihat dari puisi berikut:

*Satu Percakapan Singkat
(dengan teman seniman)*

*Temanku
tentang cinta kita pada hidup
mungkin tidak banyak perbezaan
tentang cinta kita pada puisi
itu pun tak ada perbezaan
tetapi engkau lelaki
dan aku perempuan
di similah letaknya perbezaan.*

*Seorang lelaki membebaskan diri
untuk membataskan pilihan
seorang perempuan membataskan pilihan
untuk membebaskan diri.*

(Zurinah Hassan, 1 985: 11)

Unsur kelainan misalnya boleh dilihat dari perbandingan antara lelaki dan perempuan yang ditekankan oleh penyair tentang perbezaannya yang nyata. Manakala unsur kebalikan dan kontradiksi secara lahiriah pula dapat difahami dari puisi berikut:

Pulau Pinang

*Kau kota pelabuhan
dengan kapal-kapal yang datang dan pergi mempertemu dan
memisahkan
menjadikan lelaki kekasih yang berani
dan perempuan-perempuan dalam kebimbangan.*

(Zurinah Hasan, 1985: 29)

Unsur kebalikan dan kontradiksi dapat difahami dari penggunaan kata "datang dan pergi", "mempertemu dan memisahkan" dan "berani dan kebimbangan". Unsur alamiah yang ditanggap dengan inderawi tidak saja bersifat lahir, tetapi juga bersifat imaginasi. Unsur imaginasi ini mungkin berasaskan kepada kebenaran umum dan mungkin tidak berasaskan realiti. Unsur-unsur ini memang banyak digunakan di dalam sastra sama ada prosa maupun puisi. Sebagai contohnya di dalam novel berunsur Islam Hasan Ali yang berjudul *Fajar Di Hujung Malam* beliau menggambarkan situasi perkampungan di mana Muhammad disusui oleh Halimah al-Sa'diah:

*"Gurun ini sangat indah. Bukit bukau batu pejal tertegun
di sana sini. Pohon-pohon kurma dengan daun-daun hijau
tua kadang-kadang melepak-gelepak diredah angin.
Suasana di desa permai di pinggir gurun gersang ini
amat mempengaruhi kehidupan Muhammad. Sejak
kehadiran Muhammad, kehidupan keluarga Halimah
cepat berubah.*

Kambing ternakannya yang seekor dua itu membiak dengan cepat, tubuh kambing yang kurus itu juga menjadi bertambah subur, susunya juga bertambah banyak. Rezekinya bertambah-tambah dari semasa ke semasa."

(Hasan Ali, 1992: 19)

Cerita di atas adalah berasaskan sejarah yang mana Rasulullah s.a.w. pada zaman kecilnya disusui oleh Halimah al-Sa'diah (Hamka, 1965:67) dari perkampungan di luar Makkah, tetapi gambaran tentang situasi alam adalah berasaskan realiti umum yang kehidupan demikian wujud di padang pasir. Adapun yang tidak berasaskan realiti, tetapi bersifat imaginasi banyak digunakan di dalam cerita-cerita penglipurlara dan juga yang bersifat absurd. Sebagai contohnya antara gambaran imaginasi yang terdapat di dalam Hikayat Anggun *Cik Tunggal* adalah sebagaimana berikut:

"Hatta maka tiada berapa antara lamanya Tuan Puteri Gondan Genta Permai pun genaplah umurnya dua belas tahun. Maka datanglah seorang raja dari kayangan bernama Si Tompok alam, iaitu di negeri Payung Sekaki meminang Tuan Puteri itu lalu dikahwinkan oleh Datuk Orang Kaya Besar seperti adat raja-raja berkahwin. Setelah selesai baginda kahwin itu dengan bersuka-sukaan dan berkasih-kasihian baginda dua laki isteri; adalah kira-kira setahun lamanya baginda bersama-sama itu. Maka Tuan Puteri Gondan Genta Permai pun hamillah tujuh bulan dan baginda raja Si Tompok Alam bermohonlah kepada isteri baginda hendak berangkat kembali ke kayangan oleh lamalah sudah baginda meninggalkan adinda isteri baginda di negeri Payung Sekaki terlalu rindu rasanya baginda akan adinda baginda itu."

(Pawang Ana - Raja Haji Yahya, 1985: 12)

Negeri yang diperkatakan di dalam petikan di atas adalah bersifat antah berantah, kayangan yang disebutkan adalah diluar dari realiti. Demikian juga dengan watak-watak di dalamnya juga tidak dapat dipastikan. Satu aspek lagi ialah inderawi imaginatif tidak real contohnya aspek inderawi yang bersifat *absurd*. Sebagai contoh ialah gambaran absurd yang diungkapkan oleh Iwan Simatupang di dalam novelnya yang berjudul *Merahnya Merah*.

"Karena terkejutnya, sekuat teriak itu pula sosok tubuh itu membalas berteriak. Berteriak takut! Pergumulan terjadi, antara satu flashback melawan suatu X entah apa, entah siapa. Tak lama pergumulan itu berlangsung. Akhirnya X dapat meloloskan dirinya. Dengan teriak-teriak yang jauh dari girang, dia lari sekencang-kencangnya. Flashback mengejarnya, tak kalah kencangnya dapat ! Segera mereka rebah, bergumul lagi. Dengan segala tenaganya, X menerjang flashback. Flashback terpelanting. Dengan langkah-langkah gajah yang mencuba lari dari hutan sedang terbakar, dia menuju semak-semak di tengah lapangan .

(Simatupang, 1968: 116)

Petikan di atas jelas memperlihatkan unsur inderawi imaginatif unrealistik bahkan absurdik. Dari perbincangan di atas ketara bahawa gambaran alamiah mulai terangkat kepada yang bersifat pengalaman inderawi, menjadikan ungkapan - tentunya melalui penggunaan bahasa yang baik dan indah kepada ungkapan yang bercirikan sastra yang menggugahkan jiwa melalui pendengaran dan juga pembacaan. Ini merupakan sebahagian dari ciri-ciri *takmilah* di dalam sastra. Namun tanggapan inderawi yang alamiah sifatnya adalah merupakan tahap bawah di dalam pergerakan ke tahap kualiti sastra tinggi. Dilihat dari segi kesan keinsanan meskipun persepsi inderawi masih dilihat pada tahap bawah di dalam kandungan sesebuah karya sastra, sebenarnya aspek inilah paling banyak terkandung di dalam sesebuah karya sastra. Ianya juga merupakan pengalaman alamiah yang paling banyak turut disyarikati oleh khalayak. Meskipun begitu khalayak kurang atau tidak berkemampuan menghayatinya dari aspek seni. Sasterawan di dalam hal ini adalah pembimbing ke arah mengenali ciri-ciri alamiah yang terdapat di dalam sesebuah karya. Sesebuah pantun misalnya sering mengambil unsur-unsur alamiah sebagai pembayang. Nama-nama pokok atau hidupan yang biasa bagi penggubahnya yang berasal dari kampung, mungkin tidak dikenali oleh orang-orang di bandar. Ini secara tidak langsung memberi semacam kesan pengenalan kepada khalayak yang di luar dari kampung mengenai jenis tumbuhan dan haiwan. Contoh pantun:

Tanam lenggundi tumbuh kelapa.
Terbit bunga pucuk mati;
Budi tuan saya tak lupa
Sudah terpaku di dalam hati.

atau

Burung belibis di atas lantai,
 Buah rambi dalam padi;
 Tuan Raffles orang yang pandai,
 Tahu sungguh mengambil hati.

(Zainal Abidin Bakar, 1983: 74 & 87-88)


Dari pantun di atas khalayak diberi maklumat jenis-jenis tumbuhan seperti jenis tumbuhan lenggundi dan rambi, juga mengenai haiwan seperti belibis. Lebih dari itu mengenai sejarah tanah air yang berhubung dengan Stanford Raffles. Di dalam hal ini tepatlah apa yang dikatakan oleh Ibn Abbas bahawa puisi adalah merupakan arkib maklumat bagi sesuatu bangsa (Arab - pendapat asalnya) (Ibn Rashiq, 1988: 90). Di dalam hal ini maklumat alamiah dan inderawiah dan maklumat-maklumat yang lain tidak terhad kepada puisi sahaja.

Membaca sebuah novel atau juga cerpen kita akan bertembung dengan berbagai-bagai maklumat alamiah dan inderawiah, yang mungkin kita telah maklumi atau di luar dari maklumat kita dan merupakan sesuatu yang baru. Apa yang lebih dari perkara yang diperkatakan di atas. Sasterawan membawa khalayak melihat sesuatu yang lebih jauh dari aspek lahiriah dan inderawiah sahaja. Iaitu dari aspek seni atau estetik yang kurang dapat ditanggapi oleh mata biasa. Tetapi melalui mata seni sang sasterawan dapat menanggapi dan memperlihatkan bahawa alam bukan saja menjadi sumber penghidupan semata-mata, tetapi dari alam dapat dihayati keindahannya dan darinya dapat dijadikan bayangan, tamsil ibarat, perbandingan, kiasan, perumpamaan yang dapat dijadikan panduan di dalam kehidupan. Pendeknya alam keliling menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan yang darinya ditanggapi nilai seni. Misalnya dari fenomena alam seperti tentang huma, sawah ladang, gunung ganang, bukit bukau, hutang cerang, sungai alur, kampung laman, laut gelombang dan sebagainya menjadi bahan ilham yang dicurahkan ke dalam karya, baik prosa maupun puisi. Semua ini memupuk rasa kasih dan sayang pada alam keliling yang sememangnya rapat dengan penghidupan. Di sebalik dari apa yang diperkatakan di atas sumber inderawi dalam sentuhan dengan alam selain dari dapat menghasilkan ciri-ciri positif dari sudut sastera, persentuhan inderawi juga boleh menghasilkan ciri-ciri negatif seperti gambaran yang bersitat nafsu syahwat seperti gambaran tubuh badan wanita yang luar batas atau adegan-adegan yang bersifat nafsu. Di dalam pendekatan takmilah hendaklah ditangani aspek-aspek ini

secara hikmah dan bijaksana dan bukan bersifat eksploitasi nafsu melulu.

ASPEK HATI NURANI

Unsur ketiga penting di dalam peningkatan sastra menurut pendekatan takmilah ialah unsur hati nurani. Unsur inilah dianggap dominan di dalam sastra. Sesebuah karya sastra tidak sempurna hanya dengan gambaran-gambaran alamiah yang diadun dengan ciri-ciri estetika lahiriah sahaja. Ianya perlu meningkat kepada menyentuh kalbu insaniah atau kemanusiaan. Ciri kalbu insaniah ini terpancar mungkin dari unsur budi, kasih sayang, rindu dendam, duka memendam, suka gembira, belas kasihan, cinta, untung nasib dan sebagainya. Jadi adunan unsur-unsur ini, ditambah dengan unsur-unsur alamiah dan inderawiah di dalam sesebuah karya menjadikannya lebih menarik dan mendalam menyentuh inderawi dan kalbu. Ini dapat digambarkan sebagaimana dalam Rajah 3.



RAJAH 3: Unsur alamiah teradun dengan inderawi dan kalbu

Rajah 3 memperlihatkan bahawa puncak bagi tiga segi di atas makin terkeatas dari aspek inderawiah ke peringkat kalbiah. Pengadunan unsur-unsur sedemikian misalnya banyak kedapatan di dalam pantun-pantun Melayu. Sebagai contohnya adunan unsur alamiah-inderawiah-kalbiah yang berciri budi:

*Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.*

(Mohd. Yusof Md. Nor & Abd. Rahman Kaeh, 1991: 12)

atau pantun berunsur kasih sayang dan rindu dendam:

*Tuailah padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan;
Intailah kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.*

(Sekalung Budi Seuntai Bahasa, 1990: 16)

dan contoh pantun nasib:

*Kalau hendak tahu di rumpun padi,
Lihatlah rumput di permatang;
Kalau hendak tahu di untung kami,
Lihatlah laut petang-petang.*

(Harun Mat Piah, 1989: 142)

Jika dilihat kepada ketiga-tiga buah pantun di atas jelas penggunaan unsur-unsur alamiah dari jenis-jenis bunga, besi dan rumput yang dapat dikesani inderawi secara lahiri. Ini dipindahkan lagi dengan ciri-ciri pantun yang antaranya berskimarimakan ABAB di samping ciri-ciri yang lain yang juga dapat dilihat secara inderawi lahiri. Keindahan ini ditingkatkan lagi dengan ciri kalbiah yang bersifat budi, kasih sayang dan rindu dendam yang menjadikan pantun-pantun berkenaan indah dan menyentuh perasaan. Sebenarnya ciri sedemikian tidak terhad kepada pantun semata-mata. Unsur ini wujud di dalam semua *genre* dan jenis sastera. Misalnya kedapatan juga di dalam puisi Modern. Contoh:

Mangkuk Sejarah: Mangkuk Berdarah

Telah kita bawa
mangkuk sejarah itu
ke tengah muzium

Kita cuci ia berkali-kali
kita kurung ia di dalam kaca
kita isytiharkan ia mati

Tetapi mangkuk sejarah itu
berdarah lagi
dari urat retaknya kini
mengalir meluap warna merah
memanggil

Dan pak penjaga yang tua itu?
_____ dia tertidur
dengan Buku Harapan
di tapak tangan.

(Latiff Mohidin, 1992: 6)

Dari puisi di atas dapat ditanggapi berlapis makna yang berlapis (imbiguiti). Lapisan lahir yang bersifat inderawi tentang "mangkuk sejarah" dan makna maknawi yang dimaksudkan di dalam puisi ini yang mencerminkan rasa kemanusiaan penyair yang merupakan pancaran hati nurani penyair yang bencikan perang dan persengketaan antara manusia yang tak pernah padam sejak zaman berzaman. Kesannya bukan saja khalayak dapat menikmati keindahan puisi, tetapi turut sama merasa kecewa dan benci terhadap perang yang saban hari tersiar beritanya di media massa.

Sebagaimana di dalam puisi maka demikianlah di dalam cereka. Contohnya di dalam cerpen selain dari keperluan dari segi teknik, ianya juga tidak lari dari penggunaan unsur alamiah, inderawiah dan kalbiah. Membaca cerpen 'Nasinya Tumpah' oleh Fatimah Busu misalnya. Unsur alamiahnya berlatarkan keluarga petani di kampung yang menggantung hidup pada hasil pertanian. Kedamaian keluarga tersebut tergugat oleh keracunan anak-anak yang memakan kulit kaki tiung yang tumbuh di kebun getah. Tiga daripada anak-anak Samad dan Halimah meninggal. Dengan gaya penceritaan yang menarik dan gambaran yang detail Fatimah Busu berjaya menarik minat pembaca dan turut merasai kejutan peristiwa dengan penuh

rasa simpati dan kemanusiaan yang tinggi (Fatimah Busu, 1974: 112-124). Sifat yang sama di dalam penulisan sesebuah novel yang tidak lepas dari menimba ilham dari masyarakat (alamiah) dari yang bersifat inderawiah membawalah kepada pengalaman kalbiah yang bersifat kemanusiaan. Menurut Shahnon:

"Novel boleh menarik minat kita untuk menilai masyarakat; baik secara langsung atau tidak langsung. Mungkin penilaian itu dilakukan menerusi kritikan-kritikan sosial, tindak tanduk dan adegan-adegan kejenakaan, ironi simbolik, satira dan sebagainya. Menerusi aspek-aspek kehibaan, kerinduan atau kerawatan hati ataupun kegundah-gulanaan. Novel juga berupaya menggerakkan kita kepada aras-aras rasa simpati yang kadang-kadang amat dalam dan halus."


(Shahnon Ahmad, 1979: 4)

Apa yang diperkatakan oleh Shahnon Ahmad mengenai novel di atas boleh dihayati dari novel-novel beliau sendiri seperti *Ranjau Sepanjang Jalan* yang ketara bersifat alamiah dan insaniah, manakala novelnya yang berjudul *Seluang Menodak Baung* dan *Tunggul-Tunggul Gerigis* lebih bersifat kritikan sosial di samping kemanusiaan.

Sebagaimana di dalam unsur inderawiah mempunyai aspek negatif, maka demikianlah dengan hati juga mempunyai dimensi baik dan buruknya yang diistilahkan oleh al-Ghazali sebagai aspek munjiyat dan muhlikat (al-Ghazali: 1400/1980:1384-1376). Nilai keinsanan seperti kasih sayang, kesabaran, pembelaan terhadap keadilan, cinta dan sebagainya adalah dari unsur hati yang sihat yang dapat ditimbulkan oleh sastera yang boleh membimbing khalayak ke arah nilai-nilai positif yang berkenaan. Sebaliknya dari hati juga timbul unsur-unsur negatif dari hati yang sakit seperti hasad, dengki, mengumpat, mencaci, dendam kesumat, takbur, ujub dan sebagainya. Unsur-unsur sedemikian adalah menjadi sebahagian dari tabiat manusia. Unsur-unsur yang kontra dengan nilai-nilai murni ini menjadi aspek dari ramuan sastera, tetapi kedudukannya sebagai penghalang kepada nilai yang bersifat takmilah. Liku-liku ini juga perlu ditangani secara hikmah sebagai jalan menyerlahkan nilai-nilai positif. Sasterawan seharusnya jangan sampai dikalahkan oleh nilai-nilai negatif berkenaan, apa lagi dari menjadikannya sebagai jati diri dalam berkarya.

ASPEK AKLIAH

Satu aspek lagi yang mengaduni sastera dan dianggap mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari aspek hati nurani ialah aspek akliah. Iaitu dimaksudkan karya-karya yang lebih banyak mengandungi unsur-unsur fikiran dan bersifat ilmu. Unsur-unsur fikiran dimaksudkan antaranya bersifat ilmu, aliran pemikiran tertentu, falsafah, logik, retorik dan sebagainya. Di dalam skema takmilah puncak bagi rajah tiga seginya makin memuncak ke atas hingga masuk ke bahagian akliah yang mencerminkan bahawa persoalan di dalam karya berkenaan membawa persoalan yang lebih mendalam. Ianya mungkin masih membawa unsur-unsur yang terdapat di dalam lapisan-lapisan sebelumnya. Kalau hendak digambarkan secara rajah, maka kedudukannya adalah seperti Rajah 4.



RAJAH 4: Unsur ilmiah teradun bersama unsur alamiah, inderawiah kalbu dan rohaniah

Karya-karya yang membawa unsur-unsur keilmiahan termasuk misalnya syair-syair tentang ilmu. Contohnya *Syair Ghafilah* oleh Tuk Shihabuddin bin Zainal Abidin yang membicarakan aspek iman, antaranya:

*Pohon agama asalnya empat
 Iman Islam tauhid ma'rifat
 Iqrar dan tauhid pohon ibadat
 Terhimpun kepada dua syahadat
 Erti iman percaya akan Allah
 Erti Islam menjunjung titah
 Erti tauhid mengesakan Allah
 Erti ma'rifat mengenal Allah.*

(Shafie Abu Bakar, 1995: 308)

Jelas syair di atas membawa pengajaran usuluddin. Syair digunakan sebagai medium bagi menyampaikan pengajaran berkenaan. Sememangnya di dalam tradisi Islam sasteranya bersifat fungsional. Puisi dan prosanya digunakan sebagai alat pengajaran. Namun begitu tidak dapat dinafikan kadang-kadang sastera yang memberat dengan mesej kurang dari segi estetik, tetapi tidak semuanya sedemikian. Banyak pula puisi-puisi yang bersifat falsafah dan pemikiran tinggi dari segi mutunya. Contoh *puisi Gurindam Dua Belas Raja Ali Haji* yang mendalam dari segi maknanya dan sekali gus membawa falsafah keakhlakan al-Imam al-Ghazali:

Ini Gurindam Fasal Yang Keempat

*Hati itu kerajaan di dalam tubuh - jikalau zalim segala anggota pun roboh.
 Apabila dengki sudah bertanah - datanglah daripadanya beberapa anak panah.
 Mengumpat dan memuji hendaklah fikir - di situlah banyak orang yang tergelincir.
 Pekerjaan marah jangan dibela - nanti hilang akal di kepala
 Jikalau sedikit pun berbuat bohong - boleh diumpamakan mulutnya itu pekung.
 Tanda orang yang amat celaka - aib dirinya tiada ia sangka.
 Bakhil jangan diberi singgah - itulah perompak yang amat gagah.
 Barang siapa yang sudah besar - janganlah kelakuannya membuat kasar.
 Barang siapa perkataan kotor - mulutnya itu umpama ketur.*

*Di mana tahu salah diri - Jika tidak orang lain berperi.
Pekerjaan takbur jangan dirapih - sebelum mati didapat juga sapih.*

(Abu Hassan Sham, 1993: 279)

Karya-karya sastera prosa yang bersifat ilmu yang diakui tinggi nilainya ialah karya ketatanegaraan Taj al-Salatin (Khalid Hussain, 1966: XIII). Karya ini mengandungi garis panduan pemerintahan bercirikan keislaman dan amat berpengaruh dan menjadi panduan pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Sungguhpun karya ini di dalam bentuk prosa, banyak pula memperkenalkan berbagai-bagai bentuk puisi. Hasil-hasil sastera Melayu moden juga membawa unsur-unsur akliah, termasuk di dalam bidang puisi. Contoh Muhammad Haji Salleh seorang penyair yang sering mengungkap puisinya secara taakul. Contoh petikan dari puisinya:

Pulang Si Tenggara

*Jarak jasmani yang kutempuh ini
adalah perjalanan jiwa,
pemindahan diri dari tanah asal
ke negeri yang dikumpul oleh mata dan akal.
Ilmu yang datang darinya
adalah ilmu pendatang
yang belajar melihat, berfikir
dan memilih di antara kenyataan
yang selalu berubah.*

(Muhammad Haji Salleh, 1975: 3)

Penggunaan unsur-unsur logik misalnya dapat dihayati dari puisi Zurinah Hassan yang berjudul:

*Bendahara, Tuah dan Jebat,
Aku Selalu Bertanya*

*Bendahara,
bila kau menyembunyikan Tuah
tidak membunuhnya seperti perintah raja
kau telah memulakan satu keberanian
untuk mengingkari kezaliman
dan memberi peluang kepada kebenaran.*

(Zurinah Hassan. 1994: 40)

Aspek akli yang bersifat retorik-kontradik-ironis dapat dihayati dari puisi juga dari Zurinah Hassan yang berjudul:

Setinggalan

Maaf,

*di sini kami terpaksa berpaut
pada kesementaraan yang sering digugat,
oleh pengumuman tentang satu operasi
bernama pembersihan
dan kami adalah sebahagian dari sampah,
yang akan dipungkah.*

Maaf,

*kami hanya menumpang,
menggantung hidup,
pada serpihan dari serpihan,
yang terpercik dari kilau emas
Lembah Kelang.*

*Walau kami sering dibenci,
kerana mencemari halaman kotaraya
tetapi bukan seluruhnya tidak berguna
kerana setiap lima tahun sekali
bila tiba pilihanraya
ada orang memerlukan kami
untuk menambah bilangan undi.*


(Zurinah Hassan, 1994: 10)

Unsur-unsur keakalan tentulah lebih ketara di dalam karangan prosa. Bahkan boleh dikatakan sesebuah novel haruslah dibina di dalam rangka fikiran tertentu, selain dari keperluan teknik dan struktur penceritaan. Di dalam sesebuah novel dan juga cerpen selalu membawa pertentangan idea - antara yang betul dan yang salah dan peleraian terhadapnya yang mungkin akhirnya menyerlahkan yang betul. Sebagaimana aspek hati nurani yang bersifat subjektif, demikian juga dengan aspek akliah. Bezanya aspek hati nurani lebih menekankan rasa kemanusiaan, manakala bagi aspek akliah lebih bersifat rasional. Namun kedua-duanya juga tergolong di bawah keindahan maknawi yang mentakmilahkan sastera.

UNSUR ROHANI

Aspek rohani merupakan aspek khusus di dalam fakulti diri insan, selain dari fakulti, akli, hati dan inderawi .

Ianya merupakan peringkat puncak dari segi karya sastra keislaman. Ini dapat dirajahkan sebagaimana Rajah 5.



RAJAH 5: Unsur rohaniah bersama alamiah, inderawiah, kalbu, akaliah dan rohaniah

Sastra dalam hubungannya dengan kerohanian sebenarnya bukanlah perkara yang asing, kerana ada aspek-aspek sastra mempunyai hubungan dengan kerohanian. Misalnya dari sudut tanggapan alamiah, pengalaman seni sastra dan seni sufi membawalah kepada penggunaan beberapa istilah yang agak bersamaan (Shafie, 1994: 118-126). Walau bagaimanapun tidak semua sasterawan mampu mengungkapkan aspek ini. Oleh kerana aspek rohani ini merupakan aspek yang khusus dari dimensi dalaman diri insan, maka pada kebiasaannya hanya mereka yang mendalami

ilmu-ilmu kerohanian yang mengungkapkan aspek tersebut di dalam karya-karya mereka. Biasanya karya-karya mereka mencerminkan jati diri mereka dari segi kerohanian. Daripada kalangan para rohaniawan (sufi) yang menggunakan sastera bagi menyampaikan perutusan kesufian ialah seperti al-Imam al-Ghazali dengan karangannya yang berjudul *Mukashafat al-Qulub* yang diterjemahkan dengan judul *Di Sebalik Ketajaman Mata Hati* - dua jilid (al-Ghazali, 1988: 216 & 215 hlm.). Karangan ini bersifat tematik dari segi judul-judul ceritanya yang mempunyai perutusan tasawuf. Cerita-cerita yang bersifat kerohanian juga dihasilkan oleh Fariduddin al-Attar berjudul *Tadhkirat al-Awliya'*. Cerita-cerita di dalam karya ini berdasarkan tokoh-tokoh (watak-watak sufi). Kedua-dua karya ini begitu terkenal dan berpengaruh di dalam penyampaian contoh-contoh kesufian melalui cerita. Selain dari menggunakan cerita, turut digunakan anekdot-anekdot bagi tujuan pengajaran kesufian. Ini begitu banyak terdapat contohnya di dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* karangan al-Ghazali, juga di dalam *Hikam Melayu* oleh Tuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah) dari Terengganu.

Di samping menggunakan karya-karya kerohanian yang bersifat prosa banyak daripada karya-karya kesufian menggunakan bentuk-bentuk puisi. Sebagai contohnya ialah puisi-puisi Hamzah Fansuri yang diakui indah dan mendalam. Contoh puisinya tentang a'yan thabitah:

*Aho segala kamu yang bernama taulan!
Tuntut ma'rifat pada mengenal a'yan
Kerana di sana sekalian 'arifan
Barang katanya setengah dengan firman.*

*A'yan thabitah bukanlah shu'un dhatiyyah?
Mengapa pulang dikata wu jud 'ilmiyyah!
Tatkala awal baharu muqabalah
Olehnya janggal sebab lagi mentah.*

.....


*Ta'ayyun awal wujud yang jami'i
Pertama di sana nyata Ruh ladi
Semesta alam sana lagi ijmal
Itulah bernama Haqiqat Muhammad al-Nabi*

*Ta'ayyun thani wujud yang tamyizi
Di sana terperi sekalian ruhi
Semesta alam satu tafsil yang mujmali
Itulah bernama haqiqat insani*


*Ta'ayyun thalith wujud yang mutassali
iaitulah anugeraha daripada karunia Illahi
Semesta alam sana tatsil fi'li
Itulah bernama a'yan khariji.*

(al-Attas, 1970: 490 & 492)

Di dalam tradisi perpuisian Islam, puisi-puisi sufi dianggap mencapai puncak kehalusan pengucapan dan ketinggian estetika. Hasil-hasil puisi mereka di kalangan umat dianggap berada pada puncak perpuisian Islam. Sebab itu apabila membicarakan puisi-puisi Islam, maka penyair-penyair sufi dibariskan pada saf bahagian hadapan. Mereka seperti Dhu al-Nun al-Misri (245/859), Fariduddin al-'Attar (627/1229), Ibn al-Farid (632/1234), Ibn Arabi (638/1240), Jalaluddin Rumi (672/1273), Muhammad Shamsuddin Hafiz (1389), Abdul Rahman Jami (898/1492) dan Muhammad Iqbal (1938). Keberadaan mereka di dalam perpuisian dan di dalam kalangan masyarakat umat dapat dirajahkan sebagaimana dalam Rajah 6 dan Rajah 7.



Rajah 6



Rajah 7

RAJAH 6 dan 7: Kedudukan puisi sufi dalam perpuisian Islam dan dalam masyarakat umat

Melihat kepada puisi-puisi Melayu moden terutama bagi mereka yang cenderung mengungkapkan puisi-puisi keislaman maka didapati sebahagian dari puisi-puisi berkenaan turut sama membawa unsur-unsur tasawuf. Sebagai contohnya sebahagian dari puisi-puisi Amir Hamzah di dalam kumpulan Nyanyi Sunyi mengandungi unsur-unsur tasawuf. Khususnya puisi-puisinya yang berjudul 'PadaMu Jua', 'Barangkali', 'Hanya Satu', 'PermainanMu', 'Tetapi Aku', 'Karena KasihMu' 'Sebab Dikau', 'Doa' dan 'Hanyut Aku'. (Amir Hamzah, 1963: 5 - 16). Dalam puisi Melayu moden unsur-unsur tasawuf kedapatan di dalam puisi-puisi Kemala terutama di dalam kumpulannya yang berjudul 'Ayn. Contoh:

Subuh di Masjid Sa'adah, Jakarta

*Aku tidak bermimpi, Tuhan
waktu menatap puluhan anak kecil
bersamaku menemui-Mu
Angin jernih subuh menyambut
tasbih pertama.
Cuma genang air mata
menatap rindu yang terpercik
seperti sinar cahaya marmar.
Kugulati umur dan ruang
cinta yang kubawa dari jauh
kini menetas di haribaan-Mu*

(Kemala, 1983: 13)

Di dalam kumpulan puisi *Jalan Ke Taman* Ali Ahmad mengungkap 'Angin Fajar' katanya:

Angin Fajar
.....

*Angin kemenangan
sapalah wajahku sepanjang pagi
dengan salam serah tafakur
bersama insaf pengabdian
ikut jalan saraf sepi
laluhan malaikat pagi
penyinar cahaya Quddus.*

(Ali Ahmad, 1983: 12)

Manakala A. Aziz Deraman pula di dalam kumpulan puisinya yang berjudul *Kau Dan Aku* mengungkapkan:

Hatiku
.....

*Dalam hatiku
ada kehalusan rasa
dengan pintu batin yang kian terbuka
lantas sering aku bertanya:
tentang alam ghaib yang tidak terpancang mata
tentang alam malakut yang istimewa
serta kesempurnaannya yang penuh rahsia
dari alam nyataku yang satu-satunya berbeza.*

(A. Aziz Deraman, 1994: 11)

Jelas puisi-puisi di atas membawa tema-tema kerohanian.

REALITI KANDUNGAN UNSUR-UNSUR

Menurut pendekatan dari teori takmilah, bahawa sesebuah karya makin tinggi nilainya apabila membawa persoalan-persoalan yang makin meningkat, iaitu melalui tahap-tahap alamiah, inderawiah, hati nurani, akliah dan rohaniah. Ini hendaklah disertai dengan ketinggian mutu aspek-aspek kesusasteraan yang lain. Sesebuah karya sastra yang tinggi mutu ini mungkin merangkumi semua kelima-lima aspek yang tersebut di atas. Contoh dua buah ruba'i yang membawa kelima-lima unsur di atas:


Manusia Dan Dunia

*Subhanallah apa hal segala manusia,
Yang tubuhllya dalam tanah jadi duli yang sia,
Tanah itu kujadikan tubuhnya kemudian,
Yang ada dahulu padanya terlalu mulia.*

*Dunia juga yang indah maka tercenganglah manusia
Sebab terkadang ia terhina dan lagi termulia.
Bahwa seseorang tiada kenal dunia itu,
Dalam dunia juga hidupnya sehari sia-sia.*

(Alisjahbana, 1965: 119)

Tetapi tidaklah bererti sesebuah karya yang baik mesti mengandungi kelima-lima unsur berkenaan secara serentak. Ia mungkin gabungan sebahagian daripadanya mampu membawa karya yang baik. Misalnya sebuah karya mungkin gabungannya terdiri dari unsur alamiah, inderawiah dan hati nurani. Kalau ianya sebuah puisi ianya mungkin menjadi puisi bertemakan kemanusiaan yang baik. Contohnya seperti puisi-puisi Osman Awang yang berjudul Balada Terbunuhnya Beringin Tua Di Pinggir Sebuah Bandaraya dan Salji Hitam Misalnya (Usman Awang, 1987: 31 & 68) atau ianya mungkin teradun dari unsur alamiah, inderawiah, hati nurani dan akliah seperti puisi-puisi Kassim Ahmad yang berjudul Dialog dan Sidang Ruh (Kassim Ahmad, 1967: 48 & 73-74) atau dari unsur akli dan rohani seperti puisi-puisi Hamzah Fansuri yang telah dibicarakan di atas. Pendeknya pengadunan yang lebih dari unsur alamiah dan inderawiah semata-mata mampu mencapai nilai karya yang baik. Di dalam penulisan bersifat prosa seperti cerpen dan novel unsur-unsur di atas sememangnya lumrah digunakan. Pengadunan yang mungkin berlaku dari unsur-unsur di atas dapat dirajahkan sebagaimana dalam Rajah 8.




RAJAH 8: Pengadunan unsur-unsur isaniah dalam karya

Rajah 8 memperlihatkan ada sastra yang teradun dari unsur alamiah dan inderawiah, ada dari unsur inderawiah, kalbu dan akliah, ada alamiah dan akliah. Ada teradun kelima-lima aspek iaitu alamiah, inderawiah, kalbu, akliah dan rohaniah. Ada yang teradun dari unsur inderawiah dan kalbu. Di samping itu ada pula teradun dari unsur alamiah dan kalbu. Demikianlah boleh dilihat gandingan dari kepelbagaian aspek-aspek berkenaan.

KESAN KEINSANAN

Apa yang dilihat di dalam pendekatan takmilah di atas, sastra melalui penggunaan bahasa secara estetik dan penggunaan teknik-teknik tertentu menurut kesesuaian baik dari segi prosa maupun puisi, ialah usaha penggubah (sasterawan) menyampaikan kepada khalayak sesuatu yang dialaminya sama ada yang bersitat alamiah, inderawiah (termasuk imaginasi), hati nurani, akliah atau rohaniah menurut kemampuan penggubahnya dengan menggunakan istilah-istilah bahasa yang sedia difahami bercampur kreativitinya yang mungkin memvariasikan lagi maksudnya. Melaluinya sang sasterawan mengharapkan khalayak dapat menanggapi apa yang disampaikan walaupun tidak mungkin sama dari segi tanggapan dan penghayatan di kalangan mereka. Keindahan dan kejayaan sesebuah hasil karya sastra dapatlah dikatakan bukan semata-mata takmilah dari segi karya, tetapi sejauh mana ianya dapat menggerakkan rangsangan inderawi khalayak seperti sedih, duka, marah, benci, suka dan sebagainya. Selain itu sejauhmana pula ianya berjaya menghidupkan rasa kemanusiaan di dalam karyanya. Misalnya cintakan kepada keadilan, pembelaan terhadap yang teraniaya, maruah diri, keagungan bangsa, sifat wira dan sebagainya. Pendekatan ini melihat lebih dari itu penampilan unsur akliah dan falsafah di dalam karya-karya sastra yang dapat memandu khalayaknya berfikir dan mengarah kepada gerakan yang lebih positif. Contohnya Iqbal dengan temata puisinya yang menggerak ke arah pembinaan peribadi dan mendambakan sebuah negara umat Islam di benua kecil India (maksudnya Pakistan) yang akhirnya mencapai kejayaan adalah manifestasi ketinggian mutu puisinya yang bersifat falsafah di samping rohaniah itu. Puncak dari itu seorang sasterawan yang dapat menghayati kehalusan rohani dan menampilkan ke dalam karyanya secara halus dan kudus dianggap sebagai pencapaian yang murni lantaran ianya dapat mengunjuk kepada khalayak gugus-gugus buah rohani yang mungkin dapat sama dikecapi lazatnya. Sebenarnya penampilan aspek-aspek ilmiah, inderawiah, hati nurani,

akliah dan rohaniah tidaklah secara tersusun sebagaimana diperkatakan. Penampilannya boleh diibaratkan sebagai gelombang yang ada tinggi rendahnya, banyak sedikit, tohor dalam, jauh dekat, tetapi semuanya secara harmoni. Gelombang dari diri sang sasterawan ini yang diabadikan di dalam tulisan akan mengocak pula aspek insaniah khalayak yang sitatnya juga tidak semestinya sejajar, tetapi bercampur dan berlebih kurang, tetapi harmoni. Bila tingginya sifat inderawi dan emosi yang ditampilkan oleh sasterawan dalam karyanya maka tinggi pula aspek berkenaan dapat ditanggapi oleh khalayak. Contohnya karya-karya yang membawa unsur duka dan melankolik. Begitulah pula kesannya jika dibawa unsur-unsur kemanusiaan, fikiran dan kerohanian. Apa yang dibicarakan di atas dapat dirajahkan sebagaimana dalam Rajah 9.



RAJAH 9: Gelombang tanggapan terhadap unsur-unsur insaniah

Dari Rajah 9 dapat diperjelaskan bahawa garis lurus paling bawah melambangkan unsur alamiah yang sebelum diadun oleh unsur-unsur insaniah bersit neutral. Ia adalah manifestasi alam seluruhnya. Manakala garis kedua di atasnya yang banyak kelok dan ombaknya mencerminkan unsur alamiah yang dicerna dengan unsur inderawiah adalah paling banyak digambarkan di dalam sesebuah

karya. Kelok tinggi mencerminkan ketinggian penggunaan unsur ini di dalam gambaran dan mengesankan khalayak. Garis ke atas ketiga melambangkan unsur hati nurani yang juga banyak kelok dan ombaknya, tetapi tidak sebanyak garis kedua. Ini mencerminkan bahawa unsur hati nurani yang bersifat kemanusiaan ini juga banyak digunakan di dalam karya-karya sastra, walaupun tidak sebanyak unsur inderawi. Kelok meninggi melambangkan bahawa unsur ini diguna oleh sasterawan secara berkesan dan mampu pula mengesankan jiwa khalayak dengan rasa kemanusiaan ini. Kelok dan ombak keempat melambangkan unsur falsafah dan pemikiran yang agak kurang dari segi kelok dan ombaknya. Ini mencerminkan unsur ini terkurang dibandingkan dengan garisan-garisan di bawahnya. Walau bagaimana ianya mampu diungkap oleh sasterawan pemikir secara berkesan dan mengesankan khalayak. Ini tercermin pada keloknya yang meninggi itu. Terakhir ialah garis yang melambangkan aspek kerohanian yang begitu sedikit dengan ombak dan keloknya. Ia mencerminkan bahawa aspek ini kurang dicapai oleh kalangan sasterawan. Sebaliknya antara yang kurang ada pula yang dapat mengungkapkan unsur tersebut dengan baik dan bermutu. Mereka terdiri dari kalangan sufi. Ini tercermin pada kelok tertinggi di atas. Dari satu aspek menghayati sesebuah karya sastra ada semacam kesamaan dengan menghayati sesebuah lagu yang nadanya ada tinggi rendah, halus dan kasar, sedih dan duka, bersemangat dan kecewa, pemikiran dan kekudusan. Unsur-unsur ini memainkan peranan mempengaruhi pendengarnya. Namun kemampuan sastra yang menggunakan bahasa lebih tinggi di dalam mengesan dan mempengaruhi jiwa khalayak, ia bukan terhad kepada inderawi pendengaran, mungkin hati nurani sebagaimana di dalam lagu, tetapi boleh melibatkan semua aspek keinsanan sebagaimana telah dibicarakan.

KESIMPULAN

Pembicaraan mengenai sastra di atas melihat bahawa sastra meskipun merupakan satu bidang estetika yang melibatkan bahasa yang mempunyai teknik-teknik tertentu untuk menjadikannya sebagai sebuah karya yang baik, tetapi ianya tidak terhenti setakat karya sastra itu semata-mata. Bahkan dilihat fokusnya tidak lain dari insan. Yang mengadunkannya tidak lain dari unsur-unsur diri insan. Alamiah tanpa melibatkan insan tidak akan menjadi sastra. Unsur-unsur insaniah sebagaimana telah dibicarakan menjadikan sesebuah karya itu bermutu jika ditangani dengan baik. Penilaian terhadap

sastera juga adalah dari neraca insaniah. Bagi sastera yang baik penggunaan unsur-unsur insaniah ialah bagi kebaikan dan peningkatan keinsanan.

Sebab itu takmilah sastera ialah takmilah kamil insan.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 1994. *Kau Dan Aku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham. 1993. *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib. 1970. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Ghazali. 1988. *Di Sebalik Ketajaman Mata Hati*. Jil. I & II. Terjemahan Mahfudli Sahlil. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Amin.
- Al-Ghazali. 1400/1980. *Ihya' Ulum al-Din*. Vol. III, Juz; 7-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ali Ahmad. 1983. *Jalan Ke Taman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Sjahbana, S. Takdir, 1965. *Puisi Lama*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd.
- Amir Hamzah, 1963. *Nyanyi Sunyi*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd.
- Aristotle, 1987. *Puitika*, dlm. *Kumpulan Kritikan Sastera: Timur dan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Busu, 1974. *Nasinya Tumpah*, dlm. *Surau Semusim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. 1965. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Rashiq. 1988/1408. *Al-'Umdah*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Kassim Ahmad. 1967. *Kemarau Di Lembah*. Penang: Saudara Sinaran Berhad.
- Kemala. 1983. *'Ayn*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Hussain. 1966. *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latiff Mohidin. 1992. *Rawa-Rawa*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta.
- Mohd. Yusof Md. Nor & Abd. Rahman Kaeh. 1991. *Puisi Melayu Tradisional*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Muhammad Haji Salleh. 1975. *Pulang Si Tenggang*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pawang Ana - Raja Haji Yahya. 1985. *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Pawang Ana-Raja Haji Yahya. 1991. *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shafie Abu Bakar. 1994. Antara Sastra dan Tasawuf. Dalam Abdul Samad, A. (penyt.). *Kesusasteraan Bandingan Sebagai Satu Disiplin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. 1995. Syair Matan Jawharat al-Tawhid (MJT) dan Syair Ghafilah (SG): Kajian Bandingan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Bandingan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Shafie Abu Bakar. 1996. Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip. *Dewan Sastra*, November.
- Shahnon Ahmad. 1979. *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simatupang, Iwan. 1968. *Merahnya Merah*. Jakarta: Gunung Agung.
- T. Alias Taib. 1990. *Piramid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. 1987. *Puisi-Puisi Pilihan Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. 1985. *Keberangkatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. *Pujangga Tidak Bernama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Manuskrip Syair Abdul Rahman: Menyalurkan Sejarah Tempatan Negeri Johor Ke Dalam Puisi

Rahmat Saripan
Jabatan Sejarah, UKM

"That ... the groundwork of history: it is not the background, it is the story itself: the story of human society ... Upon that groundwork all variety and detail of history arise."

A. L. Rowse¹

PENGENALAN

Kehidupan individu dalam masyarakatnya menentukan pencapaian ke mercu pengalaman seseorang manusia. Sehubungan dengan ini kita mungkin memperkatakan tentang peri pentingnya seseorang yang dikenali sebagai "*tokoh*" dari sudut intelektual dan saintifik atau dari segi kerohanian dan estetika. Semuanya bergantung kepada sudut pandangan serta pendekatan yang difikirkan munasabah dan sewajarnya diberikan keutamaan. Namun begitu memahami gerakan massa adalah lebih didahulukan dari pemahaman tentang sejarah individu. Walau bagaimanapun individu dalam masyarakat adalah lebih teratas pada skala nilai kerana ukuran-ukuran kemanusiaan dapat menilai pergerakan masyarakat itu.

Dalam penelitian dan penulisan sejarah, kenyataan dan keterangan sejarah yang terkandung dalam manuskrip (MS) tentang masyarakat atau individu acapkali menimbulkan banyak kesukaran kepada penelitinya untuk membuktikan kebenarannya. Apatah lagi kiranya MS itu menceritakan kisah-kisah sejarah hidup seorang individu yang tidak terkenal dari segi sejarah politik, ekonomi atau sosial. Mengerjakan MS mengenai seseorang individu seumpama itu memerlukan minda peneliti sejarah yang tangkas serta lincah mengenalpasti setiap detail: misalnya siapakah pengarangnya, bilakah MS tertulis dan untuk siapakah pengarangnya menulis? Lebih banyak teka-teki muncul dari jawapan yang dapat diperolehi kiranya pengarang MS tidak merakam butir-butir yang dipersoalkan itu.

Penulis kertas ini beruntung kerana semua soalan di atas dapat dijawab dan manuskrip merupakan naskhah tunggal yang tidak mempunyai salinan atau versi yang lain.

Oleh kerana peneliti sejarah tempatan atau lokal khususnya mengenai kaum tani, kurang berhasil apabila meneliti teks-teks manuskrip Melayu yang kebanyakannya berasal dari istana. Pihak pentadbir British di zaman kolonial pula cuba mengatasi masalah itu dengan merakamkan cerita-cerita termasuk legenda di kampung-kampung Melayu untuk memberikan gambaran yang mendalam mengenai masyarakat pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Teks manuskrip dari istana pula tentunya membicarakan tentang corak hidup dan peristiwa yang dilakukan oleh orang-orang besar di istana dan di sekitarnya, telahpun diteliti, dikaji dan diungkapkan kembali oleh penulis-penulis tempatan dan juga asing. Justeru itu juga kajian mengenai sejarah tempatan mengenai individu-individu biasa, khususnya berasaskan sumber-sumber istana dan catatan British kurang dapat mencitrakan corak perkembangan sejarah sebilangan besar rakyat yang terdiri dari golongan yang pada umumnya berstatus rendah. Lantas penelitian dan penulisan sejarah mengenai golongan massa tani masih terabai dan terpinggir.

Kertas ini cuba menampilkan suatu sumber MS berbentuk puisi mengenai seorang individu dari kalangan kaum tani. Walaupun dirakamkan oleh seorang anak petani itu pada awal abad ke-20 tetapi sebahagian besarnya mewacanakan perkembangan sejarah tempatan negeri Johor khususnya di Tanah Padang dari pertengahan abad ke-19 hingga awal abad ke-20.²

Yang menarik perhatian ialah pengarang SAR telah berusaha menyalurkan sejarah tempatan ke dalam bait-bait syair. Akhir-akhir ini ada penulis Tanah Padang, Muar, berhasil menyalurkan sejarah ke dalam genre novel.³

Kertas ini cuba menganalisa a) mengenai manuskrip yang sedang diteliti termasuk di dalamnya aspek-aspek penting berkaitan dengan sejarah negeri Johor dengan memaparkan gambaran *overview* yang diliputi oleh manuskrip yang sedang diteliti di samping menumpukan perhatian terhadap pemerihalhan tentang manuskrip merangkumi keadaan dan kandungan manuskrip; b) meneliti aspek-aspek yang mencirikan manuskrip dari segi penggunaan bahasa naratif sejarah di samping ciri-ciri kolokialisme dan lokal serta kecenderungan pengarang SAR menggunakan kata-kata bahasa Arab dan Jawa pada zaman itu.

LATARBELAKANG SEJARAH NEGERI JOHOR

Negeri Johor moden dapat disusurgalur sejak pihak Inggeris bertapak di Singapura pada tahun 1819. Pihak yang beruntung dari

persempadanan British di Singapura dan Belanda di Kepulauan Riau (Indonesia) pada tahun 1824 ialah keluarga Temenggong yang menjadi kaya raya sejajar dengan kemajuan Singapura. Kedudukan keluarga Temenggong begitu kukuh sehinggalah anak Temenggong Ibrahim bernama Abu Bakar akhirnya berjaya menggunakan gelaran Sultan. Pendek kata Perjanjian 1824 telah membuka lebuh raya bagi negeri Johor untuk muncul sebagai negeri yang bebas dan moden pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar (1862-1895) menggalakkan pembangunan memakmurkan kawasan-kawasan desa di Johor. Justeru itu Tanah Padang terkenal sebagai wilayah yang banyak menghasilkan bahan pertanian serta menggiatkan perdagangan di antara negeri Johor dengan pelabuhan Singapura. Kemakmuran tidak mungkin tercapai tanpa teknologi membina saluran air yang dipanggil "*parit*" di seluruh wilayah Tanah Padang. Dengan menggunakan institusi sosial seperti mesyuarat, muafakat dan gotong royong, orang-orang Melayu yang kebanyakannya keturunan Jawa telah membangunkan wilayah dan aspek-aspek sosial dan agama termasuk institusi-institusi sekolah dan masjid.⁴

Sebelum Bandar Maharani dibina pada tahun 1884, pusat pentadbiran daerah Muar ialah Parit Jawa. Kedudukan Parit Jawa yang berada di tengah-tengah wilayah Tanah Padang muncul sebagai punca-punca kekuatan tenaga ketenteraan dan juga bekalan makanan bagi pihak Maharaja Johor dalam Perang Jementah.⁵ Wakil Maharaja (sebelum bergelar Sultan pada 1885) bernama Encik Mahmud merupakan salah seorang tokoh Tanah Padang yang memainkan peranan utama dalam usaha menumpaskan penentangan Tengku Alam ibni Sultan Ali untuk menguasai Muar-Kesang pada tahun-tahun 1879-80.⁶ Kemajuan Tanah Padang yang kemudiannya diikuti oleh pembangunan Bandar Maharani pada akhir abad ke-19 merupakan salah satu faktor kekuatan Maharaja Johor mempertetapkan kuasa dan wibawa sebagai seorang pemerintah yang berjaya dan bermartabat tinggi di kalangan raja-raja Melayu.

Kajian lepas mengenai bahan manuskrip yang tidak datang dari istana yang kebanyakannya merupakan rekod-rekod kolonial tidaklah memadai untuk meneliti perkembangan sejarah tempatan, khususnya mengenai masyarakat kaum tani di peringkat lokal seperti kawasan Padang. B.W. Watson dalam salah sebuah kertasnya mengenai kaum tani mengatakan bahawa ini disebabkan oleh kerana pengungkapan kembali sejarah kaum tani telah dilakukan secara *piece-meal*, bergantung atas pengumpulan laporan-laporan yang bertaburan.⁷

Untuk mengatasi masalah persejarahan yang disebutkan di atas barangkali para peneliti boleh beralih ke sumber-sumber lisan. Jan

Vansina dalam kajiannya mengenai tradisi lisan menegaskan bahawa puisi adalah salah satu sumber penting dalam tradisi lisan. Pada hakikatnya, puisi boleh menjadi sumber sejarah oleh sebab sebahagian besarnya menyumbangkan kepada isyarat-isyarat sikap psikologikal orang-orang tertentu terhadap peristiwa-peristiwa sejarah. Dalam kes MS SAR yang dibicarakan dalam kertas ini khususnya, ia menjadi hakikat yang tidak dapat disangkal dalam penulisan puisi peribadi⁸ yang berasaskan kepada sumber-sumber lisan.

Dari perspektif warisan budaya dan persuratan Alam Melayu, syair merupakan salah satu bentuk puisi tertua yang terserlah dalam sejarah kesusasteraan sebagaimana yang telah dikenalpasti oleh R.O. Winstedt dalam *A History of Malay Literature*.⁹ Mengikut kajian Khazin Mohd. Tamrin, biasanya memang terdapat di kalangan golongan perantau Jawa suatu usaha merakamkan pemikiran, pengalaman serta pemerhatian tentang perantauan mereka dari Tanah Jawa ke Semenanjung Tanah Melayu dengan cara tidak formal iaitu secara lisan. Mereka meriwayatkan perihal seumpama itu kepada anak-cucu mereka serta kawan-kawan mereka yang terdekat. Ada di antara mereka yang mempunyai 'kesedaran sejarah diri' terhadap peristiwa-peristiwa sejarah peribadi telah juga merakamkan pengalaman mereka itu dalam bentuk diari dan puisi. Nampaknya manuskrip-manuskrip tersebut tidak dihargai oleh anak-cucu mereka.¹⁰ Contohnya, sebuah diari yang ditulis oleh Kiayi Haji Abdullah Umar yang berhijrah dari kampung Puworjo di Jawa Tengah dan menjadi seorang Imam yang pertama di Kampung Jawa, Kelang, Selangor, telah musnah dibakar apabila diari itu dianggap tidak lagi berguna kepada pemilikinya. Sebuah lagi diari milik peribadi Haji Hashim bin Haji Salleh (saudara kepada seorang pensyarah sejarah di Universiti Sains Malaysia) telah hilang semasa dipamerkan dalam suatu Pameran Sejarah Tempatan di Ipoh, Perak.¹¹

Hanya MS SAR yang diwarisi oleh Haji Simon bin Haji Muhammad Nor¹² tinggal sebagai salah satu warisan persuratan Melayu terpenting di kalangan perantau Melayu keturunan Jawa di Tanah Melayu. Oleh kerana syair ini merakamkan kisah-kisah sejarah, maka ianya amat berguna dalam penelitian dan penulisan sejarah tempatan di Malaysia, teristimewa di sebelum zaman penjajahan Barat.

Penulis telah menemui MS SAR sekitar tahun 1983. Tidak lama kemudian, Khazin Mohd. Tamrin menemui penulis (setelah diberitahu oleh pemilikinya, Haji Simon bin Haji Muhammad Nor bahawa naskhah manuskrip yang asli itu berada di tangan penulis) yang sedang berusaha memindahkan dari tulisan Jawi ke Rumi di samping membuat penelitian tentang isi kandungannya. Khazin berhasil

mendapatkan bahagian awal syair tersebut (hh. 1-152) kerana beliau menyatakan hasrat hendak mengkaji aspek 'merantau' yang terkandung dalam bahagian awal manuskrip tersebut.¹³

Setelah meneliti MS SAR, Khazin berpendapat: *The manuscript is full of valuable materials and facts about the economic and socio-cultural life of the Javanese settlers in Malaya and Singapore. It also depicted the attitude of the Javanese towards their work, social dan religious life.*¹⁴ Sehingga kini belum ada kajian khusus dan terperinci mengenai SAR dari segi perspektif sejarah tempatan negeri Johor. Walaupun sudah ada sentuhan-sentuhan yang menyatakan bahawa manuskrip syair ini sebagai 'syair penerokaan' oleh Muhammad Yusoff Hashim¹⁵ dan syair perantauan oleh Khazin Mohd. Tamrin,¹⁶ namun pada hakikatnya suatu kajian menyeluruh yang analitikal terhadap MS sebagai suatu dokumen sejarah tempatan yang penting di Johor kerana keunikannya belum lagi diusahakan.¹⁷

Di antara beberapa pandangan awal yang mengatakan MS SAR merupakan suatu dokumen sejarah yang unik telah dibincangkan dalam kertas penulis yang lain.¹⁸

ISI KANDUNGAN MS SAR

Sejarah tempatan Johor iaitu tentang Tanah Padang pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 merupakan intisari tema SAR yang sedang dikaji dan dianalisa. Isi kandungannya merupakan cetera-cetera yang mencakupi suatu zaman yang agak panjang (1860-1930). Pengarangnya lahir pada tahun 1878 dan mula mempuisikan sejarah Tanah Padang dalam SAR pada tahun 1910.

Di antara kisah penting yang terdapat dalam MS SAR adalah seperti berikut:

- 1) Peristiwa pergolakan keluarga di Kudus, Tanah Jawa yang menyebabkan Wirio dan Munadza, abang sepupunya merantau.¹⁹
- 2) Perihal Wirio dan Munadza mencari kerja dan bertemu Penghulu Tanah Padang, Muar di Singapura.²⁰
- 3) Kisah Wirio dan Munadza meneroka Kampung Parit Jawa, Tanah Padang.²¹
- 4) Kisah-kisah perantau Jawa di Tanah Padang.²²
- 5) Kisah-kisah Wirio menunaikan haji ke Makkah.²³
- 6) Pertunangan dan Perkahwinan Haji Abdul Rahman Wirio.²⁴
- 7) Peristiwa kelahiran pengarang, Muhammad Sufian (Muhammad Nor).²⁵

- 8) Haji Abdul Rahman Wirio (HARW) menziarahi Tanah Jawa.²⁶
- 9) Adik HARW (Sakijah) berhijrah ke Tanah Padang.²⁷
- 10) Kelahiran anak-anak perempuan HARW (Suratmi, Jasirah, Halimah, Ramijah dan Fajrah) dan kisah Ramijah mati lemas.²⁸
- 11) Muhammad Sufian (pengarang) berkhatam Quran dan berkhatan.²⁹
- 12) Cetera tentang dusun buah-buahan di Tanah Padang.³⁰
- 13) Kisah Muhammad Sufian naik haji.³¹
- 14) Kelahiran, perkahwinan dan naik haji anak-anak HARW.³²
- 15) Sakijah (adik), Muhsin (anak) dan HARW meninggal dunia.³³
- 16) HMN memegang kuasa ke atas harta pusaka HARW.³⁴
- 17) Perkahwinan Hasbullah bin HARW dengan Endok.³⁵
- 18) Burham bin HARW dan ibunya menunaikan haji.³⁶
- 19) Kelahiran, khatam Quran anak-anak HMN.³⁷
- 20) Burham (Haji Tahir) berkahwin.³⁸
- 21) Fasal zaman susah (meleset) dan peringatan mengenainya.³⁹

Pemerihalan yang berbentuk naratif serta kronologikal bermula sekitar tahun-tahun 1860-an, semasa bapa pengarang bernama Wirio (setelah menunaikan Haji namanya bertukar kepada Abdul Rahman) berada di Kudus, Tanah Jawa. Kisah-kisah sejarah bapanya ini sangat peribadi bentuknya sehingga tidak mungkin pengarang dapat mendengar keseluruhan ceritanya dari orang lain kecuali bapanya sendiri. Menurut keterangan Haji Simon, cucu Wirio, datuknya seorang 'buta huruf' yang tidak menampakkan ketokohan yang begitu berketrampilan. Keterangan ini tidak sepenuhnya terbukti dari segi kebenarannya. Penelitian yang lebih mendetail terhadap SAR menunjukkan bahawa Wirio ialah seorang yang celik huruf (sekurang-kurangnya huruf Jawi/Quran) kerana beliau 'Belajar ngaji serta kerja'⁴⁰ sejak dari Kudus, Tanah Jawa lagi. MS SAR menyebut kisah HARW menulis surat kepada saudaranya di Tanah Jawa.⁴¹ Memang tidak ada bukti menunjukkan bahawa Wirio meninggalkan catatan yang menjadi sumber rujukan kepada pengarang SAR. Apa yang lebih mantik adalah Wirio sendiri telah secara lisan mengisahkan cetera-cetera yang digarapkan oleh pengarang SAR ke dalam puisinya. Akan tetapi perlu diingat bahawa Wirio mempunyai seorang abang dan dua orang adik (lelaki dan perempuan).⁴² Mereka juga boleh menjadi *informan* (pelapor) kepada pengarang mengenai riwayat hidup bapanya kerana hubungan persaudaraan mereka yang sangat rapat. Hashim khususnya merupakan seorang yang boleh menulis dan membaca. Kitab-kitab dan dokumen peribadi yang tersimpan di rumahnya menunjukkan bahawa beliau seorang yang mencintai ilmu pengetahuan.⁴³

Yang lebih penting diutarakan dalam perbincangan ini ialah usaha pengarang sendiri membuat catatan mengenai peristiwa sejarah keluarganya seperti yang tergarap dalam puisinya:⁴⁴

*Surat menyurat membuat ingatan /
Beberapa book penuh surat
Harapkan benar pada Tuhan /
Dunia akhirat minta selamatkan*

Sumber-sumber seperti syair dan hikayat juga menjadi rujukan yang bukan sahaja dibacakan secara bersendirian tetapi pada hari-hari keramaian seperti kenduri kahwin. Contohnya, "Yang berjaga syair hikayat dibacakan."⁴⁵ Kebiasaan dan budaya membaca di kalangan masyarakat Tanah Padang amat menarik dan merupakan suatu tradisi yang unik. Sementara di atas sudah dipetik bait-bait SAR yang mengisahkan pembacaan "*hikayat dan wacana*" dilakukan semasa kelahiran pengarang.⁴⁶

Namun begitu, kiranya ahli-ahli masyarakat sememangnya telah berpegang teguh kepada ajaran Quran dan Hadith, sepertimana yang ditunjukkan oleh Wirio, ternyata bahawa kepentingan didikan agama dan ilmu pengetahuan yang berfaedah mencirikan budaya hidup mereka. Sungguhpun Wirio belajar (ngaji) sambil bekerja sebagai petani, beliau memastikan anak-anaknya terutama yang lelaki mendapat didikan untuk dunia dan akhirat. Pengarang merakamkan dengan jelas bahawa Wirio menasihatkan:⁴⁷

*Wahai anak petraku tuan /
Belajarlah kamu mengaji Quran
Janganlah tuan malu dan segan /
Sementara muda engkau rajinkan*

*Mengaji sekolah surat menyurat /
Serta berzanji serta kitab
Sama saudara baik muafaka /
Lagi muda lekasnya dapat*

Sebagai seorang bapa yang prihatin dan berfikir panjang, Wirio bukan sahaja telah menggalakkan anak-anaknya menuntut ilmu pengetahuan tetapi yang agak sama perlunya dalam hidup adalah didikan untuk memperoleh kemahiran hidup sebagai ahli-ahli kaum tani yang berjaya. Didikan seumpama itu sangat berkesan sehingga pengarang SAR mengakui hakikat bahawa keprihatinan bapanya

begitu menyeronokkan dan menyebabkan mereka pasrah. Dua rangkap syair di bawah menyatakan perihal itu:⁴⁸

*Ketika bapa belum mati /
Kita senang suka diri
Apa kerja ayahanda mengajari /
Apa dibuat penat berhenti*

*Dan yang salah semua ditegah /
Segala yang benar engkau buatlah
Mengerjakan kita titah perintah /
Makan pakai kita terimalah*

Seseorang peneliti dan penulis sejarah sewajarnya melakukan penyelidikan mengenai tajuk yang dipilihnya. Dalam kes pengarang SAR, beliau melakukan penelitian dengan secara bertanya hal, mengumpulkan khabar berkhabar, mendengar "*kisah berkisah*" dan seumpamanya dari sahabat sanak ahli saudara.⁴⁹

Bahan-bahan penelitian pengarang tidak diterimanya sebagai kenyataan-kenyataan yang betul dan dapat dipertahankan kebenarannya. Contoh yang paling ketara dapat disaksikan dalam kes adiknya bernama Muhsin yang jatuh sakit dan menderita selama kira-kira setahun sebelum meninggal dunia. Mengikuti pengarang, keuzuran itu telah menyebabkan banyak orang berkata Muhsin 'dibuat orang', 'serbuk dimakan', 'kena pasang' dan 'masing-masing punya cakapan'.⁵⁰ Pengarang menjauhkan diri dari mempercayai cakap-cakap yang tidak mempunyai bukti yang jelas dan sahih kerana beliau tidak mempunyai keterangan yang kukuh, dapat dipertahankan dan menyakinkan dirinya sendiri. Justeru itu beliau menyatakan bahawa kejadian itu adalah 'takdir Tuhan'.⁵¹ Pegangan kepada Qada dan Qadar berasaskan rukun iman yang boleh terungklai sekiranya pengarang mempercayai 'cakapan' orang seperti di atas itu. Pengarang cuma merakamkan realiti zaman itu yang menunjukkan adanya tahayul, dongeng, khurafat dan bidaah tetapi beliau sendiri tidak mahu berpegang pada kepercayaan seumpama itu.

Nampaknya pengarang SAR tidak tercela dari kesilapan mentahsiah fakta-fakta sejarah. Beliau sentiasa peka pada kelemahan diri sebagai seorang manusia biasa yang boleh melakukan 'kesalahan'. Lantas dalam naratifnya terdapat banyak sekali kenyataan yang merujuk kepada 'memohon maaf', contohnya sejak awal penulisan SAR, pengarang telah menulis:⁵²

Haraplah ampun ayuhai tuan /
 Jangan murka tuan mendengarkan
 Kerana tiada dibuat pekerjaan /
 Daripada membuat barang bukan

Ayuhai encik maklumlah tuan /
 Ambil yang betul buang yang bukan
 Kalau kira ada kesalahan /
 Tolonglah tuan boleh membenarkan

Hasrat pengarang menunjukkan keikhlasan dan kejujuran dalam penulisannya mencirikan sifat pengarang yang bukan sahaja bertanggungjawab kepada apa yang dirakamkan berasaskan kepada keyakinan bahawa apa yang tertera adalah benar belaka mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai. Maksud permohonan maaf dari pendengar/pembaca menampakkan suatu corak tradisi penulisan syair sejarah di kalangan penyair-penyair Melayu. Memohon ampun dan maaf bukan dilakukan kerana pengarang telah melakukan "kesalahan" tetapi syair dalam bahasa Melayu merupakan 'puisi perkataan'.⁵³ Ciri memohon maaf juga menunjukkan kepekaan penyair terhadap kekurangan dalam alat komunikasi bahasa puisi jika dibandingkan dengan bahasa prosa. Tambahan pula puisi yang panjangnya lebih dari 350 halaman ini mencakupi peristiwa sejarah Tanah Padang yang memakan masa yang panjang pula.

Sungguhpun fokus penulisan SAR tertumpu kepada sejarah keluarga Haji Abdul Rahman, tetapi pengarangnya mengarang syair berasaskan kepada pengalaman sejarah hidupnya dan kisah-kisah bersejarah yang diceritakan oleh ayahandanya merujuk kepada aspek-aspek kehidupan yang luas termasuk agama, masyarakat, ekonomi, dan budaya termasuk adat istiadat dan kesenian berlatarbelakangkan perkembangan sejarah negeri Johor umumnya dan sejarah tempatan Tanah Padang⁵⁴ khususnya. Padang menjadi tempat Haji Abdul Rahman memulakan hidup bermastautin sebagai perantau. Padang juga menjadi tempat beliau berkeluarga sehingga beranak cucu. Padang juga menjadi tempat di mana ke semua adik beradik berkampung dan membina keluarga masing-masing. Maka jadilah Padang sebuah perkampungan suatu keluarga besar yang bermula dari Wirio atau Haji Abdul Rahman, seorang peneroka Kampung Parit Jawa. MS SAR merakamkan:⁵⁵

Orang menggali ramai bukan kepalang /
 Bersuka-suka sekalian orang
 Dibuatnya parit lebarnya sedepa /
 Dinamakan orang Parit Jawa

CIRI-CIRI UTAMA MS SAR

Syair ditulis dalam tulisan Jawi yang cantik, tersusun indah, tuntas dan sedikit sekali terdapat kesalahan orthografi dan ejaan. Kesulitan memahaminya berlaku juga disebabkan hal-hal yang lain, misalnya ciri-ciri linguistik dan kolokialisme. Kertas yang digunakan menyamai buku latihan untuk sekolah Melayu-Agama di negeri Johor tetapi tebalnya melebihi 370 halaman. Kualiti kertasnya sangat baik dan dakwat yang digunakan juga baik kecuali ada beberapa halaman yang pudar disebabkan oleh dakwat yang mengembang di atas kertas yang ditulis sebelah menyebelah.

Terdapat beberapa catatan yang ditulis setelah manuskrip tamat dihasilkan tetapi tidak ada interpolasi kerana tulisan tangan pengarang masih utuh dalam manuskrip. Setakat ini penulis kertas belum menemui naskhah lain yang menyamai MS SAR atau salinan atau versi lain. Bererti MS SAR merupakan naskhah tunggal. Namun begitu catatan yang terdapat di atas manuskrip asal boleh dikenalpasti asal-usulnya. Di samping itu terdapat juga garis-garis bawah pada nama dan tarikh sesuatu peristiwa berlaku. Penulis kertas ini mendapati catatan yang terdapat di manuskrip adalah hasil tangan Haji Simon. Contoh catatan: 'Haji Abdul Rahman sebelum Haji namanya Wirio'.⁵⁶

SAR mengandungi 370 *folio* atau halaman. Hampir keseluruhan setiap halaman mengandungi 17-18 bait kecuali setengah-setengah halaman yang mengandungi dua atau tiga bait sebagai 'tambahan'. Misalnya hlm. 224-225 mengandungi 6 bait tambahan di sebelah kiri/kanan manuskrip. Setiap bait mengandungi 4-5 perkataan. Syair mula dikarang dengan tulisan tangan huruf Jawi oleh Haji Muhammad Nor, anak sulung Haji Abdul Rahman pada 15 Syaaban dalam tahun 1327 Hijrah bersamaan tahun 1910 Masehi.⁵⁷

Sebagai anak yang sulung, memanglah beliau merasa bertanggungjawab bukan sahaja melanjutkan usaha membangun dan memelihara keutuhan famili tetapi yang lebih ketara adalah betapa pentingnya kehormatan dan kewibawaan ayahandanya ditonjolkan sebagai seorang perintis (*pioneer*) yang membangunkan kampung di samping memakmurkan bidang-bidang tanah yang dimilikinya bersama. Perasaan bangga terhadap keluarga yang telah menempatkan diri sebagai di antara yang terkemuka selain dari keluarga Penghulu Abdul Jabbar, menyebabkan pengarang berhasrat supaya mereka yang membangunkan kampung halaman mendapat tempat dalam lipatan sejarah Johor. Khazin berpendapat bahawa pengarang ... *wanted these people to be remembered and thought about*.⁵⁸

Mengapakah sebuah syair yang bercorak biografi begitu dirasakan perlu bagi seorang "perantau"? Jawabannya memang sudah tertera di atas. Akan tetapi sekiranya syair merupakan sebuah kisah benar mengenai keluarga pengarangnya, maka pengarangnya tentulah merasakan wujudnya nilai diri yang mendorongnya menulis sebuah riwayat hidup tentang dirinya.

Suatu fakta sejarah tempatan yang meningkatkan nilai diri pengarang ialah ingatan terhadap jasa dan budi ayahandanya serta saudara maranya yang menjejalkan kaki di bumi Kampung Baru, Parit Jawa di kawasan Padang sebagai orang-orang tidak berharta tetapi mempunyai semangat dan jatidiri untuk terus berikhtiar dan berusaha tanpa mengenal penat dan jemu sehingga berhasil menjadi 'orang kaya', berjaya dalam hidup dan menikmati hidup yang selesa.

Yang lebih penting dibicarakan ialah manuskrip mengandungi bahagian-bahagian yang merakamkan serta menunjukkan dengan jelas sekali bagaimana mereka merantau, menetap di sesuatu tempat seperti Kampung Baru, Parit Jawa, membina pertempatan baru dengan kebun-kebun baru yang diterokai sendiri dengan berorganisasi, bermasyarakat dan beramal ibadat mengikut lunas-lunas agama Islam. Ciri-ciri kerjasama yang jitu dan teguh seperti muafakat, kongsi, bahagi-membahagi dan sebagainya mendasari kegiatan mereka membuka penempatan baru yang memerlukan semua itu.

Setelah berhasil membangunkan kampung dan kebun-kebun, mereka hidup berkeluarga dan beranak-cucu. Dalam lingkungan keluargalah nampaknya isu-isu pembangunan keluarga khususnya pendidikan jasmani dan rohani ditekankan teristimewa dari segi ahlak, pelajaran agama di samping ilmu-ilmu pengetahuan asas. Sebahagian dari syair memfokuskan perhatian pada golongan muda dengan menasihati mereka supaya tidak leka dan sambil lewa dalam usaha membentuk hidup yang berguna.

Secara kasarnya manuskrip mengisahkan penghidupan di Kampung Baru, Parit Jawa dari dua sudut pandangan hidup: pertama melibatkan soal-soal "pencarian" iaitu ekonomi; dan kedua melibatkan soal-soal "ibadat" terutama menunaikan fardu-fardu agama. Dalam dua ciri lingkungan *weltanschauung* inilah ternyata segala pengalaman hidup Haji Abdul Rahman dan ahli-ahli keluarganya dalam syair. Justeru itu syair ini mengisahkan corak hidup di *perdesaan* di mana penduduk-penduduknya adalah dari kalangan pekebun-pekebun, peneroka, pekerja ladang, buruh dan sebagainya.

Dari suatu sudut pandangan yang khusus, memanglah boleh dikatakan bahawa SAR merupakan sebuah *peasant class autobiography* dengan harapan pembacanya dapat memahami budaya kelas pekerja, gaya hidup mereka, pengalaman, dan sumbangan mereka terhadap

masyarakat dan negaranya. Namun begitu penulis ini masih belum dapat meyakini bahawa pandangan seumpama itu sebenarnya kerana "kesedaran diri" seorang petani. Menyakini hal ini sewajarnya mengapai ke tahap kesedaran tentang soal-soal budaya, gaya hidup dan sebagainya.

Apa yang lebih *fundamental* ialah wujudnya kesedaran pengarang syair bahawa syair yang dikarangnya mengandungi 'kisah, ibarat dan nasihat'. Kandungan ini menepati hasrat penulis sebagai perakam peristiwa sejarah yang mengisahkan apa yang berlaku sebagaimana ianya terjadi supaya pembacanya mendapat iktibar dan petunjuk dari rakaman kisah-kisah itu.

Maka selarasilah sikap pengarang SAR dengan suatu sudut falsafah sejarah yang dipegang oleh seorang ahli falsafah sejarah berbangsa Jerman yang bernama Von Ranke yang mengintisarikan bahawa sejarah sewajarnya dituliskan berasaskan peristiwa yang berlaku sebagaimana ianya benar-benar terjadi.

RIWAYAT HIDUP HAJI ABDUL RAHMAN

Kisah hidup Abdul Rahman atau Wirio di Padang menjadi tema utama MS SAR. Ketokohan Wirio dikaitkan dengan sejarah awal pembukaan Kampung Parit Jawa, Muar, Johor. Beliaulah seorang perantau Jawa yang turut sama membuka Kampung Baru di Padang, kemudiannya dinamakan Parit Jawa, Muar, Johor. Setelah meneroka Parit Jawa, usaha utamanya ialah membuat kebun dan membina keluarga serta hidup menetap sehingga beliau meninggal di bumi Padang, Muar, Johor pada tahun 1921.

Wirio berasal dari Kampung Kudus, Jawa Tengah, seluruh dengan Penghulu Abdul Jabbar yang telah terlebih dulu meninggalkan Kudus dan menetap di Padang, Muar, Johor sekitar tahun 1850. Sebelum berjumpa Abdul Jabbar di Singapura, Wario telah mencari rezeki di pulau itu tetapi hasilnya tidak memberangsangkan masa depan yang dicita-citakan, iaitu membuka kebun dan mengumpul wang dan harta untuk membolehkan dia merantau ke Tanah Suci (Makkah). Cita-citanya ialah mendapatkan pekerjaan yang baik supaya membolehkan beliau menunaikan fardu haji ke Makkah. Setelah membuat keputusan mengikuti Abdul Jabbar ke Padang, Muar, ternyata bahawa disitulah cita-citanya yang sejati termakbul iaitu mendapatkan tanah untuk berkebun dan bercucuk tanam sehingga menjadi seorang kaya dan senang lenang.

Kisah pembukaan Kampung Parit Jawa, Padang merupakan episod penting yang merupakan lembaran baru dalam sejarah hidup

Wirio sebagai seorang muda yang bersemangat dan bercita-cita tinggi. Wirio berhijrah ke Padang pada akhir tahun-tahun 1860-an, turut meneroka Parit Jawa pada tahun 1870. Petempatan yang dahulunya dikenal sebagai Kampung Baru telah diisytiharkan Kampung Parit Jawa pada tahun 1871. Pada tahun 1872, Datuk Bentara Dalam, Munshi Ibrahim bin Abdullah Munshi, telah melawat Parit Jawa dan melaporkan perkembangannya dalam *Kisah Pelayaran Ibrahim Munshi*.

Setelah berada di Parit Jawa selama empat dekad, barulah kisah Wirio dirakamkan oleh puteranya yang sulung yang pada masa mula menuliskan kisahnya berumur kira-kira 30 tahun. Pengarang lahir pada tahun 1878 dan mula menulis pada tahun 1910. Wirio mengisahkan kepada anaknya itu bahawa ia seorang anak yatim piatu dari empat orang adik-beradik. Adik lelakinya Hashim dan adik perempuannya Sakijah tinggal hidup bersama saudara mara. Abang saudaranya bernama Munadza setelah berkahwin mendapat musibah sehingga menyebabkan ia mengambil keputusan berpindah ke Singapura untuk mencari penghidupan baru dengan meninggalkan isterinya. Mereka meninggalkan Kuddus melalui Semarang langsung ke Singapura.

Di Singapura, Wirio dan Munadza telah mendapat berita tentang seorang perantau Jawa bernama Abdul Jabbar telah menjadi Penghulu Padang di Muar Johor. Ramai perantau Jawa telah mengikut beliau ke Padang dan bermastautin di sana. Terdapat tiga faktor utama mengapa Wario dan Munadza meninggalkan kampung halaman dan memulakan penghidupan baru di Tanah Padang, Johor.

Pertama, masalah mendapatkan *sandang pangan* (bahasa Jawa) disebabkan kebun laman yang kurang memadai. Oleh kerana tekanan ekonomi, mereka merasakan perlu merantau untuk mendapatkan belanja dan persiapan untuk menunaikan haji. Berhubung dengan faktor pertama, faktor kedua melibatkan soal agama iaitu soal bagaimana mendapatkan wang untuk naik haji. Faktor ketiga lebih merupakan sebab peribadi yang melibatkan konflik dalam masyarakat, keluarga, perkahwinan dan seumpamanya. Dalam kes Wario, ia mengikut abang sepupunya disebabkan adanya gara-gara pergaduhan dalam keluarga dan rumahtangga.

Ada sebab-sebab lain yang mengakibatkan orang-orang Jawa membawa diri ke penempatan baru di Johor, tetapi dalam kes Wario dan Munadza, tiga faktor tersebut menjelaskan sebab mengapa mereka tiba ke Padang. Di antara tiga faktor itu, nampaknya faktor kedua merupakan faktor motivasi yang terpenting di samping faktor ekonomi. Ini disebabkan penyempurnaan ibadat haji meningkatkan status ekonomi dan sosial. Contohnya, seseorang yang telah menunaikan haji biasanya mengenakan jubah dan sarban yang

merupakan lambang-lambang status dalam masyarakat desa. Sebagai haji yang berpakaian seumpama itu, ia lebih dihormati, berpengaruh dan dipercayai orang ramai. Perihal ini memudahkan ia menjalankan kegiatan ekonomi dan keagamaan. Setelah kedua-dua matlamat itu tercapai, maka dalam kes Haji Abdul Rahman, beliau bermastautin di Padang dan pengarang manuskrip merakamkan bahawa bapanya:⁵⁹

*Bertanam padi berladang-ladang /
Seorang dapat berkoyan-koyan
Semua orang dapat kesenangan /
Mencari harta sandang pangan
Tidaklah banyak fikir dikira /
Duduk tetap [di Padang] buat kerja
Tidaklah lagi hendak ke mana /
Ke sana ke mari demikian juga*

Sementelah, manuskrip yang dikaji menunjukkan bahawa faktor agama mengatasi faktor-faktor yang lainnya. Namun begitu ada juga para jemaah haji yang menjual habis harta benda untuk menunaikan haji dan terpaksa membuka kebun setelah mendapat haji. Wario dan Munadza lebih berhati-hati dan tidak menjualkan semua harta untuk mendapatkan perbelanjaan ke Mekkah. Dalam kes abang saudara Wirio bernama Haji Abdul Syukur, pemergiannya ke Mekah bertujuan 'menahun' di sana sehingga kehabisan bekalan wang dan terpaksa pulang ke Padang dengan menaiki kapal dan membayar tambangnya kemudian dengan cara membuat 'kerja tebusan':⁶⁰

*Telah sudah demikian peri /
Selamatnya ia sudah kembali
Hingga beberapa hari /
Hendak membayar hutang pasti*

*Masuklah ia kerja tebusan /
Hashim ada sama mengikutkan
Negeri Linggi dibawanya tuan /
Kerja di sana berbulan-bulan*

*Beberapa lama kerja di sana /
Sampailah akan perjanjiannya
Pulang ia dengan selamatnya /
Sampai ke rumah adinda saudara*

Ramai juga perantau Melayu di Padang yang tidak dapat memenuhi niat dan cita-cita menunaikan haji tetapi ternyata bahawa kesemua ahli-ahli keluarga Wirio berjaya dan sekembalinya dari fardu haji meneruskan hidup dengan penuh kebahagiaan.

Manuskrip mula ditulis pada tahun 1910 dan berhenti ditulis pada sekitar tahun 1930, iaitu memakan masa selama dua dekad.

BAHASA NARATIF MS SAR

Dalam penulisan *genre* selain dari puisi, nampaknya aspek bahasa adalah kurang ketat jika dibandingkan dengan puisi. Dalam syair khususnya, pemilihan kata-kata sangat diutamakan. Pemilihan yang rapi bukan sahaja berpandukan kepada assonansi pada akhir kata dalam setiap bait (a-a-a-a), tetapi pengarang mestilah bijak mencakupi makna yang dihasratkan di samping makna yang disiratkan. Pengarang juga, dengan menggunakan bahasa naratif dalam puisi sebagai alat komunikasi, telah berjaya menyusun kata-kata berserta visual, citra serta imaginasi dan dampaknya dalam puisi yang sarat memboyot dengan kisah-kisah sejarah ahli-ahli keluarganya. Gaya bahasanya yang berbentuk separuh tradisional menjalin hubungkait yang begitu berkesan apabila disemat serta disulam dengan kata-kata Arab, Jawa, Kolokialisme dan sebagainya. Senarai yang lengkap atau daftar kata-kata Arab, Jawa dan Kolokialisme mungkin dapat diusahakan dalam kajian yang lain yang lebih mendetail. Apa yang penting diingat mengenai gaya bahasa pengarang ialah penggunaan bahasa yang mudah difahami dan amat biasa tetapi menyumbangkan makna dan kesan yang amat efektif kepada audiennya.

Ciri utama bahasa naratif pengarang SAR menonjolkan ketelitian yang sangat ketara. Keketaraan bukan sahaja terhad pada peristiwa sezamannya, malah mengenai zaman bapanya. Contohnya terdapat dalam pengkisahan tentang perjalanan di atas kapal layar dari Semarang ke Singapura:⁶¹

*Kapal deras seperti terbang /
Negeri Semarang dipandang hilang
Menempuh arus dengan gelombang /
Langit dan air yang terpandang*

*Sampailah ketengah lautan bahari /
Turun ribut keras sekali
Ombaknya besar tidak terperi /
Berdengung-dengung bunyinya tali*

*Ada yang muntah ada yang mabuk /
 Ada yang baring ada yang duduk
 Seperti ikan dalam lubuk /
 Tidak peduli sampah dan abuk*

*Dengan se[ke]tika berhentilah ribut /
 Belayarlal kapal lemah lembut
 Bharulah hati tiada takut /
 Kelasi bersuka bersa[h]ut-sa[h]ut*

Sungguhpun pengarang tidak ada bersama-sama bapanya dalam pelayaran itu, tetapi beliau telah mengungkapkan gambaran citranya mengenai peristiwa itu dengan begitu efektif dan berkesan sekali. Kejelasan naratif sangat berhubung kait dengan ketepatan fakta. Inilah keistimewaan pengarang SAR. Beliau berhasil menggarapkan suasana serta keadaan sehingga menjadikan penceritaannya begitu objektif dan meyakinkan.

Menyalurkan sejarah ke dalam puisi bukanlah suatu usaha yang mudah. Lebih sukar sekiranya pengarang tidak menguasai bahasa Melayu berbentuk prosa. Justru kerana puisi Melayu merupakan 'puisi perkataan' yang memerlukan penyair memilih kata-kata dengan rapi dan teliti, maka kemampuan pengarang mempuisikan sejarah adalah suatu kecapaian yang tinggi dari segi keupayaan berfikir, berkeaktiviti dan sekali gus menampilkan kemampuan estatika yang sangat mengkagumkan. Menulis prosa yang baik memerlukan penataran dan kemahiran berbahasa yang sangat matang, sementelah pula menulis puisi yang memboyot fakta-fakta sejarah berserta segala nuances yang dirimakan dengan secantik mungkin.

KESIMPULAN

Dengan bicara dan analisa ringkas seperti yang tertera di atas itu, maka penulis kertas menganggap bahawa MS SAR sebagai sebuah karya seni dalam persada persuratan Melayu yang berjaya menyalurkan sejarah tempatan Johor di Tanah Padang ke dalam puisi. MS SAR juga menjanjikan kemungkinan kajian-kajian ilmiah yang lebih bermakna bukan sahaja dari segi kesejarahannya, tetapi dari aspek-aspek lain yang seharusnya lebih bererti yang menyangkut disiplin-disiplin falsafah, persuratan, kesusasteraan, kebudayaan, linguistik dan lain-lain lagi dalam bidang ilmu-ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan.

NOTA

- ¹ *The Use of History*, The English Universities Press, London, 1962, p. 53.
- ² Perbincangan yang memberi fokus kepada MS SAR telah dibuat dalam kertas yang lain. Lihat Rahmat Saripan, 'Syair Pembukaan Parit Jawa Johor', Seminar Warisan Persuratan Johor, Johor Bharu 1-4 Ogos, anjuran Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim.
- ³ Dzul Karnain Ithnain, *Nostalgia Padang*, Utusan Publications, Kuala Lumpur, 1995, 297 hh.
- ⁴ Perbincangan lanjut mengenai kemajuan masyarakat perantau Melayu zaman penjajahan British telah dihuraikan dalam kertas Khazin Mohd. Tamrin & Rahmat Saripan, 'Perantau Melayu dan Kemajuan Masyarakat di zaman Kolonial British Malaya,' yang dibentangkan dalam Kongres Sejarah Malaysia Kedua, di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 26-28 November, 1996. Kemajuan masyarakat perantau Melayu merujuk khusus ke Padang, Johor sebagai contoh perkembangan sejarah yang jelas berasaskan sumber-sumber manuskrip persendirian mahupun berupa rekod rasmi.
- ⁵ Peristiwa Perang Jementah terdapat dalam dokumen-dokumen rasmi yang terkumpul dalam Muar Papers, 1879-1880, Pel. 7, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor/Melaka, Johor Bharu.
- ⁶ Ibid.
- ⁷ Dipetik oleh Khazin Mohd. Tamrin, 'Merantau A Study of Javanese Immigration and Settlements in the Tanah Sebrang of the Malay Peninsula, 1860s-1940', Tesis Ph. D. yang belum diterbitkan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Kent di Canterbury, Oktober, 1987, p. 10.
- ⁸ *Oral Tradition*, p. 148.
- ⁹ JMBRAS, 27:3, Jan. 1940, pp. 121-141 mengatakan, 'Syair is one of the earliest forms of Malay poetry.' Mengenai teori Syair Melayu, baca Syed Naguib Al-Attas, *The Origin of the Malay Shair*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, pp. 1-64.
- ¹⁰ 'Merantau', p. 11.
- ¹¹ Ibid., n. 19.
- ¹² Beliau ialah anak pengarang MS SAR yang mewarisi manuskrip daripada ayahandanya di samping mengarang beberapa artikel dan catatan mengenai sejarah Parit Jawa.
- ¹³ Ternyata bahawa bahagian akhir syair itu (hh. 153-370) juga berguna kepadanya kerana setelah menunjukkan salinan naskhah syair itu kepada Profesor H.B. Hooker (penyelianya). Khazin

telah disarankan supaya mengerjakan manuskrip sebagai subjek kajian tesisnya. Oleh kerana Khazin tidak dapat menyalin keseluruhan syair itu, maka beliau tidak dapat menerima cadangan penyeliaanya.

- 14 Ibid., p. 12.
- 15 Lihat tulisannya berjudul iRiwayat Trengganu Darul Iman: Kajian dan AnalisaTeks Mengenai Tradisi Persejaraan Melayu Trengganu 1881-1936, i Dissertasi D. Fal. yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1984.
- 16 Lihat tesisnya berjudul 'Merantau', *passim*.
- 17 Sehingga kini penulis kertas telah mengemukakan tiga makalah mengenai MS SAR dan kertas ini adalah yang keempat.
- 18 Lihat catatan 2 & 4.
- 19 MS SAR, hh. 2-6.
- 20 Ibid., hh. 7-14.
- 21 Ibid., hh. 18-22.
- 22 Ibid., hh. 26-40.
- 23 Ibid., hh. 42-91.
- 24 Ibid., hh. 107-149.
- 25 Ibid., hh. 151-152.
- 26 Ibid., hh. 168-190.
- 27 Ibid., hh. 190-195.
- 28 Ibid., hh. 195-223.
- 29 Ibid., hh. 224-232.
- 30 Ibid., hh. 235-242.
- 31 Ibid., hh. 243-248.
- 32 Ibid., hh. 249-324.
- 33 Ibid., hh. 327-337.
- 34 Ibid., hh. 337-342.
- 35 Ibid., hh. 342-343.
- 36 Ibid., hh. 343-353.
- 37 Ibid., hh. 354-356.
- 38 Ibid., hh. 356-359.
- 39 Ibid., hh. 362-370.
- 40 MS SAR, h2, b. 12.
- 41 Ibid., h. 99, bb. 12-14. HARW menulis surat kepada Abdul Syukur (abangnya).
- 42 Nama abang Wirio ialah Abdul Syukur, dan adik-adiknya ialah Hashim dan Sakijah. SAR, hh. 1-2.
- 43 Beberapa naskhah manuskrip dan surat pelbagai kini berada dalam simpanan penulis kertas ini yang mendapat ihsan dari cucu Haji Hashim bernama Haji Annuar (umur 65 tahun).
- 44 SAR, h. 252, bb. 27-30.

- ⁴⁵ Ibid., h. 232, b. 12.
- ³⁴⁶ Ibid., h. 151. iWacani bererti hasil tulisan, biasanya bercorak sejarah.
- ⁴⁷ Ibid., h. 291, bb. 1-8.
- ⁴⁸ Ibid., h. 338, bb. 13-20.
- ⁴⁹ SAR, hh. 269-370.
- ⁵⁰ Ibid. h. 330, bb. 1-4.
- ⁵¹ Ibid., h. 333, bb. 1-4.
- ⁵² SAR, h. 3/4, bb. 1-16.
- ⁵³ Mohd. Yusoff Hashim, iRiwayat Trengganu Darul Imani, h.457.
- ⁵⁴ Nama Tanah Padang tidak seharusnya dikelirukan dengan nama bandar yang sama di Sumatra kerana kawasan tanah pamah Padang yang terdapat di Muar terletak dari wilayah sebelah timur Sungai Muar (Tanjung Mas) sehingga ke Sungai Pulai (Tanjung Tohor). Sebuah novel sejarah yang merujuk kepada kawasan ini telah ditulis sepertimana tersebut dalam catatan 1.
- ⁵⁵ MS SAR, h. 22.
- ⁵⁶ MS SAR, pengenalan.
- ⁵⁷ Ibid., h. 1/2. Di halaman ini ada catatan oleh pengarang tentang dirinya, semacam biodata ringkas mengandungi nama, tarikh lahir dan nama syair yang dikarangnya serta menyatakan bahawa '... ceteranya ... ada ibarat dan nasihat... silalah encik dan tuantuan baca.'
- ⁵⁸ 'Merantau', p. 12.
- ⁵⁹ MS SAR, h. 94.
- ⁶⁰ MS SAR, h. 106.
- ⁶¹ SAR, h. 7, bb. 29-6 dan h. 8, bb. 5-50.

... ..

... ..

TABLE

... ..

... ..

... ..

... ..

... ..

... ..

Semiotik Melayu: Pewujudan, Pemahaman Dan Pemanfaatannya Dalam Dunia Sastera

Sahlan Mohd Saman

Jabatan Persuratan Melayu, UKM

PENGENALAN

Sejak tokoh kritikan kita seperti Umar Junus dan Sapardy Murady membawa masuk teori ini ke dalam dunia sastera Melayu, kita terus mengerjakan kritikan dengan pendekatan ini seadanya. Tulisan-tulisan Tudorov, Hawkes, Riffaterre, Eco, Teeuw, Barthes dan Eagleton turut membantu pemahaman serta penerapan yang lebih berguna sebagai bacaan bersama. Kritikan sastera juga turut bertambah kerja pendekatan yang dimanfaatkan di dalamnya.

Kita menerima dan memanfaatkan teori/pendekatan itu secara *in toto* tanpa banyak soal. Kita terapkan istilah-istilah seperti *sign*, *signifier* dan *signified*, lambang-lambang indeksikal, ikonik, biasa dan lain-lain. Kadangkala amat payah untuk idikunyah serta dihazam di dalam konteks budaya Melayu bagi seluruh Nusantara ini.

Penerimaan *in toto* serta penerapannya telah menghasilkan tulisan-tulisan yang sama ada memperjelaskan kedudukannya, fungsionalismenya, perkaedahannya, atau penerapannya di mana sesuai, berlaku secara berterusan selama lebih lima belas tahun. Dalam bentuk buku dan makalah dalam jurnal/majalah, tidak sampai 20 yang telah dihasilkan sejak 1984 itu. Bilangan ini amat sedikit; bagaimana pula kita sukati kualiti tulisan-tulisan itu dengan jumlah sekecil itu?

Kita tidak/belum terlintas untuk menyesuaikannya mengikut acuan atau wacana kita? Era lima belas tahun itu cukup lama untuk belajar sesuatu ilmu. Mungkin tiba masanya kita fikirkan bersama suatu teori sendiri yang lahir daripada proses panjang belajar dan mengamalkannya seperti disebutkan. Mungkin tiba waktunya kita memikirkan suatu teori semiotik Melayu yang akan dimanfaatkan oleh sarjana akan datang, di sini dan di luar Nusantara ini.

RASIONAL

Jumlah penduduk Nusantara yang berbahasa dan berbudaya Melayu melebihi 300 juta bukannya sesuatu yang kecil dan remeh. Penjajah

dari Barat telah lama mengkaji budaya kita. Daripada hasil kajian budaya itulah mereka berhasil pula menghantar bala tentera menakluki kita. Ada ironi di sebalik ratusan tahun terbelunggu itu: bahawa kita tidak kenal diri kita sendiri (penjajah tidak membenarkan kita mengenali diri kita demi mengekalkan *status quo* mereka di sini).

Dalam keadaan pembangunan sosio-ekonomi pesat kini, pada kaca mata pasca-kolonial penjajah, kita dicemburui. Mereka tidak senang melihat kita semakin senang, bergerak ke arah terbentuknya suatu bangsa besar yang mungkin menjadikan mereka kecil suatu hari nanti. Kita harus mengenali diri kita lebih dekat - dalam dan luar. Bahan-bahan sastera Melayu, tradisional dan moden (termasuk yang lisan) amat mahal nilainya dalam konteks ini.

Tradisi lisan berbahasa Melayu yang telah diterbitkan semakin memudahkan pengumpulan data serta analisisnya. Khazanah tidak ternilai ini ditambah pula dengan segala bentuk saduran dari luar serta hikayat sendiri yang cukup besar ertinya - di antaranya *Hikayat Hang Tuah*, *Merong Mahawangsa*, *Hikayat Abdullah*, *Syair Burung Pingai*, *Anggun Cik Tunggal*, *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Hikayat Banjar*, dan lain-lain.


Sebagai pemula, tulisan ini diharap mencabar peneroka teori Melayu yang telah ada serta yang mungkin berminat memulakannya. Kenapa tidak kita mengerjakan proses penteorian jati diri ini secara kolektif? Sesungguhnya inilah cara paling efektif dan cepat tercapainya matlamat kajian - pewujudan dan pemantapan teori. Mengurangkan percanggahan atau percakaran sesama sendiri juga pasti menguntungkan pembinaan tamadun bangsa yang kita inginkan.

TEORI SEMIOTIK BARAT

Perkembangan kajian linguistik telah memungkinkan kewujudan semiotik - suatu pendekatan kajian yang amat luas, terbuka, sesuai pula diterapkan ke atas karya-karya kreatif sastera. Perspektif kajian yang diperkenalkan oleh Pierce Guirraud ini lebih luas dan terbuka berbanding pendekatan lain seperti formalistik, stilistik, linguistik, fenomenologi, atau pendekatan-pendekatan awal seperti moral, sosial, psikologi, arkitaip, agama, dan selainnya.

Linguistik sendiri adalah sebahagian sains semiotik, bahawa rumus-rumus yang wujud dalam semiotik boleh diambil sebagai kajian linguistik (Saussure, 1974:16). Namun sebagai sains yang mengkaji tanda komunikasi, semiotik tetap 'bersaudara' dengan

linguistik dan antropologi kerana ketiga-tiga itu tinggal dalam suatu pola besar- strukturalisme.



Marga Strukturalisme

Ketiga-tiga disiplin ini berinteraksi antara satu sama lain; kadangkala saling melengkapi pula kerana penafsiran yang dilakukan ke atas suatu lambang tidak bererti kalau ianya berdiri sendiri—memerlukan hubungan dengan yang lain. Di antara manifestasi manusia yang terus dikaji melalui beberapa wahana, paling dasar adalah bahasa (Guirraud, 1975: 22). Penafsiran lambang atau tanda bahasa berubah-ubah mengikut konteks dan zaman penggunaannya. Bahasa adalah satu sistem isyarat (sign) yang membawa konsep tertentu (signified) dengan penanda (signifier) yang telah ditentukan pula. Pada kajian dasar, semiotik bolehlah divisualkan seperti berikut:

Secara khusus pula kitapun diperkenalkan pula dengan 'zuriat' semiotik sebagai *syntactic semiotics*, *semantic semiotics*, dan *pragmatic semiotics* (Van Zoest, 1992: 6). Kita juga dihidangkan dengan klasifikasi lambang seperti ikonik, indeksikal, dan yang biasa. Kitapun mengambil contoh-contoh dari persekitaran dan kehidupan kita untuk menampung klasifikasi yang telah ditentukan. Setelah lama membuat kajian, penghayatan dan tulisan praktis (bermula secara mudah) kitapun semakin arif tentang ilmu tanda yang kita import kemudian kita sesuaikan ke dalam dunia keilmuan kita.



Hubungan Makna Semiotik

Nama-nama tokoh-tokoh barat seperti Pierce Guirraud, Roland Barthes, Jonathan Culler, Umberto Eco, Terence Hawkes, Michael Riffaterre, Julia Kristeva, Sandor Harvey, Ferdinand de Saussure, Thomas Sebeok, Van Zoest, A. Teeuw, Stephen Ullman, Raymond Firth dan Ann Jefferson sering disebut atau diangkat pendapat mereka sebagai *citation* atau *quotation* esei semester, latihan ilmiah dan makalah jurnal. Pelajar dan sarjana kita masih belum meyakini (?) Mohd Taib Osman, Ismail Hussein, Muhammad Haji Salleh, Harun Mat Piah, Hashim Awang, Umar Junus, Mohd Affandi Hassan, Mana Sikana, Shahnnon Ahmad, Siti Hawa Haji Salleh atau sarjana Nusantara seperti Sapardi Joko Damono, Budi Darma, H.B. Jassin, Rachmat Djoko Pradopo, Panuti Sudjiman dan Teuku Iskandar. Proses mengenal, meneliti dan mengiktiraf tokoh atau sarjana dari kalangan kita sendiri amat lambat dan payah. Mungkin jiwa terjajah dan jatidiri 'hinadina' itu masih kuat akar umbinya dalam diri kita. Namun mungkin mampu diubah bagi generasi baru yang tidak pernah melewati era penjajahan. Kenapa tidak?

TEORI SEMIOTIK MELAYU

Dalam masa terdekat inilah yang kita bina, perkenalkan, kemudian jadinya suatu kepunyaan kita. Tetapi kita harus membinanya secara bersama: daripada disiplin-disiplin relevan seperti linguistik, antropologi, sejarah, kebudayaan, sains dan teknologi berasaskan Melayu.

Umar Junus yang bermula di bidang antropologi, kemudian berhijrah ke bidang sastera, telah memperkenalkan semiotik secara formal kepada khalayak dengan beberapa pengucapannya pada pertemuan sastera di Kuala Lumpur. Mana Sikana turut menyumbangkan perannya selepas itu dengan sebuah tulisannya berjudul *Pendekatan Semiotik sebagai Kritikan Sasterai* (Mastika, Okt. 1984); diikuti Supardy Muradi *iSemiotik dan Kajian Perlambangani* (Dewan Sastera; Mac 1985). Pada waktu yang sama A. Teeuw telah menghasilkan *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera* (1984) yang amat banyak berbicara tentang semiotik.

Dua tahun asas pengenalan itu telah membuka minda pengkritik serta sarjana sastera kita untuk melangsungkan pengembangan teori baru itu. Selain tokoh tersebut, A. Rahim Abdullah, Mana Sikana, Shukri Matt Ali dan Kamaruddin A. Rahman turut memanfaatkan pendekatan ini. Hanya dekad 90-an saja telah memperlihatkan keberanian pelajar menerapkan semiotik ke dalam latihan ilmiah mereka. Penyelidikan pasca-siswazah belum menampilkan usaha yang serupa. Kajian latihan ilmiah yang dimaksudkan ialah:

1. Tew Khak Sin, 'Hikayat Melayu Lama: Satu Kajian dari Pendekatan Semiotik' Jabatan Persuratan Melayu, 1993/94.
2. Kamaruddin Mamat, 'Empangan dari Perspektif Semiotik' Jabatan Persuratan Melayu, 1994/95.
3. Maharam Mamat, 'Semiotik Sasterawan Negara: Analisis Empat Novel Dekad 90-an' Jabatan Persuratan Melayu, 1996/97.

Di Indonesia juga pendekatan ini dimanfaatkan secara meluas dalam kajian-kajian S2 dan S3, pasca-siswazah. Diantara yang dikenali adalah Rachmat Djoko Pradopo dan Panuti Sudjiman. Mereka memanfaatkan semiotik untuk kajian puisi moden yang dihasilkan oleh penyair-penyair Indonesia dari dekad 20-an dulu hingga kini.

Karya sastera kita yang sarat dengan lambang dan *weltanschauung* tersendiri yang banyak perbezaannya dengan yang datang dari barat, memerlukan kajian serta pengkategorian tersendiri juga sebagai yang eksotik bagi dunia luas Nusantara ini. Hanya dengan pengkategorian

sendiri, penjelasan jatidiri, kita semakin dihormati, walaupun proses pengiktirafan itu payah dan panjang. Sebagai contoh, Tew Khak Sin menyimpulkan kajiannya:

Hasil kajian dan penyelidikan ke atas keempat-empat buah teks hikayat Melayu lama iaitu Hikayat Anggun Cik Tunggal, Hikayat Awang Sulung Merah Muda, Hikayat Malim Deman, dan Hikayat Raja Muda dengan pendekatan semiotik telah memberi penafsiran dan pemahaman baru terhadap teks-teks klasik. Hikayat Melayu lama padat dan sarat dengan lambang-lambang sama ada dalam bentuk judul, perkataan, ungkapan, ayat mahupun keseluruhan cerita. Golongan lambang-lambang tersebut telah membawa kepada perlebagaan *super* (Tew Khak Sin, 1994:120).

Persoalan *super* itulah yang harus diperkembangkan, dijadikan kesinambungan kajian selepas ini. Teks lipur lara merupakan satu daripada percikan yang mampu digambarkan selain teks lisan yang lain, puisi Melayu tradisional, hikayat dan prosa serta puisi moden. Ruang lingkup kajian masih luas dan banyak yang masih belum diterokai. Secara kolektif dan bersepadu, pewujudan semiotik Melayu memerlukan tenaga puluhan sarjana dan penyelidik yang iltizamnya terhadap kajian ini tidak mudah goyah, gigih dan panjang. Sarjana sastera lisan dan tulisan harus bersatu membina bersama teori ini dalam wacana yang tidak banyak berbeza. Akhirnya *weltanchauung* Melayu yang sama-sama kita inginkan itu akan dapat dijustifikasikan kewujudannya, setelah mendapat data daripada ratusan teks tradisional dan moden, bukan setakat dua atau tiga buah secara wewenang pula.

Sebagai contoh, daripada kajian data empat buah teks teks lipur lara, Tew Khak Sin menyimpulkan bahawa perkahwinan putera raja dengan puteri raja lain atau puteri dari kayangan adalah suatu citra mempertahankan 'bangsa'. Raja Melayu tetap menganggap lingkungannya lebih mulia daripada pembesar dan rakyat, ditambah pula oleh penobat dan pengiktirafan yang dilaluinya ketika ditabalkan sebagai raja sebelumnya.

Rakyat Melayu sememangnya arif dan lazim tentang hal itu; tetapi etnik lain yang mendiami/tinggal bersama dengan masyarakat Melayu harus memahami citra tradisional sebegitu sekiranya kewujudannya masih ada. Secara *super*, citra yang sama akan dipelajari dan difahami/dihayati pengkaji luar lingkungan Melayu/Nusantara. Proses memberi kefahaman tentang *weltanchauung* Melayu pasti lebih berjaya kerana sistem pentafsiran lambang yang ada melalui apa yang kita ingin wujudkan sebagai semiotik Melayu.

Pewujudan teori semiotik melayu juga akan mengangkat martabat Melayu di peringkat kajian *super*, walaupun kita amat arif bahawa

penerimaannya amat payah dan lambat. Kita percaya kesombongan semula jadi sarjana Barat adalah batu penghalang awal terhadap pewujudan ini, begitu juga di kalangan sarjana Melayu yang kurang yakin terhadap kemampuan sendiri, juga bangsanya.

Selagi rasa 'hina dina' itu masih tebal dalam dirinya, serta anggapan sarjana berkulit putih itu lebih autoritatif daripada dirinya, selagi itulah dia sangsi pada usaha begini. Sebagai bukti, penerimaan mudah terhadap teori/pendekatan/wawasan yang datang dari Barat, dipraktiskan tanpa waswas, terlalu lazim sejak kita mengenal pemanfaatan teori di institusi pengajian tinggi tanahair. Kalau sarjana sendiri mengemukakan wawasan/pendekatan/teori (walaupun tentang bangsanya sendiri) dia disambut dengan ejekan dan cemikan, malah diketawakan tanpa ada rasa bangga apatah lagi sayangkan bangsanya. Tabiat buruk ini harus kita hentikan secara kolektif juga.

KESIMPULAN

Impian mewujudkan teori semiotik Melayu bukan sesuatu yang mustahil. Ianya harus diusahakan secara kolektif, bersatu, berwacana, dengan teks yang cukup banyak mewakili genre serta sub-genrenya. Berikan sokongan, kesempatan serta waktu yang cukup panjang, insya-allah ianya akan terjelma suatu hari nanti.

RUJUKAN

- A. Rahim Abdullah. 1992. *Tunggul-tunggul Gerigis Kaya dengan Semiotik dan Psikologi*. Dewan Sastera, Mei.
- Eco, U. 1979. *A Theory of Semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Hawkes, T. 1977. *Structuralism and Semiotics*. Los Angeles: University of California Press.
- Maharam Mamat. 1977. *Semiotik Sasterawan Negara: Analisis Empat Novel Dekad 90-an*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Persuratan Melayu, FSKK, UKM, Bangi.
- Mana Sikana. 1984. Pendekatan Semiotik Sebagai Kritikan Sastera. *Mastika*, Oktober.
- _____. 1990. *Pendekatan Kesusasteraan Moden*. B.B.Bangi: Penerbit Karyawan.
- Mohd. Taib Osman & Wan Kadir Yusoff. 1983. *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Sahlan Mohd Saman. 1992. Semiotik dalam Kesusasteraan Melayu: Satu Kesan Kewujudan dan Hubungan. *Monograf No. 3*, Jabatan Persuratan Melayu: FSKK, UKM, Bangi.
- Supardy Muradi, 1984. Semiotik dan Kajian Perlambangan. *Dewan Sastera*, Disember.
- _____. 1988. Semiotik dan Prosa: Satu Tanggapan. *Dewan Sastera*, November.
- Teeuw, A. 1983. *Membaca dan Menilai Sastera*. Jakarta: Gramedia
- Tew Khak Sin. 1994. "Hikayat Melayu Lama: Satu Kajian dari Pendekatan Semiotik". Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Persuratan Melayu, FSKK, UKM, Bangi.
- Umar Junus. 1988. *Karya Sebagai Sumber Makna*. Kuala Lumpur: DBP.
- Zoest, A. & sudjiman, P. (pnyl) 1992. *Serba Serbi Semiotik*. Jakarta: Gramedia

Transformasi Sosial, Peranan Pemerintah Dan Pembentukan Kelas Menengah Di Malaysia

Abdul Rahman Embong

Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM

PENGENALAN

Kajian tentang kelas menengah sebagai satu tema khusus dalam ilmu sosial adalah satu fenomena pasca-Perang Dunia Kedua. Di Barat, kajian tersebut mula rancak sejak 1960-an, dan terus berkembang pada 1970-an dan 1980-an. Kajian ini muncul dalam konteks perbincangan terhadap teori kelas Marx dan sarjana Marxis. Teori klasik Marx yang mengemukakan model dua kelas, borjuis dan proletar, serta ramalannya tentang pempapakedanaan dan polarisasi masyarakat telah dipersoalkan dengan alasan bahawa teori dan ramalan itu tidak menepati perkembangan sejarah.

Di negara-negara sedang membangun termasuk Malaysia, minat secara berterusan dan meluas mengenai kelas menengah sebagai satu tema khusus dan tersendiri muncul kemudian, khususnya sejak akhir 1980-an dan 1990-an. Minat ini terdorong, antara lain, oleh fenomena kebangkitan ekonomi Asia, khususnya 'ekonomi negara-negara naga' Asia Timur (Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura) serta kebangkitan Asia Tenggara termasuk Malaysia yang telah menonjolkan kelas menengah dalam stratifikasi masyarakat negara masing-masing.

Bagaimanakah keadaan kajian tentang kelas menengah di Malaysia? Tinjauan sepintas lalu tentang kajian-kajian lepas di Malaysia, khususnya sejak 1960-an dan 1970-an, menunjukkan memang terdapat penulisan (yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan) mengenai tema kelas menengah secara khusus, dan juga kajian-kajian lain yang ada kaitan dengan kelas menengah. Beberapa contoh kajian awal mengenai kelas menengah di Malaysia yang sudah diterbitkan termasuk karya James Scott (1968), Nordin Selat (1976) dan Khasnor Johan (1984).

Namun, kerana kurang teliti apabila membuat tinjauan mengenai kajian lepas, sesetengah pengkaji mengenai tajuk ini tidak pun mengambil kira kajian-kajian tersebut lantas mereka membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat kajian mengenai kelas menengah di Malaysia. Misalnya, Joel Kahn, seorang profesor antropologi dari Universiti La Trobe, Australia yang membuat kajian mengenai kelas

menengah Malaysia sejak akhir 1980-an dan awal 1990-an mendakwa bahawa para sarjana Malaysia ketinggalan berbanding dengan industri pengiklanan dan media massa dalam 'menemui' kelas menengah. Menurutnya, para pengiklan dan media 'menemui' kelas menengah terlebih dahulu daripada ahli akademik (1996:13).

Sungguhpun kajian mengenai kelas menengah sudah bermula lebih awal di Malaysia, namun kajian mengenai kelas menengah sebagai satu tema khusus dan tersendiri dilakukan dengan lebih bersungguh-sungguh dan berterusan sejak akhir 1980-an dan 1990-an. Pada 1980-an, misalnya, terdapat tulisan-tulisan Syed Husin Ali (1984), Johan Saravanamuttu (1989), Harold Crouch, Mohd. Nor Nawawi dan lain-lain. Pada 1990-an, kajian-kajian itu diteruskan lagi yang dilakukan oleh sarjana-sarjana seperti Joel Kahn, Shamsul A.B., Harold Crouch, Abdul Rahman, Jomo, Ikmal Said, Norani Othman, dan lain-lain. Di Universiti Kebangsaan Malaysia, kajian mengenai kemodenan budaya dan kelas menengah di Lembah Kelang dijalankan secara bersama pada 1995 dan 1996 sebagai projek IRPA oleh Norani Othman dan Abdul Rahman (Norani Othman et al. 1996). Pada 1996 dan 1997, kajian mengenai kelas menengah yang juga dibiayai oleh dana IRPA diperluaskan untuk merangkumi bukan sahaja Lembah Kelang, tetapi juga zon-zon utama yang lain di Semenanjung Malaysia sedang dilakukan oleh sepasukan penyelidik terdiri daripada Rahimah Aziz, Abdul Rahman Embong, Hairi Abdullah, Mohamad Salleh Lamry (kesemuanya daripada Jabatan Antropologi dan Sosiologi) dan Mohd. Dhari Othman (daripada Jabatan Komunikasi).

Satu komen umum yang boleh dibuat tentang kajian-kajian yang awal di atas (yakni kajian-kajian sebelum pertengahan 1980-an) ialah kajian-kajian itu bersifat deskriptif, dengan hanya mengemukakan fakta empiris, dan tidak membicarakannya dari sudut teori (kecuali karya Scott). Kajian-kajian itu juga tidak membandingkan perkembangan kelas menengah di Malaysia dengan kelas yang sama yang terdapat dalam masyarakat-masyarakat lain. Kajian-kajian ini menerima konsep 'kelas menengah' sebagai terberi, seolah-oleh konsep ini tidak problematik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut berguna sebagai asas bagi perbandingan dengan kajian sekarang.

BEBERAPA PERSOALAN KONSEPSUAL DAN TEORITIS TENTANG KELAS MENENGAH

Konsep 'kelas' termasuk 'kelas menengah' memang problematik sifatnya. Terdapat perbezaan pendapat dan polemik yang kadang-

kadang tajam mengenainya. Bahkan akhir-akhir ini, ada sarjana yang menganggap bahawa konsep dan teori kelas, termasuk kelas menengah sebagai unit tindakan kolektif sudah ketinggalan zaman.

Memang diakui terdapat masalah dalam konsep dan teori kelas menengah, tetapi menolaknya sebagai 'ketinggalan zaman' dan 'tidak berguna' juga adalah keterlaluan. Pada hemat saya banyak konsep penting dalam ilmu sosial memang ada masalah, namun hakikat ini tidak bererti nilainya tidak ada. Fungsi sesuatu konsep termasuk 'kelas menengah' ialah sebagai alat heuristik, satu ordering device untuk meneliti masyarakat yang kompleks sifatnya. Cuma, dalam proses menggunakannya, kita perlu menyatakan dengan jelas apa yang kita maksudkan, dan apakah batasan-batasan konsep itu.

Di Malaysia, kajian-kajian dalam beberapa tahun kebelakangan ini berusaha membicarakan persoalan konseptual dan teoritis yang sebelum ini dianggap sebagai terberi. Mungkin tulisan pertama yang cuba membicarakan persoalan teori kelas menengah dan mengaitkannya dengan kajian empirikal ialah Johan Saravanamuttu (1989). Ini disusuli oleh karya-karya Joel Kahn (1991, 1992; 1996a; 1996b), Jomo (1994), Shamsul (1995a; 1995b; 1996a). Sungguhpun demikian, wujud beberapa perbezaan pendapat di kalangan penulis-penulis tersebut.

Terdapat dua persoalan penting dalam wacana mengenai kelas menengah di Malaysia yang perlu kita bicarakan di sini, iaitu definisi 'kelas menengah' (yakni persoalan konseptual); dan apakah gerak kuasa yang bertanggungjawab bagi pembentukan dan perkembangan kelas menengah (yakni persoalan teori).

Pertama, persoalan konseptual. Dalam persuratan Marxis, terdapat dua kriteria yang digunakan untuk mendefinisikan kelas, iaitu (i) kriteria objektif (berdasarkan hubungan produksi, yakni pemilik dan bukan pemilik atas alat-alat produksi); dan (ii) kriteria subjektif yakni kesedaran diri tentang kedudukan kelas, dan sebagainya. Pendekatan ini mudah digunakan bagi masyarakat kapitalis Barat pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 dalam keadaan polarisasi dua kelas yang besar (borjuis dan proletar) itu nyata.

Akan tetapi, hari ini, di Barat, keadaannya jauh berlainan hasil daripada berlakunya transformasi masyarakat yang melahirkan golongan menengah yang ramai, yang bukan kapitalis, dan juga bukan proletar. Oleh itu, timbul saranan yang mengatakan kriteria 'ownership/non-ownership' (pemilikan/bukan-pemilikan) di atas tidak boleh dipakai. Namun, ada sarjana (misalnya, Anthony Giddens, 1980) yang merasakan kerangka Marxis ini masih boleh digunakan dengan syarat pengubahsuaian sewajarnya dilakukan ke atasnya dengan mengambilkira perkembangan sejarah yang baru. Di

samping itu, Giddens juga menganggap kerangka itu boleh digabungkan dengan pendekatan Weberian yang menekankan hubungan dengan keupayaan pasaran (relations to market capacity) dan peluang hidup (*life chances*). Bertolak dari situ, Giddens menganjurkan definisi berdasarkan kriteria pemilikan yang dimodifikasikan dan mengemukakan model tiga kelas. Menurutnya, mereka yang memiliki modal adalah kelas kapitalis (kelas atasan) manakala yang menjadi pemilik tenaga kerja ialah kelas proletariat manakala pemilik tahap pendidikan/ketrampilan tertentu ialah anggota kelas menengah.

Kriteria pemilikan tahap pendidikan/ketrampilan ini diutarakan oleh Giddens berdasarkan penelitiannya ke atas perkembangan baru pertumbuhan institusi pendidikan tinggi dan pelbagai jenis pekerjaan kolar putih dalam institusi pemerintah dan swasta, yang menuntut tahap pendidikan/ketrampilan tertentu sebagai prasyarat memperoleh pekerjaan itu. Pendidikan dan ketrampilan membuka pintu mobiliti sosial bagi pemilikinya. Pemilik tersebut tidak mempunyai modal (dalam ertikata kapitalis memiliki modal), dan juga tidak menggunakan tenaga kasar, sebaliknya menggunakan tenaga mental berdasarkan latar belakang pendidikan dan latihan masing-masing. Lebih tinggi pendidikan dan kemahiran seseorang itu, maka lebih tinggi keupayaan pasaran (*marketability*) baginya, dan ini meningkatkan kedudukannya dalam hirarki kelas. Mereka yang berada dalam keadaan demikian, mengikut Giddens, boleh ditakrif sebagai menduduki kelas menengah.

Definisi Giddens ini telah digunakan oleh Johan Saravanamuttu dalam makalahnya pada 1989 berjudul 'Kelas Menengah: Tonjolan Perkauman atau Kelas?' (Saravanamuttu 1989), dengan andaian bahawa tahap pendidikan/ketrampilan tertentu membolehkan pemilikinya mempunyai pekerjaan tertentu membolehkan pemilikinya mempunyai pekerjaan tertentu. Berdasarkan definisi tersebut, Johan telah menggunakan klasifikasi pekerjaan yang terdapat dalam dokumen statistik rasmi Malaysia untuk menganggarkan saiz kelas menengah Malaysia. Johan menganggap kelas menengah terdiri daripada mereka yang berada dalam kategori pekerjaan berikut:

- Pekerja ikhtisas (profesional) dan teknikal
- Pekerja pentadbiran dan pengurusan
- Pekerja perkeranian dan yang berkaitan
- Pekerja jualan dan berkaitan
- Pekerja perkhidmatan (separuh daripada jumlahnya)

Pendekatan Johan telah dikritik oleh Joel Kahn (1996) yang menganggapnya sebagai mengelirukan dan mekanikal kerana ia mencedok pengalaman masyarakat kapitalis Barat untuk kegunaan masyarakat yang berlainan. Kahn menganjurkan '*a revised concept of the middle class*' yang mengambil kira pengalaman sejarah masyarakat berkenaan.

Kritikan Kahn tersebut membawa kita kepada persoalan kedua, iaitu persoalan teoretis dalam kajian tentang kelas menengah, iaitu apakah gerak kuasa yang bertanggungjawab atas kelahiran dan perkembangan kelas menengah di Malaysia. Hujah utama Kahn ialah perkembangan kelas menengah di Malaysia bukan kerana perkembangan kapitalisme, tetapi kerana *the creation and expansion of the modern state*, atau pembentukan dan perkembangan negara atau pemerintah moden. Dia menolak hujah hubungan produksi (atau kriteria pemilikan yang digunakan oleh Johan) dan juga menolak teori 'modal budaya' (*cultural capital*) oleh Pierre Bourdieu. Apa yang relevan dalam kajian kelas menengah di Malaysia, menurutnya, ialah perkembangan negara moden, bukannya perkembangan kapitalisme. Seperti ditegaskan secara khusus oleh Kahn, '*States, and the processes of state formation are not just about capitalism, they are in the business of power*' (Kahn 1996: 25), dan bahawa kelas menengah lahir '*primarily from the matrix of power relations*' (Kahn 1995:25).

Pada hemat saya, kedua-dua persoalan konseptual dan teoritis ini perlu diteliti lebih lanjut supaya kajian tentang kelas menengah Malaysia akan lebih bermakna. Dari segi konsep, saya rasa, saranan Giddens yang digunakan oleh Johan Saravanamuttu boleh digunakan dalam batas tertentu untuk merujuk kepada 'kelas menengah baru' yang muncul berdasarkan pemilikan pendidikan dan/atau ketrampilan, manakala definisi ini kabur dalam soal 'kelas menengah lama' yang merupakan pengusaha ataupun peniaga kecil dan sederhana yang mempunyai modal untuk menjalankan perusahaan atau perniagaan sendiri (Abdul Rahman 1995a).²

Untuk tujuan pengoperasian, perlu kita tegaskan bahawa tidak ada satu kriteria secara tersendiri boleh digunakan untuk mendefinisi 'kelas menengah'. Sebaliknya, gabungan beberapa kriteria — objektif dan subjektif — boleh diketengahkan. Misalnya, kita perlu mengambil kira tahap pendidikan, kategori pekerjaan, pendapatan, pemilikan aset dan gaya hidup seseorang itu untuk meneliti apakah dia termasuk dalam kelas tersebut. Di samping itu, kriteria subjektif juga perlu digunakan, iaitu kesedaran diri (persepsi diri) dan ideologi/pandangan yang dianut oleh mereka.

Mengenai gerak kuasa yang bertanggungjawab bagi kemunculan dan perkembangan kelas menengah di Malaysia, pada hemat saya,

adalah benar bahawa kita mesti menelitinya berdasarkan kekhususan pengalaman sejarah, ekonomi, politik dan budaya masyarakat kita sendiri, dan kita tidak boleh mencedok model yang digunakan bagi masyarakat kapitalis Barat untuk tujuan ini. Dari satu segi, saya bersetuju dengan Kahn yang mengkritik Johan Saravanamutu bahawa dia (Johan) terlalu menitikberatkan gerak kuasa hubungan produksi, dan mengabaikan peranan pemerintah. Akan tetapi, dari segi lain, Kahn terlalu berat sebelah dan deterministik apabila dia mengatakan bahawa pembentukan dan perkembangan pemerintah adalah gerak kuasa terpenting yang mengembangkan kelas menengah, serta menafikan pentingnya peranan hubungan produksi, yakni perluasan kapitalisme dan kuasa pasaran. Hujah beliau merupakan satu anggapan teoritis, tanpa dukungan bukti empiris (Abdul Rahman 1996). Pengalaman sejarah Malaysia dengan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua gerak kuasa tersebut — perkembangan hubungan kapitalisme (kuasa pasaran) serta perluasan peranan pemerintah — sangat penting dalam mengembangkan kelas menengah Malaysia yang kini menjadi semakin rumit dan berbilang etnik sifatnya. Memang benar pemerintah adalah satu-satunya majikan yang mempunyai bilangan pekerja paling ramai (*the single largest employer*). Akan tetapi, perlu diingat bahawa bilangan pekerja pemerintah (sektor awam) hanya antara 10 hingga 15 peratus sahaja daripada seluruh tenaga kerja, manakala kelas menengah pula hanya kira-kira separuh daripada bilangan pekerja pemerintah. Dengan kata lain, jumlah terbanyak anggota kelas menengah berada dalam sektor swasta. Tambahan pula, hari ini, dengan dasar penswastaan yang berjalan dengan pesat sejak pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia pada 1983 dan Pelan Induk Penswastaan pada 1991, kita dapati saiz sektor awam semakin dikecilkan, manakala sektor swasta terus mengembang dengan ketara. Ini menunjukkan peranan pemerintah sedang melalui fasa perubahan yang pasti akan membawa kesan penting ke atas ciri dan hala tuju transformasi masyarakat.

Seperkara lagi, Kahn juga menolak hujah modal budaya (seperti yang dianjurkan oleh Bourdieu). Saya anggap walaupun hujah modal budaya sukar dioperasionalkan dalam kajian secara makro mengenai kelas menengah, akan tetapi, dalam kajian secara mikro, hujah budaya amat penting. Modal budaya adalah faktor pembezaan yang penting antara satu golongan dengan golongan lain yang mencirikan perbezaan kelas.

TRANSFORMASI MASYARAKAT DAN PERKEMBANGAN KELAS MENENGAH DI MALAYSIA

Kelas menengah di Malaysia bukannya fenomena selepas Merdeka, atau selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990. Ia telah wujud sejak awal abad ke-20, tetapi saiznya relatif kecil. Perkembangannya menjadi pesat dan amat ketara, khususnya selepas pelaksanaan dasar perindustrian berorientasikan eksport dan DEB (Abdul Rahman 1995a, 1995b, 1996).

Pada zaman feodal sudah terdapat stratifikasi sosial menurut kelas, iaitu raja di puncak hirarki sosial, disusuli oleh golongan bangsawan atau para pembesar (orang bergelar) di tengah manakala di peringkat bawah hirarki ini ialah golongan rakyat dan hamba.

Struktur masyarakat feodal berubah dengan kedatangan penjajahan, khususnya penjajahan Inggeris. Dengan kedatangan penjajahan dan transformasi ekonomi, muncul kelas-kelas baru, iaitu kelas borjuis, kelas menengah dan kelas pekerja, di samping pengkalan kelas-kelas tradisional iaitu raja dan bangsawan, serta kaum tani (Jomo 1988). Kelas menengah pada masa itu terdiri daripada pegawai kerajaan, pengurus syarikat swasta, ahli sains, jurutera, akauntan, doktor, peguam, dan lain-lain.

Namun, satu ciri yang amat ketara ketika itu ialah tentang kecil dan lemahnya kelas menengah Melayu. Yang wujud adalah golongan pentadbir Melayu yang menerima pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar, dan menjadi pembantu dalam sistem pentadbiran British, atau *Malayan Civil Service* (MCS) sebahagian daripada 'kelas menengah baru' serta sejumlah kecil pengusaha dan peniaga kecil dan sederhana Melayu (sebahagian daripada 'kelas menengah lama'). Pada masa itu, kelas-kelas moden seperti borjuis, pedagang, kelas menengah dan kelas pekerja terdiri pada pokoknya daripada golongan bukan-Melayu.³

Transformasi selepas Merdeka, khususnya selepas pelaksanaan DEB dan dasar perindustrian berorientasikan eksport, telah merombak struktur sosial demikian, dan menjadikan kelas-kelas tersebut lebih berbilang etnik sifatnya. Memang semasa DEB, pemerintah memainkan peranan yang kritikal sekali, tetapi pada zaman itupun, pemerintah tetap mendukung gerak kuasa pasaran dan sistem kapitalisme, dan tidak pernah melakukan nasionalisasi ke atas mana-mana perusahaan swasta. Yang paling dekat dengan nasionalisasi ialah pengambilalihan syarikat Guthrie oleh Permodalan Nasional Berhad pada 1981, tetapi pengambilalihan itu dilakukan melalui pembelian di Bursa Saham London, satu tindakan pantas yang dikenali sebagai 'serbuan fajar'.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas, kita perlu mengkaji transformasi masyarakat Malaysia dalam beberapa dekad ini dengan mengemukakan beberapa data empiris.

Perkembangan perindustrian dan pambandaran yang pesat.

Jadual 1 dan 2 di bawah dengan jelas menunjukkan transformasi ekonomi dan sosial yang mengubah asas ekonomi daripada pertanian menjadi ekonomi perindustrian dan perkhidmatan, di samping perubahan masyarakat hasil daripada proses pambandaran yang pesat. Pada 1995, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK sudah mengecil kepada 20.5 peratus daripada 44.3 peratus pada 1970, kemerosotan sebanyak 50 mata peratusan, manakala sektor pembuatan dan pembinaan meningkat dua kali ganda daripada 18.3 peratus pada 1970 menjadi 36.5 peratus pada 1995. Begitu juga dari segi pambandaran, kita dapati penduduk bandar di Malaysia sudah meningkat daripada 26.7 peratus pada 1970 menjadi 54.7 peratus pada 1995.⁴ Kesemua ini menyumbang kepada pembentukan dan perkembangan kelas-kelas moden, khususnya kelas menengah dan kelas pekerja. (Sila rujuk Jadual 3 dan Jadual 4 tentang transformasi pekerjaan di bawah).

JADUAL 1: Transformasi ekonomi menurut sektor: Sumbangan Sektor Pertama, Kedua dan Ketiga kepada KDNK, 1970-2000 (Peratus)

Sektor	1970	1980	1990	1995	2000
Pertama*	44.3	33.9	28.1	20.5	11.5
Kedua**	18.3	24.9	30.0	36.5	40.6
Ketiga	37.4	41.2	41.9	43.0	43.9

Sumber: Malaysia 1971: 72; Malaysia 1996: 52

* termasuk pertanian dan perlombongan

** termasuk pembuatan dan pembinaan

JADUAL 2: Penduduk dan Kadar Pembandaran 1970-2000

Tahun	Penduduk (Juta)	Bandar (%)	Luar bandar (%)
1970	10.4	26.7	73.3
1980	13.9	34.2	65.8
1991	18.6	50.7	49.3
1995	19.0*	54.7	45.3
2000	20.0*	58.8	41.2

Sumber: Malaysia 1995.

* anggaran

Transformasi pekerjaan.

Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan pekerjaan mengikut etnik bagi tiga tahun, iaitu 1957, 1970 (permulaan DEB) dan 1995 (setelah lima tahun DEB secara rasmi digantikan oleh Dasar Pembangunan Nasional). Daripada jadual-jadual ini, kita dapati kategori pekerjaan yang mewakili kelas menengah (iaitu pekerjaan profesional dan teknikal, pentadbiran dan pengurusan, perkeranian, jualan, dan perkhidmatan) meningkat dengan amat ketara dalam beberapa dekad selepas kemerdekaan, dan lebih-lebih lagi setelah pelaksanaan DEB. Misalnya, kategori pekerjaan profesional dan teknikal (pekerjaan kelas menengah) telah meningkat daripada hanya 2.8 peratus daripada seluruh tenaga kerja pada 1957 kepada 4.8 peratus pada 1970, dan 10.3 peratus pada 1995. Di kalangan kaum Melayu, pekerja profesional dan teknikal meningkat daripada 2.7 peratus pada 1957 kepada 4.3 peratus pada 1970, manakala pada 1995, hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, bilangan ini meningkat lagi kepada 12.7 peratus. Namun, pekerja dalam kategori pentadbiran dan pengurusan, walaupun meningkat daripada 1.1 peratus pada 1970 kepada 2.7 peratus pada 1995, mata peratusan peningkatan itu masih rendah.

Di samping itu, kategori pekerjaan kolar biru (pekerja pengeluaran dan lain-lain) juga meningkat dengan ketara daripada 18.9 peratus pada 1957 kepada 27.3 peratus pada 1970 menjadi 32.2 peratus pada 1995 dan nampaknya akan bertambah pada tahap itu. Peratusan pekerja pertanian (termasuk perikanan dan perhutanan) telah merosot dengan amat ketara daripada 56.4 peratus pada 1957 menjadi 44.8 peratus pada 1970, dan menurun lagi dengan mata peratusan yang besar kepada 21.0 peratus pada 1995. Ini menunjukkan hanya kira-kira seperlima sahaja tenaga kerja Malaysia kini masih terlibat dalam sektor pertanian, manakala kira-kira 80 peratus terlibat dalam sektor bukan-pertanian, yakni perindustrian dan perkhidmatan.

JADUAL 3: Semenanjung Malaysia: Pekerjaan Mengikut Etnik dan Kategori 1957 dan 1970 ('000)

Kategori	1957			1970				
	Melayu	Cina	India	Jumlah (%)	Melayu	Cina	India	Jumlah (%)
Profesional & teknikal	2.7 (41.0)	3.3 (38.0)	2.3 (11.0)	2.8	4.3 (47.1)	5.2 (39.5)	4.9 (10.8)	4.8
Pentadbiran & pengurusan	0.4 (17.6)	2.0 (62.4)	1.0 (12.2)	1.2	0.5 (24.1)	1.9 (62.9)	0.8 (7.8)	1.1
Perkeranian & berkaitan	1.7 (27.1)	3.7 (46.2)	4.0 (19.9)	2.9	3.4 (35.4)	6.3 (45.9)	8.1 (17.2)	5.0
Jualan & berkaitan	2.9 (15.9)	15.9 (66.1)	10.0 (16.8)	8.6	4.7 (26.7)	15.3 (61.7)	9.5 (11.1)	9.1
Perkhidmatan	7.3 (39.7)	8.0 (33.3)	7.6 (12.8)	8.6	6.8 (44.3)	8.6 (17.3)	10.9 (14.6)	7.9
Pertanian	74.2 (62.1)	38.3 (24.3)	50.2 (12.8)	56.4	62.3 (72.0)	21.2 (55.9)	41.0 (9.7)	44.8
Pengeluaran, pengangkutan & berkaitan	10.6 (26.5)	28.3 (53.5)	24.6 (18.9)	18.9	18.0 (34.2)	41.6 (55.9)	24.7 (9.6)	27.3
Jumlah	1,004.3 (48.2)	759.0 (36.3)	307.2 (14.7)	2,126.2	1,477.6 (51.8)	1,043.6 (36.6)	301.4 (10.6)	2,850.3

Sumber: Disesuaikan daripada Jomo K.S. 1988: 300-1

Perhatian: Nilai dalam kurungan menunjukkan peratusan mengikut kelompok etnik.

JADUAL 4: Malaysia: Pekerjaan Mengikut Etnik dan Kategori 1995 ('000)

Kategori	Bumiputera %	Cina %	India %	Lain-lain %	Jumlah &
Profesional & Teknikal	524.3	213.6	59.5	17.9	815.3
%	12.7	8.9	9.0	2.5	10.3
	64.3	26.2	7.3	2.2	100.0
Guru & jururawat	203.0	57.6	18.5	1.6	280.7
%	4.9	2.4	2.8	0.2	3.5
	72.3	20.5	6.6	0.6	100.0
Pentadbiran & Pengurusan	77.1	116.9	10.9	8.8	213.7
%	1.9	4.9	1.6	1.3	2.7
	36.1	54.7	5.1	4.1	100.0
Perkeranian	457.3	275.0	61.6	5.6	799.5
%	11.0	11.5	9.3	0.8	10.1
	57.2	34.4	7.7	0.7	100.0
Jualan	323.8	464.2	58.1	48.3	894.4
%	7.8	19.3	8.8	6.8	11.3
	36.2	51.9	6.5	5.4	100.0
Perkhidmatan	571.2	223.8	85.4	101.1	981.5
%	13.8	9.3	12.9	14.3	12.4
	58.2	22.8	8.7	10.3	100.0
Pertanian	1,049.3	214.0	124.6	274.3	1,662.2
%	25.3	8.9	18.8	38.7	21.0
	63.1	12.9	7.5	16.5	100.0
Pengeluaran	1,141.9	829.1	262.5	252.3	2,548.8
%	27.5	37.2	39.6	35.6	32.2
	44.8	35.0	10.3	9.9	100.0
Jumlah	4,144.9	2,399.6	662.6	708.3	7,915.4
%	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
	52.4	30.3	8.4	8.9	100.0

Sumber: Malaysia 1996. Seventh Malaysia Plan 1996-2000, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Bhd.hal. 82.

Dengan transformasi pekerjaan tersebut, kita dapati kelas-kelas moden seperti kelas menengah dan pekerja kolar biru bukan sahaja semakin membesar, tetapi juga menjadi semakin rencam dan berbilang etnik, dengan bertambahnya mereka daripada kaum Melayu.

Peranan pemerintah dalam ekonomi

Seperti yang dinyatakan di atas, satu persoalan penting dalam wacana tentang kelas menengah di Malaysia ialah peranan pemerintah dan kuasa pasaran dalam mengembangkan kelas menengah (Saravanamuttu 1989; Abdul Rahman 1996; Kahn 1991, 1992, 1996a, 1996b). Untuk membicarakan persoalan ini, kita perlu meneliti peranan pemerintah yang dimainkan pada tahap-tahap yang berlainan dalam sejarah negara kita sejak Merdeka.

Peranan pemerintah dalam kira-kira 40 tahun ini boleh dibahagikan kepada tiga tahap seperti berikut:

Pertama, tahap *laissez faire* 1957-69 (peranan pemerintah yang terbatas).

Kedua, tahap campur tangan pemerintah 1970-90 (zaman DEB)

Ketiga, tahap liberalisasi dan penswastan (bermula sejak 1983, dan lebih-lebih lagi sejak 1991) — 'pengecilan' peranan pemerintah dan perluasan lebih lanjut kuasa pasaran.

Tahap yang menunjukkan menonjolnya peranan pemerintah ialah tahap kedua, iaitu semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pada tahap ini, kita dapati pemerintah memasuki sektor ekonomi moden secara agresif melalui dasar campur tangan pemerintah dalam perusahaan, antara lain, dengan menubuhkan syarikat-syarikat milik pemerintah. Pada pertengahan 1970-an, bilangan syarikat berkenaan ditubuhkan dengan begitu banyak oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, hingga secara purata berjumlah kira-kira 100 buah setahun. Pada Mac 1991, bilangan syarikat milik pemerintah seluruhnya meningkat kepada 1158 buah, dengan modal berbayar sebanyak RM23.9 bilion (Adam & Cavendish 1995: 15-17). Sumbangan sektor ekonomi yang dikuasai syarikat-syarikat milik pemerintah kepada KDNK juga tidak sedikit, iaitu sebanyak 25 peratus pada 1990.

JADUAL 5: Bilangan Pekerja Sektor Awam daripada Seluruh Tenaga Kerja 1970-2000

Tahun	Peratus
1970	11.9
1981	15
1991	12.5
2000	9.9

Sumber: Disesuaikan daripada Rugayah Mohamed 1995: 65; Malaysia 1996.

Pertambahan pesat bilangan pekerja sektor awam dalam tempoh DEB berkaitan erat dengan peranan pemerintah yang menubuhkan perbadanan atau syarikat milik pemerintah yang melibatkan diri dalam sektor perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan, dan dalam sektor petroleum dan gas. Pekerjaan sektor awam ini berkembang daripada 12 peratus daripada seluruh tenaga kerja pada awal 1970-an kepada 15 peratus pada 1981 (paling tinggi). Tetapi, dengan dasar liberalisasi dan penswastaan, ia menurun kepada 12.5 peratus pada 1991, dan menjelang tahun 2000, ia dijangka akan mengecil lagi kepada hanya 9.9 peratus.

Pemerintah dan perkembangan pendidikan tinggi

Dalam masyarakat moden dan mengindustri, pendidikan adalah saluran mobiliti sosial yang amat penting bagi anggota-anggota masyarakat, dan sekaligus membuka ruang memasuki barisan kelas menengah. Di Malaysia, proses ini berlaku dengan amat ketara, khususnya selepas kemerdekaan, dan lebih-lebih lagi setelah pelaksanaan DEB. Peranan pemerintah dalam mengembangkan pendidikan, khususnya pendidikan tinggi, meningkat dengan pesat selepas 1970. Penambahan bilangan sekolah menengah, maktab dan universiti dalam tempoh dua dekad lebih ini di Malaysia memang mengkagumkan. Dari segi pendidikan universiti, misalnya, daripada mempunyai hanya sebuah universiti sebelum 1969, Malaysia hari ini mempunyai lapan buah universiti dan beberapa buah institutusi pendidikan tinggi awam yang lain yang menawarkan kursus di tingkat ijazah dan diploma. Penubuhan universiti dan penyediaan biasiswa, dermasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar, khususnya

Bumiputera, membolehkan lebih ramai pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah menikmati pendidikan tinggi, dan dengan demikian, memungkinkan mereka mendapat pekerjaan yang memasukkan mereka ke dalam barisan kelas menengah. Jumlah pelajar universiti (di dalam dan di luar negara) meningkat daripada 41,454 pada 1980 kepada 60,522 pada 1985, yakni peningkatan sebanyak 46 peratus dalam tempoh 1980-85. Menjelang 1995, bilangan pelajar tersebut meningkat lagi kepada hampir 130,000, iaitu 79,330 di dalam negara, dan kira-kira 50,000 lagi di luar negara. Sejak tahun 1980-an, bilangan pelajar Bumiputera di universiti bertambah kepada kira-kira 50 peratus daripada seluruh populasi pelajar peringkat universiti. Peratusan ini mencerminkan dengan lebih tepat komposisi etnik penduduk Malaysia.

Bertambahnya peluang pendidikan di tingkat tinggi juga telah menambah bilangan penduduk yang mempunyai ijazah dan juga diploma. Pada 1980, pemegang ijazah berjumlah 3 peratus sahaja daripada seluruh penduduk berusia 15 tahun ke atas, tetapi pada 1991, bilangan mereka meningkat kepada 5 peratus. Bagi pemegang diploma dan sijil, bilangan mereka juga meningkat daripada 2 kepada 5 peratus dalam tempoh yang sama. Patut diperhatikan bahawa kadar pertumbuhan pemegang ijazah dan diploma paling tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan pemegang sijil lain, iaitu sebanyak 10.7 peratus bagi pemegang ijazah dan 15.5 peratus bagi pemegang diploma bagi tempoh 1980-1991 (Malaysia 1995: 121). Kini, dengan tekanan yang lebih kuat kepada pendidikan, kita boleh menjangkakan bahawa bilangan penduduk yang memiliki ijazah dan diploma akan bertambah dengan lebih pesat pada masa depan.

Kesimpulan: Data di atas menunjukkan memang peranan pemerintah sangat penting dalam sektor ekonomi moden dan juga dalam mengembangkan peluang pekerjaan dan pendidikan. Akan tetapi, sekalipun pemerintah bertanggungjawab menyediakan kemudahan pendidikan, dan peluang pekerjaan melalui pembabitannya dalam ekonomi secara langsung, namun seperti dinyatakan sebelum ini, bilangan pekerja sektor pemerintah adalah antara 10-15 peratus sahaja daripada seluruh tenaga kerja. Selebihnya berada dalam sektor swasta dan sebahagian lagi dalam sektor informal. Dalam sektor pemerintah juga, bilangan pekerja kelas menengah kira-kira separuh saja. Oleh yang demikian, hujah yang mengatakan bahawa pengembangan pemerintah sebagai gerak kuasa terpenting mengembangkan kelas menengah Malaysia tidak secocok dengan kenyataan. Sebaliknya data menunjukkan gerak kuasa ekonomi kapitalis sangat penting dalam perkembangan kelas menengah, bersama-sama dengan pemerintah. Ini kerana pemerintah

tidak pernah mengamalkan ekonomi terpusat di mana pemerintah menguasai ekonomi sepenuhnya dan mencampak *laissez faire*, sekalipun dalam tempoh pelaksanaan DEB.

BEBERAPA CIRI KELAS MENENGAH DI LEMBAH KELANG

Proses transformasi secara makro yang dibicarakan di atas mempunyai kesan tertentu dari segi pembentukan dan perkembangan kelas menengah di peringkat mikro. Untuk memberi gambaran sepintas lalu tentang kesan di peringkat mikro, saya menggunakan data daripada kajian yang dijalankan secara bersama oleh Norani Othman, saya dan Rustam mengenai kemodenan budaya dan kelas menengah di Lembah Kelang pada 1995 dan 1996. Kriteria yang digunakan untuk memilih sampel ialah gabungan kriteria objektif dan subjektif yang dibicarakan di atas, khususnya tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, pemilikan aset, gaya hidup, serta tanggapan dan persepsi mengenai pelbagai isu masyarakat dan negara.

Taraf Sosioekonomi

Sampel yang dikaji melalui soalselidik ialah seramai 586 orang responden, terdiri daripada 60 peratus Melayu, 28 peratus Cina dan 12 peratus India dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, 65 peratus terdiri daripada pekerja sektor kerajaan (pentadbir dan guru) dan selebihnya (35 peratus) pekerja swasta. Dari segi jantina pula, perkadaran lelaki dan perempuan hampir sama (52 peratus lelaki, 48 peratus perempuan). Kebanyakan responden, iaitu seramai 75 peratus, masih muda dan berumur antara 26-40 tahun, dengan sesuku masih belum berkahwin. Walaupun jumlah terbanyak responden berumur 40 tahun ke bawah, tetapi mereka sudah tinggal lam, melebihi 10 tahun, di Lembah Kelang dan sudah membentuk gaya hidup bandar di bandaraya metropolis dan sekitarnya.

Tahap pendidikan responden umumnya tinggi, dengan 81 peratus adalah lulusan universiti dan/atau kolej. Dengan tahap pendidikan demikian, mereka berjaya memperoleh pekerjaan yang agak baik, dengan pendapatan purata sebanyak RM2500 sebulan. Dari segi agihan pendapatan, didapati 37.5 peratus berpendapatan kurang daripada RM2000 sebulan, 48 peratus antara RM2001-4000, 14.7 peratus memperoleh pendapatan melebihi RM4000 sebulan, dengan tiga peratus daripadanya berpendapatan melebihi RM8500 sebulan.

Pendapatan yang relatif baik membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang agak mewah, termasuk memiliki aset-aset tertentu.

Daripada seluruh responden, 60 peratus memiliki rumah, dengan 18.1 peratus memiliki dua buah rumah atau lebih. Jenis rumah yang paling popular ialah rumah teres sama ada dua tingkat atau satu tingkat, dengan 64 peratus responden mendiami rumah demikian. Yang mendiami banglo dan rumah kembar tidak begitu ramai, masing-masing sebanyak 10.6 peratus dan 6.0 peratus manakala bilangan yang mendiami kondominium dan pangsapuri/apartmen masih kecil iaitu 5.5 peratus. Patut diperhatikan bahawa walaupun jumlah terbanyak memiliki rumah yang didiami masing-masing namun terdapat kira-kira 40 peratus respondent tidak memiliki rumah dan terpaksa menyewa. Sebahagian besar mereka adalah golongan yang masih muda, belum berumahtangga dan belum mempunyai pengalaman kerjaya yang lama. Berkemungkinan besar pada masa hadapan, mereka akan mengalami mobiliti menegak dalam status pekerjaan mereka, dengan demikian akan dapat meningkatkan pendapatan. Sungguhpun begitu, bilangan 40 peratus tidak memiliki rumah sendiri di kalangan kelas menengah ini adalah tinggi. Walaupun sebahagian mereka berkemungkinan berupaya memilikinya kelak apabila pendapatan mereka bertambah, tetapi ini tidak menafikan kenyataan bahawa kos hartanah di Lembah Kelang begitu tinggi, sehingga pekerja kelas menengah yang berpendapatan di bawah RM2000 khususnya menghadapi kesukaran untuk membeli rumah.

Satu ciri yang amat ketara di kalangan kelas menengah tersebut ialah hakikat bahawa mereka masih dalam proses pembentukan dan belum lagi mantap, lebih-lebih kelas menengah Melayu. Kebanyakan anggota kelas menengah tersebut, khususnya kelas menengah Melayu, adalah kelas menengah generasi pertama yang berasal dari desa atau pekan kecil dan berhijrah ke Lembah Kelang dalam satu dekad yang lalu. Ini menyebabkan mereka lebih tertumpu kepada usaha meningkatkan taraf ekonomi masing-masing, untuk mengekalkan kedudukan sekarang, di samping berusaha memberi pendidikan yang sebaik mungkin kepada anak-anak mereka supaya kedudukan kelas menengah tersebut dapat dipertahankan bagi generasi muda itu nanti.

Keluarga dan Hubungan Kekeluargaan: Di antara Kesinambungan dengan Perubahan

Salah satu dampak transformasi sosial melalui perindustrian yang pesat yang sering menarik perhatian pengkaji ialah perubahan struktur keluarga daripada keluarga luas kepada keluarga asas atau nuklear, dan daripada keluarga bersaiz besar kepada keluarga bersaiz relatif

kecil. Selain itu, sering juga didebatkan persoalan bahawa dengan perubahan tersebut, hubungan kekeluargaan menghadapi tekanan manakala ahli-ahli keluarga mengalami konflik rol. Berlainan dengan ahli-ahli keluarga luas, ahli-ahli keluarga nuklear dikatakan menjadi lebih privatised dan menumpukan perhatian kepada keluarga kahwinan, bukannya kepada keluarga asal. Akibat daripada kesemua ini ialah hubungan di antara ahli-ahli keluarga nuklear dengan keluarga asal menjadi renggang dan akhirnya terputus. Tersirat di sebalik hujah ini ialah andaian bahawa pemodenan dan perindustrian mengakibatkan keterputusan daripada rantaian kesinambungan hubungan-hubungan yang sedia wujud, kerana berlakunya social and cultural uprooting, atau pencabutan akar sosial dan budaya yang mengiringi proses pemodenan dan perindustrian tersebut.

Kajian yang kami lakukan cuba meneliti persoalan ini untuk melihat apakah benar kesinambungan terputus di bawah dampak perubahan, dan sekiranya terputus, setakat mana perubahan itu berlaku dan apakah sifat hubungan yang terdapat harin ini. Daripada kajian, didapati bahawa keluarga kelas menengah yang dikaji kebanyakannya berbentuk nuklear, lebih-lebih lagi di kalangan keluarga Melayu, dengan saiz keluarga purata adalah kecil, iaitu antara 4 hingga 5 orang. Namun, sungguhpun struktur keluarga dan saiz keluarga sudah mengalami perubahan yang ketara, hubungan kekeluargaan dengan keluarga asal masih terpelihara. Hubungan kekeluargaan ini mengalami transformasi dan menjelma dalam pelbagai bentuk baru yang disesuaikan dengan keadaan baru, seperti hubungan yang kerap antara responden dengan ibu bapa mereka, misalnya, hubungan melalui telefon, lawatan semasa hujung minggu, semasa cuti dan lebih-lebih lagi semasa Hari Raya, kenduri perkahwinan, kematian dan sebagainya.

Di samping itu, jumlah terbanyak responden (lebih 90 peratus) menyumbangkan wang kepada orang tua mereka. Yang penting ialah bukan semata-mata pengaliran wang itu, tetapi perasaan dan makna di sebalik pemberian tersebut. Sungguhpun ramai responden menyatakan bahawa mereka berbuat demikian kerana berpendapat ibu bapa memerlukan wang, tetapi tidak sedikit yang menyatakan mereka merasakan bahawa itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sebagai anak dan mereka merasa 'berdosa' sekiranya tidak berbuat demikian. Oleh itu, mereka membuat sumbangan sekalipun orang tua mereka mungkin tidak memerlukannya. Pemberian itu adalah semacam simbol taat seta dan kasih sayang kepada orang tua. Hubungan yang masih erat ini berterusan mungkin kerana kebanyakan mereka adalah kelas menengah generasi pertama. Bagi sesetengah responden, khususnya responden Melayu, pemberian

itu dinyatakan dengan idiom 'rezeki patut dikongsi bersama dengan keluarga'. Selain itu, budaya kaum masing-masing (Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain) memang menegaskan pentingnya nilai kekeluargaan terus menerus dipelihara, lebih-lebih lagi dalam keadaan masyarakat sedang mengalami transformasi yang pesat dan mendalam melalui perindustrian dan pembandaran hari ini.

Satu fenomena besar yang berlaku setiap tahun yang turut membabitkan anggota kelas menengah perlu ditonjolkan di sini, iaitu fenomena 'balik kampung'. Fenomena 'balik kampung', yakni pulang beramai-ramai semasa cuti musim perayaan yang menjadi begitu ketara di kalangan responden dan juga di kalangan masyarakat bandar umumnya, adalah satu fenomena baru yang muncul dalam dua tiga dekad ini sahaja dalam sejarah sosial dan budaya negara kita. Peristiwa ini boleh ditafsirkan sebagai usaha untuk menegaskan kembali akar umbi para penghuni bandar yang sudah berhijrah daripada tempat asal masing-masing dan menegaskan kesinambungan dengan asal usul mereka. Bagi responden, makna di sebalik peristiwa tahunan ini penuh dengan nostalgia dan emosi. Mereka sering menyatakan kekesalan sekiranya mereka tidak dapat 'balik kampung', lebih-lebih lagi jikalau 'kegagalan' itu berlaku berturut-turut tahun. Di 'kampung' pula, keluarga yang pulang itu akan tinggal beramai-ramai di rumah orang tua mereka, ataupun rumah saudara mara yang lebih tua (sekiranya orang tua sudah meninggal dunia), sekalipun mereka terpaksa tinggal 'berasak-asak' kerana bilangan orang yang bertambah secara tiba-tiba itu. 'Tinggal berama-ramai dan tidur berasak-asak' tersebut, lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak yang berpeluang tidur dengan datuk nenek mereka dianggap satu kebahagiaan dan keseronokan yang mereka idam-idamkan setiap tahun apabila tiba musim perayaan. Memang ada juga di kalangan mereka yang 'balik kampung' itu tinggal di hotel yang berdekatan kerana rumah orang tua sudah tidak ada, adik beradik pula mempunyai ramai anggota keluarga, dan mereka sendiri pula mempunyai anak-anak besar yang agak ramai. Namun bilangan yang berbuat demikian tidak ramai, dan perlakuan ini tidak menafikan wujudnya hubungan kekeluargaan tersebut.

Selain itu, masa cuti 'balik kampung' ini juga sering dipilih oleh keluarga di tempat asal untuk mengadakan upacara-upacara lain, misalnya, upacara nikah kahwin anak-anak yang belum berumahtangga, kerana inilah masa terbaik bersempena ramai anggota keluarga yang jauh dan dekat sedang berkumpul. Dengan kata lain, peristiwa *rites de passage*, iaitu peristiwa yang menandakan peralihan penting dalam kitaran hidup seseorang individu, seperti nikah kahwin, berkhatan dan sebagainya, yang dahulunya diselenggarakan mengikut

musim jeda masyarakat desa, misalnya, selepas panen padi, kini diubah masanya supaya sesuai dengan keadaan baru, mengikut masa jeda sanak-saudara yang sudah berpindah ke bandar atau ke tempat lain. Peristiwa-peristiwa seperti ini adalah salah satu mekanisme budaya yang amat penting yang memelihara dan memesrakan ikatan kekeluargaan, satu pencerminan kesinambungan dalam zaman yang pesat berubah. Setakat mana ikatan kesinambungan ini dapat berterusan pada masa hadapan kepada pelbagai faktor, khususnya setakat mana generasi kedua anggota kelas menengah di bandar (yakni anak-anak anggota kelas menengah hari ini) menghayati nilai-nilai tersebut dan melaksanakannya dalam kehidupan kekeluargaan mereka.

Kelas Menengah: Pelbagai Tuntutan yang Bertentangan

Apabila berbicara tentang kelas menengah di negara-negara membangun termasuk Malaysia, beberapa tuntutan ke atas anggota kelas menengah serta cabaran yang perlu mereka tangani boleh kita tonjolkan di sini. Tuntutan dan cabaran itu kadang-kadang saling bertentangan sehingga mengakibatkan kehidupan sebagai anggota kelas menengah yang pada lahirnya mewah dan selesa sebenarnya penuh dengan masalah dan tekanan. Dalam makalah ini, saya hanya akan menyentuh tiga tuntutan yang sekaligus merupakan cabaran, iaitu tuntutan sebagai ejen pemodenan dan kemajuan masyarakat serta pengembangan budaya ilmu, tuntutan industri barangan konsumer terhadap kelas menengah supaya menjadi masyarakat pembeli, dan tuntutan untuk *middle-class reproduction* atau melahirkan semula kelas menengah.

Tuntutan sebagai ejen pemodenan dan kemajuan masyarakat serta pengembangan budaya ilmu: Dalam wacana tentang kelas menengah di pelbagai negara membangun, kita dapati ramai sarjana mengaitkan kebangkitan kelas tersebut dengan agenda pemodenan masyarakat dari segi ekonomi, politik, budaya, ilmu serta sains dan teknologi, di samping menganggapnya sebagai sumber daya berkeترampilan dan kekuatan penting yang boleh membawa pembaharuan dan perubahan, serta perkembangan masyarakat madani. Kelas menengah sebagai golongan inteligentsia juga mengandungi golongan intelektual yang mempunyai kesedaran dan komitmen bahawa pengembangan ilmu dan tamadun adalah tanggungjawab mulia mereka (Syed Hussein Alatas 1992; Abdul Rahman 1996b). Mereka bersikap kritis serta prihatin terhadap isu-isu penting masyarakat, khususnya soal keadilan, kesejahteraan dan kemajuan masyarakat.

Bagaimanakah keadaannya di Malaysia? Dalam sejarah masyarakat Malaysia, golongan intelektual sedemikian, sebagai sebahagian daripada anggota kelas menengah atau inteligentisia memang wujud. Mereka terlibat dalam perjuangan anti-kolonial untuk kemerdekaan, sama-sama terlibat memperjuangkan isu-isu ekonomi, politik, bahasa, budaya, sastera dan sebagainya melalui pelbagai saluran seperti organisasi politik, organisasi massa, akhbar, buku dan lain-lain. Mereka berani menongkah arus dan kadang-kadang berjaya membawa perubahan seperti sebelum kemerdekaan dan juga dalam zaman akhir 1960-an dan awal 1970-an. Sungguhpun begitu, dalam mana-mana zaman pun, golongan sebegini merupakan golongan yang kecil, tetapi perana mereka amat penting dengan pengaruh yang besar dari segi jangka panjang. Boleh dikatakan, mereka berjaya mengasaskan tradisi kritis sebagai kata hati atau nurani masyarakat melalui keterlibatan mereka dengan isu-isu besar masyarakat, negara dan bangsa.

Namun, kejayaan DEB dari segi penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan yang terjelma dalam bentuk kemewahan baru serta 'suasana sepi' di universiti, antara lain, kerana kesan Akta Universiti dan Kolej Universiti dalam dua dekad lebih ini membawa kesan yang tidak diduga dari segi perkembangan tradisi ilmu dan keterlibatan sosial anggota kelas menengah, khususnya golongan intelektual. Keadaan ini ditambah pula dengan dasar pendidikan yang cenderung memujuk pelajar ke arah instrumentalisme dan vokasionalisme sehingga menguatkan gejala 'pengejaran sijil' lebih daripada penguasaan ilmu. Maka tidak hairanlah mereka yang dihasilkan oleh sistem ini ialah generasi yang 'dibentuknya', iaitu generasi yang cenderung menjadi lebih instrumentalis dan teknokratis, yang mungkin sesuai dengan kehendak majikan, tetapi kurang tajam atau peka terhadap isu keintelektualan serta kemasyarakatan dan kemanusiaan baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Di bawah senario begini, budaya ilmu dan tradisi intelektual yang kritis dengan semangat ingin tahu dan semangat mencipta yang kuat masih belum berkembang segar, kerana tarikan terkuat ialah tarikan ekonomi. Sistem nilai yang terbentuk oleh tarikan ekonomi ini mengukur kejayaan dari sudut material berdasarkan gaji, pangkat, pemilikan aset, kawasan perumahan berprestij, serta gaya hidup yang melambangkan status sosial yang tinggi. Mereka yang cuba mempertahankan budaya ilmu dan tradisi intelektual yang kritis adalah golongan kecil yang kadang-kadang tidak diendahkan, manakala ada yang tidak bernasib baik dipandang serong ataupun dicurigai.

Nilai-nilai sedemikian juga terdapat dalam darjah yang berbeza-beza di kalangan golongan kelas menengah yang dikaji. Dalam sistem nilai ramai responden, didapati mereka menganggap sektor pekerjaan yang paling berprestij kini bukan lagi sektor kerajaan yang merupakan sektor paling menarik pada tahun 1960-an. Ini terbukti daripada fakta bahawa hanya 12 peratus responden menganggap sektor kerajaan 'paling menarik', sedangkan jumlah terbanyak (88 peratus) menganggap sektor swasta sebagai 'paling menarik'. Bahkan apabila diperincikan lagi, didapati 52 peratus daripada 88 peratus tersebut meletakkan nilai paling tinggi kepada orang yang membuka perusahaan atau perniagaan sendiri. Tanggapan sedemikian selaras dengan perubahan nilai dalam masyarakat hasil daripada dampak perluasan kuasa pasaran yang menjadikan tokoh korporat atau ahli perniagaan yang berjaya sebagai tokoh yang dikagumi.

Meningkatnya sistem nilai yang meletakkan sektor swasta atau sektor korporat sebagai sektor pekerjaan 'paling menarik' di atas dapat juga dilihat daripada penilaian yang diberikan oleh responden terhadap pelbagai jenis pekerjaan. Dalam hal ini, responden rata-rata menganggap pekerjaan sebagai ahli perniagaan serta pekerjaan-pekerjaan lain dalam sektor swasta (seperti jurutera, akauntan dan doktor) yang boleh membawa pendapatan besar sebagai pekerjaan terbaik pada zaman ini. Pekerjaan sebagai pensyarah dan guru, iaitu pekerjaan yang terlibat secara langsung dengan ilmu dan pendidikan, dianggap menarik oleh golongan minoriti, iaitu sebanyak 22 peratus sahaja. Ini menunjukkan kemerosotan prestij profesyen pendidik dalam beberapa dekad ini pada kaca mata masyarakat. Kenyataan ini mempunyai implikasi serius terhadap hasrat Malaysia yang mahu mengembangkan pendidikan, khususnya pendidikan tinggi seluas mungkin untuk warganegaranya, di samping menjadikan negara ini pusat kecemerlangan pendidikan di Asia Tenggara.

Kurang kepekaan kepada isu keintelektualan dan budaya ilmu ini boleh dilihat daripada kurang minat responden terhadap buku, sungguhpun minat terhadap akhbar memang tinggi dan terhadap majalah pula agak tinggi. Sekalipun 81 peratus responden mempunyai kelulusan universiti atau kolej, dan sebahagian besarnya bekerja sebagai pentadbir, pengurus ataupun guru, kira-kira 55 peratus sahaja yang mempunyai koleksi buku peribadi. Jumlah terbanyak yang memiliki bukupun mempunyai koleksi yang kecil, dengan yang memiliki 100 buah lebih sebanyak 23 peratus sahaja, termasuk 3 peratus yang memiliki 500 buah ke atas. Harga buku yang tinggi juga tidak banyak membantu pembaca membeli buku dan membangun koleksi peribadi, kecuali mereka yang boleh dikatakan 'peminat' ataupun 'ulat' buku. Daripada jumlah yang memiliki

kekoleksi buku, terdapat segolongan kecil yang mempunyai kepekaan yang boleh tinggi terhadap ilmu. Ini terbukti dengan bilangan buku dan jenis buku yang mereka miliki, kekerapan membaca buku, novel dan majalah, serta kekerapan ke kedai buku, pameran buku dan pameran ilmu lainnya. Namun, walaupun bilangan mereka kecil, peranan dan sumbangan mereka penting kerana ia membuktikan bahawa di kalangan kelas menengah metropolitan, terdapat sejumlah inteligensia yang peka terhadap perkembangan ilmu dan pembinaan tradisi intelektual.

Tuntutan industri barangan konsumer ke atas kelas menengah supaya menjadi masyarakat pembeli: Perkembangan kelas menengah dalam dua dekad lebih ini di Asia Timur termasuk di Malaysia, berlaku dalam era kemakmuran ekonomi yang dianggap sesetengah pihak sebagai satu 'keajaiban'. Keadaan ini membolehkan anggota kelas menengah merebut peluang pekerjaan yang lebih baik serta menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Di samping itu, mereka juga mempunyai kuasa beli yang kuat. Bertambahnya bilangan kelas menengah dengan pendapatan yang relatif lumayan telah menarik industri barangan konsumer untuk menjadikan mereka sasaran terpenting bagi pasaran barangan mereka.

Sistem ekonomi kapitalis berkembang dengan membentuk budaya konsumeris sendiri. Budaya konsumeris ini cuba disogokkan ke atas anggota masyarakat, khususnya kelas menengah, supaya turut mengembangkan gaya hidup yang menitikberatkan konsumerisme. Melalui industri pengiklanan, sistem ekonomi kapitalis pula berusaha menginstitusikan nilai umum bahawa kejayaan dan kemodenan dalam kehidupan individu moden, lebih-lebih lagi di bandar metropolitan adalah sinonim dengan kepenggunaan simbol-simbol tertentu, sama ada material mahupun bukan material. Kerana itu, industri pengiklanan yang dilantik oleh syarikat-syarikat gergasi, lebih-lebih lagi syarikat asing khususnya Barat, menjadikan kelas menengah sebagai sasaran utama propaganda mereka. Mereka mengharapkan supaya anggota-anggota kelas tersebut menjadi pengguna pelbagai jenis barangan konsumer keluaran syarikat-syarikat tersebut, dengan demikian meningkatkan keuntungan mereka.

Gaya hidup kepenggunaan demikian, yakni mengutamakan penggunaan benda-benda material yang boleh 'memuaskan' deria berbanding dengan penggunaan benda-benda yang boleh meningkatkan daya intelektual atau mental mereka memang ketara. Sebagai contoh, membeli-belah ialah kebiasaan dalam kehidupan sehari-hari responden yang purata keluar membeli-belah sebanyak 1.2 kali seminggu, dengan kekerapan purata responden Cina paling

tinggi (1.26 kali), diikuti oleh responden Melayu (1.19 kali) dan India (1.08 kali). Mereka tertarik oleh propaganda 'jualan murah' dengan 71 peratus melapor bahawa mereka sering pergi apabila terdapat 'jualan' sedemikian di pasar raya atau pusat membeli-belah lainnya. Dari segi keluar makan pula baik bersama keluarga ataupun bersama kawan, walaupun mereka secara purata keluar 1.1 kali seminggu, namun peratusan yang keluar makan dua kali atau lebih dalam seminggu agak ramai, iaitu kira-kira 40 peratus, dengan peratusan kekerapan paling tinggi di kalangan responden Cina.

Namun demikian, jumlah terbanyak anggota kelas menengah yang dikaji masih agak sederhana dan praktikal apabila membeli-belah. Mereka mengutamakan harga yang berpatutan dan kualiti, serta tidak mementingkan jenama. Kerana itu, kita dapati jualan di pasaran malam dan 'jualan murah' popular sekali.

Namun demikian, proses diferensiasi status di kalangan kelas menengah juga beransur-ansur ketara, khususnya golongan kelas menengah atasan. Daripada responden yang dikaji, terdapat sejumlah walaupun agak kecil (kurang daripada 10 peratus) yang mementingkan jenama, serta gemar membeli-belah di butik dan juga di luar negara. Diferensiasi status tersebut juga dapat dikesan daripada pemilihan jenis kediaman masing-masing, di mana kira-kira 6 peratus memilih untuk tinggal di kondominium atau pangsapuri yang dianggap 'eksklusif', 'private' dan 'dijamin keselamatan'. Diferensiasi ini seterusnya tercermin dalam rangkaian sosial mereka, di mana kira-kira 7 peratus memilih menjadi anggota kelab eksklusif seperti kelab golf sebagai tempat mereka berekreasi dan berinteraksi dengan anggota-anggota kelas menengah atasan dan juga golongan elit.

Tuntutan untuk middle-class reproduction atau melahirkan semula kelas menengah: Salah satu cabaran berat yang dihadapi anggota kelas menengah ialah apakah mereka berupaya melahirkan semula keanggotaan kelas menengah tersebut, dalam ertikata apakah anak-anak mereka juga akan berjaya mempertahankan kedudukan kelas mereka kini, dan kalau boleh meningkatkannya. Tuntutan dan cabaran sedemikian berbeza dengan cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan ibu bapa mereka dahulu yang berasal daripada kelas bawahan ataupun dari masyarakat luar bandar. Bagi generasi orang tua mereka, cabaran utamanya ialah bagaimana harus memastikan anak-anak mereka (yakni generasi responden) mendapat pendidikan dan peluang-peluang lain supaya mereka boleh menikmati mobiliti menegak dengan memasuki kelas menengah, dengan demikian anak-anak itu dapat terkeluar daripada lingkaran kemiskinan dan kemunduran yang dialami generasi orang tua. Harapan ibu bapa responden untuk melihat mereka mendaki tangga sosial telah berjaya.

Akan tetapi apakah generasi kelas menengah kini, sebagai ibu bapa kepada generasi baru, akan berjaya untuk memastikan anak-anak mereka juga dibekalkan dengan pendidikan dan ketrampilan yang membolehkan mereka terus berada dalam kelas menengah? Ini adalah satu persoalan yang mesti mereka pecahkan dengan baik. Kalau pada zaman orang tua mereka, persaingan untuk berjaya belum begitu sengit dan kos hidup pula tidak begitu tinggi, kini zaman sudah berubah, persaingan begitu sengit dan kos hidup telah meningkat berlipat kali ganda. Berdepan dengan realiti baru ini, ibu bapa kelas menengah sering mengeluh kerana mereka terpaksa memikul terlalu banyak beban dan cabaran.

Di satu pihak, mereka harus memastikan hubungan dengan orang tua dan saudara mara di tempat asal terus terpelihara, serta memastikan saraan hidup ibu atau bapa yang sudah tua terjamin. Di pihak yang lain, mereka perlu memastikan anak-anak mereka berjaya, setidak-tidaknya mencapai taraf seperti mereka juga. Oleh yang demikian, mereka mengenakan tuntutan yang ketat dan kadang-kadang berlebihan ke atas anak-anak mereka. Misalnya, di kalangan responden yang dikaji, sebahagian besar mereka menghantar anak-anak mengambil tuisyen persendirian, khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik yang dianggap sebagai kunci bagi kejayaan pada zaman kini, di samping menghadiri kelas muzik, selain pelbagai aktiviti ko-kurikulum sekolah. Di samping itu, sesetengah anak-anak itu juga didorong belajar bahasa Mandarin untuk meningkatkan ketrampilan di pasaran tenaga kerja kelak.

Bagi keluarga yang berpendapatan tinggi, misalnya mereka yang memperoleh RM10,000 ke atas sebulan, pilihan mereka lebih luas. Kerana itu, ada responden dalam kategori berpendapatan demikian yang menghantar anak-anak mereka belajar di luar negara mengambil 'O' Level dan 'A' Level, dan terus belajar hingga ke tingkat universiti. Walaupun retorika mereka ialah kita harus mendukung sistem pendidikan nasional dengan menghantar anak-anak ke institusi pendidikan dalam negara, tetapi dalam amalannya, mereka lebih yakin kepada institusi pendidikan luar negara seperti sistem pendidikan di Britain, Amerika dan Australia dengan alasan anak-anak itu akan mempunyai daya saing yang lebih tinggi di pasaran kerja kelak berbanding dengan pelajar lulusan tempatan.

Bagi keluarga Melayu pula, kerana bimbang anak-anak mereka nanti terperangkap dengan pelbagai masalah sosial, mereka cuba membina 'benteng moral' mereka dengan menghantar anak-anak itu belajar agama dengan guru agama, ataupun menjemput guru tersebut ke rumah di luar waktu sekolah rasmi. Di samping itu, anak-anak itu dikehendaki belajar tulisan jawi agar boleh membaca Quran dan

supaya tradisi tulisan jawi tidak terhapus. Kepada ibu bapa demikian, langkah ini dianggap sebagai 'senjata' untuk anak-anak mereka menghadapi cabaran kehidupan moden di bandar metropolis seperti Kuala Lumpur atau Petaling Jaya. Ibu bapa Melayu yang gagal memastikan anak-anak belajar agama dianggap sebagai ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan akan menerima kecaman serta cemahan orang lain.

Bagi golongan kelas menengah rendah atau kelas menengah bawahan yang merupakan lebih sepertiga dalam sampel yang dikaji, dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2000 ke bawah, dan sebahagian besar mereka tidak memiliki rumah, tekanan ekonomi ke atas kehidupan harian mereka memang berat. Lebih-lebih lagi dengan semakin meningkatnya kos pendidikan tinggi (yang menjadi syarat penting bagi menjamin kedudukan kelas menengah) pada masa hadapan, cabaranyang dihadapi oleh kelas menengah bawahan memang amat berat.

KESIMPULAN

Makalah ini telah menunjukkan bahawa kelas menengah Malaysia nyata sekali berada dalam proses pembentukan dan masih belum mantap. Kerana itu, mereka menitikberatkan pengukuhan diri dari segi ekonomi. Selain itu, sungguhpun masyarakat sudah mengalami transformasi secara mendalam, namun masih wujud kesinambungan tertentu dalam kehidupan keluarga kelas menengah dengan keluarga asal mereka. Keadaan ini dimungkinkan, antara lain, kerana kebanyakan mereka merupakan kelas menengah generasi pertama. Anggota kelas menengah kini, khususnya mereka yang mendiami bandar besar dan metropolitan seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, menghadapi cabaran-cabaran berat untuk berfungsi sebagai ejen pembaharuan dan pendukung budaya ilmu, menghasilkan semula kelas mereka dan juga untuk tidak ditenggelamkan oleh budaya konsumerisme yang cuba disogokkan oleh industri barangan pengguna. Tuntutan-tuntutan yang bertentangan daripada pelbagai penjurur terhadap kelas menengah sering menimbulkan tekanan yang tidak sedikit ke atas mereka, hingga menyebabkan kehidupan moden dan metropolitan tidak semestinya dipenuhi keselesaan dan ketenangan bagi kalangan majoriti mereka.

NOTA

1. Sebahagian daripada data yang digunakan untuk analisis dalam kertas kerja ini diperolehi daripada penyelidikan saya untuk Projek M/8/95 yang dibiayai oleh dana penyelidikan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM mengenai transformasi budaya pekerja profesional Melayu yang saya lakukan pada 1996. Sebahagian data lagi diambil daripada laporan penyelidikan projek IRPA (No. kod 5-07-03-028), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai kemodenan budaya di Malaysia yang dijalankan bersama oleh Norani Othman, saya dan Rustam A. Sani pada 1995/96. Data ini diolah semula untuk memenuhi tujuan tajuk kertas kerja.
2. Pembahagian kepada 'kelas menengah lama' dan 'kelas menengah baru' ini mungkin sesuai untuk membicarakan kelas menengah di Malaysia yang memang rencam itu. Pembahagian sedemikian juga dibuat oleh sesetengah sarjana. Misalnya, Shamsul (1995) dalam perbincangannya mengenai asal usul kemunculan 'Orang Kaya Baru' sebagai sebahagian daripada kelas menengah dalam masyarakat Melayu, membezakan dua kategori kelas menengah Melayu. Pertama, 'kelas menengah lama' yang *manually-oriented* dan berpusat di luar bandar dan mula ketara sejak 1960-an, khususnya hasil daripada memperoleh kontrak rancangan pembangunan luar bandar pemerintah; dan kedua, 'kelas menengah baru' yang *non-manual* dan *mentally-oriented* terdiri daripada profesional dan birokrat.
3. Lemahnya golongan kelas menengah dan usahawan Melayu dari segi ekonomi dan kewangan sebelum pelaksanaan DEB boleh dilihat daripada contoh berikut. Pada 1964, daripada RM15.1 juta saham yang diperuntukkan oleh pemerintah kepada orang Melayu, hanya RM3.8 juta atau 25 peratus sahaja saham yang diperuntukkan kepada orang Melayu dibeli oleh mereka. Keadaan ini berlaku sekalipun kira-kira semua 50,000 orang lebih pegawai kerajaan Melayu pada masa itu digalakkan supaya membeli sehingga RM10,000 seorang saham dalam sektor syarikat tersebut (Jesudason 1989: 64-65).
4. Kerana definisi yang berbeza yang digunakan dalam Banci Penduduk 1970 dan Banci Penduduk 1991, maka usaha membandingkan peratusan pembandaran bagi kedua-dua tahun tersebut menimbulkan kesukaran. Sekiranya definisi tahun 1991 dipakai untuk 1970, peratusan penduduk bandar adalah lebih tinggi daripada 26.7 peratus bagi tahun tersebut. Walau bagaimanapun, boleh kita simpulkan bahawa kadar pembandaran yang pesat dalam 20 tahun lebih ini telah meningkatkan jumlah penduduk bandar dengan sangat ketara.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong 1995a. Malaysian Middle Classes: Some Preliminary Observations, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 22: 31-54.
- 1995b. 'A Critical Review of Studies of Malaysian Middle Classes', kertas kerja yang dibentangkan di International Workshop on Social Transformation and the Rise of the Middle Classes in Southeast Asia, anjuran Program for Southeast Asian Area Studies, Academia Sinica, Taipei, Taiwan, 29-20 Jun 1995.
- 1996a. 'Social Transformation, the State and the Middle Classes in Post-Independence Malaysia', *Southeast Asian Studies*, 34 (3), December.
- 1996b. 'Tradisi Intelektual dan Kebangkitan Semula Asia', kertas kerja di Persidangan Universiti dan Tradisi Intelektual anjuran bersama Institut Kajian Dasar (IKD) dan Pergerakan Akademik Malaysia (GERAK) di Petaling Jaya pada 24-25 September 1996.
- Adam, Christopher & William Cavendish 1995. 'Background' dlm. Jomo K.S. (ed.). *Privatizing Malaysia: Rents, Rhetoric, Realities*, Boulder & San Francisco: Westview Press.
- Crouch, Harold 1993. 'Malaysia: Neither Authoritarian nor Democratic' dalam Kevin Hewison, R. Robinson & G. Rodan (ed.) *Southeast Asia in the 1990s: Authoritarianism, Democracy and Capitalism*, Sydney: Allen & Unwin.
- Fatimah Abdullah 1994. Urbanisasi dan Kekeluargaan: Satu Kajian Kes Kelas Menengah Melayu Kuala Lumpur (Tesis yang dikemukakan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya untuk mendapat Ijazah Doktor Falsafah), Kuala Lumpur.
- Giddens, Anthony 1980. *The Class Structure of the Advanced Societies*, London: Hutchinson.
- Jesudason, James V. 1989. *Ethnicity and the Economy: The State, Chinese Business, and Multinationals in Malaysia*, Singapore: Oxford University Press.
- Jomo, K.S. 1988. *A Question of Class: Capital, the State, and Uneven Development in Malaya*, New York: Monthly Review Press.
- 1994. 'Reflections on the East Asian and Malaysian 'Middle Classes': Some Preliminary Analytical Considerations', kertas kerja untuk International Conference on East Asian Middle and National Development in Comparative Perspective, anjuran Institute of Ethnology, Academia Sinica, Taipei, Taiwan, 19-21 December.
- Kahn, Joel 1991. 'Constructing Culture: Towards an Anthropology of the Middle Classes in Southeast Asia', *Asian Studies Review*, 15 (2), November: 50-57.
- 1992. 'Class, Ethnicity and Diversity: Some Remarks on Malay Culture in Malaysia' dalam J.S. Kahn & Francis Loh Kok Wah (ed.). *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, Sydney: Allen & Unwin.
- 1996a. 'Growth, Economic Transformation, Culture and the Middle Classes in Malaysia', dalam Richard Robison & D.S.G. Goodman (ed.). *The New Rich in Asia: Mobile Phones, McDonalds and the Middle-Class Revolution*, London & New York: Routledge.

- 1996b. 'The Middle Class as a Field of Ethnological Study', dlm. Ikmal Said & Zahid Emby (ed.). *Critical Perspectives: Essays in Honour of Syed Husin Ali*, Kuala Lumpur: Malaysian Social Science Association.
- Khasnor Johan 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, Singapore: Oxford University Press.
- Malaysia 1971. *Rancangan Malaysia Kedua 1971-75*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- 1995. *Laporan Banci Penduduk 1991*, Jilid I, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- 1996. *Seventh Malaysia Plan 1996-2000*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Norani Othman et al. 1996. 'Pembangunan Sosial dan Pembentukan Budaya Kemodenan di Kalangan Golongan Kelas Menengah Moden Malaysia (Laporan akhir Projek IRPA No. Kod 5-07-03-028)', Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM.
- Nordin Selat 1976. *Kelas Menengah Pentadbir Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu (M) Bhd.
- Robison, Richard & D.S.G. Goodman (ed.) 1996. *The New Rich in Asia: Mobile Phones, McDonalds and the Middle-Class Revolution*, London & New York: Routledge.
- Rugayah Mohamed 1995. 'Public Enterprises' dlm. Jomo K.S. (ed.), *Privatizing Malaysia: Rents, Rhetoric, Realities*, Boulder & San Francisco: Westview Press.
- Saravanamuttu, Johan 1989. 'Kelas Menengah dalam Politik Malaysia: Tonjolan Perkauman atau Kepentingan Kelas?', *Kajian Malaysia*, VII (1 & 2): 106-126.
- Scott, James C. 1968. *Political Ideology in Malaysia; Reality and the Beliefs of an Elite*, New Haven & London: Yale University Press.
- Shamsul A.B. 1995. 'Orang Kaya Baru: Origin, Construction and Predicament of Malay Nouveaux Riche', kertas kerja untuk 'Workshop on Cultural Construction of Asia's New Rich', anjuran Asia Research Centre, Murdoch University, Australia, 8-10 July.
- Syed Husin Ali (ed.) 1984. *Kelas, Kaum dan Pembangunan: Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Syed Hussein Alatas 1992. *Intelektual Masyarakat Membangun* (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.